

Menjejak Perjalanan RASUL PAULUS

Menyelusuri Sejarah Perjalanan Rasul untuk lebih memahami beliau serta misinya



Ditulis oleh:
Peter C. T. Lim

Disokong oleh:
 Scripture Union 读经会
SEMENJUNG MALAYSIA

Editor Perunding:
Rev Dr. Lim Kar Yong



Menjejak Perjalanan RASUL PAULUS

Menyelusuri sejarah perjalanan rasul untuk lebih
memahami beliau serta misinya

Diterbitkan Oleh: Pristine World Sdn Bhd
Laman Sesawang: www.pristine-world.com
Emel untuk pertanyaan: pristineworld@gmail.com

Ditulis oleh:
Peter C. T. Lim

Disokong oleh:



Editor Perunding:
Rev Dr. Lim Kar Yong



Hak Cipta

Diterbitkan kali pertama di Malaysia pada tahun 2025 oleh Pristine World Sdn Bhd

Copyright © 2025 Pristine World Sdn Bhd, Malaysia.

Hak cipta terpelihara.

Petikan Alkitab diambil daripada ALKITAB VERSI BORNEO

COPYRIGHT©2016 BORNEO SABDA LIMITED

Tidak dibenarkan memetik atau mengeluarkan ulang Alkitab © Borneo Sabda limited dan isi kandungan dalam cara apa pun dan untuk tujuan apa pun, tanpa kebenaran daripada pemegang hak milik Edisi Alkitab ini, iaitu Borneo Sabda Limited.

Untuk tujuan bukan komersil dan pemetikan tidak melebihi 1000 (seribu) ayat atau satu kitab, maka kebenaran tidak diperlukan, namun pada akhir petikan harus dicantumkan kata-kata: 'Dipetik daripada Alkitab © Borneo Sabda Limited'

Hak Cipta Free Bible Images

Gambar ilustrasi Paulus di Efesus, Paulus dan Barnabas di Turki, Paulus di Yerusalem dan Kapal Terkandas Paulus yang diambil dari laman sesawang Free Bible Images merupakan hak cipta John Paul Stanley yang tersedia di bawah lesen antarabangsa Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0.

Semua gambar ilustrasi Paulus lain yang diambil dari Free Bible Images merupakan hak cipta Sweet Publishing dan mendapat keizinan dari Free Bible Images untuk dimuat turun secara percuma di bawah terma Creative Commons Attribution Share-alike 3.0 unported license.

Isi kandungan

<i>Kata Pengantar dan Pengakuan</i>	4
<i>Prakata</i>	6
<i>Penghargaan</i>	7
<i>Pengenalan</i>	8

Seksyen 1: Anak Muda bernama Saul: Orang Farisi dan Penganiaya 10

1. Sejarah Latar Belakang Paulus	12
2. Anak muda bernama Saul dari Tarsus	26
3. Diari seorang Penganiaya dan Titik Perubahan	39

Seksyen 2: Dari Saul kepada Paulus – Pemurtad kepada Rasul 56

4. Panggilan dari Gereja Antiokhia	58
5. Perjalanan Misi Pertama-Siprus dan Galatia	75
6. Konfrontasi di Antiokhia dan Persidangan di Yerusalem	93

Seksyen 3: Paulus: Duta Kristus hingga ke hujung Bumi 102

7. Perjalanan Misi Kedua – Siria, Galatia dan ke Eropah	104
8. Perjalanan Misi Ketiga – Efesus dan Makedonia	129
9. Dari Yerusalem ke Roma – Perbicaraan dan Kapal Terkandas	147
10. Epilog dan Legasi Rasul Paulus	164

Seksyen 4: Lampiran 172

Lampiran 1 – Penerangan singkat tentang para sahabat, rakan sekerja dan murid-murid Paulus	173
Lampiran 2 – Kota-kota yang pernah dilawat oleh Paulus dan keadaannya pada masa kini	178
Lampiran 3 – Ringkasan dari surat-surat Paulus dalam Perjanjian Baru	182
Bibliografi	183

Kata Pengantar

Buku “Menjejak Perjalanan Rasul Paulus” ini ditulis dengan jelas dan deskriptif sehingga ia menghidupkan semula kisah hidup pada zaman Rasul Paulus, Sang Ahli Teologi Gereja. Elemen seni yang disertai dengan penceritaan yang mudah difahami meletakkan buku ini pada statusnya yang tersendiri. Saya ingin mengesyorkan eBook ini untuk peneguhan bagi semua orang yang belajar Alkitab.



Rev. Mathew K Punnoose
Setiausaha Umum, The Bible Society of Malaysia

Kata Pengantar Penulis

Buku Menjejak Perjalanan Rasul Paulus merupakan buku yang menceritakan tentang kisah hidup Paulus ketika masih muda, pendidikan, hidup sebagai seorang penganiaya, pertemuan dramatik dengan Tuhan Yesus dalam perjalanan ke Damsyik dan kehidupannya selepas itu. Kami menyusun penceritaan banyak elemen dalam hidup Paulus secara kronologi: apakah latar belakang keluarga serta pendidikannya, siapakah yang menjadi pengaruh di awal kehidupan Paulus, apa yang terjadi setelah dia berubah, penolakan serta perdamaian dengan rasul lain, kaedah yang dipakainya, rakan seperjuangan dalam misi dan murid-murid serta surat-suratnya.

Cerita ini disampaikan dalam beberapa peringkat. Oleh itu, kami telah membahagikannya kepada banyak bab dan beberapa seksyen dalam setiap bab. Kami percaya bahawa dengan memahami Paulus dan sisi kehidupannya yang lain, kita akan lebih memahami Perjanjian Baru dan juga akan melihat pekerjaan Tuhan dalam proses pertumbuhan gereja awal.

Luangkan masa menekan hiperpautan untuk bersama-sama dalam penjelajahan alam maya dan melihat tempat dan sejarah gereja awal dengan watak fiksiyen kita, Roy dan Jessica. Kami berharap anda seronok dengan penjelajahan dan mendapat lebih banyak pandangan tentang kisah Paulus dan gereja awal.

Peter C. T. Lim

Pengakuan

Penulis ingin berterima kasih kepada Bishop D Steven Abbarow untuk dorongan beliau dalam siri Penerokaan Alkitab. Ucapan terima kasih juga kepada Dr. Lim Kar Yong kerana meninjau semula isi kandungan penulisan dan mengizinkan untuk mengguna pakai banyak foto-foto miliknya. Antara individu lain yang turut menyumbang kepada persiapan buku ini ialah C S Chai, Brian Spoelman, Bishop Ng Moon Hing, Rev Mathew Punnoose, Koh Earn Soo dari Scripture Union dan Andrew Thong yang memberi dorongan sehingga terhasilnya siri e-buku ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Cik Eva Hew dan Joseph W S Lim untuk membaca prof teks ini.

Prakata

Saya amat bersukacita melihat satu lagi E-buku telah diterbitkan oleh Pristine World yang bertajuk Menjejak Perjalanan Rasul Paulus.

E-buku pertama mereka iaitu Meneroka Alkitab telah menarik perhatian saya dan saya melihat berkat serta potensi yang besar. Kami telah menggunakannya dalam Bidang Pendidikan di Seminari Theoloji Malaysia (STM) sebagai sebahagian dari eksperimen dan ia mencapai satu kejayaan besar. Pengguna-pengguna STM sangat kagum sehingga mereka bersepakat lalu menggunakan versi Bahasa Malaysia buku tersebut.

E-buku Menjejak Perjalanan Rasul Paulus ini menghidupkan semula penceritaan saksi tentang kehidupan Paulus. Ia memberikan maklumat latar belakang sejarah dan budaya untuk membantu pembaca supaya lebih menghargai kesan sejarah peristiwa-peristiwa yang diceritakan dalam kitab Kisah Para Rasul serta lebih memahami bagaimana jemaah awal bertumbuh. Ia membantu kita memahami bagaimana Tuhan menggunakan seorang manusia yang dahulunya menentang keras Injil tetapi Dia mengubahnya menjadi rasul yang agung dan duta kepada Kerajaan-Nya.

E-buku ini menggunakan beberapa platform yang menarik untuk membantu pembaca melihat gambaran penceritaan Alkitab secara meluas. Salah satu contoh ialah beberapa video terpilih untuk menunjukkan kota-kota di mana Paulus pernah berkhotbah dan keadaannya pada hari ini. Ia membantu para pembaca untuk menghargai legasi serta pengaruh hidup dan juga surat-surat Paulus.

Buku ini menjadi sumber yang baik untuk pelajar-pelajar Perjanjian Baru kerana ia mengandungi ringkasan-ringkasan tentang banyak kota utama yang pernah dilawat oleh Paulus, disertai dengan peta-peta dan sejarahnya. Ia juga menyenaraikan rakan-rakan seperjuangan dan murid-murid Paulus serta senarai surat-surat yang ditulis oleh Paulus, dari mana dan bila ia ditulis dan siapa penerimanya.

Saya dengan sepenuh hati mengesyorkan e-buku Menjejak Perjalanan Rasul Paulus yang akan membantu pembaca lebih menghargai Alkitab.

Nisi Dominus Frustra.



**Veni Sancte Spiritus,
Rt. Rev Dr D Steven Abbarow
Bishop Kawasan Semenanjung Malaysia.**

Penghargaan

Penulis: Peter Lim Cheong Thye

(B. Ec, Comp Sc; Dip O.R., Monash; MBA, AGSM- NSW, Sydney)

Peter C. T. Lim merupakan penulis dan penerbit Siri Penjelajahan Alkitab Visual Pristine World. Beliau juga merupakan Penyunting Umum dan penerbit buku-buku Siri Sejarah Gereja Keluarga. Beliau banyak menjelajah di negara-negara dalam Alkitab dan juga merupakan seorang peminat sejarah. Sebelum menjadi penerbit, beliau bekerja dalam industry I.T selama 20 tahun. Beliau merupakan jemaat Damansara Utama Methodist Church.



Penyunting Kandungan: Rev. Dr. Lim Kar Yong

B. Surveying (Property Management), UTM; B.A. (Bible/Theology), ICI; M.A (NT), Gordon-Conwell; Ph.D (NT), Wales.

Rev Dr Lim Kar Yong mempunyai minat yang mendalam terhadap semua hal yang berkaitan dengan Perjanjian Baru – Bahasa Yunani, manuskrip, arkeologi, persekitaran sosio-ekonomi dan sejarah pada zaman Perjanjian Baru. Beliau mengajar di Seminari Theoloji Malaysia dan juga melayani di gereja Anglikan sebagai seorang paderi.



Artist: Yap E-Lene

Cik Yap E-Lene merupakan seorang pelukis bebas.

Reka Letak Grafik: Kee Hup Thong

Kee Hup Thong merupakan seorang pereka grafik dan pembuat ilustrasi yang profesional. Beliau bekerja dengan Pristine World Sdn Bhd. Pada tahun 2002 beliau menamatkan pengajian dalam Dip. Multimedia Design dari Lim Kok Wing

Diterbitkan oleh Pristine World Sdn Bhd

Untuk pertanyaan lanjut: pristineworld@gmail.com

Website: www.pristine-world.com

PENGENALAN

Rasul Paulus merupakan satu peribadi dalam Alkitab yang sukar difahami. Dari sudut pandang biografi, dia terkenal sebagai seorang yang penuh kontroversi, tetapi mempunyai minda yang sangat fokus untuk membawa Injil Yesus Kristus sehingga ke kawasan paling jauh di Empayar Roma.

Beliau tidak disebut di dalam Injil dan besar kemungkinan tidak pernah bersemuka dengan Yesus ketika Kristus berada di bumi. Akan tetapi, dia dipanggil secara peribadi oleh Kristus yang telah bangkit dan diangkat ke syurga untuk menderita dan membawa Injil kepada golongan yang paling rendah sehinggalah mereka yang berkedudukan paling tinggi.



Sertailah Roy dan Jessica dalam pengembaraan untuk mencari jejak rasul Paulus. Kita akan menyelusuri jalan hidup serta perjalanannya di sekitar kota-kota di Asia dan Eropah untuk memberitakan injil serta membangun jemaah baru.

*Rasul Paulus. Lukisan oleh: El Greco s.1610
Sumber: Domain Awam melalui Wikimedia Commons*

1. Mengapakah kita perlu mempelajari kehidupan Paulus?

Paulus yang diilhamkan oleh Roh Kudus telah membawa Injil kepada lebih banyak negara, memulakan banyak gereja serta menulis lebih banyak buku berbanding penulis lain dalam Perjanjian Baru. Kita akan lebih memahami surat-surat yang ditulisnya jika kita memahami peribadi Paulus.

2. Mengapakah kita perlu mengkaji dunia Paulus?

Seperti yang kita sedia maklum, diri kita dicorakkan dan dibentuk oleh latar belakang, keluarga, rakan-rakan, serta persekitaran di sekeliling kita. Untuk lebih memahami Paulus, perkerjaan, kaedah serta surat-suratnya, kita juga mesti mengetahui dunianya.

3. *Apakah kepentingannya bagi kita?*

Sama seperti peribadi-peribadi lain dalam Alkitab, jika kita memahami isu-isu yang mereka hadapi dan bagaimana respons mereka terhadap isu tersebut, atau bagaimana Tuhan memimpin mereka dalam menghadapi isu itu barulah kita boleh menerapkan pelajaran yang kita dapat sesuai dengan keadaan semasa dan situasi setiap individu. Seperti yang tercatat dalam Firman Tuhan, ^{Roma 15:4} **“Segala yang tersurat pada masa dahulu adalah untuk menjadi pengajaran kepada kita, supaya melalui kesabaran dan penghiburan daripada Kitab Suci itu kita mendapat harapan.**

4. *Apakah skop serta objektif e-buku ini?*

Dalam e-buku ini, kita akan meneroka hidup Rasul Paulus serta keadaan pada zaman tersebut dengan menggunakan maklumat dari kitab Kisah Para Rasul serta surat-surat yang ditulisnya. Kita juga akan melihat latar belakang budaya dan sejarah tempat-tempat yang dilawat atau didiami oleh Paulus dalam perjalanannya untuk lebih memahami bagaimana ia membentuk pemikiran dan kaedah dalam penyebaran Injil hingga ke hujung bumi. Kita akan menyelusuri peristiwa-peristiwa yang menyebabkan Paulus menulis surat-suratnya; apakah yang mendorong atau memprovokasi beliau untuk menulis surat-surat tersebut. Melalui penelitian peristiwa-peristiwa ini, ia akan meningkatkan kefahaman kita terhadap surat tersebut dan membantu keupayaan kita untuk mentafsir dan menerapkan pelajaran kepada situasi moden. Kita juga akan mengkaji legasi Paulus serta Injil yang telah disembarkannya, supaya kita lebih menghargai impak Perjanjian Baru kepada dunia kita pada hari ini.

5. *Bagaimana menggunakan e-buku ini?*

Buku ini menyediakan banyak hiperpautan ke laman sesawang. Baca buku ini sama ada melalui telefon mudah alih atau komputer riba dan tekan hiperpautan untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang sesuatu peristiwa bersejarah atau sejarah sesebuah kota. Hiperpautan akan membawa anda kepada laman sesawang yang memberikan lebih banyak maklumat atau kepada Youtube untuk video singkat. Bagi hiperpautan Google Earth, anda boleh menekannya untuk melihat pemandangan dari atas kawasan yang berkenaan. Anda juga boleh mengemudi Google Earth untuk melihat pemandangan 3-D atau melihat pemandangan paras tanah bagi lokasi yang dipilih dengan maklumat latar belakang bagi beberapa tempat. Terdapat hiperpautan untuk drama muzikal *The Apostle*. Ini merupakan drama muzikal dari tahun 1970-an yang sangat disyorkan di mana ia melakonkan kisah Paulus. Anda juga perlu ada Alkitab supaya anda boleh membaca ayat-ayat yang dijadikan sebagai rujukan dalam cerita.

Kami berharap anda seronok dan diberkati dengan kandungan e-buku ini.

Seksyen 1

**ANAK MUDA BERNAMA
SAUL: ORANG FARISI
DAN PENGANIAYA**

Seksyen 1

Seksyen 1: Anak Muda Bernama Saul: Orang Farisi dan Penganiaya

Bab 1: Latar Belakang Sejarah Dunia Paulus

Garis Masa Rasul Paulus

- 1.1 Apakah peristiwa yang berlaku pada dunia dalam tempoh ini?
- 1.2 Empayar Roma pada masa Kristus dan para Rasul
- 1.3 Yudea di bawah pemerintahan Roma
- 1.4 Kelompok masyarakat pada masa Kristus dan para Rasul
- 1.5 Ringkasan tentang bagaimana latar belakang memberi impak kepada cerita

Bab 2: Anak Muda Saul dari Tarsus

- 2.1 Kelahiran dan asal usul Paulus
- 2.2 Keluarga Paulus yang kaya
- 2.3 Pendidikan awal Paulus
- 2.4 Paulus si orang Farisi
- 2.5 Empat kelompok terbesar dalam agama Yahudi pada masa itu
- 2.6 Secara ringkas, apakah yang kita pelajari dari kehidupan awal Paulus?
- 2.7 Perkara-perkara untuk Dibincangkan

Bab 3: Diari seorang Penganiaya dan Titik Perubahan

- 3.1 Saul, Si Penganiaya
- 3.2 Mencari dan Menangkap
- 3.3 Perjalanan ke Damsyik
- 3.4 Paulus dan Ananias
- 3.5 Tahun yang tenang Bahagian 1
- 3.6 Kembali ke Damsyik
- 3.7 Bertolak ke Yerusalem untuk bertemu dengan para Rasul
- 3.8 Barnabas membawa Paulus untuk bertemu dengan para Rasul
- 3.9 Barnabas meyakinkan Petrus untuk berjumpa dengan Paulus
- 3.10 Barnabas membawa Paulus untuk berjumpa dengan Petrus dan Yakobus
- 3.11 Paulus di Yerusalem
- 3.12 Tahun yang tenang Bahagian 2
- 3.13 Pelayanan Paulus di Kilikia
- 3.14 Petrus menyaksikan orang bukan Yahudi menerima kurnia Roh Kudus
- 3.15 Perkara-perkara untuk dibincangkan


Bab 1

Latar Belakang Sejarah Dunia Paulus

Garis Masa Rasul Paulus

Paulus mungkin dilahirkan sekitar tahun yang sama dengan Yesus, dengan jarak lebih kurang beberapa tahun. Ramai ahli sarjana meletakkan tahun kelahiran Paulus pada sekitar tahun 1 TM sehingga 5 TM. Beliau dilahirkan di Tarsus, sebuah kota di Roma dan diberi nama Yahudi iaitu Saul. Sebagai seorang warga Roma, dia mungkin sudah diberi nama Paulus sejak kecil tetapi tidak menggunakannya sehinggalah ketika dia melayani di Siprus dalam perjalanan misinya yang pertama.

Carta di bawah, Gambarajah 1.1, memaparkan garis masa kehidupan Paulus.




1.1 Apakah peristiwa yang berlaku pada dunia dalam tempoh ini?

1.1.1 Yudea ditakluk oleh beberapa empayar yang berbeza

Pada awal abad ke-6 SM, Yudea ditakluk oleh Empayar Babilonia. Ramai orang Yahudi dibuang negeri dan terpaksa menetap di beberapa lokasi sekitar empayar itu.



The Babylonian Deportation oleh Eduard Bendemann. s.1832 – Domain Awam



Sumber: Buku *Life of the Apostle Paul* ms. 10



By the Rivers of Babylon oleh Gebhard Fugel s.1920 – Domain Awam

1.1.2 Kores, orang Parsi membebaskan orang terbuang

Pada lewat abad ke-6 SM, Babel tewas di tangan orang Parsi. Kores I iaitu Raja Parsi memutuskan untuk mengizinkan orang-orang terbuang dari negara-negara taklukannya untuk kembali dan membina semula tempat ibadah mereka. Walau bagaimanapun, tidak semua orang Yahudi kembali ke tanah asal mereka. Sejumlah dari mereka berasa selesa hidup di tempat baru iaitu negara tempat mereka dibuang dan memilih untuk kekal di situ.

1.1.3 Legasi Yunani

Pada abad ke-4 SM, seorang raja Makedonia yang bernama Alexander Agung berjaya menumpaskan askar Parsi di bawah pimpinan Raja Darius III lalu membangun Empayar Yunani yang merangkumi Yudea. Legasi Yunani ialah Bahasa Yunani yang dijadikan sebagai bahasa pertuturan di seluruh empayar tersebut. Budaya, agama serta tradisi mereka diterima dengan baik dan orang Yahudi diaspora yang menetap di luar Yudea semakin mahir bertutur dalam bahasa Yunani berbanding bahasa Yahudi. Mereka digelar sebagai Yahudi Hellenistik (Yahudi peranakan Yunani) di dalam Alkitab.

Alexander menewaskan Darius, Raja Parsi dalam Pertempuran Issos s.310 SM. Sumber: Domain Awam melalui Wikimedia Commons




1.1.4 Kemerdekaan yang Singkat Dibawah Pimpinan Makabe

Pada tahun 148 SM, orang Yahudi di bawah pimpinan Makabe memberontak atas pemerintah Yunani dan berjaya menubuhkan pemerintahan tersendiri di bawah perlindungan Roma. Pada waktu ini Empayar Roma telah menggantikan Yunani. Selama lebih kurang 80 tahun lamanya orang Yahudi mempunyai autonomi semasa dinasti Hasmonayim. Walaupun sudah lama orang Yahudi diperintah oleh Roma, mereka masih mendapat inspirasi dari Makabe dan percaya bahawa seorang Mesias akan diutus ke bumi untuk membebaskan mereka, sama seperti yang dilakukan oleh Makabe lebih seabad yang lalu.

1.1.5 Orang Romawi

Walau bagaimanapun, apabila berlakunya perang saudara dalam dinasti Yahudi, orang Romawi mengambil kesempatan ke atas situasi tersebut dan mengambil alih Yudea serta kawasan sekeliling secara paksaan pada tahun 63 SM.



Matthias (first of the Maccabees) and the Apostate
Illustrasi oleh: Gustave Dore
s.1866 dalam Alkitab Inggeris
Dore. Sumber: Domain Awam
melalui Wikimedia Commons

Sejak dari itu, orang Romawi berkuasa ke atas Yudea selama enam ratus tahun berikutnya.



Pakaian orang Romawi pada masa tersebut.
Oleh: Albert Kretschmer s.1882.
Sumber: Domain Awam melalui Wikimedia
Commons

1.2 Empayar Roma pada masa Kristus dan para Rasul

Pada abad TM yang pertama, tanah Israel dikuasai oleh orang Roma. Lebih kurang seratus tahun sehingga 27 SM, Roma mengalami tempoh yang sukar disebabkan oleh perang saudara. Pertama sekali, terjadinya pemberontakan berdarah yang dipimpin oleh Spartacus pada tahun 73 SM. Setelah pemberontakan ini dipatahkan, persaingan sengit antara dua jeneral yang hebat iaitu Julius Caesar dan Magnus Pompey berlaku dan berakhir dengan kekalahan Pompey pada tahun 48 SM. Ini menjadikan Julius Caesar sebagai seorang individu yang paling berkuasa dalam empayar tersebut. Caesar kemudian mengisytiharkan dirinya sendiri sebagai diktator empayar tersebut. Hal ini menyebabkan rasa tidak puas hati dalam kalangan Senat sehingga satu kumpulan yang diketuai oleh Brutus dan Cassius membunuh Caesar pada tahun 44 SM.

1.2.1 Pembunuhan Julius Caesar



Pembunuhan Julius Caesar. Dilukis oleh: William Holmes Sullivan s.1888.

Sumber: Domain Awam melalui Wikimedia Commons

1.2.2 Mark Anthony

Mark Anthony, askar Caesar yang paling dipercayainya mengambil alih pemerintahan di Roma. Akan tetapi, surat wasiat Caesar telah menyatakan bahawa Octavian, iaitu cucu saudara Caesar sebagai pewarisnya. Anthony dan Octavian menjadi sekutu yang saling tidak mempercayai dan menumpaskan percubaan membunuh Caesar di dataran Filipi pada tahun 42 SM. Filipi yang sama di mana Paulus akan menemui Lidia, si pembuat kain ungu, iaitu orang Eropah pertama (bagi Paulus) yang percaya kepada Yesus.

1.2.3 Persaingan antara Mark Anthony dan Octavian

Setelah Pertempuran Filipi, persaingan terjadi antara Octavian dan Mark Anthony. Mark jatuh hati terhadap Cleopatra dari Mesir dan bersekutu dengannya. Kemuncak persaingan ini terjadi

semasa Pertempuran Actium yang berlaku di laut pada tahun 31 SM. Tentera Mark Anthony dan Cleopatra dikalahkan oleh tentera Octavian. Anthony dan Cleopatra melarikan diri ke Mesir di mana kedua-dua mereka membunuh diri. Anthony melakukannya dengan cara menjatuhkan diri ke atas pedang manakala Cleopatra dengan bisa ular.

Pertempuran Actium



Pertempuran Actium, 2 September 31 SM. Lukisan oleh Laureys A. Castro 1672

1.2.4 Octavian menjadi Kaisar Agustus

Pada tahun 27 SM, Octavian yang mengambil gelaran Kaisar Agustus menjadi maharaja Empayar Roma yang pertama.

Agustus merupakan seorang pemerintah yang sangat berkebolehan dan bermula dari tahun 27 SM empayar tersebut menikmati keadaan yang aman. Keamanan yang dipanggil sebagai **Pax Romana** ini, atau secara literalnya 'Keamanan Roma' membawa kemakmuran ekonomi yang membuatkan jalan raya dalam empayar lebih selamat dilalui bebanding masa sebelumnya.

Walaupun Latin adalah bahasa rasminya, bahasa Yunani lebih banyak digunakan dalam pertuturan di seluruh empayar. Ini memudahkan para rasul dan orang-orang Kristian untuk berjalan memberitakan injil pada abad pertama dan kedua TM. Para sarjana Alkitab mengakui bahawa Pax Romana serta bahasa Yunani mempunyai peranan penting dalam membantu penyebaran Injil.

1.3 Yudea di bawah Pemerintahan Roma


Pada mulanya Roma melantik Antipater dari Idumean untuk menjadi Pegawai Wakil Yudea. Setelah Antipater meninggal dunia, anak lelakinya mengambil alih tugas tersebut dan menjadi Raja Herodes I. Dia diberikan gelaran sebagai Raja Orang Yahudi dan memerintah sehingga kematiannya pada tahun 4 SM.

Setelah beliau mangkat, kerajaan Yudea dibahagikan kepada lima kawasan. Empat daripada kawasan tersebut diberikan kepada putera-puteranya tetapi mereka tidak digelar sebagai Raja sebaliknya digelar sebagai Tetrarka, gelaran yang lebih rendah pangkatnya dari seorang raja. Yudea diperintah oleh seorang Pengawas Roma yang akan memberikan laporan kepada seorang pegawai yang lebih senior iaitu seorang gabenor di Syria.

Tugas utama seorang gabenor Roma ialah untuk memastikan keadaan terkawal menurut undang-undang Roma serta memungut cukai. Seorang Pengawas ialah seperti pegawai awam senior yang berkuasa dalam hal ketenteraan serta hal sivil ke atas sesebuah kawasan dan memberi laporan kepada gabenor.



Raja Herodes I s. 1902. Sumber: Wikimedia Commons



Selepas kematian Herodes I kerajaannya dibahagikan kepada 5 Tetrarki yang diwujudkan oleh Agustus 4 SM – 6 TM. Domain Awam melalui CC oleh SA 4.0



*Tentera Romawi di Yerusalem s.
Abad 1 TM
Sumber: Muzium Pristine World*

Carta berikut menunjukkan senarai pemerintah Roma di Yudea pada zaman Yesus serta para rasul.

• 26 - 36 TM	Pontius Pilatus
• 36 - 37 TM	Marcellus
• 38 - 41 TM	Marullus
• 41 - 44 TM	Herodes Agripa I ⁽¹⁾
• 44 - 46 TM	Capus Fadus
• 46 - 48 TM	Tiberius Alexander
• 48 - 52 TM	Ventidus Cumanus
• 52 - 59 TM	Feliks
• 59 - 61 TM	Festus

1.4 Kelompok masyarakat pada masa Kristus dan para rasul

Untuk lebih memahami konteks budaya pada masa tertentu, kita juga harus melihat kepada kelompok masyarakat yang tinggal dalam sesebuah kawasan geo-politik pada masa tersebut. Banyak buku-buku yang telah ditulis untuk menggambarkan kelompok masyarakat ini.

1.4.1 Orang Yahudi

Orang Yahudi yang digambarkan disini ialah orang-orang Yahudi yang berada di Yudea, Samaria dan Galilea dan menganut agama Yahudi. Kebanyakan daripada mereka menetap di Yudea dan Galilea. Orang-orang Samaria tidak dianggap sebagai Yahudi yang asli.

(1) Herodes Agripa I merupakan cucu kepada Herodes I. Beliau bukan orang Roma tetapi memerintah sebagai raja mewakili Roma.

Orang-orang Yahudi ini menganggap diri mereka sebagai penjaga Taurat Musa serta perintah turun-temurun mereka sebagai umat yang dipilih Tuhan. Mereka mempunyai cara pemakanan serta peraturan Sabat yang diamalkan secara ketat disamping peraturan-peraturan yang lain.

Bagi kebanyakan orang Yahudi, salah satu kebimbangan yang harus dihadapi oleh mereka ialah bagaimana untuk menyara hidup dan pada masa yang sama terpaksa membayar cukai kepada pihak berkuasa Roma, pemerintah setempat iaitu Herodes dan juga cukai Bait Suci.

Orang-orang Yahudi yang tinggal di Yudea ini sangat bangga menjadi penjaga taurat Musa. Pada tahun 27 SM, Raja Herodes ... mula membina Bait Suci Yerusalem yang enam kali lebih besar daripada Bait Suci yang dibina oleh Salomo. Proses pembinaan bangunan tersebut memakan masa selama 46 tahun. Apabila Yesus berjalan di kaki lima Bait Suci, mereka masih melakukan kerja-kerja akhir untuk menyiapkannya.

Perspektif Sejarah

Orang Yahudi Yudea. Mereka merupakan keturunan dari orang-orang terbuang yang telah kembali dari kawasan Empayar Babilonia setelah dibebaskan oleh Raja Kores, raja orang Parsi pada tahun 536 SM. Kebanyakan daripada mereka hanya bertutur dalam bahasa Aram. Hanya segelintir yang boleh berbahasa Ibrani untuk tujuan keagamaan. Ramai antara mereka yang benar-benar serius dalam iman mereka, bukan seperti para nenek-moyang sebelum pembuangan yang telah berpaling dari menyembah Yahweh secara eksklusif.



Temple of Herod. Oleh: James Tissot s. 1886. Sumber: Domain Awam melalui Wikimedia Commons. Nota: Sedang dipamerkan dalam Muzium Brooklyn, New York.

1.4.2 Yahudi Helenistik dan Diaspora

Bilangan orang Yahudi yang menetap di Empayar Roma pada abad pertama dianggarkan berjumlah 3 hingga 8 juta. Sekurang-kurangnya dua per tiga daripada mereka tinggal di luar Palestin. Orang-orang Yahudi ini bertutur dalam bahasa Yunani dan mendapat pendidikan sekular (juga dikenali sebagai sekolah Helenistik) di negara tempat mereka bermastautin. Mereka masih menganut agama Yahudi tetapi kebanyakan daripada mereka tidak boleh bertutur dalam bahasa Ibrani. Pada sekitar 200 SM, Kitab Suci Ibrani diterjemahkan ke bahasa Yunani oleh sekumpulan sarjana seramai 72 orang. Ia dikenali sebagai Septuagint.

Yahudi Helenistik (orang Yahudi berketurunan Yunani) memainkan peranan yang penting dalam kehidupan Bait Suci Yerusalem. Orang-orang Yahudi diwajibkan datang ke Yerusalem sebanyak tiga kali setahun untuk mempersembahkan korban. Mereka boleh membina saumaah (sinagog) di negara masing-masing sekiranya terdapat ramai orang Yahudi di kawasan tersebut, tetapi mereka hanya boleh mempersembahkan korban di Bait Suci Yerusalem sahaja.

Perspektif Sejarah

Yahudi Helenistik merupakan Yahudi majoriti yang memberikan persembahan di Bait Suci pada perayaan-perayaan ini dan mereka juga menjadi penyumbang dana terbesar. Kebanyakan daripada mereka hidup lebih senang berbanding dengan orang Yahudi dari Yudea kerana mereka datang dari bandar-bandar Yunani iaitu tempat yang mempunyai lebih banyak aktiviti perniagaan dan perdagangan berlaku.

1.4.3 Orang Samaria

Samaria merangkumi sebahagian kawasan Israel di utara Yudea dan selatan Galilea. Mereka mempunyai nenek-moyang asal yang bercampur-campur. Kebanyakan orang yang berasal dari utara Israel telah diusir keluar pada tahun 722 SM oleh penakluk-penakluk Asyur lalu digantikan dengan orang-orang pagan dari negara-negara lain. Walaupun orang Samaria cuba untuk mengikut perintah dalam lima buku pertama Alkitab, agama yang dianuti mereka merupakan campuran dari beberapa kepercayaan agama. Apabila orang Yahudi membina semula Bait Suci di Yerusalem, orang Samaria menentang hal itu lalu membina bait suci mereka sendiri di Gunung

Gerizim. Selama beberapa abad selepas orang buangan Yahudi kembali, ketegangan berlaku antara orang Yahudi dan orang Samaria.



Orang Samaria menziarahi Gunung Gerizim, West Bank untuk perayaan Paskah. Gambar oleh: Edward Kaprov 18 April 2006. Sumber: Domain Awan melalui Wikimedia Commons.

1.4.4 Penganut Baru (proselytes)

Penganut baru (proselytes) merupakan orang bukan Yahudi yang menganut agama Yahudi. Mereka telah disunat dan mematuhi semua syarat-syarat yang diwajibkan oleh Hukum Musa untuk diterima dalam agama Yahudi. Apabila orang Yahudi atau juga dikenali sebagai kumpulan 'disunat' mendesak Paulus untuk menyunat orang bukan Yahudi yang ingin mengikut Yesus, mereka berharap pengikut baru itu untuk menjadi penganut agama Yahudi terlebih dahulu sebelum menjadi orang Kristian. Paulus menolak desakan tersebut dengan memberikan rasional bahawa pengorbanan Yesus sudah cukup untuk menyelamatkan kita.

Penganut baru memainkan peranan penting dalam penyebaran Injil. Paulus serta rakan-rakannya selalu berkunjung ke saumaah orang Yahudi dan penganut baru agama Yahudi untuk berkotbah apabila mereka tiba di pekan atau bandar baru.

Perspektif Sejarah Yahudi Diaspora

Orang Yahudi telah tersebar bermula dari zaman pembuangan ketika penaklukan Asyur di kawasan utara kerajaan Israel. Di mana sahaja orang Yahudi pergi, mereka tetap terus menyembah Yahweh dan mengikut Hukum Musa. Konsep satu Tuhan yang suci seperti yang diajar di dalam Perjanjian Lama menjadikan orang Yahudi sebagai kumpulan etnik yang unik. Walaupun mereka selalu tidak disukai, ramai orang berpendapat bahawa iman mereka murni secara moral dan menarik kerana ia bertentangan dengan amalan tidak bermoral oleh penyembah pagan. Contohnya, penyembahan yang melibatkan perbuatan cabul dengan pelacur rumah berhala mereka.

Penganut baru hadir di Yerusalem ketika Pentakosta berlaku (Kis 2:9-11; Nikolaus, salah seorang pemimpin jemaah yang dilantik oleh jemaah awal di Yerusaelm, merupakan penganut baru (Kis 5:6); dan seleteh Paulus berkata-kata di saumaah di Antiokihia, Pisidia, ramai penganut baru yang warak mengikut Paulus dan Barnabas (Kis 13:43).

1.4.5 Penyembah Tuhan

Penyembah Tuhan merupakan orang bukan Yahudi yang banyak menerapkan kepercayaan Yahudi dari segi moral serta tingkah laku mereka dan turut percaya kepada Yahweh. Akan tetapi mereka tidak mengamalkan sunat serta upacara-upacara Yahudi. Mereka dibenarkan untuk hadir di kebaktian saumaah pada hari Sabat tetapi duduk berasingan dengan orang Yahudi. Oleh kerana mereka tidak menganut agama Yahudi sepenuhnya, cth: tidak disunat dan tidak mengamalkan pemakanan halal orang Yahudi, mereka masih dianggap sebagai orang luar oleh komuniti Yahudi. Ahli sejarah Josephus memberikan bayangan fakta bahawa Penyembah Tuhan membentuk satu komuniti bukan Yahudi besar yang telah menyumbang kepada Bait Suci.

Penyembah Tuhan seperti Kornelius (Kis 10) dan lain yang disebut dalam Injil seperti ketua tentera yang membantu membina saumaah (Lukas 7:5) serta meminta Yesus untuk menyembuhkan hambanya, telah membentuk satu kumpulan yang besar. Mereka bersikap terbuka terhadap Injil ketika para rasul berkhotbah tentang Berita Baik pada pertama kalinya.

Tuhan telah mempersiapkan golongan ini. Mereka memahami konsep Tuhan kudus yang ingin melihat umat-Nya hidup kudus, untuk lebih bersedia melihat kesia-siaan usaha mereka untuk menjadi kudus. Sebaliknya, umat manusia memerlukan Tuhan yang penuh kasih kurnia untuk menunjukkan jalan kembali kepada-Nya melalui Anak-Nya.

Jika kita meletakkan Penyembah Tuhan bersama dengan orang bukan Yahudi, kita boleh melihat bahawa mereka menjadi sebahagian besar orang-orang yang paling awal menjadi Kristian. Kita akan lebih memahami mengapa orang Yahudi marah terhadap Paulus dan rakan sekerjanya kerana 'mencuri penganut mereka'.



Petrus membaptis Ketua Tentera Kornelius. Oleh Francesco Trevisani, 1709. Sumber: Domain Awam

1.4.6 Orang Bukan Yahudi

Orang bukan Yahudi merujuk kepada orang-orang lain yang bukan beragama serta berbangsa Yahudi. Paulus menumpukan aktiviti-aktiviti pelayanan penginjilannya dalam kalangan mereka, terutamanya selepas orang Yahudi menolak ajarannya.

Dia sebenarnya sedang mematuhi Amanat Agung iaitu untuk pergi dan menjadikan semua bangsa murid Yesus, membaptis mereka dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus (Matius 28:19).

Perspektif Sejarah tentang Budaya Yunani dan Roma

Budaya Yunani merupakan budaya yang wujud secara meluas dalam komuniti orang bukan Yahudi. Orang-orang Romawi menerima budaya dan agama Yunani dengan baik. Dewa-dewi Yunani diberikan nama baru oleh orang Romawi dan dihormati dengan cara yang sama. Zeus menjadi Jupiter; Poseidon menjadi Neptune; Aphrodite menjadi Venus, Hermes menjadi Mercury; Artemis menjadi Diana dan sebagainya. Tempat penyembahan berhala mereka mengadakan upacara dalam pelbagai bentuk, ada yang melakukan perbuatan cabul dengan pelacur atau penjaga kuil mereka. Makanan dipersembahkan kepada patung-patung berhala di kuil sebelum dijual di pasar. Terdapat banyak tuhan yang berunsurkan alam semulajadi dan selalunya saling bertentangan

antara satu sama lain. Status para wanita di Roma selalunya dilihat melalui lelaki yang menguasai mereka. Idea seperti ini tidak begitu diterima oleh moral populasi umum.

Masyarakat Roma juga sangat mementingkan darjat. Walaupun kebanyakan penganut baru yang mengikut Paulus datang dari golongan kelas bawahan, terdapat beberapa dari mereka yang datang dari golongan atasan. Sergius Paulus merupakan gabenor di Siprus. Lidia, orang percaya baru yang pertama di Makedonia merupakan orang kaya dan mungkin mempunyai hubungan dengan orang berpangkat tinggi serta ramai lagi penganut baru dari Paulus yang juga kaya-raya.



1.5 Ringkasan tentang bagaimana latar belakang mempengaruhi cerita

1.5.1 Yahudi Diaspora – kesan dari pembuangan

Setelah orang-orang yang dibuang kembali, orang Yahudi menghargai kebebasan mereka untuk tinggal di tempat asal mereka. Walaupun begitu, ramai yang telah dibuang meneruskan kehidupan di negeri-negeri di luar Yudea. Mereka membina saumaah dan menganut agama Yahudi di mana sahaja mereka tinggal dan iman mereka mendapat tanggapan yang baik dari orang bukan Yahudi.

Ramai orang bukan Yahudi menghargai moral kehidupan Yahudi tetapi tidak dapat menerima ritual seperti sunat. Orang-orang ini menjadi golongan yang digelar Penyembah Tuhan. Mereka merupakan golongan yang paling senang menerima ajaran Injil apabila Paulus dan rasul yang lain memberitakannya.

1.5.2 Pax Romana – Keamanan Roma

Empayar Roma menikmati tempoh masa yang aman dan makmur kira-kira 200 tahun lamanya. Mereka lebih tertumpu kepada aktiviti perniagaan dan perdagangan berbanding peperangan untuk menghalau penakluk atau perang saudara. Banyak laluan-laluan yang dibina untuk melancarkan aktiviti perdagangan dan juga menghantar banyak askar-askar ke tempat yang bermasalah untuk mengawal keadaan. Hal ini membantu melancarkan penyebaran Injil tanpa gangguan dari orang-orang gasar atau peperangan.

1.5.3 Bahasa Yunani serta pengaruh Helenistik

Oleh kerana bahasa Yunani merupakan bahasa pertuturan yang paling banyak digunakan, para rasul dapat mengajar Injil dengan mudah dan difahami di seluruh Empayar Roma.

Bab 2

Anak Muda Bernama Saul dari Tarsus

2.1 Asal Usul dan kelahiran Paulus

Paulus mungkin dilahirkan antara 1 TM sehingga 5 TM di kota Tarsus. Kita boleh mengetahui hal ini melalui kenyataannya dalam Kisah Para Rasul 21:39, “Aku ini orang Yahudi dari kota Tarsus di Tanah Kilikia iaitu kota yang agak terkenal.” Tarsus memang kota yang terkenal. Ia merupakan ibu kota di salah satu kawasan Roma iaitu Kilikia yang terletak di tenggara Asia Kecil, dikenali sebagai Turki pada hari ini. Kota ini terletak di antara banjaran Taurus dan Laut Tengah, kira-kira 18 km ke arah selatan.

Bapa Paulus mungkin seorang pembuat khemah, dan pekerja serta tukang-tukangnya menggunakan bahan dari kulit dan cilicium iaitu kain yang dianyam menggunakan bulu kambing hitam besar yang selalunya dilihat di kawasan cerun pergunungan Taurus. Khemah hitam dari Tarsus digunakan oleh caravan, orang nomad, serta para tentera di seluruh Asia Kecil dan Siria. Oleh kerana hal ini, beberapa pengulas menyebut tentang keluarga Paulus mungkin merupakan kontraktor pertahanan yang juga membantu menjelaskan mengapa dia dilahirkan sebagai seorang warga Romawi. Sebagai warga Romawi, Paulus mungkin mempunyai nama penuh Latin yang terdiri dari tiga perkataan. Kita hanya tahu perkataan ketiga iaitu Paul (Paulus) atau Paullus. Keluarga Yahudinya memberikan dia nama dalam bahasa Ibrani iaitu Saul.



Peta Asia Kecil ketika zaman Perjanjian Baru dan gambar satelit dari Google Earth yang menunjukkan Siprus dan kota Mersin- Tarsus di Turkey pada masa kini.

Kita tahu bapa Paulus merupakan orang Farisi melalui kenyataannya dalam Kisah Para Rasul 23:6 “Saudara-saudaraku, aku ini orang Farisi dan anak orang Farisi.” Bapa Paulus tentu ingin memberikan Paulus pendidikan yang lengkap dalam kesusasteraan Yahudi.

Kota Tarsus

Tarsus yang merupakan kota utama Kilikia di sempadan tenggara Asia Kecil terletak di lokasi yang amat strategik. Banyak kawasan persisiran Asia Kecil terhadang dari kawasan utama oleh Banjaran Taurus. Salah satu laluan terhad yang melalui banjaran gunung ini ialah Gerbang Kilikia, iaitu laluan-laluan sempit yang bersambung.

Kota Tarsus terletak di selatan Gerbang Kilikia. Oleh kerana kemudahan jalan penghubung melalui Sungai Cydnus dan pelabuhannya, ia menjadi pusat perdagangan dan perjalanan bagi kawasan di antara utara Pergunungan Taurus sehingga ke kawasan Siria, Palestin purba dan ke pelabuhan-pelabuhan lain melalui Laut Tengah.

Di bawah pemerintahan Roma, Tarsus menjadi makmur dan menjadi pusat budaya dan pelajaran. Paulus agak merendah diri apabila dia mengatakan, “Aku ini orang Yahudi dari kota Tarsus di Tanah Kilikia iaitu kota yang agak terkenal.” (Kisah Para Rasul 21:39)

Strabo (63 BC – 23 AD), a Greek geographer, philosopher, and historian who lived in Asia Minor during the transitional period of the Roman Republic into the Roman Empire described Tarsus as having “surpassed Athens, Alexandria, or any other place that can be named where there have been schools and lectures of philosophers.” (Geography 14.5.13)

Alexander Agung telah melawat Tarsus dan dikatakan hampir mati disebabkan penyakit setelah dia berenang di Sungai Cydnus yang sejuk.

Cicero tinggal di kota ini dari tahun 51-50 SM, apabila dia bertugas sebagai seorang gabenor Kilikia. Julius Caesar telah melawat kota ini dan nama Tarsus ditukar kepada Luliopolis sementara sebagai tanda hormat



Puing-puing tinggalan Tarsus kuno di Turki pada hari ini.

kepadanya. Beberapa tahun kemudian, pada tahun 41 SM, Cleopatra yang berpakaian seperti Aphrodite, berlayar di Sungai Cydnus atas tongkang istimewa dan bertemu dengan Mark Anthony untuk pertama kalinya.

Tarsus juga menjadi tempat asal bagi ramai ahli falsafah dan pengajar seperti Athenodorus yang menjadi pembimbing dan orang kepercayaan Maharaja Kaisar Agustus.

Pada hari ini, Tarsus dikenali sebagai tempat kelahiran St Paul atau Rasul Paulus.

Sumber: A Guide to Biblical Sites in Greece and Turkey ms. 322-328

2.2 Keluarga Paulus yang Kaya

Ibu Paulus tidak pernah disebut tetapi kita tahu bahawa Paulus mempunyai seorang saudara perempuan dan anak buah lelaki. Bapanya mesti seorang warganegara Roma dan kaya. Kira-kira 15 tahun sebelum Paulus dilahirkan, satu reformasi terjadi di Kilikia di mana darjat-darjat para penduduk dimansuhkan dari keluarga yang tidak mempunyai sejumlah harta benda tertentu.

Tambahan lagi, keluarga ini memegang gelaran yang diingini ramai iaitu Warganegara Roma dimana ia hanya boleh diperoleh melalui khidmat istimewa atau bayaran yang mahal. Oleh sebab itu teori tentang keluarga Paulus yang merupakan kontraktor pertahanan muncul. Kewarganegaraan Roma memberikan keluarga ini perbezaan taraf dan keistimewaan yang boleh diwarisi di mana setiap ahli keluarga layak menuntutnya bila-bila masa sahaja ketika mereka berada di empayar tersebut.

*Gereja St Paul di
Tarsus, Turki*





Air Terjun Tarsus. Gambar oleh: Nedim Ardoga

Sumber: Domain Awam CC-by-SA-3.0

Khemah Bersejarah daripada Bulu Kambing Kilikia



Khemah bulu kambing ini unik kerana ia sangat sesuai untuk kawasan gurun di Timur Dekat.

2.2A Kelebihan Khemah Bulu Kambing Kilikia

Haba: Khemah memberikan perlindungan dari cahaya matahari. Ketika suhu haba yang paling tinggi pada siang hari, seorang bapa biasanya akan duduk di pintu untuk memerhatikan ahli keluarganya, ternakan serta laluan untuk para pengembara (Kejadian 18:12). Dinding khemah itu boleh diangkat untuk membolehkan angin melalui ruang khemah tersebut.

Sejuk: Khemah yang berwarna hitam itu menyerap haba dan menjadikannya sentiasa hangat. Api juga dinyalakan di dalam khemah untuk memanaskan ruangan.

Hujan: Seperti kain yang lain, terdapat jarak di antara benang fabrik. Cahaya akan menembusi atap yang hitam dan kelihatan seperti bintang di langit. *“Dialah yang membentangkan langit seperti tirai dan merentangkannya seperti khemah kediaman”* (Yesaya 40:22). Apabila serat kain dibasahi oleh hujan, serat tersebut akan berkembang dan ia menjadi atap yang kedap air.

Angin: Tali yang kuat diikat pada pancang yang dipacak kedalam tanah menyokong tiang yang mendirikan khemah.

Khemah bulu kambing ini unik kerana ia sangat sesuai dengan kawasan gurun di Timur Dekat.

J. Pollock membuat hipotesis bahawa datuk Paulus mungkin telah membantu Pompey atau Cicero apabila Roma mula-mula memerintah Kilikia atau mungkin bapanya telah membayar sejumlah wang untuk mendapatkan kewarganegaraan Roma yang akan memberikan banyak keistimewaan kepada keluarga mereka.

Dalam Kisah Para Rasul 24:25-26 Lukas merekodkan bahawa Gabenor Feliks mengharapkan Paulus untuk memberikannya rasuah. Ini menunjukkan bahawa dia tahu Paulus berasal dari keluarga yang berada.

2.3 Pendidikan Awal Paulus

Tarsus mempunyai saumaah yang turut mempunyai sekolah. Sekolah ini mengajar Kitab Ibrani. Ketika Paulus berumur tiga belas tahun, dia sudah mahir tentang sejarah Yahudi, mazmur dan karya sastera oleh para nabi. Ketika dia masih muda, Paulus juga belajar beberapa ajaran klasik Yunani. Hal ini boleh dibuktikan kerana Paulus boleh menulis dengan baik dalam bahasa Yunani dan selalu memetik ajaran ahli-ahli falsafah Yunani seperti yang dilakukannya ketika berkhotbah di Areopagus.

Tarsus terkenal kerana kedudukan universitinya hanya didahului oleh Athens dan Alexandria, oleh itu menjadi tempat menimba ilmu yang ketiga terpenting di Empayar Roma. Ia menghasilkan penuntut-penuntut terkenal seperti Athenodorus yang menjadi pembimbing dan orang kepercayaan Kaisar Agustus serta alumni yang hebat iaitu Nestor. Kedua-dua mereka kembali ke Tarsus di usia lanjut dan menjadi warga terhormat ketika Paulus masih muda. Sesiapa sahaja akan bangga menjadi penduduk Tarsus dan Paulus menggunakan kelebihan ini apabila dia merasakan bahawa ia membantu untuk memberitakan injil. Dalam Kisah Para Rasul 21, Paulus menggunakan statusnya sebagai orang dari Tarsus untuk berbicara kepada orang ramai.

Kisah Para Rasul 21:39 Paulus berkata, *“Aku ini orang Yahudi dari kota Tarsus di Tanah Kilikia iaitu kota yang agak terkenal, dan aku meminta kamu benarkan aku bercakap kepada orang ramai itu.”*

2.4 Paulus Si orang Farisi

Sebagai seorang Farisi yang tegas, bapa Paulus tentu tidak menginginkan dia terlibat dengan falsafah moral orang-orang penyembah berhala. Bapanya mungkin telah menghantar Paulus ke Yerusalem dan untuk 5-6 tahun lamanya, Paulus belajar di bawah bimbingan Gamaliel iaitu cucu kepada Hilel, seorang ahli Taurat terkenal yang telah meninggal dunia beberapa tahun sebelumnya pada umur lebih seratus tahun.

Paulus mungkin telah belajar kaedah perdebatan soal-jawab yang dikenali pada zaman kuno sebagai diatribe dan juga menerangkan Kitab Suci sebagai seorang guru dan peguam, bersedia untuk menghukum atau mempertahankan sesiapa sahaja yang dituduh melanggar Hukum yang suci. Sebagai seorang Farisi, dia juga harus belajar untuk berniaga kerana seorang guru agama tidak dibayar gaji dan harus mengendalikan kewangan sendiri. Pembuatan khemah atau pertukangan bahan kulit sepertinya menjadi pilihan yang logik bagi Paulus kerana keluarganya menceburi bidang tersebut.



Paulus mungkin belajar perniagaan keluarganya cth; Pembuatan khemah atau kraf dari bahan kulit.



Di Yerusalem, Paulus belajar di bawah bimbingan Rabbi Gamaliel yang sangat terkenal.


Sumber: Life of Apostle Paul oleh Pristine World.

Paulus berkata dalam suratnya kepada jemaat Galatia “Aku jauh lebih maju dalam agama Yahudi daripada orang sebayaku dalam kalangan bangsaku, kerana aku teramat kuat berpegang kepada segala adat nenek moyangku.” Kita tahu bahawa Paulus mempunyai minda yang tajam dan mungkin maju lebih ke hadapan berbanding orang sezamannya dan mempunyai peluang untuk menduduki kerusi dalam Majlis Agama.

Dia ingin menjadi yang terbaik dan paling salih antara mereka. Apabila Paulus mendengar khabar tentang golongan Nazarene yang dapat mengancam untuk mengambil para penganut baru bukan Yahudi serta ramai Penyembah Tuhan dari kalangan mereka, dia bertekad untuk mengetuai usaha menghapuskan golongan tersebut. Memansuhkannya sebelum mereka menjadi semakin ramai.

Hal ini membawa kita kepada pengenalan kepada Paulus atau Saul seperti bagaimana dia dikenali pada masa tersebut dalam Kisah Rasul bab 9.

2.4A Apakah yang kita tahu tentang Gamaliel? Adakah beliau seorang Kristian yang bersembunyi?



Rabbi Gamaliel
Sumber: Sarajevo
Haggadah melalui
Wikimedia Commons

Paulus bersaksi di hadapan orang ramai di Yerusalem bahawa dia membesar di kota dan amat terlatih dalam hukum-hukum nenek moyang mereka. Dia diajar secara peribadi oleh Gamaliel. (Kisah Para Rasul 22:3)

Saul mungkin telah dihantar ke Yerusalem ketika masih berusia 13 tahun dan belajar di bawah Gamaliel yang merupakan rabbi yang paling terkemuka pada masa itu. Sekilas pandang, kita boleh berfikir bahawa beliau banyak mempengaruhi pendidikan awal Paulus. Apakah yang kita tahu tentang Gamaliel? Apa yang kita tahu tentang Gamaliel datang dari tiga sumber:

a. Alkitab

b. Kesusasteraan Yahudi seperti Talmud dan Mishnah (Karya tulisan agama Yahudi yang tidak termasuk dalam Kanon Ibrani iaitu Perjanjian Lama)

c. Kesusasteraan Kristian

Gamaliel disebut dalam Kisah Para Rasul bab 5, apabila Majlis Agama ingin menjatuhkan hukuman ke atas para rasul, yang berkemungkinan akan dihukum mati seperti yang terjadi kepada Stefanus. Gamaliel telah tampil untuk menyedarkan para ahli majlis. Alkitab juga menggambarkan dia sebagai "seorang ahli Taurat yang sangat disegani"

(Kisah Para Rasul 5:34)

Melalui Talmud dan sejarah Yahudi, kita tahu bahawa Gamaliel ialah cucu kepada Hillel. Seperti datuknya, Gamaliel terkenal sebagai seorang yang bersikap terbuka dan tidak terlalu tegas dalam hal hukum-hukum Perjanjian Lama berbanding dengan rabbi seangkatannya, Rabbi Shammai yang lebih tegas dalam pemahamannya tentang sastera Yahudi.

Kita dapat melihat bahawa Gamaliel merupakan seorang ahli Taurat yang disegani dan beliau juga agak bertoleransi dalam hal-hal Perjanjian Lama. Jadi apakah kesan yang ditinggalkannya ke atas Saul, anak muridnya yang paling terkenal? Nampaknya Saul mendapat ilmu pengetahuan tentang Taurat dan perasaan cintanya terhadap teks-teks Yahudi dari gurunya itu. Akan tetapi, Saul menunjukkan sikap yang lebih tegas dalam tafsirannya tentang Perjanjian Lama. Saul mempunyai pandangan yang ekstrim tentang Taurat dan hukum-hukum Yahudi yang lain. Talmud (Sabbat 30b) menggambarkan bahawa Gamaliel mengajar anak murid yang “lancang dalam pelajaran”, yang menurut beberapa ahli sarjana ia mungkin merujuk kepada Saul. Pendekatan awal Saul terhadap orang Kristian iaitu perasaan marah sehingga ingin membunuh amat bertentangan dengan pandangan terbuka Gamaliel.

Beberapa bahagian dalam rekod Kristian berpendapat bahawa Gamaliel menjadi orang Kristian dan dibaptis bersama-sama dengan Nikodemus oleh rasul Petrus dan Yohanes. Rekod-rekod ini menyatakan bahawa beliau meneruskan tugasnya dalam Majlis Agama untuk membantu orang-orang Kristian yang lain.

Josephus, seorang ahli sejarah berbangsa Yahudi menyebut Gamaliel tetapi hanya dalam konteks orang Yahudi dan Gamaliel tidak lagi disebut dalam Alkitab selepas itu. Oleh itu, kenyataan tentang Gamaliel menjadi orang Kristian tidak dapat disahkan. Walau bagaimanapun, Gereja Ortodoks Timur menghormati Gamaliel sebagai seorang santo dan beliau diperingati pada 3 Ogos, tarikh di mana rekod menyatakan peninggalannya ditemui. Akan tetapi sekiranya benar bahawa Gamaliel telah menganut agama Kristian, mungkin secara tidak langsung beliau telah mempengaruhi Saul si orang Farisi yang kemudiannya menjadi Rasul Paulus.

Perspektif Sejarah

J. Pollock mempertikaikan bahawa Paulus mungkin kembali ke Tarsus setelah pengajian ‘universitinya’ di bawah Gamaliel apabila dia berumur sekitar 20 tahun. Dia mungkin kembali ke Tarsus, berkahwin dan mempelajari selok-belok perniagaan keluarganya. Ketika berumur sekitar 30 tahun dia mungkin telah kembali ke Yerusalem di mana dia boleh menggunakan pengetahuannya yang mendalam tentang Taurat dan dikenali oleh orang ramai kerana hal tersebut. Masalah dari gerakan Yesus mungkin juga telah menjadi bahan bualan di Tarsus sehingga membuatkan Paulus yang merasa dirinya salih kembali ke Yerusalem (Pollock ms.22).

Adakah Paulus berada di Yerusalem semasa Yesus melayani di bumi?

Oleh kerana Paulus tidak pernah menyatakan jika di pernah bertemu dengan Yesus

semasa Dia melayani di bumi, kemungkinan besar Paulus tidak berada di Yerusalem dalam tempoh Injil. Oleh itu, teori yang menyatakan bahawa dia berada jauh dari Yudea atau dia mungkin kembali ke Tarsus sekitar tahun 29 TM sehingga 31 TM muncul. Dia mungkin sedang dalam perjalanan ke Yerusalem selepas Pentakosta pertama setelah kebangkitan.

2.5 Empat Kelompok Terbesar dalam Agama Yahudi Pada Masa Itu

2.5.1 Orang Saduki

Orang Saduki merupakan kelompok minoriti dalam agama Yahudi tetapi mereka membentuk sebahagian besar dari kelas pemerintah. Orang-orang Saduki merupakan kumpulan imam, kerabat diraja dan para saudagar. Mereka menikmati kehidupan yang serba istimewa kerana pengaruh dari keturunan serta kedudukan sosial dan ekonomi mereka manakala pesaing mereka iaitu orang Farisi memegang hal kewibawaan dalam pengajaran sebagai orang salih. Secara amnya, orang Saduki lebih kaya, lebih menjurus kepada budaya Helenistik dan mengekalkan kuasa mereka dengan mengambil hati para pemerintah pada masa itu. Mereka bekerjasama dengan pemerintah Roma yang melindungi pusat kuasa mereka dan memastikan bahawa Imam Besar sentiasa datang dari kelompok mereka. Ananias dan Kayafas, imam besar yang terkenal dengan kejahatan pada zaman Injil dan Kisah Para Rasul merupakan orang Saduki. Secara doktrinnya, mereka tidak percaya pada kebangkitan dan hal ini sentiasa menjadi punca perselisihan dengan kelompok Yahudi yang lain. Perkara ini perlu dijelaskan kerana Paulus menggunakan konflik tersebut sebagai satu cara untuk membela dirinya ketika dia dihakimi dalam Kisah Para Rasul.

Untuk rujukan lanjut cari 'Pharisee' dalam Google dan terdapat banyak sumber maklumat:



*Orang Farisi menyoal Yesus
Sumber: Wikimedia Commons*

Klik di sini untuk pautan ke [Who Were the Sadducees in the Bible? What Were Their Beliefs?](#)



2.5.2 Orang Farisi

Orang Farisi yang bermaksud ‘yang diasingkan’ merupakan kelompok yang diasingkan untuk hidup suci. Mereka mengambil berat tentang hal-hal mengikut Taurat serta ajaran-ajaran bangsa mereka dengan ketat dan menjauhkan diri dari apa sahaja perkara yang kotor dan tidak kudus.

Mereka lantang bersuara dan berpengaruh dalam kalangan masyarakat.

Salah satu sebab mengapa mereka lebih dikenali ialah kerana mereka berasal dari orang biasa, bertentangan dengan orang Saduki yang mendakwa bahawa mereka berasal dari keturunan imam. Orang Farisi percaya pada kebangkitan. Masyarakat menyanjung mereka dan menjadi tempat untuk meminta bimbingan kerohanian. Tetapi dalam keghairahan mereka untuk mengikut Taurat, mereka telah membuat lebih banyak peraturan dan adat resam yang tidak ditemukan dalam Taurat Musa. Mereka bersatu dengan orang Saduki untuk menentang Yesus kerana dakwaan Yesus bahawa Dia Mesias. Konflik ini berterusan apabila para rasul berkhotbah dan menyatakan bahawa Yesus satu-satunya jalan untuk kembali kepada Tuhan.



“Woe unto you Scribe of Pharisees”

Jamuan makan di Rumah orang Farisi. Semua lukisan oleh James Tissot s. 1896. Sumber: Wikimedia Commons



2.5.3 Orang Eseni


Orang Eseni merupakan satu kelompok yang benar-benar ingin menjauhkan diri mereka dari ‘kejahatan’ yang dilihat oleh mereka di kota-kota. Mereka membina perkampungan di luar kota tempat mereka tinggal di mana mereka boleh hidup dengan kudus secara ritual. Salah satu sumbangan terbesar mereka kepada Alkitab ialah mereka menyalin Perjanjian Lama dan dokumen-dokumen keagamaan yang lain lalu menyimpan salinan tersebut di dalam gua di kawasan Qumran dan telah ditemui dua ribu tahun kemudian dalam keadaan yang baik dan membantu kita untuk memahami kehidupan pada abad pertama SM sehingga abad pertama TM. Salinan Perjanjian Lama yang dihasilkan oleh mereka iaitu sebahagian dari Naskah Laut Mati juga telah membantu kita untuk membuktikan kesahihan salinan Perjanjian Lama pada hari ini. Beberapa khazanah kesusasteraan menyatakan bahawa Yohanes Pembaptis tinggal bersama orang Eseni sebelum dia dibaptis di Sungai Yordan.



*Puing-puing Peninggalan Bangunan orang Eseni di Qumran
Sumber: Wikimedia Commons*

2.5.4 Orang Patriot

Orang Patriot merupakan kelompok yang melihat pemberontakan ganas sebagai satu cara untuk membebaskan bangsa Yahudi dari penindasan orang asing. Mereka mendapat inspirasi dari orang Makabe yang berjaya memberontak pada tahun 168 SM dan telah membentuk dinasti Hashmonayim. Bangsa Yahudi menikmati kemerdekaan selama kira-kira 80 tahun sehingga 63 SM apabila orang Roma yang berada di bawah Jeneral Pompey mengambil alih kuasa di Yudea. Orang Patriot mengimpikan kemerdekaan seperti orang Makabe ini.



*“Bebaskan Barabas” Markus 15:7 merujuk kepada Barabas yang telah melakukan jenayah pembunuhan. Ilustrasi dari The Bible and its Story Taught by One Thousand Picture Lessons jilid 9, disunting oleh Charles F. Horne dan Julius A. Bewer, diterbitkan pada tahun 1910.
Sumber: Domain Awam.*

Mereka memulakan pemberontakan pada tahun 66 TM yang mengakibatkan kemusnahan Bait Suci pada tahun 70 TM. Kehadiran mereka dibayangkan di dalam buku Kisah Para Rasul apabila Gamaliel bercakap tentang pemberontak Yahudi yang melakukan pemberontakan dengan sia-sia setelah ketua mereka dibunuh. Keadaan di Yerusalem akan menjadi tegang bagi mana-mana 'kultus' yang cuba untuk membawa penganut Yahudi pergi dari iman dan tradisi mereka.

Satu kumpulan yang paling dikenali ialah sekelompok kecil radikal yang digelar sebagai Sicari, atau lelaki pisau belati, yang akan membunuh secara senyap sesiapa sahaja yang mereka fikir akan mengancam cara hidup mereka.



*Kemusnahan Bait Suci pada tahun 70 TM seperti yang digambarkan pada Gerbang Titus di Roma.
Sumber: Domain Awam*

Orang Sicari

Sumber: Life of Apostle Paul oleh Pristine World



2.6 Secara ringkas, apakah yang kita pelajari dari kehidupan awal Paulus?

2.6.1 Kewarganegaraan dan latar belakang keluarga

Paulus berasal dari keluarga Yahudi yang amat dihormati di Tarsus dan mempunyai kewarganegaraan Roma. Dia menggunakan keistimewaan yang diberikan kepada warganegara Roma apabila perlu untuk memberitakan Injil. Tetapi walaupun mendapat pelbagai hak keistimewaan pada masa mudanya, dia menganggapnya sebagai satu kerugian jika dibandingkan dengan manfaat tertinggi yang diterimanya dengan mengenal Yesus Kristus sebagai Tuhan dan Juruselamat.

2.6.2 Latar belakang pendidikan Paulus

Paulus datang dari keluarga yang sangat tegas dalam mengikut tradisi-tradisi Yahudi dan berharap supaya dia sendiri akan menjadi orang Farisi yang dihormati. Tarsus merupakan tempat asal Universiti dan juga bekas guru Kaisar Agustus. Paulus telah dihantar ke Yerusalem untuk melanjutkan pengajiannya dan telah belajar di bawah bimbingan Gamaliel, seorang rabbi yang paling terkenal pada masa itu. Dengan salasilah serta latar belakang pendidikan seperti itu, tidak hairanlah jika Paulus menjadi orang Farisi yang angkuh.

2.6.3 Kelompok Yahudi

Paulus faham dan menggunakan pengetahuannya tentang perbezaan fahaman antara kelompok-kelompok orang Yahudi, terutamanya orang Saduki dan Farisi, untuk menyebarkan Injil. Kita akan melihat bagaimana hal ini terungkap di bahagian akan datang dalam cerita ini.

2.7 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

- a. Berdasarkan latar belakang keluarganya, apakah yang menyumbang kepada impian serta perasaan bangganya?
- b. Pada pendapat anda, bagaimanakah Paulus dipengaruhi oleh:
 - (i) Tarsus, tempat lahirnya
 - (ii) pendidikannya di Yerusalem
 - (iii) gurunya Gamaliel
- c. Bandingkan dan bezakan kehidupan di Tarsus dan Yerusalem. Apakah sikap masyarakat, pemimpin politik dan agama, sama atau berbeza? Apakah perbezaan demografi bagi kawasan perniagaan, pendidikan dan pekerjaan?
- d. Pada pendapat anda, bagaimanakah Tuhan menyiapkan Paulus untuk pelayanannya pada masa akan datang berdasarkan latar belakang keluarga, pendidikan serta agamanya?

Bab 3

Diari Seorang Penganiaya dan Titik Perubahan

Kisah Para Rasul 8 dan 9, Galatia 1

3.1 Saul si Penganiaya s. TM 32

Saul ialah nama Paulus ketika dia masih Yahudi Helenistik. Dia mungkin telah mendengar khabar bahawa Stefanus akan menghadiri Saumaah Orang Yang Dibebaskan. Orang-orang yang datang di saumaah ini ialah orang Yahudi yang lahir dan tinggal di kawasan diaspora. Mereka lebih fasih bertutur dalam bahasa Yunani berbanding Aram. Oleh itu, ibadah Sabat mungkin dilakukan dalam bahasa Yunani Koine. Bahasa tersebut merupakan bahasa umum Helenistik atau bahasa Yunani Alkitabiah.



Stefanus mati kerana agamanya. Lukisan oleh: Rembrandt s. 1625. Sumber: Wikimedia Commons

Lukas menyebut secara jelas bahawa Yahudi dari Kirene dan Aleksandria serta kawasan Kilikia dan Asia Kecil mula berdebat dengan Stefanus (Kisah Para Rasul 6:9). Saul berasal dari Kilikia dan mungkin merupakan salah seorang dari orang-orang yang berdebat dengan Stefanus. Paulus mesti berasa geram kerana seorang Yahudi Helenistik yang tidak terlatih seperti Stefanus boleh berdebat dan menyangkal orang bijak terbaik di Yerusalem yang telah dilatih oleh rabbi yang tidak kurang dari kaliber Gamaliel.

Setelah mereka gagal untuk menyangkal hujah Stefanus yang mendapat kebijaksanaan daripada Roh Kudus, mereka merasuah beberapa ahli yang hadir untuk mengucapkan kesaksian palsu terhadap Stefanus. Ini membawa kepada perdebatan yang panjang dalam Majlis Agama. Malangnya, Majlis Agama mengendalikan kes ini seperti mahkamah haram lalu menjatuhkan hukuman mati ke atas Stefanus dengan merejamnya. Saul mungkin telah melihat kejadian itu. Walaupun tujuan utamanya ialah untuk menghapuskan pengikut ajaran orang Nazaret itu dan memasukkan semua mereka kedalam penjara atau dihukum mati, kata-kata serta keyakinan yang ditunjukkan oleh Stefanus sebelum kematiannya telah meninggalkan kesan yang besar dalam diri Paulus.

Pendekatan yang diambilnya itu bertentangan dengan pendekatan gurunya. Ingatlah pada awal cerita apabila rasul Petrus dan Yohanes dibawa ke hadapan Majlis Agama, Gamaliel menasihati para juri: Kisah Para

Rasul 5: 38 “Dengan demikian, dalam hal ini, aku cadangkan jangan ambil apa-apa tindakan terhadap orang itu. Bebaskan mereka. Kalau rancangan atau usaha ini daripada manusia, segalanya akan hilang begitu saja.³⁹ Sebaliknya, kalau segalanya itu datang daripada Allah, saudara-saudara tidak mungkin menumpaskannya, malah mungkin akan ternyata bahawa saudara-saudara melawan Allah.”



Paulus membawa askar Bait Suci dari rumah ke rumah untuk menangkap pengikut-pengikut 'Jalan Tuhan'. Sumber: Life of Apostle Paul oleh Pristine World

Ahli Majlis itu mendengar nasihat Gamaliel. Paulus tidak mengikut nasihat Gamaliel.

Setelah kematian Stefanus, Paulus meneruskan tujuannya untuk mencari pengikut ajaran orang Nazaret itu dan memenjarakan mereka. Disebabkan hal ini, persekutuan rasul-rasul dengan orang percaya baru di Bait Suci dengan tujuan untuk mengajar mereka terhenti. Ramai antara orang-orang percaya baru, kecuali para rasul, melarikan diri ke luar kota manakala mereka yang datang dari golongan diaspora kembali ke negeri mereka. Tetapi dimana sahaja mereka pergi, mereka terus menyebarkan Berita baik.



Paulus mungkin akan mendapat sokongan dari pihak Majlis Agama di Yerusalem atas usahanya untuk menindas pengikut ajaran orang Nazaret itu. Sumber: Life of Apostle Paul oleh Pristine World

Bagaimana Injil sampai ke Samaria? Orang percaya yang telah lari dari penindasan Pauluslah yang membawa Injil ke Samaria. Setelah itu, Filipus melawat Samaria dan apabila dia benar-benar yakin bahawa mereka percaya, dia membawa Petrus dan Yohanes dari jemaah Yerusalem untuk mengesahkan dan menerima orang-orang percaya di Samaria sebagai sebahagian dari komuniti orang percaya atau menjadi cabang kelompok orang percaya yang baru.

3.2 Mencari dan Menangkap s. 32 TM

Paulus mungkin sedar bahawa orang-orang yang percaya kepada 'Jalan Tuhan', atau pengikut ajaran orang Nazaret itu, telah tersebar sehingga ke luar Yudea. Salah satu kumpulan yang terbesar berada di Damsyik. Dia bertekad meneruskan usahanya untuk menentang para pengikut ajaran orang Nazaret itu di luar Yudea. Dia tahu bahawa ramai orang Yahudi tinggal di luar kawasan Yudea dan jumlah ini semakin besar jika dia turut mengambil kira golongan Penganut Baru dan Penyembah Tuhan. Untuk menghentikan semua itu, dia harus pergi ke luar Yudea. Ketika Paulus dibicarakan di hadapan Festus (Kisah Para Rasul 26: 11), dia memberi bayangan bahawa dia pernah pergi ke luar Yudea untuk memburu orang Kristian sebelum dia pergi ke Siria. Siria merupakan wilayah yang lebih besar dari Israel. Pengawas Yudea iaitu Pilatus dan semua Tetrark Herodes berada di bawah kuasa Gabenor Roma di Siria. Oleh sebab itu, jika Paulus dapat menyelesaikan masalah pengikut-pengikut ajaran orang Nazaret di Siria, kemungkinan untuknya berbuat demikian di Israel dan tempat lain lebih mudah. Oleh itu, dia mendapatkan surat dari Imam Besar yang memberikannya kuasa bagi meneruskan misinya untuk memburu dan menangkap di Damsyik.

Kisah Para Rasul 9¹ Saul, yang terus-menerus mengancam hendak membunuh murid-murid Tuhan Yesus, pergi mendapatkan imam besar 2 dan meminta surat untuk ditunjukkan kepada saumaahi di Damsyik, supaya sekiranya dia menjumpai sesiapa yang mengikut Jalan Tuhan, baik lelaki mahupun perempuan, dia boleh memberkas dan membawa mereka ke Yerusalem.

3.3 Perjalanan ke Damsyik (Kisah Para Rasul 9)



Jarak di antara Yerusalem dan Damsyik ialah kira-kira 240 km. Jika Paulus berjalan kaki, perjalanan tersebut akan mengambil masa kira-kira dua minggu. Untuk maklumat lanjut tentang laluan perjalanan yang diambil oleh Paulus, rujuk pada *Exploring Bible Lands*

Kira-kira di akhir perjalanannya, setelah Paulus melalui Galilea dan Gunung Hermon serta menuju ke Dataran Tinggi Golan, sekitar tengahari, tiba-tiba satu cahaya dari langit bersinar mengelilinginya. Kemudian satu suara berkata kepadanya dalam bahasa Aram, “Saul, Saul, mengapa engkau menganiaya Aku?”

Respons pertama Paulus ialah “Siapakah Engkau, Tuan?” Paulus mungkin menggunakan gelaran panggilan yang sama maksud dengan ‘Yang Mulia’.

Jawabnya, “Akulah Yesus yang kau aniaya.” Seketika itu juga Paulus sedar bahawa Dia ialah Yesus yang dikatakan telah bangkit oleh para rasul dan pengikut yang lain. Hal ini tidak masuk akal bagi minda yang objektif. Tetapi pada saat itu juga, Paulus mengaku bahawa dia telah bersalah selama ini.

Kisah Para Rasul 9 ³Dalam perjalanannya, apabila dia hampir sampai di Damsyik, tiba-tiba suatu cahaya dari langit bersinar mengelilinginya. ⁴Dia rebah ke bumi lalu mendengar suara berkata, “Saul, Saul, mengapa engkau menganiaya Aku?”

⁵Saul bertanya, “Siapakah Engkau, Tuan?” Jawab-Nya, “Akulah Yesus yang kauaniaya.

⁶Bangkitlah, masuklah ke kota. Di sana engkau akan diberitahu apa yang harus kaubuat.”

⁷Orang seperjalanan Saul terpegun kerana mendengar suara itu tanpa melihat sesiapa pun. ⁸Saul bangkit sambil membuka mata tetapi tidak dapat melihat suatu apa. Oleh yang demikian, mereka memegang tangannya dan memimpinnya masuk ke Damsyik.

Kemudian Yesus memerintahkannya untuk pergi ke kota. Paulus baru sedar yang dia telah menjadi buta dan harus dibantu untuk sampai ke kota. Dia sampai ke kota berbekalkan surat pengakuan kuasa dari imam besar untuk mencari dan menangkap pengikut-pengikut ajaran orang Nazaret itu. Kini dia tidak mempunyai apa-apa kuasa lagi. Dia bahkan menjadi buta dan memerlukan pertolongan untuk pergi ke kota itu. Itulah langkah pertama bagi menjatuhkan Paulus yang angkuh.

Saul menjadi orang yang percaya kepada Yesus. Oleh: Michelangelo s. 1542. Sumber: Vatican melalui Wikimedia Commons



3.4 Paulus dan Ananias

Di Damsyik, dengan keadaan yang tidak dapat melihat dan tidak mahu makan atau minum selama tiga hari sudah tentu akan menjadikan Paulus sangat lemah. Ketua imam Yahudi di Damsyik mungkin telah datang untuk mencarinya kerana sudah tentu orang yang datang bersama-samanya telah memberitahu di mana dia berada. Tetapi apabila mereka melihat keadaannya yang begitu menyedihkan, mereka mungkin meninggalkan dia di sana. Dia telah menjadi buta, sangat lemah dan berkemungkinan meracau dan menggumam sendirian tentang pengalamannya bertemu Yesus yang telah bercakap serta menyinarinya dengan cahaya. Ini bukan seseorang yang mereka inginkan dalam kumpulan mereka, sekurang-kurangnya tidak sehingga

dia sedar dari perbuatannya itu, itu pun kalau dia mampu sedar lagi.



Kerana itu Paulus mempunyai masa untuk berfikir. Seluruh hidupnya tentu sedang bermain di hadapannya. Dia mengejar pengikut-pengikut orang Nazaret itu, pengikut Jalan Tuhan dengan begitu ganas. Sangat yakin bahawa mereka hanyalah sekumpulan penganut ajaran sesat, dipimpin oleh seorang guru agama yang telah disalibkan. Bagaimana dia boleh membuat kesilapan seperti itu? Bagaimana orang biasa seperti Yesus, anak kepada tukang kayu memenuhi

nubuatan sebagai seorang Mesias? Musa merupakan salah seorang daripada putera Mesir, Yesaya lahir dari keluarga bangsawan. Daniel merupakan keturunan Raja Daud. Siapakah Yesus dari Nazaret ini? Bolehkah sesuatu perkara yang baik datang dari Nazaret? Tidak ada nubuatan yang menyatakan bahawa seseorang yang hebat akan datang dari Nazaret. Dan mengapa Dia disalibkan? Dia bahagian mana dalam Kitab Suci yang bercakap tentang Mesias yang menderita penghinaan dan penyesakan?

Atau adakah Kitab Suci bercakap tentang Mesias yang sengsara? Adakah dia terlepas pandang hal ini?

Ketika Paulus sedang merenung kehidupannya, Tuhan sedang menyiapkan seorang murid untuk melakukan tugas yang penting. Tuhan berkata-kata kepada seorang pengikut yang tidak dikenali di Damsyik yang bernama Ananias.

Tuhan memanggilnya dalam satu penglihatan, “Ananias”. Ya, Tuhan.” sahut Ananias. Kemudian Tuhan memberitahunya secara spesifik untuk pergi ke sebuah rumah Yudas di Jalan Lurus dan membaptis Paulus. “Pergilah, kerana Aku telah memilihnya sebagai alat pilihan-Ku untuk mengkhabarkan nama-Ku kepada bangsa-bangsa asing, raja-raja dan umat Israel. Aku akan menunjukkan kepadanya segala kesengsaraan yang akan ditanggungnya kerana nama-Ku.”



*Di dalam rumah St Ananias. Gambar oleh: Titoni Thomas
Sumber: Wikimedia Commons*

Ananias pergi mencari Saul. Apabila dia melihat Saul, dia tentu berasa terkejut. Si penyoal siasat hebat yang ditakutinya terbaring di atas tempat tidur, buta dan menggigil lemah kerana tidak makan dan minum selama tiga hari. Dia dengan beraninya melatakkan tangannya ke atas Saul dan berkata, “Saudaraku Saul, Tuhan Yesus telah menampakkan diri-Nya kepadamu dalam perjalanan ke sini telah mengutusku supaya engkau dapat melihat semula dan dipenuhi Roh Kudus.” Paulus melihat semula lalu berdiri. Kemudian Ananias membaptisnya dan setelah dia makan, dia mendapat semula kekuatannya.

Paulus mungkin telah bertanya banyak soalan dan Ananias cuba untuk menjawab semua persoalannya itu. Akan tetapi mungkin beberapa soalan yang ditanyakan oleh Paulus tidak dapat dijawab oleh Ananias kerana Paulus merupakan seorang Farisi yang berpendidikan tinggi dan kini sedar bahawa semua perkara yang telah dipelajarinya perlu dipelajari semula. Akan tetapi Paulus bukan seorang yang suka berdiam diri. Dia terus pergi ke saumaah di Damsyik dan mengisytiharkan bahawa Yesus adalah Anak Tuhan. Orang ramai terpegun. Orang-orang percaya lain sukar untuk mempercayainya. Musuh-musuhnya melihat dia sebagai seorang pembelot, orang murtad atau seseorang yang sudah menjadi gila. Tetapi Paulus menggunakan ilmunya tentang Perjanjian Lama dan wahyu yang baru diterimanya dari Roh Kudus untuk membingungkan serta menghairankan orang-orang Yahudi.

3.5 Tahun yang Tenang Bahagian 1 s. 32-35 TM

Para sarjana Alkitab mempunyai pendapat yang berbeza tentang apa yang berlaku sejurus selepas Paulus berubah dalam perjalanannya dan setelah tiba di Damsyik. Jika kita melihat surat Paulus kepada jemaah di Galatia, sepertinya terdapat beberapa tahun yang tidak dinyatakan.

Kebanyakan sarjana Alkitab berpendapat bahawa: Antara Kisah Para Rasul bab 9 ayat 22 dan 23, terdapat lompang masa kira-kira 3 tahun. Paulus memerlukan masa untuk bersendirian. Bagaimana dia boleh menyelaraskan semua ilmu Kitab Suci yang telah dipelajarinya kepada realiti kebenaran yang baru diterimanya. Dia tidak dapat kembali ke Yerusalem. Dia tidak akan disambut baik oleh pengikut lain yang takut akan dia dan apa yang boleh dia katakan kepada imam-imam yang telah menghantarnya ke Damsyik? Dia belum bersedia untuk berhadapan dengan mereka. Sama seperti Yesus yang mengambil masa selama empat puluh hari di kawasan gurun untuk berpuasa dan berdoa; dan Musa menggembala kambing bapa mertuanya di Midian selama empat puluh tahun, Paulus juga perlu mengambil waktu untuk melihat kembali kehidupannya, pandangan barunya tentang dunia dan apa misinya yang akan datang.

Pilihannya agak mudah. Damsyik merupakan perhentian bagi salah satu laluan rempah ratus dari negara diselatan Tanah Arab di mana para pedagang membawa kemenyan dan mir kemudian kembali dengan wang atau barang-barang dari kawasan Roma. Paulus telah menyertai mereka. Jadi di tempat inilah, iaitu Nabatae, sebahagian dari kawasan Tanah Arab pada zaman Paulus dan kini menjadi sebahagian kawasan Jordan, Paulus menghabiskan masanya selama tiga tahun.

Salah satu soalan yang harus difikirkannya ialah di manakah nubuatan tentang Yesus ditulis dalam Perjanjian Lama? Bagaimana Perjanjian Lama menunjukkan bahawa Yesus sudah memenuhi semua perkara yang harus dilakukan oleh Mesias? Ini merupakan satu revolusi. Mesias akan embal menyelamatkan orang Yahudi dan bukan Yahudi dari dosa-dosa mereka dan membawa mereka embali kepada Tuhan.

Galatia 1 ¹¹Aku memberitahu kepadamu, saudara-saudara, Injil yang kusampaikan bukanlah menurut manusia. ¹²Aku tidak menerimanya daripada manusia, dan aku tidak pula mempelajarinya; tetapi Injil itu datang melalui wahyu daripada Yesus Kristus. ¹³ AKamu telah mendengar tentang kelakuanku dahulu ketika dalam agama Yahudi, betapa aku telah menganiaya jemaah Allah habis-habisan dan cuba membinasakannya. ¹⁴ Aku jauh lebih maju dalam agama Yahudi daripada orang sebayaku dalam kalangan bangsaku, kerana aku teramat kuat berpegang kepada segala adat nenek moyangku. ¹⁵ CTetapi apabila Allah, yang telah mengasingkanku daripada rahim ibuku dan memanggilku, melalui kasih kurnia-Nya ¹⁶ berkenan untuk menyatakan Anak-Nya dalamku agar aku mengkhabarkan tentang Dia dalam kalangan bangsa lain. Pada waktu itu, aku sama sekali tidak bermesyuarat dengan sesama manusia. ¹⁷ Aku tidak juga pergi ke Yerusalem untuk menemui mereka yang telah menjadi rasul terdahulu daripadaku, tetapi aku ke Tanah Arab, lalu pulang semula ke Damsyik.

Bagaimana pula dengan kehidupan peribadi Paulus? Apakah pendapat keluarganya yang kaya tetapi tegas? Apakah yang akan dikatakan oleh rakan-rakan Farisinya? Adakah mereka masih


ingin menjadi rakannya? Tetapi adakah semua ini penting? Dia kini telah ditugaskan untuk melakukan misi yang paling penting, iaitu membawa khabar Berita Baik tentang keselamatan Tuhan pertamanya kepada orang Yahudi, kemudian kepada orang bukan Yahudi. Itulah perkara yang terpenting.

Di penghujung tahun ketiga, Paulus dipercayai pergi ke (Galatia 1:17) Petra pada hari ini, iaitu ibu kota kerajaan Nabatea dan dengan berani mengisytiharkan Yesus di saumaah masyarakat Yahudi. Hal ini tentu mengakibatkan kekecohan. Raja Aretas yang membenci orang Yahudi kerana perbalahannya dengan Herodes Antipas mungkin memerintahkan supaya Paulus ditangkap.

Hal ini mungkin menjadi petanda untuk Paulus supaya kembali ke Damsyik. Para sarjana Alkitab percaya bahawa pada sekitar tahun 35 TM, Paulus kembali ke Damsyik, kini bukan sekadar seorang pengikut baru tetapi pengkhotbah Injil.



Peta perjalanan Paulus di Tanah Arab



Petra di Jordan



Kerajaan Nabatea. Gambar oleh: Penulis

Perspektif Sejarah Konflik antara Raja Aretas dan Herodes Antipas

Herodes Antipas, putera Raja Herodes I, telah menceraikan puteri Raja Aretas untuk berkahwin dengan Herodias, isteri kepada saudara kandungnya. Hal ini menyebabkan Raja Aretas sangat marah terhadapnya, dan juga mendapat kutukan dari Yohanes Pembabtis. Apabila Aretas mendapat peluang, dia mengalahkan Herodes Antipas dalam pertempuran dan ingin menghukumnya dengan teruk jika bukan kerana kehadiran tentera Roma. Aretas berdendam terhadap Herodes dan kemungkinan semua orang Yahudi juga. Oleh itu, dia dengan senang hati akan menangkap Paulus apabila dia dituduh menjadi penyebab kekecohan dalam kerajaannya. Para sarjana Alkitab percaya bahawa dia turut menghantar wakilnya ke Damsyik untuk menangkap Paulus jika peluang terbuka.

3.6 Kembali ke Damsyik s. 35 TM

Dalam Kisah Para Rasul 9:23, Lukas merekodkan kepulangan Paulus ke Damsyik. Paulus yang kini berumur pertengahan tiga puluh kembali ke Damsyik mungkin kerana dia dikejar oleh wakil Raja Aretas. Orang Damsyik tentu belum lupa tentang perkara yang terjadi pada 3 tahun lalu. Pemuda yang embal untuk menangkap pengikut Yesus embal ke Damsyik dengan keadaan buta, kasihan dan dengan tangannya dipimpin. Tiga hari kemudian dia mengisytiharkan bahawa Yesus ialah Mesias. Kemudian dia menghilangkan diri selama tiga tahun dan sekarang kembali semula.

Raja Aretas mempunyai perjanjian dengan Roma bahawa dia tidak akan menangkap sesiapa sahaja yang berada di Damsyik kecuali seseorang itu mempunyai tuduhan yang sah.

Ananias dan murid-murid yang lain mungkin meneruskan kehidupan mereka yang tenteram dan tinggal bersama dengan orang Yahudi lain di Damsyik secara aman. Keadaan kota tenang sehinggalah Paulus kembali. Dia dialu-alukan dan terus sahaja mula berkhotbah di saumaah-saumaah pada hari Sabat yang berikutnya.

Kini, seperti yang dilakukan oleh Stefanus, dia membuat orang Yahudi hairan dengan menunjukkan bahawa Yesus ialah Mesias yang dinubuatkan dalam Perjanjian Lama. Hal ini tentu menyebabkan kekecohan dalam kalangan orang Yahudi yang tentu ingin membuatnya berdiam diri.



Kisah Para Rasul 9²³ A Selepas beberapa hari, orang Yahudi berpakat hendak membunuh Saul. ²⁴Akan tetapi, Saul mendapat tahu tentang pakatan itu. Orang yang hendak membunuhnya itu menunggu di pintu gerbang siang malam; ²⁵tetapi murid-murid Saul mengambilnya pada waktu malam dan menurunkannya melalui tingkap ke kaki tembok di dalam sebuah keranjang.

Damsyik moden. Gambar oleh: Vyacheslav Argenberg

Sumber: Wikimedia Commons melalui CCA V.4

Oleh kerana dia tidak dialu-alukan di Damsyik dan juga berhadapan dengan bahaya ditangkap oleh wakil Raja Aretas di gerbang Damsyik, murid-murid mengambilnya pada waktu malam dan menurunkannya melalui tingkap ke kaki tembok dalam sebuah keranjang.

Ini merupakan satu lagi penghinaan kepada Paulus, pemuda Farisi yang paling berkuasa tiga tahun lalu di Yerusalem. Dikejar oleh Raja Aretas dan kini oleh orang Yahudi di Damsyik, dia telah melarikan diri dengan cara yang paling hina keluar dari Damsyik.

Tujuan Raja Aretas untuk menangkap Paulus disebut dalam suratnya kepada jemaah Korintus. **2 Korintus 11: 32 Gabenor kota Damsyik, di bawah pemerintahan Raja Aretas, menyuruh agar kota itu dijaga oleh tentera, untuk menangkapku. ³³Tetapi aku diturunkan di dalam sebuah bakul melalui sebuah jendela di tembok kota itu, lalu aku terlepas daripada tangannya.**

Paulus yang telah tinggal selama 3 tahun di Tanah Arab untuk melihat semula misi hidupnya tidak akan berdiam diri. Dia akan mengambil kesempatan untuk pergi ke Yerusalem dan berjumpa dengan para rasul yang lain. Dia ingin bercakap dengan Petrus dan mana-mana rasul yang mahu berjumpa dengannya. Dia mahu mendengar cerita tentang perbuatan Yesus semasa Dia melayani di bumi dari saksi yang pernah bersama dengan Yesus sendiri. Paulus ingin tahu di mana Yesus pergi, apa yang dikatakan serta diajar-Nya. Paling penting sekali, apa yang berlaku di atas salib ketika Yesus disalibkan dan kebangkitan yang berlaku tiga hari kemudian.

Ya, dia ingin mendengarnya dari mereka secara peribadi. Tetapi mahukah mereka berjumpa dengannya?

3.7 Bertolak ke Yerusalem untuk bertemu dengan para Rasul



Apabila Paulus tiba di Yerusalem, apa yang dibimbangkannya benar-benar berlaku; para rasul menolak untuk berjumpa dengannya. Patutkah dia menyalahkan mereka? Dia merupakan salah seorang daripada penganiaya yang menyebabkan kematian Stefanus. Dia telah pergi dari kota ke kota sehingga ke luar Yudea untuk mengejar pengikut Yesus. Kemudian sesuatu yang ajaib berlaku. Dia pergi ke Damsyik berserta dengan surat dari imam besar untuk menangkap orang Kristian tetapi tidak lama selepas tiba di Damsyik, dia menghilangkan diri.

Pemandangan Yerusalem kuno. Model yang terdapat di Muzium Israel.

Gambar oleh: Michael Tyler. Sumber: Wikimedia Commons melalui CCA-SA 2.0

Terdapat khabar angin dalam kalangan orang Kristian di Damsyik yang mengatakan bahawa Paulus telah mendapat satu penglihatan dan kini menjadi pengikut Yesus. Khabar angin yang lain pula mengatakan Paulus sengaja melakukan hal tersebut supaya boleh bersekutu dengan golongan yang percaya Yesus agar mendapat kepercayaan mereka. Kemudian apabila tiba masanya, dia akan menunjukkan siapa ketua-ketua serta rasul-rasul kepada pemerintah Yahudi supaya mereka boleh diberkas secara besar-besaran. Hal ini tentu boleh menghentikan gerakan pengikut-pengikut orang Nazaret itu.


Kerana itu tidak ada murid Yesus yang bersetuju untuk berjumpa dengan Paulus. Paulus tidak berkhotbah di saumaah atau Bait Suci di Yerusalem seperti yang dilakukannya di Petra dan Damsyik. Dia tahu bahawa imam besar akan mencarinya dan dia belum bersedia untuk menunjukkan diri. Oleh itu dia harus berada di tempat yang tersembunyi.

3.8 Barnabas membawa Paulus untuk bertemu dengan para Rasul

Akan tetapi seorang murid yang bernama Barnabas (Anak Pendorong), mungkin telah mendengar bahawa Paulus sedang berada di Yerusalem. Dia mencari Paulus dan setelah menjumpainya bertanya, “Mengapa kamu berada di sini?” “Aku ingin berjumpa dengan 12 rasul” kata Paulus.

“Mengapa kamu ingin berjumpa dengan mereka?” tanya Barnabas. “Mengapa tidak? Aku telah bertemu dengan Yesus yang muncul di hadapanku dan memberitahu tentang misiku untuk membawa Injil kepada raja-raja dan pemimpin-pemimpin Yahudi dan bukan Yahudi”, jawab Paulus.

“Kamu adalah ketua penganiaya yang membunuh salah seorang dari kami, Stefanus, tiga tahun lalu. Tentu kamu ingat hal itu bukan?” Barnabas mengujinya.



“Benar. Aku berfikir bahawa dengan melakukan hal itu aku melindungi agama kita” kata Paulus. “Tetapi ternyata aku salah. Aku telah meninggalkan kehidupanku yang lama. Kamu tentu telah mendengarnya.

²⁶Apabila Saul sampai di Yerusalem, dia cuba menghubungi para murid Yesus tetapi mereka takut dan tidak percaya bahawa dia benar-benar murid Yesus. Lukisan Yusuf Barnabas oleh: Juan Martin Cabelazero s.1640. Sumber: Wikimedia Commons

“Aku telah berkhotbah dan mengisytiharkan bahawa Yesus Anak Tuhan di Damsyik dan kerana hal itu aku menjadi buruan. Aku telah kehilangan sahabat-sahabat dan keluargaku sendiri tidak ingin bertemu denganku.”

“Barnabas, aku ingin berjumpa dengan rasul-rasul. Beritahu mereka bahawa aku benar-benar menyesal. Beritahu mereka bahawa aku juga telah diberikan misi yang sama seperti mereka, untuk membawa Injil sampai ke hujung bumi. Dan aku ingin mendengar dari mereka apa yang telah Yesus lakukan dan katakan semasa Dia berada di bumi. Aku mahu mendengar dari mulut mereka sendiri,” Paulus merayu kepada Barnabas.

Barnabas merenung Paulus dengan serius. Dia ini merupakan orang angkuh yang tidak tunduk kepada sesiapa pun. Seorang pemuda Farisi bercita-cita tinggi yang sedang meningkat naik dan bakal mendapat tempat dalam Majlis Agama. Keghairahan dan semangat masih boleh dilihat dalam matanya, yang kini disalurkan kepada pemberitaan Injil. Semua berhak untuk mendapat peluang kedua.

“Aku akan memberitahu Petrus dan Yakobus, saudara Tuhan kita. Lihat apa yang akan dikatakan oleh mereka.” Barnabas tidak boleh menjanjikan apa-apa. “Aku akan menantikan jawapannya”, Paulus berkata dengan rendah diri dan Barnabas berlalu pergi.

3.9 Barnabas meyakinkan Petrus untuk berjumpa dengan Paulus

Walaupun sudah tiga tahun berlalu, tiada siapa boleh melupakan orang Farisi yang mengetahui hukuman rejam Stefanus kerana dituduh menyeleweng agama. Penganiayaan yang bermula pada waktu itu masih belum berakhir. Pengikut-pengikut Kristus masih diburu di Yerusalem. Mengapa mereka harus percaya kepada Paulus? Walaupun Lukas tidak memberikan penerangan yang terperinci di sini, Barnabas tentu perlu bersusah-payah untuk memujuk Petrus supaya bertemu dengan Paulus.

Kisah Para Rasul 10: 27 Barnabas membawa Saul ke hadapan para rasul dan menceritakan bagaimana dia telah melihat Tuhan ketika dalam perjalanan, kata-kata Tuhan kepadanya dan keberanian Saul menyebarkan nama Yesus di Damsyik.

Rasul Petrus (kiri) bercakap dengan Paulus. Sumber: Epic of the Apostle Jil. 1 oleh Pristine World



3.10 Barnabas membawa Paulus untuk berjumpa dengan Petrus dan Yakobus

Melalui surat Paulus kepada jemaah Galatia, kita tahu bahawa dia akhirnya berjumpa dengan Simon Petrus dan Yakobus, saudara Yesus. Dia tinggal dengan Petrus selama dua minggu. Apakah yang berlaku selama dua minggu dia bersama-sama dengan Petrus?



Galatia 1: 18 Tiga tahun kemudian, aku ke Yerusalem bertemu dengan Petrus lalu tinggal dengannya lima belas hari. 19 Tetapi aku tidak melihat para rasul yang lain – kecuali Yakobus, saudara Tuhan Yesus. Barnabas membawa Paulus untuk bertemu dengan Petrus dan Yakobus. Sumber: *Epic of the Apostle* oleh *Pristine World*

Kita hanya boleh membayangkan ke mana Petrus membawa Paulus selama dua minggu mereka tinggal bersama-sama. Sudah tentu mereka pergi ke Galilea, dimana semuanya bermula bagi Petrus. “Ikutlah Aku dan Aku akan menjadikanmu penjaja ikan” Yesus berkata kepadanya. Kemudian mereka pergi ke bukit dan lembah berdekatan dengan pantai Galilea di mana Yesus telah memberikan Ucapan Bahagia. Di Yerusalem, Petrus mungkin telah membawa Paulus ke Taman Getsemani di mana Yesus memintanya bersama dengan Yakobus dan Yohanes untuk berdoa sebelum Yudas Iskariot tiba

bersama dengan pengawal Bait Suci dan askar Roma untuk menangkap Yesus. Sudah tentu mereka juga mungkin telah melawat bukit Golgota iaitu tempat penyaliban berlaku. Kemudian kubur tempat Yesus dikuburkan dan bangkit kembali. Dan akhirnya ke Bukit Zaitun di mana tempat Yesus diangkat ke syurga.

3.11 Paulus di Yerusalem

Tidak lama selepas pertemuannya dengan Petrus dan Yakobus, Paulus diterima oleh murid-murid Yesus di Yerusalem. Dia boleh datang dan pergi dalam kelompok mereka dengan bebas. Pada masa itu di Yerusalem, rasul orang Yahudi yang mengetuai mereka ialah Petrus dan Yakobus.

Paulus bukan seorang yang akan berdiam diri. Dia akan mengkhabarkan Berita Baik bila-bila sahaja peluang terbuka. Jadi dimana Paulus pergi? Dia pergi ke tempat dia bertemu dengan Stefanus.

Saumaah di mana Yahudi Helenistik hadir. Dia mengkhotbahkan apa yang telah dikhotbahkan oleh Stefanus. Si penganiaya telah kembali untuk meneruskan pekerjaan mangsanya. Dan reaksi yang diterimanya juga tidak baik. Mereka berkomplot untuk membunuhnya, tetapi secara diam-diam kali ini. Apabila para murid mendapat tahu rancangan itu, mereka segera menghantar Paulus ke Kaisarea dan seterusnya ke rumahnya di Tarsus.

Setelah Paulus pergi dari situ, Yudea mengalami tempoh yang aman. Penganiayaan dihentikan seketika dan gereja semakin berkembang.

Kisah Para Rasul 9: ²⁸Selepas itu, Saul keluar masuk di Yerusalem bersama para rasul serta mengajar nama Tuhan dengan berani. ²⁹Dia bercakap dan berhujah dengan orang Yahudi peranakan Yunani; mereka pun hendak membunuhnya. ³⁰Apabila para murid Yesus yang lain mengetahui hal itu, mereka membawa Saul ke Kaisarea dan menghantarnya ke Tarsus. ³¹Dengan demikian sejahteralah jemaah di seluruh Yudea, Galilea dan Samaria. Jemaah itu diberi kekuatan dan hidup dengan takut kepada Tuhan. Dengan pertolongan Roh Kudus bilangan mereka semakin besar.

3.12 Tahun yang tenang Bahagian 2 – Tarsus s. 36-43 TM

Tiada catatan yang terperinci tentang Paulus selama tujuh tahun berikutnya. Hanya cebisan-cebisan bukti yang ada. Akan tetapi kita boleh menyusunnya bersama dan memahami bahawa ia hanyalah satu kemungkinan dari apa sebenarnya yang berlaku.

Mungkin adalah lebih sukar untuk kembali ke Tarsus daripada kembali ke Yerusalem. Bapanya orang Yahudi yang kaya dan berjaya. Dia telah memastikan supaya Paulus mendapat pendidikan Yahudi dan dilatih oleh seorang rabbi Yahudi yang paling dihormati ketika itu.

Kini anak lelakinya sudah kembali; kerjayanya sebagai Rabbi yang terserlah dan turut berpeluang untuk mendapat tempat dalam Majlis Agama, berkecai dengan sia-sia. Paulus merupakan orang yang tidak diterima di Tanah Arab, Damsyik dan juga Yerusalem.



*Paulus membuat Khemah
Sumber: @ Pristine World*

Dia juga sentiasa bercakap tentang Yesus, bahawa Dia ialah Anak Tuhan yang hidup dan memanggil orang untuk percaya kepada-Nya supaya mereka menerima pengampunan. Ini merupakan satu bentuk penyelewengan agama yang paling tinggi dalam dunia orang Yahudi. Sebagai seseorang yang

telah diberikan keparcayaan besar namun menolak panggilannya dan turut menjatuhkan maruah keluarga, Paulus menjadi pengkhianat bangsanya.

3.13 Pelayanan Paulus di Kilikia

Paulus tentu berasa ditolak. Bapa serta keluarganya mungkin sudah membuangnya. Namun kita tahu bahawa dia sekurang-kurangnya mempunyai kemahiran untuk membantunya meneruskan hidup iaitu membuat khemah. Terdapat bukti yang menunjukkan Paulus meneruskan pelayanannya dengan berkhotbah di Kilikia dan sekitarnya kerana apabila Paulus datang semula di kawasan tersebut pada masa akan datang, gereja-gereja sudah pun wujud.

Paulus mungkin terus membuat khemah atau membuat kraf dari bahan kulit dengan kemahiran yang dipelajarinya dari rumah bapanya ketika dia membesar. Tiada siapa dari kalangan rakan sebayanya yang boleh menandingi Paulus dalam hal latihan dan pengetahuan tentang Kitab Suci Ibrani. Dia berada pada kemuncak hidupnya. Dia menerima panggilan yang datang dari Tuhan Yesus sendiri. Akan tetapi tiada siapa yang memanggilnya. Dia menjadi orang yang tidak dikehendaki.

Apa yang kelihatan seperti tahun terbaik dalam hidupnya kini semakin menghilang. Dari umur pertengahan tiga puluh sehingga awal empat puluh, dia berseorangan, bekerja untuk menampung hidupnya dan berkhotbah di kaki pergunungan Taurus di Tarsus.

Di manakah rasul yang lain? Mengapa mereka tidak datang menjemput Paulus? Apakah yang berlaku kepada jemaah di Yerusalem? Adakah dia akan sentiasa ditolak oleh gereja utama di Yerusalem?

3.14 Petrus menyaksikan orang bukan Yahudi menerima kurnia Roh Kudus (Kisah Para Rasul 10)

Pada masa ini ketika Paulus sedang berada di Kilikia, Lukas merekodkan satu peristiwa penting. Petrus dipanggil oleh seorang pegawai orang bukan Yahudi yang takut akan Tuhan untuk datang berkhotbah kepada seiri rumahnya. Setelah disuruh oleh Roh Kudus, Petrus pergi ke rumah Kornelius, seorang ketua tentera dan takut akan Tuhan di Kaisarea dan berkongsi Injil

Satu Hipotesis

Kelihatannya Paulus bekerja seorang diri pada waktu ini. Kemudiannya, kita tahu bahawa Paulus bekerja dengan beberapa teman. Ini merupakan satu pengajaran baginya apabila dia sedar bahawa adalah lebih baik bekerja dalam satu kumpulan supaya mereka boleh saling menyokong antara satu sama lain. Ia juga membantu Paulus sedar mengapa gereja-gereja yang dimulakannya harus menjadi sebahagian dari gereja yang lain supaya mereka boleh saling mendorong dalam doa, pelajaran dan bantuan jika perlu.

dengannya. Kornelius serta seiri rumahnya, termasuk para hamba, percaya. Kemudian satu mukjizat berlaku. Semua mereka menerima kurnia Roh Kudus dan memuji Tuhan serta berkata-kata dalam bahasa yang berlainan. Tiada seorang pun dari mereka yang merupakan orang Yahudi. Tiada siapa dari mereka disunat. Hal ini disaksikan oleh Petrus dan beberapa orang Yahudi yang telah mengikutnya.

3.15 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

- a) Berdasarkan gambaran dari Alkitab serta konteks sejarah, berikan sebab mengapa pemimpin Yahudi serta Paulus (atau Saul pada masa itu) begitu bertekad untuk menghentikan pertumbuhan gereja awal?
- b) Terangkan bagaimana latar belakang Paulus mungkin telah membentuk pandangan hidupnya sebelum dia menjadi pengikut Yesus.
- c) Pada pendapat anda, mengapakah Paulus mengubah kepercayaannya sedemikian?
- d) Pada pendapat anda, mengapakah tempoh tenang atau tempoh aman begitu penting bagi Paulus?
- e) Pada pendapat anda, apakah yang membuatkan Barnabas membawa Paulus kepada rasul-rasul yang lain? Apakah yang anda pelajari tentang Barnabas dalam cerita ini?
- f) Melalui cerita dalam bab ini, apakah yang boleh kita pelajari tentang bagaimana untuk menghadapi kebenaran setelah kita mengetahunya?
- g) Apakah yang diajar oleh bab ini tentang menanti Tuhan, seperti yang Paulus terpaksa lakukan, melihat tahun yang terbaik dalam hidupnya semakin hilang?

SEKSYEN 2

DARI SAUL KEPADA
PAULUS-PEMURTAD
KEPADA RASUL

Seksyen 2

Seksyen 2. Dari Saul kepada Paulus: Pemurtad kepada Rasul?

Bab 4. Panggilan dari Jemaah Antiokhia

- 4.1 Jemaah Antiokhia di Siria
- 4.2 Barnabas Dipilih untuk Menjaga Jemaah di Antiokhia
- 4.3 Barnabas Tiba Di Jemaah Antiokhia, Siria
- 4.4 Era Baru Bermula
- 4.5 Pencarian Rakan Sekerja
- 4.6 Mengapa Barnabas Memilih Paulus untuk Menjadi Rakan Sekerjanya?
- 4.7 Paulus Menyertai Pemimpin Jemaah Antiokhia
- 4.8 Nabi Agabus dari Yerusalem
- 4.9 Menyelamatkan Petrus dari Penjara
- 4.10 Apakah yang Dihadapi oleh Barnabas di Yerusalem
- 4.11 Orang Bukan Yahudi Diterima Tanpa Perlu DiSunat
- 4.12 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

Bab 5. Perjalanan Misi Pertama – Siprus dan Galatia

- 5.1 Perjalanan Misi Pertama Bermula
- 5.2 Siprus
- 5.3 Pertemuan Dengan Ahli Sihir dan Pemerintah Pulau
- 5.4 Injil Untuk Orang Bukan Yahudi
- 5.5 Yohanes Markus Meninggalkan Kumpulan di Perga
- 5.6 Antiokhia di Pisidia
- 5.7 Gangguan di Antiokhia, Pisidia
- 5.8 Ke Ikonium
- 5.9 Ke Listra
- 5.10 Ke Derbe dan Perjalanan Kembali
- 5.11 Kembali ke Antiokhia di Siria
- 5.12 Perkara Penting Dalam Perjalanan Misi Pertama Paulus
- 5.13 Ringkasan Kesan Dari Perjalanan Misi Pertama
- 5.14 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

Bab 6. Konfrontasi di Antiokhia dan Persidangan di Yerusalem

- 6.1 Gangguan di Jemaah Pusat Antiokhia, Siria
- 6.2 Petrus Tiba di Antiokhia, Siria
- 6.3 Orang Farisi Dari Jemaah Yerusalem Tiba
- 6.4 Paulus Bersemuka Dengan Petrus
- 6.5 Mempersoalkan Pekerjaan Paulus dan Barnabas dalam Jemaah Galatia
- 6.6 Paulus Menulis Surat Kepada Jemaah Galatia
- 6.7 Persidangan di Yerusalem
- 6.8 Surat Untuk Jemaah Bukan Yahudi
- 6.9 Para Rasul Kembali Ke Antiokhia Bersama Sepucuk Surat
- 6.10 Ringkasan Tentang Persidangan Yerusalem
- 6.11 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

Bab 4

Panggilan dari Jemaah Antiokhia

4.1 Jemaah Antiokhia di Siria s. 43 TM (Kisah Para Rasul 11)

Satu laporan tiba di Yerusalem. Orang-orang di Antiokhia berpaling kepada Tuhan. Kira-kira 13 tahun selepas baptisan Roh Kudus pertama pada Perayaan Pentakosta, ramai dari orang percaya yang kembali ke tempat asal serta di negeri sekitar menceritakan pengalaman mereka di Yerusalem. Mereka berkongsi Injil dan ramai dari orang bukan Yahudi percaya.

Jemaah-jemaah terbentuk dan salah satu yang terbesar ialah di Antiokhia. Jemaah ini dimulakan oleh orang Yahudi keturunan Yunani yang asalnya dari Siprus dan Kirene. Mereka merupakan orang Kristian Yahudi yang terawal untuk percaya Yesus melalui khotbah Petrus pada hari Pentakosta. Mereka tidak hanya berkhotbah kepada orang Yahudi di saumaah tetapi berkhotbah secara langsung kepada orang-orang Yuhani atau orang bukan Yahudi. Mengapa tidak? Antiokhia di Siria dipenuhi dengan orang Yunani.

4.1A Perspektif Sejarah tentang Antiokhia di Siria

Antiokhia di Siria s. 43 TM

Wilayah ini diambil dari orang Parsi oleh Alexander Agung dan diberikan kepada salah seorang daripada jeneralnya, Seleucid, setelah di mati. Seleucus I Nicator memulakan dinasti Seleucid. Seleucus I memilih Antiokhia sebagai ibu kotanya. Kota ini dibina pada tahun 300 SM dan dinamakan sempena Raja Antiochus I iaitu keturunan Raja Seleucus I.

ia mempunyai pengaruh Helenistik yang kuat dengan penduduk kira-kira 500,000 orang dan ramai orang dari negeri-negeri lain menetap di kota itu. Ini membuatnya menjadi sebuah kota metropolitan yang besar, malah ia merupakan kota ketiga terbesar dalam Empayat Roma ketika itu, hanya didahului oleh kota Roma dan Aleksandria.

Mengapa Antiokhia di Siria penting? Secara ringkasnya, ia adalah tempat kelahiran jemaah bukan Yahudi dan merupakan pusat yang menghantar kumpulan-kumpulan misi ke Asia Roma dan Eropah. Ia menjadi gereja pusat bagi orang bukan Yahudi. Ahli sejarah menggelarnya sebagai 'buaiyan agama Kristian'. Alkitab mengatakan bahawa pengikut Yesus dipanggil sebagai 'Kristian' pada pertama kalinya di Antiokhia.

Terdapat satu komuniti Yahudi di Antiokhia tetapi merupakan golongan minoriti. Populasi mereka didominasi oleh orang Yunani. Walaupun Yerusalem merupakan kota terbesar di

Palestin, akan tetapi Palestin hanyalah satu wilayah di Siria. Antiokhia di Siria merupakan kota terbesar dan ibu kota Siria. Ini membuatnya turut menjadi ibu kota Palestin Roma. Sungai Orontes mengalir melalui kota dan ke bawah dengan kepanjangan kira-kira 25 km sehingga ke Laut Tengah. Tinggalan kota itu pada hari ini terletak berdekatan dengan Antakya di Negara Turki moden.

Memetik dari tulisan J. Pollock, 'Kota itu menjadi contoh yang mengagumkan bagi seni bina dan pelan kota, satu bukti kepada keulungan tamadun Yunani yang dibantu dengan keamanan Roma. Sama seperti semua kota pada masa itu, ia merupakan campuran antara kemegahan dan kemiskinan- laluan luas dengan deretan tiang, istana-istana wakil diraja, kuil-kuil, hippodrome (stadium lama)... dan berbatu-batu jauhnya jalan sampingan yang penuh sesak.'

Menurut Pollock, Antiochenes mempunyai reputasi yang buruk, sebahagiannya kerana kata-kata sindiran mereka yang tidak masuk akal. Tetapi yang paling utama ialah kerana kehidupan seks mereka yang sangat teruk sehingga orang Roma kuno sendiri merasakannya keterlaluan.

Apa bukti bagi perkara-perkara ini? Kira-kira 8 kilometer di selatan ke arah bukit, terletaknya Taman Daphne yang dianggap suci dan luas, didominasi oleh patung arca dewa...

Apollo yang besar, di mana beratus-ratus orang pelacur sanggup memberikan tubuh mereka kepada mana-mana lelaki yang ingin menyembah dewi cinta. Di kawasan antara pokok-pokok dan kuil-kuil, banyak gelandangan, hamba abdi yang melarikan diri, penjenayah, penghutang dan lain-lain yang tinggal di sana.

Jemaah di Antiokhia

Kiash Para Rasul 11 ¹⁹ BSetelah Stefanus dibunuh, orang yang bercerai-berai kerana dianiaya sampai ke Fenisia, Siprus dan Antiokhia. Mereka menyampaikan firman hanya kepada orang Yahudi; ²⁰ tetapi sesetengah daripada mereka dari Siprus dan Kirene datang ke Antiokhia lalu mengkhabarkan berita baik tentang Tuhan Yesus kepada orang Yunani. ²¹ Melalui kuasa Tuhan yang menyertai mereka, ramai orang percaya dan berpaling kepada-Nya.

Peta Siria di bawah penguasaan Roma. Lihat Antiokhia di Sungai Orontes dengan Seleukia sebagai pelabuhannya. Dari Historical Atlas oleh William R. Shepherd, 1923

Sumber: Domain Awam melalui Wikimedia Commons



Antiochia di Orontes pada zaman moden, di Turki. Sumber: Google Earth

4.2 Barnabas Dipilih untuk Menjaga Jemaah di Antiokhia

Berita tentang jemaah Antiokhia sampai ke Yerusalem. Para pemimpin, Petrus dan Yakobus serta mungkin beberapa yang lain berkumpul. Semakin ramai orang bukan Yahudi yang percaya kepada Yesus. Semua mereka meletakkan iman kepada Yesus Sang Mesias.

Sama seperti jemaah Yerusalem yang menghantar Petrus dan Yohanes untuk melawat jemaah baru di Samaria, mereka berpendapat bahawa adalah perlu untuk menghantar seseorang yang boleh dipercayai ke Antiokhia. Mereka perlu memastikan bahawa orang-orang percaya baru ini

benar-benar percaya dan menerima ajaran yang betul.


Sekarang bukan masanya untuk agama palsu muncul menggunakan nama Yesus. Kebanyakan daripada orang percaya Antiokhia mempunyai latar belakang penyembah berhala. Lihat apa yang terjadi setelah Asyur menghantar orang untuk tinggal di utara Isreal. Mereka membuat agama kacukan, mencampurkan agama Yahudi dan kepercayaan berhala mereka. Oleh itu, mereka perlu menghantar seseorang untuk memeriksa dan mengajar mereka jalan yang benar.

Siapakah yang harus mereka hantar? Satu kumpulan dalam jemaah Yerusalem merasakan bahawa mereka perlu menghantar seseorang yang mahir tentang Taurat. Mereka mungkin akan mengemukakan alasan seperti “Sekiranya orang Yunani yang percaya mahu diterima dalam persekutuan kita, mereka perlu mengikut Taurat. Orang yang sudah disunat tidak boleh bergaul dengan orang yang belum disunat. Makanan halal tidak boleh dicampur dengan yang tidak halal. Orang yang suci tidak boleh bercampur dengan orang yang najis.”

Akan tetapi, mereka ini orang Yunani. Orang bukan Yahudi yang tidak bertutur dalam bahasa Ibrani atau Aram, sekurang-kurangnya bukan sebagai bahasa pertama. Mereka bertutur dalam dialek umum bahasa Yunani, Koine, dan membesar dalam budaya Helenistik. Mereka membaca Kitab Suci dalam bahasa Yunani menggunakan Septuagint. Mereka percaya kerana usaha menginjil dari orang-orang percaya yang berasal dari Siprus dan Kirene.

Orang percaya baru ini tidak mempunyai latar belakang Yudea. Mereka tidak tahu apa-apa tentang buku bacaan Ibrani atau Perjanjian Lama. Mereka juga tidak tahu tentang Perjanjian Abraham atau Taurat Musa. Mereka tidak dibesarkan dengan kod moral yang tegas seperti Sepuluh Perintah yang diterapkan dalam pelajaran mereka. Mereka suka dengan cerita-cerita dan ajaran Yesus, mengasihi dengan motif yang tulus dan melayan sesama dengan sama rata. Menerima pengampunan dan mengampuni yang lain. Peraturan Sabat dan sunat merupakan perkara yang asing bagi mereka.

*Antiokhia di Siria dari North West seni ukir oleh William Miller selepas H Warren dari lukisan oleh Capt. Byam Martin R.N. Diterbitkan dalam The Imperial Bible. Oleh Patrick Fairbairn. London: Blackie and Son, Paternoster Row 1866.
Sumber: Domain Awam melalui Wikimedia Commons*



Antiokhia di Siria berada jauh dari Yerusalem. Para rasul sibuk dengan jemaah-jemaah baru yang ada di kawasan pedalaman Yudea dan Samaria. Tambahan pula, mereka memerlukan seseorang yang beolah bertutur dalam bahasa Yunani dan memahami budaya mereka. Oleh itu, selepas berdoa dan berbincang, mereka memutuskan untuk menghantar Barnabas sebagai wakil mereka.

Barnabas sudah bersama dengan mereka sejak dari Pentakosta pertama selepas kebangkitan. Dia merupakan 'orang baik, penuh dengan Roh Kudus dan iman'. Dia telah diajar dan dibimbing oleh para rasul selama 13 tahun. Dia dihormati oleh orang ramai, bahkan golongan agama Yahudi kerana dia mempunyai pengetahuan dalam Kitab Suci dan telah menyertai jemaah lebih dahulu dari mereka. Selain itu, dia juga berasal dari Siprus.

Dia merupakan Yahudi berketurunan Yunani yang boleh bertutur dan membaca Kitab Suci dalam bahasa Yunani. Barnabas diberikan tanggungjawab untuk memastikan jemaah di Antiokhia akan mengikut semua syarat yang telah ditetapkan oleh mereka.

Oleh itu Barnabas telah dihantar sebagai wakil jemaah Yerusalem. Mereka begitu mempercayainya sehingga dia dihantar seorang diri. Mungkin mereka merasakan bahawa khabar itu hanya sekadar khabar angin. Pada masa itu, tiada lagi tempat di mana jemaah bukan Yahudi berkumpul. Mungkin juga puak Yahudi dalam jemaah Yerusalem menolak untuk pergi kerana ia merupakan kota orang bukan Yahudi. Tempat-tempat serta patung-patung berhala mungkin terlalu sukar untuk dipandang. Ia berlaku pada sekitar tahun 43 TM, kira-kira 13 tahun selepas kebangkitan dan pengangkatan Yesus. Kebanyakan jemaah di kawasan kampung Yudea berusia sekitar 5 atau 6 tahun. Banyak jemaah yang kecil dalam lingkungan 100 km di Yerusalem. Akhirnya, satu jemaah bukan Yahudi muncul di ibu kota wilayah tersebut, kira-kira 500 km di utara Yerusalem. Klaudius merupakan Kaisar Empayar Roma dan Agripa I iaitu cucu Raja Herodes I merupakan gabenor Yudea. Satu peristiwa yang penting bakal terjadi.



Antiokhia (Antakya pada hari ini) terletak di tenggara Turki di Sungai Orontes. Ia dibangun pada tahun 300 SM oleh raja dinasti Seleucid yang pertama: Seleucus I Nicator (312 hingga 280 SM) – bekas jeneral Alexander Agung. Seleucus memahami kepentingan membina hubungan dengan negara-negara jiran yang kuat dan seterusnya menarik minat orang-orang berbakat dalam kota. Untuk mencapai hasratnya itu, dia menempatkan sejumlah besar orang Yunani di Antiokhia supaya dia dapat menguatkan hubungannya dengan dunia Yunani.

4.2A Puak Agama Yahudi dalam Jemaah

Terdapat satu kumpulan penting yang terdiri daripada bekas imam serta pengikut mereka yang disebut dalam Kisah Para Rasul 6: 7 “Dengan demikian firman Allah semakin tersebar dan bilangan murid Yesus di Yerusalem kian meningkat, dan ramai imam menjadi orang beriman.”

Kita tahu bahawa kumpulan ini agak besar dalam kalangan Jemaah Yerusalem kerana mereka menghantar orang untuk membuat kekecohan dengan tujuan menekan kepentingan Taurat di jemaah Antiokhia serta di Galatia kemudiannya. Yakobus turut menekankan bahawa kumpulan yang berkeras untuk mengikut hukum Taurat ini bertambah apabila Paulus kembali dari perjalanan misinya yang ketiga.

4.3 Barnabas Tiba Di Jemaah Antiokhia, Siria s. 43 TM

Barnabas hadir ketika Petrus menceritakan bagaimana Kornelius iaitu ketua askar Roma dan keluarganya percaya kepada Yesus. Mereka menerima kurnia Roh Kudus dan Petrus bercakap tentang bagaimana satu jemaah ditubuhkan di Kaisarea Maritima. Besar kemungkinan ini merupakan orang bukan Yahudi pertama yang percaya kepada Yesus di Yudea.

Tetapi apa yang dilihat oleh Barnabas apabila dia tiba di Yudea berbeza.



Taman Daphne kira-kira 8 km di selatan Antiokhia dengan kuil dan pelacur-pelacur kuil Daphne berdekatan dengan Antiokhia. Cetakan plat tembaga oleh Abraham Ortelius, Antwerpen, di awal abad ke-17.

Sumber: Wikimedia Commons

Lapan kilometer di selatan Antiokhia, berdirinya satu arca Apollo yang besar, berdekatan dengan Taman Daphne dimana perbuatan tidak bermoral dengan rahib-rahib kuil berselindung sebagai upacara keagamaan. Ketika memasuki kota, ia kelihatan seperti kota yang di rancang dengan baik tetapi penuh dengan arca-arca dewa Yunani serta kuil-kuil yang ditempatkan secara strategik di seluruh kota.

Apabila Barnabas dijemput masuk ke ruang yang penuh dengan orang percaya Yunani, dia melihat sesuatu yang membuatkan dia terkejut. Di Kaisarea, pengalaman Petrus adalah bersama dengan orang percaya bukan Yahudi; mereka sangat cermat, berkelakuan baik dan tahu akan Kitab Suci Ibrani.

Di Antiokhia, Barnabas disambut dengan sekumpulan orang Yunani; bergembira dalam suasana yang riuh dan kuat dalam persekutuan dan pujian mereka kepada Tuhan. Tiada upacara keagamaan yang selalunya dilakukan oleh orang Yahudi. Nyayian pujian yang kuat dan makan tanpa membasuh tangan dan berdoa seperti orang Yahudi. Makanan yang tidak halal dihidangkan di atas meja. Paling teruk, tiada seorang pun dari jemaah



Apollo dan Daphne, arca marmar c.1622-1625 oleh Bernini dari Galleria Borghese, Rom. Sumber: Foto oleh Architas, Domain Awam melalui CC BY-SA4.0



Yunani ini telah disunat. Orang Yahudi berketurunan Yunani yang mengkhabarkan Berita Baik kepada mereka telah mengelak dari bercakap tentang hal itu.

Antiokhia di Siria dari The Life of Apostle Paul @ Pristione World.

Tetapi semua mereka gembira dan mengasihi Tuhan Yesus. Setelah berbual dengan beberapa dari mereka, Barnabas sedar bahawa iman dan kasih mereka terhadap Yesus benar dan tulus. Ramai antara mereka datang dari latar belakang pagan dan tidak bermoral tetapi kini hidup mereka telah diubah dan kemudiannya mereka berkongsi tentang Injil kepada rakan-rakan mereka.

Barnabas boleh melihat bahawa Tuhan benar-benar bekerja di kalangan mereka. Ia merupakan pekerjaan Tuhan yang baru. Injil tentang Yesus Sang Mesias

kini telah melangkaui bukan semata-mata sempadan geografi sahaja; ia telah melangkaui sempadan bangsa. “Pergilah dan jadikan semua bangsa murid-Ku” merupakan pesan Yesus kepada rasul-rasul dan mereka telah mengajarkannya kepada murid-murid baru seperti Barnabas. Kini dia berdepan dengan peluang ‘semua bangsa’ ini.

Kisah Para Rasul 11 ²³Setelah dia sampai dan melihat kasih kurnia Allah itu, dia amat sukacita dan menggalakkan mereka semua supaya meneguhkan azam untuk tetap setia kepada Tuhan dengan sepenuh hati. ²⁴Barnabas orang baik, penuh dengan Roh Kudus dan iman. Semakin bertambahlah bilangan orang yang percaya akan Tuhan.

Apabila Barnabas, tetamu dari Yerusalem diundang untuk berkata-kata, dia berdiri dan suasana tempat itu menjadi sunyi. Apa yang harus disampaikannya? Dia berdoa untuk kebijaksanaan. Patutkah dia memberitahu mereka bahawa semua ini adalah salah? Mereka perlu mengikut Taurat Musa dan disunat? Atau patutkah dia menerima semua ini sebagai perbuatan Tuhan? Ia merupakan pekerjaan baru yang belum difahami oleh Barnabas sepenuhnya.

4.4 Era Baru Bermula

Ketika orang ramai menunggu Barnabas untuk berkata-kata, mindanya tentu sedang ligat berfikir. “Sekiranya Tuhan membawa orang-orang ini kepada-Nya, aku adalah hamba-Nya. Lihat sahaja bagaimana Tuhan membimbing jemaah ini.”

Oleh itu, Barnabas mendorong mereka untuk tetap beriman kepada Yesus dengan segenap hati mereka. Ucapannya itu benar-benar mendorong orang Yunani sehingga lebih ramai orang bukan Yahudi yang menyertai jemaah.

4.5 Pencarian Rakan Sekerja

Oleh kerana jemaah semakin bertambah, Barnabas mengambil keputusan untuk mencari rakan sekerjanya. Barnabas kini harus membuat pilihan yang baru. Patutkah dia menghantar laporan ke Yerusalem dan meminta mereka untuk menghantar pembantu? Apakah yang akan terjadi sekiranya dia berbuat demikian? Bagaimana jika mereka menghantar bekas imam atau orang dari puak agama Yahudi ke Antiokhia? Barnabas merasakan ia adalah tindakan yang kurang tepat.

4.6 Mengapa Barnabas Memilih Paulus untuk Menjadi Rakan Sekerjanya?

Kemudian Barnabas membuat keputusan. Dia tidak akan membuat laporan ke Yerusalem sementara waktu ini, tetapi dia akan mencari rakan sekerja di Tarsus. Dia teringat akan Paulus, atau dikenali sebagai Saul pada masa itu, seorang Farisi bersemangat yang telah dihantar balik ke Tarsus oleh para rasul tujuh tahun yang lalu.

Dia menguasai Kitab Suci dengan baik dan mempunyai kemampuan yang baik untuk menjelaskan bagaimana Yesus memenuhi semua yang ditulis dalam Taurat dan Nabi-nabi. Dia berasal dari Tarsus, sebuah kota Yunani dan boleh bertutur dalam bahasa Yunani dengan lancar. Seorang bekas Farisi yang telah dilatih oleh yang terbaik, tetapi kini memberi hidupnya untuk melayani Tuhan Yesus. Dia merupakan potensi yang belum disentuh. Dari teks dalam Alkitab, tiada catatan yang menyatakan bahawa Barnabas telah mendapatkan nasihat dari pemimpin-pemimpin di Yerusalem atau dari bahasa Antiokhia.



Kedudukan antara Tarsus dan Antiokhia dalam gambar satelit Google Earth.

Bukan sesuatu yang menghairankan jika dia tidak berbincang dengan jemaah di Antiokhia kerana mereka semua adalah orang percaya yang masih baru. Tetapi agak berbeza apabila dia tidak mendapatkan nasihat dari jemaah di Yerusalem. Mungkin Barnabas merasakan bahawa sebagai seorang komander dalam peperangan, dia harus membuat keputusan dengan pantas dan Roh Kudus membimbingnya untuk melakukan satu tindakan tertentu. Apabila dia memberitahu bahawa dia akan pergi ke Tarsus untuk mencari Paulus, beberapa jemaah terutamanya yang dari Siprus dan Kirene mungkin berasa hairan dan terkejut. “Mengapa dia? Dia adalah seorang penganiaya. Kami melarikan diri daripadanya di Yerusalem.” Mereka mungkin telah berbalah dengan Barnabas.

“Tetapi dialah sebabnya mengapa kamu ada di sini, dan mengapa ada jemaah di Antiokhia. Semua ini merupakan rancangan Tuhan. Seorang penganiaya yang berapai-api kini menjadi pengkhotbah Injil yang bersemangat.” Barnabas mungkin menjawab dengan sabar tetapi dia sudah bertekad.

4.7 Paulus Menyertai Pemimpin Jemaah Antiokhia s. 44 TM

Sudah lebih dari 10 tahun sejak kali terakhir mereka melihat Paulus si penganiaya. Kini Barnabas membawanya semula di tengah-tengah mereka, seperti yang dilakukannya apabila dia membawa Paulus kepada para rasul di Yerusalem. Tetapi tahun-tahun yang berlalu telah membawa perubahan kepada Paulus. Bukan lagi orang Farisi yang kasar dan angkuh, tetapi kini saudara Kristian dan rakan sekerja yang mempunyai semangat untuk memberitakan Injil yang berkobar-kobar di matanya.

Sudah tujuh tahun berlalu sejak dia dihantar pulang oleh para rasul. Tujuh tahun yang senyap menanti berita dari Yerusalem. Ketika dia berfikir bahawa masa terbaik dalam hidupnya berlalu begitu sahaja, dia mendapat panggilan, bukan dari Yerusalem tetapi dari Antiokhia dalam bentuk Barnabas. Tujuh tahun menunggu dan menyedari bahawa semua masa lalunya; latihan, pengetahuan, kedudukannya tidak bermakna sehingga pada waktu yang tepat, dia dipanggil Tuhan.

Paulus mengikut Barnabas dan mereka bersama-sama membangun jemaah di Antiokhia. Jemaah semakin bertambah sehingga mereka mendapat perhatian dari masyarakat yang melihat mereka sebagai bahan ejekan. Orang-orang yang tidak pergi ke kuil-kuil, tidak mabuk, tidak berzina, tidak hidup dengan liar, tidak mengucapkan kata-kata kasar; mereka digelar sebagai pengikut Yesus. Dan untuk pertama kalinya dalam sejarah, perkataan 'Kristian' digunakan; atau 'pengikut orang yang bernama Yesus'.

Dimanakah Orang-orang Percaya Berkumpul di Antiokhia?

Menurut rekod bertauliah jemaah baru yang dipetik pada abad ke-6, orang-orang percaya berkumpul di Jalan Singon di daerah Epiphania berdekatan dengan Pantheon, di bawah ukiran kepala Charon, pembawa sampan di Hades dalam mitos Yunani, yang bertugas membawa jiwa orang yang baru mati untuk menyeberang sungai Styx dan Acheron yang memisahkan dunia mati dari dunia hidup.

Ukiran potret kaisar Gayus, dikenali sebagai Caligula

Sumber: Wikimeida Commons dari Muzium Seni Metropolitan, New York.



4.8 Nabi Agabus dari Yerusalem s. 44 TM

Selepas beberapa waktu, beberapa nabi datang dari jemaah Yerusalem ke Antiokhia. Salah seorang daripada mereka yang bernama Agabus bernubuat bahawa kebuluran akan terjadi di tanah itu. Lukas menyatakan bahawa hal ini terjadi semasa pemerintahan Kaisar Klaudius. Orang Kristian di Antiokhia tidak kaya.


Tetapi mereka segera bertindak dengan mengumpulkan pemberian yang akan dihantar untuk membantu saudara mereka di Yerusalem, yang tidak pernah ditemui oleh mereka, supaya saudara-saudara di Yerusalem boleh menghadapi kebuluran itu. Pemberian ini mungkin lebih bijian yang disimpan atau wang yang dikumpulkan. Jemaah segera berkumpul bersama dan memilih Barnabas dan Paulus untuk menghantar pemberian mereka kepada jemaah Yerusalem (Rujuk Kisah Para Rasul 11:27-30).

4.9 Menyelamatkan Petrus dari Penjara (Kisah Para Rasul 12:1-24)

Sekitar musim bunga pada tahun 44 TM, tidak lama sebelum Perayaan Roti Tidak Beragi, Raja Herodes Agripa mula menganiaya jemaah. Dia menangkap rasul Yakobus, saudara Yohanes dan membunuhnya. Setelah dia sedar bahawa hal ini menyenangkan hati orang Yahudi, dia turut menangkap Petrus dan memenjarakannya. Dia bercadang untuk mengadakan Petrus di hadapan orang ramai dan membunuhnya selepas Perayaan Roti Tidak Beragi. Tetapi para jemaah berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk Petrus dan pada malam sebelum dia dibawa untuk dibicarakan, seorang malaikat muncul di depan Petrus dan membawanya keluar dari penjara dengan selamat secara mukjizat. Petrus meninggalkan penjara itu, muncul di hadapan para rasul yang lain dan menceritakan kepada mereka mukjizat pembebasannya. Kemudian dia meninggalkan Yudea untuk melarikan diri dari Herodes.

Pada keesokan harinya, apabila Herodes tahu bahawa Petrus telah melarikan diri, dia menyoal siasat askar-askar yang berkawal dan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas mereka. Tidak lama selepas itu, ketika Herodes Agripa berada di Kaisarea, dia marah terhadap orang Sidon dan Tirus. Sidon dan Tirus bergantung kepada negara Herodes untuk bekalan makanan. Mereka membuat janji temu untuk berjumpa dengan Herodes dan menyampaikan kes mereka supaya mereka terus dibenarkan untuk berdagang bagi mendapatkan bekalan makanan. Mereka ingin menyenangkan hati Herodes.

Apabila Herodes muncul, dia memakai jubah diraja, duduk di atas takhtanya dan menyampaikan



*The Angel Releasing St. Peter from Prison.
Painted by: Washington Allstom 1779-
1843*

*Source: Public Domain via Boston
Museum of Fine Arts*

ucapan yang mengagumkan. Oleh kerana mereka ingin menyenangkan hati raja, orang-orang berteriak “ Ini suara tuhan, bukan suara manusia.” Herodes berasa gembira dengan pujian mereka dan menyimpannya dalam hati. Dia tidak memuliakan Tuhan, sebaliknya dia benar-benar merasakan dirinya sebagai tuhan dan menerima pujian dari orang ramai. Tiba-tiba, seorang malaikat Tuhan datang dan memberikannya penyakit membawa maut lalu Herodes mati.

4.9A Perspektif Sejarah

Pada tahun 40 TM, di akhir tahun pemerintahannya, Kaisar Caligula memutuskan untuk melantik raja asing sebagai pemerintah orang Yahudi. Jadi dia melantik Herodes Agripa I untuk memerintah Palestin. Dia merupakan cucu kepada Herodes Agung atau Raja Herod I. Dengan adanya raja yang memerintah Yudea bermaksud mereka akan mendapat lebih autonomi. Raja berkuasa untuk membunuh seseorang dengan pedang tanpa perbicaraan, walaupun biasanya perbicaraan dilakukan untuk menjaga muka.

Orang Yahudi sedang memerhatikan pertumbuhan orang Kristian dan mereka bimbang jika orang Kristian semakin bertambah. Herodes, raja yang baru ditabalkan ingin mengambil hati orang Yahudi. Lagi pula, dia memang dilantik untuk menjadi raja mereka. Jika dia boleh membuat mereka untuk berpihak kepadanya, kedudukannya pasti akan menjadi lebih kukuh. Oleh itu, setelah orang Yahudi membawa kes mereka kepadanya, Herodes Agripa I menangkap Yakobus, saudara Yohanes lalu membunuhnya. Perkara ini menyenangkan hati orang Yahudi. Herodes yang melihat betapa mudahnya untuk menyenangkan hati orang Yahudi, menangkap Petrus, orang paling penting dalam kalangan jemaah Yerusalem dan merancang untuk membunuhnya sebagai acara kemuncak Perayaan Roti Tidak Beragi pada tahun 44 TM.

Walaupun cerita tentang Herodes Agripa membunuh rasul Yakobus dan memenjarakan Petrus ditulis dalam bab 12, akan tetapi menurut rekod sokongan dari ahli sejarah lain seperti Josephus, kita dapat melihat bahawa Herodes Agripa mati pada tahun 44 TM. Kisah Barnabas dan Paulus yang telah mendengar nubuat Agabus bermula dalam Kisah Para Rasul 11 dan berakhir dalam Kisah Para Rasul 12.

Penerangan yang munasabah tentang hal ini ialah kira-kira pada tahun 44 TM, Agabus bernubuat tentang bencana kebuluran yang akan berlaku dan jemaah Antiokhia mengambil masa selama satu hingga dua tahun untuk mengumpul sumbangan makanan serta wang sebelum menghantarnya ke Yerusalem. Kita juga harus ingat bahawa Yerusalem terletak 800 km dari situ dan perjalanan akan mengambil masa kira-kira 3-4 bulan lamanya, termasuk masa yang diperlukan untuk menyiapkan semua sumbangan yang telah dikumpul. Dalam garis masa sebelum ini, Paulus dan Barnabas mungkin sudah tiba di Yerusalem sekitar tahun 45 TM atau awal tahun 46 TM bersama dengan sumbangan mereka. Hal ini dapat menjelaskan mengapa cerita berakhir di

bahagian akhir Kisah Para Rasul bab 12. Ini bermaksud Kisah Para Rasul 11:30 berlaku sekitar tahun 44 TM, diikuti oleh Kisah Para Rasul 12 yang juga berlaku pada tahun 44 TM. Kemudian Kisah Para Rasul 12:25 berlaku sekitar tahun 45-46 TM.

4.10 Apakah yang Dihadapi oleh Barnabas di Yerusalem s. 46 TM

Setakat ini, tiada lagi rekod dalam Kisah Para Rasul yang menyatakan bahawa Barnabas telah membuat laporan tentang perkembangan jemaah Antiokhia kepada Yerusalem. Pola sebelumnya ialah apabila Injil diterima di sesuatu tempat yang berada di luar Yerusalem, seorang rasul akan dihantar untuk memeriksanya. Setelah memastikan kesasihan jemaah tersebut, rasul itu akan kembali dan membuat laporan kepada jemaah Yerusalem. Perkara paling penting ialah Barnabas tidak memaklumkan bahawa jemaah orang bukan Yahudi ini tidak mengamalkan tradisi Ibrani. Orang-orang percaya tidak disunat dan mereka juga memakan makanan yang tidak halal. Barnabas tentu sudah memikirkan hal ini dengan tekun. Apakah yang patut dikatakannya sekiranya mereka bertanya tentang hal ini? Dia dan Paulus enggan memaksa orang-orang percaya bukan Yahudi ini untuk mengamalkan budaya Yahudi.



Lihat kotak Perspektif Sejarah untuk melihat sebab-sebab kemungkinan mengapa isu tentang orang bukan Yahudi menerima Yesus sebelum mereka menerima ajaran agama Yahudi tidak dibangkitkan pada masa ini.

4.10A Perspektif Sejarah

Sekitar tahun 45 TM atau awal 46 TM, Barnabas, Paulus dan Titus tiba dari Antiokhia, Siria. Mereka membawa bersama sumbangan wang dan makanan untuk saudara mereka di Yerusalem. Tiada pertanyaan yang dibuat tentang jemaah Antiokhia. Hal ini mungkin disebabkan oleh jemaah Yerusalem yang masih bersedih atas kematian rasul Yakobus yang mereka kasihi, keberangkatan Petrus serta bencana kebuluran yang sedang berlaku. Lukas merekodkan bahawa Barnabas dan Paulus tiba lalu memberi sumbangan dan meninggalkan tempat itu tidak lama kemudian. Kisah Para Rasul 12: 25 Setelah Barnabas dan Saul menjalankan tugas mereka pulang dari Yerusalem dan membawa Yohanes yang bergelar Markus itu bersama mereka.

4.11 Orang Bukan Yahudi Diterima Tanpa Perlu Disunat (Galatia 2)

Dalam Galatia bab 2, Paulus menyatakan bahawa dia mempunyai tujuan lain semasa kunjungannya ke Yerusalem. Sejak dia bertemu dengan Petrus selama lima belas hari dan dihantar kembali ke Tarsus, Paulus tidak pernah menjejakkan kaki ke Yerusalem selama sebelas tahun. Sudah empat belas tahun berlalu selepas dia percaya Yesus.

Paulus ingin mencipta satu prinsip iaitu orang bukan Yahudi boleh memeluk agama Kristian tanpa perlu menjadi orang Yahudi terlebih dahulu. Dalam erti kata lain, orang Yunani yang percaya kepada Kristus dan sanggup mengikut semua prinsip yang diajar oleh Kristus, tidak perlu disunat atau memakan makanan tertentu sahaja atau perlu membuat upacara korban di Bait Suci seperti yang diperintahkan oleh Taurat Musa. Untuk membuktikan perkara ini, Paulus membawa bersama salah satu orang percaya baru dalam kunjungannya ke Yerusalem dan orang tersebut ialah Titus. Sekiranya jemaah Yerusalem boleh menerima Titus yang mewakili jemaah Antiokhia ke dalam persekutuan mereka, ini bermaksud bahawa orang bukan Yahudi boleh diterima dalam jemaah tanpa perlu menjadi orang Yahudi terlebih dahulu.



Replika The Golden Menorah di Yerusalem.

Sumber: Wikimedia Commons

Menurut surat Paulus kepada jemaah Galatia, terdapat beberapa orang dalam jemaah Yerusalem yang mahu Titus disunat. Paulus percaya bahawa mereka ini adalah golongan "orang yang berpura-pura (Galatia 2:4) beriman

telah dibawa masuk untuk mengintip.” Mereka bukan orang percaya yang sebenar tetapi mereka bersekutu dengan jemaah untuk membawa iman baru ini kembali mengikuti Taurat Musa dan menghapuskan pekerjaan Kristus.

Pertanyaannya ialah: adakah pekerjaan Kristus di atas kayu salib cukup untuk memberikan keselamatan atau kita masih perlu Taurat? Jemaah-jemaah awal bergumul dengan soalan ini sehingga ia akhirnya mendapat jalan penyelesaian. Perbuatan baik tidak akan memberikan keselamatan kepada kita tetapi dengan hanya kasih kurnia melalui iman dalam Yesus.



*Dalam saumaah sehari sebelum perayaan Yom Kippur. Lukisan oleh: Jakub Winles s. 1900
Sumber: Wikimedia Commons*

Barnabas masuk ke ruang itu bersama dengan Yakobus, saudara Yesus serta Petrus dan Yohanes. Bersama-sama dengan Barnabas ialah Paulus dan seorang bukan Yahudi yang bernama Titus. Suasana ruangan itu menjadi tegang apabila Paulus, bekas penganiaya dan ‘pemurtad’ masuk. Suasana menjadi lebih buruk apabila Titus, si orang bukan Yahudi juga melangkah masuk. Mereka sibuk mengagihkan makanan yang dibawa ke Yerusalem sebelumnya dan kelihatan agak kotor. Berani sungguh Barnabas dan Paulus membawa masuk orang Yunani najis ini di tengah-tengah kami yang suci fikir mereka.

*Gereja St Paul, Antiokhia
Gambar oleh: Dr Lim Kar Yong*



Tiada siapa yang menghulurkan tangan untuk berjabat dengan Paulus dan apabila Titus masuk, mereka berundur seakan-akan Titus berpenyakit kurap. Paulus menekankan dalam surat kepada Galatia bahawa walaupun dikritik oleh ‘pengintip’, para tua-tua dan pemimpin menerima Titus dan tidak memaksanya untuk disunat. Mereka menyatakan hal ini setelah mengadakan pertemuan secara tertutup.

Mungkin Paulus juga ingin tahu dari Petrus dan Yohanes sekiranya mereka pernah mendengar Yesus berkata ketika mereka bersama-sama dengan Dia bahawa semua orang yang mengikut-Nya sama ada Yahudi mahupun bukan Yahudi harus disunat sekiranya mereka ingin menjadi pengikutnya. Yesus hanya memerintahkan mereka untuk pergi dan menjadikan semua bangsa murid-Nya, membaptis mereka dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus. Sekiranya

para pemimpin membantah perihal Titus yang tidak disunat, merek tentu menolaknya dalam pertemuan itu.

Pemimpin jemaah Yerusalem memberkati Paulus dan Barnabas. Mereka setuju untuk membenarkan Paulus dan Barnabas bekerja dalam kalangan orang bukan Yahudi sama seperti mereka bekerja dengan orang Yahudi. Mereka hanya meminta Paulus untuk mengingatkan orang-orang miskin dan memerlukan dalam kumpulan mereka, iaitu perkara yang memang akan Paulus lakukan. Jadi setelah Paulus dan Barnabas menyerahkan sumbangan wang dan makanan dari jemaah Antiokhia, mereka pun pergi. Semasa dalam perjalanan, Barnabas singgah di rumah sepupunya. Disana, seorang pemuda bernama Yohanes Markus iaitu sepupu Barnabas, ingin menyertai mereka. Dia ingin melihat jemaah Antiokhia dan menyaksikan bagaimana Injil tersebar kepada orang bukan Yahudi. Dia ingin menjadi sebahagian dari pekerjaan yang hebat ini, meskipun dia belum mengerti harga yang perlu dibayarnya.

4.11A Perspektif Sejarah – Adakah orang percaya yang bukan Yahudi perlu disunat?

Barnabas belum membuat laporan kepada Yerusalem semenjak dia dihantar kepada jemaah Antiokhia oleh rasul-rasul tiga tahun lalu. Apabila jemaah Antiokhia bertumbuh dengan cepat, dia tidak meminta bantuan dari Yerusalem untuk menghantar pembantu tambahan. Sebaliknya, dia mengambil keputusan untuk mencari Paulus di Tarsus untuk menjadi rakan sekerjanya. Mengingatkan tentang Paulus yang merupakan seorang penganiaya 11 tahun dahulu, dan para rasul telah menghantar dia kembali ke Tarsus tujuh tahun lalu, Barnabas tentu sedar bahawa dia sedang mengambil risiko dengan memanggil Paulus untuk menjadi rakan sekerjanya. Apakah yang akan dikatakan oleh jemaah Yerusalem tentang pilihannya itu? Apakah pendapat mereka tentangnya apabila mendapat tahu bahawa dia tidak mengajar jemaah Antiokhia tentang Taurat Musa dan perihal sunat?

Soalan-soalan ini tentu sentiasa berlegar-legar dalam fikiran Barnabas. Di samping itu, Yerusalem terletak 800 km jauhnya dari Antiokhia manakala Tarsus hanya berada 130 km dari situ. Perbezaan masa perjalanan ialah 30 hari beulang-alik ke Yerusalem sedangkan hanya 10 hari diperlukan untuk pergi dan balik ke Tarsus. Tetapi besar kemungkinan jarak bukanlah sebab utama yang membuatnya berbuat demikian.

Apabila Paulus dan Barnaba tiba di Yerusalem, mereka kelihatannya terlepas dengan mudah. Tambahan pula para pemimpin di Yerusalem memberikan sokongan mereka dengan segera. Walau bagaimanapun, hal ini mungkin terjadi kerana pada waktu itu, jemaah di Yerusalem masih trauma dengan penganiayaan yang berlaku pada tahun 44 TM serta kematian Yakobus, saudara Yohanes. Yakobus, saudaranya Yohanes dan Petrus merupakan tiga orang dalam kalangan murid Yesus yang paling rapat dengan-Nya.

Meskipun begitu, kita tahu bahawa hal tersebut belum selesai dengan sepenuhnya dalam pertemuan kali ini. Tiga tahun kemudian, persoalan ini akan timbul kembali apabila kumpulan 'pengintip' atau penanut agama Yahudi pergi kepada jemaah-jemaah bukan Yahudi di Antiokhia dan Galatia lalu menyebabkan kekecohan dengan mewajibkan sunat serta mengikut kebiasaan Yahudi.

4.12 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

- a. Dari pembacaan anda, nyatakan perbezaan antara budaya Yunani di Antiokhia dan Yahudi di Yerusalem.
- b. Bagaimakah Roh Kudus memimpin Barnabas ketika dia baru sampai di jemaah Antiokhia?
- c. Pada pendapat anda, mengapakah Barnabas memilih Paulus untuk menjadi rakan sekerja dalam pelayanannya dan bukan rasul lain atau orang tua-tua dari Yerusalem atau orang Yahudi keturunan Yunani lain?
- d. Berdasarkan cerita setakat ini, bagaimanakah Tuhan menunjukkan kepada para rasul dan Paulus bahawa melalui Injil Yesus Kristus, orang bukan Yahudi diterima dan apa syaratnya?

Bab 5

Perjalanan Misi Pertama- Siprus dan Galatia

Sedang mereka beribadat kepada Tuhan dan berpuasa, Roh Kudus berkata kepada mereka, “Khaskan Barnabas dan Saul untuk-Ku, bagi melaksanakan tugas yang telah Kutetapkan untuk mereka.”
Kisah Para Rasul 13:2

Perjalanan Misi Pertama Paulus (Kisah Para Rasul 13:1-14:28)

Ahli Kumpulan: Paulus, Barnabas, Yohanes Markus

Tempoh Masa: TM s. 47-49

Jarak Perjalanan: Kira-kira 2300 km

Laluan Utama: Siria, Siprus, Galatia

Jemaah Baru: Antiokhia di Pisidia, Ikonium, Listra, Derbe



5.1 Perjalanan Misi Pertama Bermula (47 TM)

Kira-kira setahun sudah berlalu. Jemaah Antiokhia telah bertumbuh. Kebanyakan jemaah-jemaahnya adalah orang bukan Yahudi. Kini pemimpin-pemimpin mereka mempunyai tugas yang berlainan: Nabi dan guru. Lima pemimpin disebut di sini. Barnabas, Simeon yang mungkin berkulit gelap dan dari Afrika, Lukius dari Kirene, Menahem, yang dibesarkan bersama Raja Herodes, dan Paulus. Ketika mereka sedang berpuasa dan berdoa, Roh Kudus berkata kepada mereka untuk mengkhususkan Barnabas dan Paulus bagi menjalankan misi.

Perspektif Sejarah

Simeon atau Simon yang digelar 'Niger' mungkin berkulit gelap. Bukti menunjukkan bahawa besar kemungkinan dia ialah Simon dari Kirene yang sedang berada di Yerusalem dan diarahkan untuk membantu Yesus memikul salib ke Golgota. Dia juga merupakan bapa kepada Alexander dan Rufus. Dia merupakan salah seorang yang melarikan diri ke Antiokhia apabila Paulus mula menganiaya jemaah awal. Anak lelakinya, Rufus, berhijrah ke Roma. Dalam surat Paulus ke Roma, dia memberi salam kepada Rufus dan ibunya. Paulus turut menggelarnya sebagai 'ibu'. Ini menunjukkan bahawa Paulus telah menjadi sebahagian dari keluarga di Antiokhia dan mendapat kasih sayang dari beberapa orang yang pernah dianiayanya di Yerusalem.

5.2 Siprus

5.2.1 Ke Siprus, Kampung

Halaman Barnabas s. musim bunga 47 TM

Mereka didorong oleh Roh Kudus untuk menginjil ke luar Yudea. Ini bermakna negara-negara orang bukan Yahudi. Tetapi di mana? Oleh kerana Barnabas adalah ketua mereka, pilihannya agak ketara – tempat asalnya iaitu Siprus. Kita tahu bahawa Yusuf orang Lewi, atau lebih dikenali sebagai Barnabas berasal dari Siprus. Terdapat satu komuniti Yahudi yang agak besar di Siprus. Oleh itu mereka akan pergi berkhotbah di saumaah-saumaah dahulu kemudian melihat bagaimana Roh Kudus akan membimbing mereka. Yohanes Markus ikut serta kerana dia ingin terlibat dengan kembara misi. Dia membantu mengangkat beg mereka.

Kemudian mereka pergi dengan menaiki kapal di Sungai Orontes kira-kira 26 km ke Seleukia iaitu pelabuhan di Antiokhia dan berlayar selama enam jam ke Siprus. Siprus mendapat kemakmuran dari tembaganya, dan sejumlah besar populasi hamba penyembah berhala berada di sana untuk bekerja di lombong-lombong. Terdapat satu populasi Yahudi yang agak besar di pulau itu. Ini bermaksud akan ada saumaah-saumaah untuk tiga orang penginjil ini melancarkan aktiviti misi mereka.

Tempat perhentian pertama ialah Salamis di pesisir timur Siprus. Barnabas tentu tahu akan tempat itu dengan baik. Mungkin beberapa dari rakan setempatnya yang akan menyambut dan menjemputnya untuk berkhotbah di saumaah. Orang Yahudi memang melayan tetamu dengan baik tetapi mereka sukar menerima Injil. Oleh itu, Paulus dan rakannya bergerak ke bahagian barat pulau itu.



Jejak Sungai Orentes dari Antiokhia, Antakya moden menyusur 25 km ke Pelabuhan Seleukia atau Samandag di Turki moden.



Barnabas, Paulus dan Yohanes Markus berjalan dari Antiokhia ke Seleukia kemudian berlayar menuju ke Siprus dan mendarat di Salamis.

Sumber: Wikimedia Commons

5.2.2 Berkhotbah di Siprus

Siprus mungkin hanya mempunyai 1000 orang Yahudi. Kebanyakan daripada mereka mungkin sudah pernah mendengar Injil. Mereka beribadah di saumaah atau di rumah. Beberapa orang bukan Yahudi mungkin telah mendengar tentang orang Yahudi bercakap tentang Yesus, Sang Mesias. Tetapi hanya sedikit dari mereka yang percaya.

Paulus ingin membawa Injil ke tempat-tempat yang belum pernah mendengar Injil. Oleh itu di bertekad bahawa Siprus hanyalah tempat perhentian sementara. Kemudian mereka mendapat jemputan mengejut dari pemerintah pulau di Siprus. Dia ingin mendengar mesej yang dibawa oleh Paulus. Siprus diperintah secara langsung oleh Kaisar Roma sehingga baru-baru ini apabila ia diserahkan kepada ahli senat. Ini bermaksud askar pengawal di pulau itu sudah berkurang. Mereka lebih bebas dan mempunyai prokonsul berbanding gabenor. Lukas menggelar Sergius Paulus sebagai Prokonsul, dan ini adalah gelaran yang tepat.

5.3 Pertemuan dengan Ahli Sihir dan Pemerintah Pulau (Kisah Para Rasul 13:6-12)

Berita Injil tidak asing lagi di Siprus sejak ketibaan para pelarian yang dianiaya oleh Paulus kira-kira lima belas tahun sebelumnya. Mereka tentu perlu melalui bukit yang dipenuhi oleh pepohonan dan melihat kuil Aphrodite, dewi cinta, di mana pelacuran dianggap sebagai pemujaan keagamaan, sehingga mereka tiba di Pafos, sebuah ibu kota dan pelabuhan di bahagian persisiran selatan.

Setelah berkhotbah di saumaah, mereka mendapat jemputan mengejut untuk hadir di hadapan prokonsul Siprus, Sergius Paulus. Prokonsul itu ingin mendengar mesej yang dibawa oleh mereka. Ini adalah satu peluang! Jadi mereka mempersiapkan diri ketika berjalan ke istananya yang terletak di atas kota.

Sergius Paulus mempunyai minda yang saintifik seperti yang dinyatakan oleh ahli sejarah Roma, Plinius yang Tua. Dia juga ingin tahu tentang kepercayaan Timur dan tertarik dengan kepercayaan karut. Paulus dan Barnabas sedar akan hal ini kerana ada di antara pengiringnya yang merupakan nabi palsu Yahudi yang bernama Bar-Yusha atau 'anak penyelamat'. Dia berkecimpung



Kisah Para Rasul 13:6-12 Elimas menjadi buta di hadapan Prokonsul Sergius Paulus. Lukisan oleh: Raphael s. 1515. Sumber: Muzium The Victoria di London melalui Wikimedia Commons

dengan ajaran ilmu ghaib. Sudah tentu dia bukan orang Yahudi yang mengamalkan Taurat Musa dengan ketat kerana sebarang penglibatan dalam ilmu sihir dan alam ghaib sangat dilarang oleh agama Yahudi.

Anehnya, terdapat banyak orang Yahudi yang terkenal dengan ilmu sihir mereka di negara-negara bukan Yahudi pada masa itu kerana kita akan sekali lagi melihat fenomena ini di Efesus kemudiannya. Bar-Yashu atau dikenali sebagai Elimas di Siprus terus-menerus mengganggu Paulus.


Akhirnya, Paulus merasakan bahawa dia perlu menghentikan nabi palsu ini daripada terus mengganggu. Maka dengan pimpinan Roh Kudus, Paulus menatap mata Elimas dan menyatakan siapa dirinya yang sebenar, "Hai kamu anak Iblis, seteru segala yang benar, kamu yang penuh dengan tipu daya! Tiadakah kamu mahu berhenti memesongkan jalan Tuhan yang betul? Tuhan akan menghukum kamu pada saat ini juga. Kamu akan buta, tidak dapat melihat cahaya matahari buat beberapa waktu." Saat itu juga kegelapan menutupi mata Elimas. Dia tidak dapat melihat dan terpaksa meminta seseorang untuk memimpinnya dengan tangan. Ini hampir sama seperti yang berlaku ke atas Paulus ketika dia berada dalam perjalanan ke Damsyik.

Sergius Paulus yang melihat mukjizat ini sangat kagum dengan Injil. Dia sedar bahawa dia telah diberikan satu penglihatan ilahi. Dia menjadi orang percaya. Paulus dan Barnabas kagum dengan cara Tuhan bekerja. Mereka sedar bahawa orang-orang bukan Yahudi, di Antiokhia mahupun yang berada di sekitar empayar boleh dimenangkan dengan Injil. Ia menjadi satu sumber kekuatan buat mereka.

Perspektif Sejarah

Pada tahun 1912, seorang ahli arkeologi yang bernama Sir William Mitchell Ramsay menggali satu inskripsi di Anatolia yang menunjukkan bahawa Sergius Paulus mempengaruhi anak perempuannya untuk memeluk agama Kristian. Anak lelakinya yang mungkin sedang menimba ilmu di Roma ketika ayahnya menjadi Prokonsul di Siprus kekal sebagai penyembah berhala. Sir William Mitchel Ramsay (jangan dikelirukan dengan Sir William Ramsay), ahli Kimia Diraja, merupakan orang Scotland yang diiktiraf sebagai sarjana Perjanjian Baru dan ahli arkeologi yang paling berwibawa bagi Asia Kecil, ataupun Turki pada hari ini.

*Sir William Mitchel Ramsey (1851-1938)
Domain Awam melalui WMC*



5.4 Gospel for the Gentiles

Paulus dan Barnabas amat teruja. Mereka kini melihat bukti bahawa orang bukan Yahudi terbuka menerima Injil. Tuhan boleh membuka pintu bagi mereka ke dunia Yunani. Terdapat dua peristiwa penting yang terjadi setelah Sergius Paulus menjadi penganut agama Kristian. Paulus menggunakan nama Romanya, iaitu Paulus, dan Barnabas dengan besar hati menjadikan Paulus sebagai ketua kumpulan misi mereka. Mulai saat ini, mereka akan dikenali sebagai Paulus dan Barnabas.

Di Pafos, Saul menukar namanya kepada Paulus, iaitu nama Roma. Ini menandakan bahawa Paulus telah membuat keputusan untuk membawa Injil kepada orang bukan Yahudi di dunia Roma. Nama Paulus lebih mudah dikenali dan diterima di kawasan tersebut. Tetapi dimanakah orang-orang bukan Yahudi? Dia ingin pergi ke kawasan pedalaman, iaitu Galatia.

5.5 Yohanes Markus Meninggalkan Kumpulan di Perga s. 47 TM

Mengapa tidak tinggal sahaja di Siprus? Yohanes Markus dan Barnabas tentu tertanyanya. Mereka sudah membawa seseorang untuk percaya Yesus bahkan dia juga merupakan pemerintah Roma di pulau itu. Mereka boleh meneguhkan lagi jemaah di sana. Tetapi Paulus bertekad bahawa misi mereka untuk orang bukan Yahudi harus diteruskan kepada tempat-tempat di mana Injil masih belum pernah didengar. Mereka harus pergi ke tanah besar kerana di sana terdapat populasi orang bukan Yahudi dan orang Yunani yang lebih besar.

Kemudian mereka berlayar ke Perga, wilayah di Pamfilia. Paulus ingin meneruskan perjalanan ke kawasan pedalaman. Di antara pemerintahan Kaisar Agustus dan Nero, Roma yang aman membuat kebanyakan jalan raya di empayar itu selamat untuk dilalui. Namun ada beberapa jalan yang tidak selamat, termasuklah salah satu laluan di antara Perga dan Antiokhia di Pisidia. Laluan ini terkenal dengan penganas-pengganas dan puak gasar yang akan merompak pengembara yang berseorangan atau yang lemah. Paulus dan rakannya harus menyertai karavan.

Kisah Para Rasul 13¹³Paulus dan rakan-rakannya belayar dari Pafos ke kota Perga di Tanah Pamfilia. Dari situ Yohanes meninggalkan mereka lalu pulang ke Yerusalem. ¹⁴Yang lain meneruskan perjalanan dari Perga ke kota Antiokhia di Pisidia. Pada hari Sabat mereka masuk ke saumaah lalu duduk di situ.



Di tempat inilah Yohanes Markus membuat keputusan untuk meninggalkan mereka lalu kembali ke Yerusalem. Hal ini meninggalkan kesan yang dalam kepada Paulus kerana selama beberapa tahun akan datang dia merujuk pemergian Yohanes Markus sebagai satu perbuatan meninggalkan tugas.

5.5A Spekulasi tentang Pemergian Yohanes Markus

Ahli-ahli sarjana Alkitab telah menyatakan beberapa sebab kemungkinan mengapa Yohanes Markus pergi. Antara sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

1. Paulus menderita penyakit malaria di Perga dan ingin pergi ke kawasan tanah tinggi untuk memulihkan kesihatan. Ini perbuatan yang normal pada masa itu. Yohanes Markus tidak bersetuju dengan tindakan tersebut. Tetapi ini tidak bermaksud bahawa dia akan pergi begitu sahaja hanya kerana perkara itu.

2. Markus takut untuk pergi ke kawasan tanah tinggi yang terkenal dengan serangan perompak. Dia takut dan mengambil keputusan untuk tidak meneruskan perjalanan.

3. Dia mungkin tidak perpuas hati dengan pemilihan Paulus sebagai ketua misi mereka. Mengapa mereka tidak terus tinggal di Siprus dan mengambil masa untuk membina jemaah-jemaah di Siprus?

4. Di mungkin merindui keluarganya, atau mungkin juga kekasihnya? Kita tidak pasti tetapi kita tahu bahawa Paulus tidak senang dengan tindakannya itu.

Paulus menganggap perbuatan Markus sebagai satu pengabaian dan tidak membenarkan dia menyertai perjalanan misi yang kedua. Tetapi di kemudian hari, kita tahu bahawa Markus diterima kembali oleh Paulus dan dia telah memberikan sumbangan yang penting dengan menjadi juru tulis kepada kesaksian peribadi Rasul Petrus yang kita kenali pada hari ini sebagai Injil Markus.



Lukisan Yohanes Markus oleh Frans Hals s. 1625

Sejarah Perga

Perga pernah menjadi ibu kota Pamfilia. Hari ini ia terletak di Wilayah Antalya di persisiran barat daya Laut Tengah, Turki. Ia merupakan satu kawasan puing-puing kuno yang besar terletak 15 kilometer (9.3 batu) di dataran pantai timur Antalya. Ia diperintah oleh orang Het, Parsi, Yunani dan Roma. Laluan di antara Perga dan Antiokhia di Pisidia terkenal dengan hal-hal merbahaya, bahkan pada tempoh Pax Romana yang aman.

5.6 Antiokhia di Pisidia (Kisah Para Rasul 13:13-49)

Antiokhia di Pisidia dibina oleh Dinasti Seleukia, salah satu kerajaan Yunani. Ia kemudiannya dibina semula oleh Agustus sebagai koloni Roma untuk mengekalkan keamanan di kawasan tanah tinggi. Agustus meninggalkan sejumlah askar Romawi untuk menetap di koloni ini. Keturunan mereka, bersama-sama dengan pentadbir selatan Galatia menjadi golongan bangsawan yang memegang kewarganegaraan Roma. Orang asal Frigia melakukan kerja-kerja berat dan kebanyakannya menjadi hamba abdi. Pada waktu itu, perkataan Frigia menjadi sama erti dengan hamba. Hanya sebilangan kecil orang Yahudi yang tinggal di kawasan ini.

Di Antiokhia, Pisidia, Paulus dan Barnabas melawat saumaah-saumaah. Ini menunjukkan wujud komuniti Yahudi yang kecil di kota itu. Saumaah biasanya mengalu-alukan pelawat Yahudi dan sangat tertarik untuk mendengar khabar dari Yerusalem. Paulus dan Barnabas bukanlah pelawat biasa. Paulus merupakan seorang Farisi dari Yerusalem yang telah dilatih oleh Gamaliel dan Barnabas merupakan orang Lewi yang pernah tinggal beberapa tahun di Yerusalem. Oleh itu, setelah upacara ibadah biasa selesai, mereka menjemput dua pelawat itu untuk berucap. "Sahabat, sekiranya kamu mempunyai kata-kata yang mendorong, kongsi kanlah ia dengan kami."



Teater Antiokhia di Pisidia. Asalnya dibina pada zaman pemerintahan Yunani sebelum 25 M. Ia diubah menjadi lebih besar oleh orang Roma sekitar tahun 311 TM. Ia boleh menampung lebih dari 12,000 orang.

Paulus dengan segera berdiri lalu bercerita tentang mesej yang didengarnya sebelum Stefanus direjam sehingga mati. Barangkali, ucapan yang didengarnya dari Stefanus telah memberikan kesan yang mendalam pada diri Paulus sehingga dia menggunakannya dalam salah satu ucapan panjang pertama yang kita dengar darinya.

Mujurlah Lukas telah merekodkannya secara terperinci. Paulus bermula dengan memberi salam kepada orang-orang Yahudi termasuklah orang bukan Yahudi yang merupakan Penyembah Tuhan. Kemudian dia menceritakan semula bagaimana Tuhan memilih bangsa Israel; bagaimana Tuhan membawa mereka dari perhambaan

di Mesir sehingga menjadi satu kerajaan di Tanah Perjanjian. Kini, mereka, Paulus dan Barnabas ada di Antiokhia Pisidia untuk membawa Berita Baik tentang penyelamatan Tuhan.

Mesias ialah Yesus yang telah naik ke syurga dan pengampunan ada bagi semua orang yang percaya kepada-Nya. “Setiap orang yang percaya kepada-Nya diampuni segala dosanya yang tidak dapat diampunkan melalui Taurat Musa,” kata Paulus.

Kemudian ketika Paulus dan Barnabas meninggalkan saumaah hari itu, ramai orang meminta mereka untuk berucap kembali pada minggu hadapan. Mereka ingin menjemput rakan-rakan mereka untuk mendengar. Ramai orang Yahudi, Penganut Baru dan Penyembah Tuhan mengikut Paulus dan Barnabas untuk bertanya soalan dan mendengar mereka. Mesej yang disampaikan begitu mengejutkan mereka. Mereka boleh menerima pengampunan dan keselamatan tanpa mengikut adat Yahudi, peraturan makanan haram serta sunat. Keselamatan datang dari kasih kurnia Tuhan dengan mempercayai Yesus.

Pada minggu berikutnya, hampir semua penduduk kota berkumpul di luar saumaah untuk mendengar dua orang rasul bersaksi tentang Yesus Mesias. Tetapi apabila pemimpin saumaah melihat ramai orang yang datang, timbullah hasad dengki mereka. Jadi mereka mencela serta membangkang apa sahaja yang dikatakan oleh Paulus. Mereka terus-menerus melakukan hal itu sehingga Paulus dan Barnabas akhirnya mengatakan bahawa memandangkan mereka menolak Firman Tuhan yang ingin mereka sampaikan terlebih dahulu kepada orang Yahudi, mereka kini akan pergi kepada bangsa asing. Lagipula, ia telah dinubuatkan dalam Kitab Suci Ibrani dalam Yesaya, “Aku telah menetapkan kamu menjadi cahaya kepada bangsa-bangsa supaya kamu akan membawa penyelamatan daripada-Ku sampai ke hujung bumi.”

Apabila orang bangsa asing mendengarnya, mereka sangat bersukacita dan ramai yang percaya kepada Yesus Kristus. Paulus dan Barnabas terus mengajar mereka yang datang dan mendengar di salah satu rumah orang asing di kota itu. Mereka berkumpul pada waktu malam dan jumlah mereka semakin banyak. Hal ini mungkin berterusan selama 3 atau 4 bulan dan satu jemaah pun terbentuk. Paulus dan Barnabas menjadi pemimpin dan guru mereka.

5.6A Perspektif Sejarah Antiokhia Pisidia

Pada hari ini, sebahagian besar Antiokhia di Pisidia sudah menjadi puing-puing runtuhan. Ia terletak kira-kira 1 km dari timur laut kota moden Yalvac. Anda boleh mencari Antiokhia Pisidia di Google Earth dengan menaip Yalvac di Turki kemudiannya mencari di arah timur laut. Kota itu sebenarnya bukan sebahagian dari kawasan Pisidia tetapi terletak berdekatan dengan utara Pisidia dalam wilayah Frigia. Walau bagaimanapun, ia selalu disebut sebagai Antiokhia di Pisidia (Kisah Para Rasul 13:14), yang bererti ‘Antiokhia yang berdekatan dengan Pisidia’ sebagai satu cara untuk membezakannya dari kota lain yang bernama Antiokhia. Setelah zaman Paulus berlalu pada tahun 295 TM, orang Romawi membahagikan semula kawasan itu lalu membentuk wilayah Pisidia dan menjadikan Antiokhia sebagai ibu kotanya.

ia dibina sekitar abad ke-3 SM oleh salah seorang pemerintah Seleukia. Kota itu terletak secara strategik dan penting dari segi ketenteraan dan perniagaan kerana ia berada di tempat yang subur dan mempunyai hasil pertanian yang banyak untuk didagangkan. Ia juga berada di tempat yang mempunyai pertahanan semula jadi.

Paulus dan Barnabas mungkin berjalan dari Perga ke Antiokhia dengan melalui jalan Via Sebaste. Paulus berkhotbah di sebuah saumaah pada hari Sabat yang berikutnya. Mesej itu diterima dengan sangat baik sehingga pada hari Sabat yang seterusnya, hampir semua penduduk kota itu berhimpun untuk mendengarkan mereka



(Kisah Para Rasul 13:44). Walaupun ramai yang menjadi orang Kristian, kepopularan mereka menerbitkan perasaan hasad dengki dalam kalangan orang Yahudi. Kemudian mereka melakukan penganiayaan terhadap Paulus dan Barnabas lalu mengusir mereka keluar dari wilayah itu. Namun begitu, satu jemaah orang percaya sudah terbentuk dan Paulus serta Barnabas akan kembali untuk mendorong mereka.

5.6B Lawatan Awal Paulus ke Galatia Ditangguh Kerana Penyakit

Pada mulanya, Paulus tidak bercadang untuk tinggal lama di sana. Akan tetapi dia menderita penyakit fizikal yang memaksanya untuk tinggal lebih lama. Oleh kerana dia berada di sana lebih lama, Paulus dan Barnabas berjaya mengasaskan dan meneguhkan satu jemaah. Ia merupakan jemaah pertama di wilayah Galatia. Dia mengingat hal ini kembali apabila dia menulis surat kepada jemaah di Galatia: Gal 4:12b “Kamu tidak pernah menganiayaku. ¹³Kamu tahu bahawa kerana kedaifan jasmani, aku mula-mula menyampaikan Injil kepadamu. ¹⁴Dan kamu tidak menghina atau menyingkirkan aku kerana cubaan jasmani yang kutanggung. Sebaliknya, kamu telah menyambutku seperti malaikat Allah, malah seperti Kristus Yesus.”

5.6C Galatia, Wilayah Roma

Galatia yang merupakan sebuah wilayah Roma merangkumi sebahagian besar Asia Kecil. Namanya diambil sempena nama kerajaan asal orang Galatia atau Gaul. Gaul menakluk Galatia pada abad ke-3 SM dan menetap di kawasan itu, yang dahulunya dimiliki oleh Frigia. Ramai orang asal Frigia dijadikan hamba abdi seperti yang kita lihat di Siprus. Akhirnya, pemimpin-pemimpin bersekutu dengan Roma dan pada abad ke-25 SM, Kaisar Agustus mengiktiraf kerajaan itu sebagai salah satu wilayah Roma. Kota yang dilawat oleh Paulus dalam misi pertamanya termasuklah Antiokhia di Pisidia, Ikonium, Listra, Derbe. Semua kota-kota ini merupakan sebahagian dari kawasan selatan Galatia.

*Nymphaeum atau Kolam Air Pancut di
Antiokhia Pisidia
Sumber: Wikimedia Commons*



5.7 Gangguan di Antiokhia Pisidia (Kisah Para Rasul 13:50-52)

Apabila jumlah jemaah semakin besar, para pemimpin saumaah menjadi gelisah kerana ramai ahli mereka telah pergi untuk menjadi ahli kumpulan Paulus. Ini termasuk sebahagian besar dari penganut baru dan orang yang belum disunat. Oleh itu mereka bertekad untuk menghentikan aktiviti kumpulan Paulus.

Mereka tidak mempunyai sebab yang kukuh untuk menyuruh pihak pentadbiran kota supaya mengambil tindakan secara langsung, jadi mereka memujuk isteri-isteri yang menjadi sebahagian dari golongan bangsawan di kota untuk mengambil tindakan. Lagi pula, mereka ini merupakan penjaga kepada kultus utama kota itu yang bernama 'Mens' dan jika orang asing ini mencuri pengikut-pengikut mereka, ia harus dihentikan. Jadi mereka menghasut wanita-wanita terkemuka bangsa asing yang takut akan Tuhan bersama dengan suami mereka dan setelah itu



*Antioch of Pisidia in today's Yalvac city, Turkey
Source: Wikimedia Commons*

mengupah sekumpulan perusuh yang liar, akhirnya Paulus dan Barnabas terpaksa pergi dari situ. Apabila Paulus dan Barnabas meninggalkan kota itu, mereka mengebaskan debu dari kaki mereka sebagai bantahan. Walau bagaimanapun, sekumpulan orang asing yang percaya telah membentuk satu jemaah yang tidak formal. Mereka penuh dengan sukacita dan Roh Kudus. Mereka selalu berjumpa untuk mendorong antara satu sama lain.


5.7A Kaedah Pekerjaan Misi Paulus

Paulus dan Barnabas mungkin telah memberikan arahan kepada pemimpin tempatan tentang bagaimana mengendalikan jemaah dan berjanji untuk datang kembali melawat mereka. Hentian yang berikutnya ialah Ikonium, kira-kira 150 km jauhnya dan mengambil masa lima hari perjalanan.

Paulus mungkin sedar bahawa keadah pertamanya iaitu berpindah dari kota ke kota seperti yang dilakukannya di Siprus tidak efektif, berbeza dengan apa yang terjadi di Antiokhia Pisidia. Oleh kerana sakit jasmaninya seperti yang ditulis dalam Galatia 4:12 (lihat kotak 5.6B), Paulus tinggal lebih lama di Antiokhia Pisidia, bertentangan dengan rancangan awalnya dan akhirnya sedar bahawa kaedah ini lebih baik untuk menyebarkan Injil. Paulus akan mencari pusat bagi sesebuah kawasan. Jika mereka diterima, mereka akan menjadikan tempat itu sebagai pusat operasi. Adalah penting untuk tinggal di sana selama beberapa waktu supaya mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk mengajar dan membangun jemaah. Kemudian mereka akan melatih pemimpin tempatan untuk mengambil alih dan membenarkan mereka menyebarkan Injil ke luar kawasan kota. Mereka lebih efektif dalam menyampaikan injil di kawasan luar kota. Kemudian mereka akan pergi ke kota yang lain.

5.8 On to Iconium (Acts 14:1-7)

Di Ikonium, pola kejadian yang sama berulang. Paulus dan Barnabas berucap di saumaah. Mesej yang diterima sangat menarik perhatian sehingga ramai orang Yahudi dan orang asing menjadi orang Kristian. Kemudian orang Yahudi yang enggan percaya, menghasut orang asing dan menentang orang-orang percaya. Tetapi kini Paulus dan Barnabas merancang untuk tinggal lebih lama untuk membantu meneguhkan iman orang-orang percaya dan membina jemaah tempatan. Mereka tinggal di



Gereja Entry of the Lord into Jerusalem (1702-1707) dan Paraskeva Pyatnista (1772) di Ikonium, Konya moden di Turki.

Sumber: Wikimedia Commons

sana sehinggalah mereka mendengar khabar bahawa rasul akan ditangkap dan direjam. Setelah itu Paulus dan Barnabas mengambil keputusan untuk meninggalkan kota dan berjalan menuju ke daerah Likaonia. Namun ketika mereka pergi, satu jemaah sudah pun dibangun di Ikonium.

5.8A Sejarah Ikonium atau Konya Moden di Turki

Kota itu berada di bawah pengaruh orang Het sekitar tahun 1500 SM dan kemudiannya Orang Laut, yang juga menjadi orang Filistin di Yudea sekitar tahun 1200 SM. Orang Frigia menubuhkan kerajaan mereka di tengah Anatolia pada abad ke-8 SM. Kawasan itu menjadi sebahagian dari Empayar Parsi sehinggalah Darius III ditewaskan oleh Alexander Agung pada tahun 333 SM. Setelah kematian Alexander, pekan itu dikuasai oleh Seleucus I Nicator. Pada zaman pemerintahan Yunani pekan itu diperintah oleh raja Pergamon. Apabila Attalus III, raja Pergamon yang terakhir hampir mangkat tanpa pewaris, dia menyerahkan kerajaannya kepada Republik Roma.

5.9 Ke Listra

Kita tidak dimaklumkan sekiranya terdapat saumaah di Listra atau tidak. Tetapi Listra dipenuhi dengan orang asing dan orang Yahudi minoriti. Ia juga merupakan kota di mana penduduknya lebih selesa bertutur dalam dialek Likaonia berbanding bahasa Yunani. Ini mungkin telah menyebabkan salah faham apabila Paulus melawat kota itu untuk pertama kali. Lukas telah merekodkan secara terperinci peristiwa yang terjadi.

Kisah Para Rasul 14: 8Di Listra ada seorang lelaki yang lumpuh kakinya sejak lahir dan tidak pernah berjalan. 9Dia duduk mendengar kata-kata Paulus. 10Pada pandangan Paulus orang itu dapat disembuhkan kerana dia mempunyai iman. 11Oleh yang demikian Paulus merenungnya sambil bersuara lantang, “Bangunlah berdiri tegak!” Lalu orang itu melompat berdiri dan mula berjalan. 12Orang ramai melihat apa

yang dilakukan oleh Paulus itu lalu berseru dalam bahasa Likaonia, “Lihatlah, tuhan-tuhan telah menjelma sebagai manusia dan turun ke dunia.” 13Dengan demikian Barnabas dipanggil mereka “Zeus” dan Paulus disebut “Hermes” kerana dia yang terutama bercakap. 14Imam Dewa Zeus, yang rumah berhalanya di luar kota, datang membawa lembu jantan dan kalungan bunga ke pintu gerbang untuk dijadikan korban persembahannya dan orang ramai kepada rasul-rasul itu.





Paulus dan Barnabas di Listra. Lukisan oleh: Johann Heiss s. 1678. Sumber: Wikimedia Commons

jalan masing-masing. ¹⁷Namun demikian, Allah sentiasa memberikan kesaksian tentang diri-Nya dengan kebaikan yang dilakukan-Nya. Dia mengurniaimu hujan dari langit dan hasil dari bumi menurut musimnya. Dia memuaskan hatimu dengan makanan dan kegembiraan.” ¹⁸Sungguhpun rasul-rasul itu berkata begitu, sukar juga mereka menghalang orang ramai mempersembahkan korban kepada mereka.

¹⁹Setelah itu, beberapa orang Yahudi dari Antiokhia dan Ikonium mempengaruhi orang ramai sehingga berpihak kepada mereka. Mereka merejam Paulus, kemudian menyeretnya ke luar kota, dengan sangkaan dia sudah mati. ²⁰Akan tetapi, apabila murid Yesus mengelilinginya, dia bangun lalu masuk semula ke dalam kota. Esoknya dia keluar pergi ke Derbe bersama Barnabas.

¹⁴Apabila Barnabas dan Paulus mendengar apa yang hendak dilakukan oleh orang di situ, mereka mengoyak-ngoyakkan pakaian dan berlari ke tengah-tengah orang ramai sambil berseru, ¹⁵A”Mengapa kamu berbuat begini? Kami manusia biasa seperti kamu sekalian! Kami datang membawa berita baik supaya kamu berhenti daripada pemujaan yang sia-sia ini dan datang kepada Allah yang hidup, yang menjadikan langit, bumi dan laut serta segala yang di dalamnya.

¹⁶Pada zaman silam, Allah membiarkan manusia mengikut

5.9A Listra – Tinggalan Arkeologi

Tidak banyak tinggalan kota Listra kuno yang terletak berdekatan dengan kampung Hatunsaray moden, kira-kira 38 km di barat daya Konya. Pada tahun 1885, J.R. Sitlington Sterrett menemui satu bongkah batu setinggi 3.5 meter dan berketebalan 1 kaki di sebuah timbunan yang dipanggil Zoldera, kira-kira 1.6 km di utara Hatunsaray. Di atas batu itu terdapat inskripsi yang menamakan tempat itu sebagai Listra. Tugu tersebut didirikan untuk memperingati Kaisar Agustus yang menubuhkan koloni Roma, iaitu Listra. Terdapat banyak lagi tempat di Listra yang belum digali.

Seorang wanita Yahudi bernama Lois dan anaknya Eunike tinggal di Listra. Mereka menyaksikan kejadian merejam itu bersama dengan anak lelaki Eunike iaitu Timotius yang kemungkinan baru

berumur 17 tahun ketika itu. Timotius akan menjadi murid Paulus yang setia dan meneruskan banyak pekerjaan dan pelayanan rasul-rasul.

5.9B Lagenda Zeus dan Hermes

Menurut sebuah lagenda kuno, Zeus dan Hermes yang merupakan dewa Yunani yang pernah datang ke bumi dengan menyamar sebagai manusia untuk mencari tempat tinggal. Walaupun mereka telah bertanya kepada semua penduduk kampung, tidak seorang pun yang menerima mereka. Akhirnya, mereka diterima oleh satu pasangan yang sudah tua bernama Philemon dan isterinya Baucis. Mereka tinggal di rumah jerami pasangan itu. Sebagai tanda penghargaan, dewa itu mengubah rumah mereka kepada kuil yang berbumbung emas dan bertiang mar-mar. Mereka dilantik menjadi rahib dan paderi kuil. Mereka juga tidak mati tetapi sebaliknya bertukar menjadi dua batang pokok. Walau bagaimanapun, semua orang yang tidak memberi mereka tempat teduh dihukum mati.

Mengingatkan lagenda itu dan melihat mukjizat penyembuhan orang yang lumpuh sejak lahir, penduduk di sana mungkin terinspirasi untuk percaya bahawa dewa Zeus dan Hermes telah kembali. Mereka ingin memberi persembahan supaya tidak menderita akibat tidak memberikan layanan serta penghormatan kepada dewa-dewa itu.



Mercury (Hermes Yunani) dan Jupiter (Zeus Yunani) di rumah Philemon dan Baucis.

Lukisan oleh: Jacob Von Oost s. abad ke-17 SM dari Muzium Seni Halus, San Francisco melalui Wikimedia Commons.

5.10 Ke Derbe dan Perjalanan Kembali

Para rasul melanjutkan perjalanan ke Derbe. Pekerjaan misi mereka di sana berjaya tanpa sebarang gangguan. Satu jemaah telah ditubuhkan dan setelah meluangkan beberapa waktu disana, para rasul mengambil keputusan untuk kembali melalui jalan yang sama sebelumnya. Lukas merekodkan perkara ini dengan terperinci:

5.11 Kembali ke Antiokhia di Siria

Kisah Para Rasul 14: 21 Setelah mengkhabarkan berita baik kepada semua penduduk dan membawa beberapa orang menjadi murid Yesus, kedua-duanya kembali ke Listra, ke Ikonium dan Antiokhia. *22* Di sana mereka menguatkan hati para murid Yesus dan mengingatkan mereka

supaya berpegang teguh pada kepercayaan mereka, katanya, “Memang tidak dapat dielakkan bahawa kita masuk ke dalam kerajaan Allah dengan menanggung banyak kesusahan.”²³ Setelah menetapkan para tua-tua bagi setiap jemaah dan berdoa serta berpuasa, mereka menyerahkan tua-tua itu kepada Tuhan yang sudah pun dipercayai oleh mereka.

²⁴Setelah melalui Pisidia, rasul-rasul itu sampai di Pamfilia.²⁵ Mereka menyampaikan firman Allah di Perga, kemudian pergi ke Atalia. ²⁶Dari sana mereka belayar ke Antiokhia, tempat mereka dahulunya diserahkan kepada anugerah Allah untuk tugas yang baru diselesaikan mereka.

Pada sekitar tahun 49 TM, para rasul tiba di Antiokhia di Siria. Sekembalinya mereka di Antiokhia, Paulus dan Barnabas menceritakan semua perkara baik yang telah Tuhan lakukan melalui mereka. Bagaimana Tuhan membukakan pintu iman untuk orang-orang asing. Jemaah Antiokhia pun bersukacita. Mereka kini menjadi pusat bagi beberapa jemaah yang lain, kebanyakan jemaah orang asing sepertinya, tetapi bertumbuh dan menjadi semakin maju.

5.11A Teka-Teki Sejarah Terjawab

Untuk sekian lamanya para pakar tertanya-tanya bagaimana Paulus boleh berlindung di Derbe sedangkan dia ialah orang pelarian di Listra, memandangkan kedua-dua kota tersebut merupakan kota Galatia yang berdekatan. Tetapi tidak seorang pun yang menjumpai tapak kota Derbe kuno. Kemudian pada tahun 1964, tapak yang sebenar ditemui bukan seperti yang diramal sebelum ini iaitu berdekatan dengan Gunung Hitam di Listra tetapi berada di Devri Sehri, jauh di arah timur dan melangkau sempadan negeri. Ia adalah sebahagian dari Galatia Likaonia yang bahkan diberi penghormatan oleh Kaisar Klaudius. Kira-kira setahun atau dua tahun sebelum lawatan Paulus, ia telah diserahkan kepada Raja Antiochus dari Commagene yang memerintah kawasan di antara Galatia dan Kilikia sebagai wakil Roma.

Di sini, Paulus yang cedera akibat direjam dialu-alukan. Dia disambut dan diberikan tempat tinggal untuk memulihkan diri. Besar kemungkinan Paulus berfikir tentang orang Derbe ketika dia menulis dalam suratnya kepada jemaah di Galatia, “Dan kamu tidak menghina atau menyingkirkan aku kerana cubaan jasmani yang kutanggung. Sebaliknya, kamu telah menyambutku seperti malaikat Allah...”

(Rujuk The Apostle oleh John Pollock ms.97 atau Galatia 4:14)

5.12 Perkara Penting dalam Perjalanan Misi Pertama Paulus

Tahun: 47-49 TM

Tempat Yang Dikunjungi: Salamis, Pafos, Perga, Antiokhia Pisidia, Ikonium, Derbe, Attalia

Jemaah Baru: (4); Antiokhia Pisidia, Ikonium, Listra dan Derbe

Tempoh yang diambil: (a) Antiokhia Pisidia = 3-5 bulan
(b) Ikonium = 3-5 bulan
(c) Listra = 3-5 bulan
(d) Derbe = 3-5 bulan

Sumber: Frank Viola

5.13 Ringkasan Hasil Dari Perjalanan Misi Pertama

Perjalanan misi pertama Paulus dan Barnabas bermula dari jemaah Antiokhia Siria yang berdoa meminta bimbingan. Roh Kudus meyakinkan mereka untuk menghantar Barnabas dan Paulus bersama dengan Yohanes Markus sebagai pembantu yang masih muda. Misi ini tidak bermula dengan baik pada awalnya.

1. Di Siprus iaitu tempat asal Barnabas, gabenornya menjadi orang Kristian; Saul dari Tarsus menukar namanya kepada Paulus dari Tarsus; Paulus menjadi ketua misi.
2. Mereka menjelajah ke kawasan dalam Asia Kecil di mana Yohanes Markus meninggalkan kumpulan dan kembali ke Yerusalem. Paulus menyatakan pemergian Markus sebagai satu pengingkar tugas.
3. Di Galatia, para rasul telah menubuhkan sekurang-kurangnya empat jemaah di kota-kota penting: Antiokhia di Pisidia, Ikonium, Listra dan Derbe.
4. Paulus kini mempunyai pola bagi pekerjaan misinya:
 - Dia akan mencari saumaah dan mula berkhotbah dan mengajar bahawa Yesus ialah Mesias yang dijanjikan “kepada orang Yahudi dahulu kemudian kepada orang asing”.
 - Beberapa orang Yahudi percaya, tetapi selalunya orang asing, penyembah Tuhan atau penganut baru yang lebih terbuka kepada berita Injil.
 - Mereka tinggal di kota itu untuk membantu jemaah baru bertumbuh dalam rohani serta bertambah ramai. Mereka cuba untuk tinggal sekurang-kurangnya 4-5 bulan di kota atau selama yang mungkin sebelum mereka diusir keluar. Mereka mungkin menyedari hal ini kerana mereka telah pegi ke Siprus dengan tergesa-gesa dan tiada jemaah baru yang dibentuk di Siprus selepas kunjungan mereka. Barnabas kembali ke Siprus beberapa tahun kemudian lalu menubuhkan beberapa jemaah di sana, tetapi ini merupakan kisah yang lain.
 - Mereka membenarkan penganut baru untuk berkhotbah tentang Injil dan menjangkau lebih banyak penganut baru di kawasan sekeliling.
5. Jemaah-jemaah baru ini amat berlainan dengan jemaah-jemaah di Yerusalem dan Yudea:
 - Terdapat lebih ramai orang asing; bukan orang Yahudi. Ini bermakna mereka mengetahui hanya sedikit tentang adat orang Yahudi.
 - Mereka tidak perlu mengikut Taurat Musa. Mereka tidak biasa memberi

korban persembahan haiwan atau mengikut upacara dan perayaan-perayaan orang Yahudi.

- Mereka tidak disunat.
 - Paulus dan Barnabas tidak memaksa mereka untuk disunat atau mengikut upacara dan peraturan-peraturan Yahudi.
 - Paulus dan Barnabas mengajar mereka bahawa satu-satunya jalan untuk menerima keselamatan dari Tuhan ialah percaya kepada penyaliban dan kebangkitan Kristus.
 - Salah satu bukti keselamatan mereka ialah dengan menerima Roh Kudus dan dipenuhi dengan damai dan sukacita. Mereka berkongsi antara satu sama lain dan melakukan perintah Kristus untuk mengasihi sesama dan dengan kasih ini orang lain akan melihat buah dari penyelamatan mereka.
6. Paulus dan Barnabas sedar bahawa Tuhan telah memberikan keselamatan kepada orang asing apabila mereka percaya Yesus dan sanggup untuk mengikut ajaran-Nya. Oleh itu mereka tidak membebankan orang asing untuk mengikut Hukum Taurat. Orang asing tidak disunat.
7. Hal ini mendatangkan masalah besar di kemudian hari apabila jemaah Yerusalem berhasrat untuk menerima jemaah-jemaah orang asing sebagai anggota tubuh Kristus yang setaraf dengan mereka. Beberapa orang Yahudi yang dengki menentang cara Paulus membawa orang asing kepada jemaah tanpa menjadikan mereka orang Yahudi terlebih dahulu.

5.14 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

- a. Nyatakan hubungan antara kumpulan misi dan jemaah di Antiokhia. Pada pendapat anda, adakah penting bagi sesebuah gereja untuk menghantar kumpulan misi dan mengapa?
- b. Pada pendapat anda, apakah impak yang diterima oleh kumpulan misi apabila Sergius Paulus menjadi orang Kristian?
- c. Apakah perbezaan kaedah yang diambil oleh Paulus dan Barnabas sebelum dan selepas peristiwa di Siprus?
- d. Bagaimanakah Roh Kudus membimbing kumpulan misi yang kadang kalanya membenarkan mereka untuk mengalami situasi yang mendorong kemudian situasi yang sebaliknya. Tuliskan peristiwa-peristiwa yang mendorong serta peristiwa-peristiwa yang menawarkan hati dalam bab ini dan bagaimana setiap peristiwa itu memberi kesan kepada Paulus, Barnabas dan Markus.

Bab 6

Konfrontasi di Antiokhia dan Persidangan di Yerusalem

6.1 Gangguan di Jemaah Pusat Antiokhia, Siria

Masalah yang mengganggu akan timbul. Jemaah Yerusalem telah mendengar berita tentang jemaah baru di Antiokhia yang sedang giat bertumbuh. Dalam masa lima tahun, jemaah yang kebanyakannya orang asing bertumbuh sehingga ia menjadi sebesar ataupun lebih besar dari gabungan semua jemaah-jemaah di Yerusalem dan Yudea. Bukan itu sahaja, mereka turut mendengar tentang bagaimana jemaah Antiokhia menghantar kumpulan misi dan kini terdapat sekurang-kurangnya empat jemaah baru di kota-kota utama wilayah Galatia. Apakah yang sedang berlaku? Mengapa saudara seiman di negeri orang asing ini bertumbuh dengan pesat? Adakah mereka telah diajar tentang Injil dan Kitab Suci dengan betul? Para rasul di Yerusalem tentu sedang memikirkan persoalan-persoalan ini.

Bagi beberapa orang Farisi yang telah menyertai jemaah, soalan yang paling penting ialah: Sudahkah mereka disunat? Sudahkah mereka menerima perjanjian Musa tentang sambutan perayaan-perayaan Yahudi dan makan makanan yang halal? Mereka mempercayai Barnabas. Ini kerana Barnabas telah dilatih oleh para rasul selama 14 tahun sebelum dia dihantar ke Antiokhia. Tetapi mereka berasa agak pelik kerana Barnabas tidak pernah menghantar laporan selama 5 tahun! Dan mengapa dia menjemput Paulus di Tarsus untuk membantunya apabila dia menyedari bahawa pelayanan di Antiokhia bertambah besar dan dia tidak boleh mengurusnya seorang diri?

Lebih banyak lagi pertanyaan tentang Paulus. Dia merupakan bekas orang Farisi yang alim. Kemudian dia mendakwa bahawa dia telah melihat Yesus yang telah bangkit dan diangkat ke syurga, dan kini dia membawa Injil ke negara-negara pagan?

Lukisan oleh James Tissot tentang orang Farisi dan penyokong Herodes yang sedang berkomplot menentang Yesus s. 1890. Sumber: Muzium Brooklyn melalui Wikimedia Commons



Oleh sebab itu, para rasul di Yerusalem bersetuju bahawa Petrus perlu pergi ke Antiokhia untuk melihat sendiri apa yang berlaku kepada jemaah di bahagian utara dan melaporkan kembali.

Tanpa pengetahuan Petrus, kumpulan Farisi dalam jemaah turut menghantar wakil mereka untuk melawat jemaah Antiokhia. Mereka tidak mempercayai laporan yang akan dibuat oleh Petrus. Jika orang Farisi dan Petrus memaksa semua orang asing yang percaya Yesus di Antiokhia perlu mengikut adat-adat Yahudi dan Taurat Musa, pekerjaan Paulus dan Barnabas akan menjadi sia-sia. Satu pergolakan akan berlaku.

6.1A Perspektif Sejarah – Orang Yahudi Diusir Dari Roma

Pada tahun 49 TM, Kaisar Klaudius membuat satu perintah untuk mengusir semua orang Yahudi dari Roma.

Kita tidak pasti tujuan sebenar perintah ini tetapi ramai ahli sejarah bersetuju dengan alasan berikut iaitu maharaja merasakan bahawa orang Yahudi menyusahkan. Ada yang membuat spekulasi bahawa mungkin perbalahan antara orang Kristian Yahudi dan orang Yahudi ortodoks. Akibat daripada perintah ini, kekasaran orang asing terhadap orang Yahudi meningkat, terutamanya di kawasan-kawasan yang ingin memperlihatkan kesetiaan mereka kepada Roma atau tempat yang diduduki oleh ramai orang Romawi. Ramai orang Yahudi yang telah diusir melarikan diri ke tempat –tempat yang mempunyai lebih ramai orang Yunani seperti kota Korintus. Seorang Yahudi warganegara Roma yang bernama Akwila dan isterinya Priskila merupakan salah satu dari mereka.



Patung Kaisar Klaudius yang memerintah pada tahun 37-54 TM. Sumber: Muzium Altes, Berlin melalui Wikimedia Commons

6.2 Petrus Tiba di Antiokhia, Siria

Apabila berita tentang Petrus, rasul yang terutama dari 12 orang yang dipilih oleh Yesus akan datang melawat Antiokhia, jemaah dipenuhi dengan sukacita. Orang asing bersukacita kerana mereka akhirnya akan menerima penghargaan dari pemimpin Yerusalem, fikir mereka. Paulus dan Barnabas tentu berasa agak gelisah kerana mereka tahu betapa berbezanya budaya dan gaya hidup praktikal jemaah Antiokhia berbanding jemaah Yerusalem.

Barnabas tentu berfikir, “kami sudah pergi ke Yerusalem lima tahun lalu untuk membawa bantuan bencana kebuluran kepada orang-orang miskin. Mereka sangat gembira menerima bantuan dan tidak bertanya apa-apa.” Walaupun begitu, mereka tidak akan menyembunyikan apa-apa. Petrus akan melihat keadaan sebenar jemaah di situ. Kebanyakan mereka ialah orang

asing yang tidak mengamalkan hari Sabat dan juga makanan halal. Semua orang asing ini tidak disunat.

Tetapi semua mereka mengasihi Tuhan dan dengan senang hati berkongsi makanan sesama mereka. Mereka memberitakan Injil dan sanggup untuk meninggalkan hidup mereka yang menyembah berhala serta aktiviti jahat yang lain. Mereka menjalani kehidupan yang telah diubah oleh Roh Kudus. Apabila Petrus tiba, hal seperti inilah yang dilihatnya. Persekutuan sesama saudara-saudari yang bersemangat dan penuh kasih, berkumpul untuk menyembah serta makan bersama. Dan mereka tahu bagaimana menikmati makanan, bercakap dengan kuat dan makan dengan berselera.

Petrus menyertai mereka lalu menikmati makan dengan saudara seiman orang asing. Dengan berbuat demikian, Petrus menyatakan bahawa orang pagan yang telah menerima Kristus kini setaraf dengan orang Yahudi yang telah menerima dan mengikut Kristus. Tidak perlu menjadi orang Yahudi terlebih dahulu sebelum mereka diterima ke dalam jemaah. Paulus dan Barnabas lega apabila melihat Petrus menerima orang asing dengan senang. Persoalan tentang makanan halal dan sunat tidak dibangkitkan sehinggalah sekumpulan orang Yahudi tiba dari Yerusalem.

6.3 Orang Farisi Dari Jemaah Yerusalem Tiba (Kisah Para Rasul 15:1)

Seminggu kemudian, sekumpulan orang Yahudi Kristian yang kekal sebagai orang Farsisi emaaah ke Antiokhia. Apabila mereka disambut oleh emaaah Antiokhia, mereka enggan duduk emaaah dengan orang asing. Mereka memilih untuk duduk dengan orang Yahudi lain sahaja. Mereka mula bercakap tentang pentingnya mengamalkan Taurat Musa dan sunat. Mereka mendakwa bahawa mereka telah dihantar oleh pemimpin emaaah Yerusalem dan membawa wibawa para rasul.

Orang asing di emaaah itu mula berasa tidak selesa. Bukankah mereka diberitahu bahawa mereka setaraf dan tidak perlu mengamalkan adat-adat Yahudi? Barnabas sendiri turut menyertai rombongan dari Yerusalem dan mengasingkan dirinya dari orang asing Antiokhia

Jemaah dengan Petrus. Apabila Paulus melihat hal ini, dia sedar bahawa krisis bakal terjadi. Jika orang asing dilayan seperti orang kelas kedua oleh emaaah Yerusalem, ia akan mendatangkan masalah buruk bukan sahaja untuk emaaah Antiokhia tetapi kepada semua emaaah orang asing yang telah mereka



Orang Yahudi makan berasingan dari orang bukan Yahudi setelah orang Yahudi Yudea tiba di Antiokhia. Sumber: Life of Apostle Paul © Pristine World

tubuhkan di Galatia. Paulus tahu bahawa jika dia tidak menghentikan masalah ini dari awal, ia akan menimbulkan konflik dan pertelingkahan dalam semua jemaah orang asing.

6.4 Paulus Bersemuka dengan Petrus (Galatia 2:11-17)

Ini merupakan waktu Paulus bersemuka dengan Petrus di hadapan Barnabas, rombongan Yahudi dari Yerusalem dan semua yang hadir di tempat itu. Paulus sedar bahawa dia perlu meyakinkan Petrus. Petrus masih rasul yang paling dihormati di antara 12 rasul dan Yakobus saudara Yesus. Orang Farisi bukan sebahagian dari pemimpin jemaah dan mungkin datang dengan sendiri. Petrus mesti diyakinkan bahawa pekerjaan Kristus sudah memadai untuk mendapat keselamatan. Pengorbanan Kristus sudah lengkap. Tidak perlu lagi korban haiwan dan darah. Orang asing boleh diterima dalam jemaah dengan hanya berdasarkan iman mereka dalam Kristus dan mereka menerima kurnia Tuhan sepenuhnya.

Galatia 2: 11 Tetapi apabila Petrus datang ke Antiokhia, aku bersemuka dengannya dan membantah perbuatannya, kerana dia bersalah. *12* Sebelum beberapa orang datang daripada Yakobus, Petrus makan bersama bangsa asing. Akan tetapi apabila mereka datang, dia berundur dan mengasingkan diri, disebabkan takut akan orang yang berpegang kepada persunatan. *13* Orang Yahudi yang lain turut bersikap munafik, sehingga Barnabas pun tersesat kerana kemunafikan itu. *14* Aku lihat kelakuan mereka itu tidak menepati kebenaran Injil, lalu aku berkata kepada Petrus di hadapan semuanya, “Jika kamu, orang Yahudi, hidup seperti orang bangsa asing dan tidak seperti orang Yahudi, mengapakah kamu memaksa orang bangsa asing menurut adat orang Yahudi?”

6.5 Mempersoalkan Pekerjaan Paulus dan Barnabas dalam Jemaah Galatia

Setelah Barnabas menyedari kebenaran kata-kata Paulus, dia mengambil semula tempatnya di sisi Paulus. Kemudian terjadi perdebatan antara orang Farisi dan Paulus yang kini mendapat sokongan dari Barnabas. Petrus turut menyedari kesilapannya dan bertaubat dari tindakan-tindakan yang dilakukan sebelumnya. Kemudian di kembali ke Yerusalem. Akan tetapi orang Kristian Farisi masih tidak berpuas hati. Mereka berkeras supaya orang asing Kristian mesti disunat terlebih dahulu dan mengikut adat-adat Yahudi sebelum diterima dalam kalangan jemaah. Paulus menerima berita bahawa beberapa orang Kristian Farisi bertindak dengan sendiri melawat jemaah-jemaah baru di Galatia lalu menanamkan idea bahawa mereka harus mengikut Taurat Musa dan disunat untuk menjadi orang Kristian.

Orang-orang Farisi menyatakan kepada jemaah-jemaah baru ini bahawa mereka mewakili pemimpin Yerusalem. Mereka memburuk-burukkan Paulus dan mengatakan bahawa dia bukanlah seorang rasul tetapi orang Farisi yang murtad dan dia tidak mengajar satu hal penting dalam Injil iaitu Taurat Musa. Untuk menerima keselamatan, mereka harus percaya kepada Yesus tetapi mereka juga perlu disunat serta taat kepada Taurat Musa. Percaya kepada Yesus sahaja tidak mencukupi.



Church of St Peter in Antioch Syria or modern Antakya Turkey. Source: Wikimedia Commons. It is believed that it was in this cave church that Peter taught many of the early disciples of Antioch.

Paulus sadar mesej tersebut akan menjejaskan Injil. Pernyataan yang menyamakan taraf Taurat Musa dan penebusan Kristus seolah-oleh mengatakan bahawa pekerjaan Kristus tidak cukup. Kematian dan kebangkitan Kristus tidak cukup. Seseorang perlu disunat dan mengikut Hukum Taurat untuk menerima keselamatan. Jemaah akan membelah- bagi dan akhirnya ramai orang akan pergi.

6.6 Paul writes his Epistle to the Galatians

Paulus menulis surat yang berapi-api kepada jemaah Galatia. Dia mengingatkan mereka apa yang telah mereka pelajari dan bertanya mengapa mereka begitu mudah dihasut oleh penipu. Mereka menerima keselamatan hanya dari kasih kurnia Tuhan dan anugerah Roh Kudus, bukan dengan hukum-hukum atau perbuatan sunat. Dosa-dosa mereka diampuni berdasarkan kepercayaan mereka terhadap pekerjaan Kristus. Mereka tidak seharusnya meninggalkan kepercayaan ini.

Paulus tahu perkara tersebut tidak akan selesai begitu sahaja. Jadi Paulus dan Barnabas pergi ke Yerusalem untuk menyelesaikan pertanyaan itu. Apakah orang asing perlu menjadi orang Yahudi terlebih dahulu sebelum mereka diterima dalam jemaah atau iman sahaja sudah mencukupi? Paulus tidak mahu jemaah-jemaahnya dikucilkan dari jemaah pusat di Yerusalem. Dia mahu menyatukan tubuh Kristus yang dianggotai oleh jemaah orang asing dan orang Yahudi.

Sebagai wakil jemaah Antiokhia di Siria, Paulus dan Barnabas berjalan sejauh 800 km di arah selatan ke Yerusalem untuk berjumpa dengan para tua-tua. Dalam perjalanan mereka melalui Fenisia dan Samaria, mereka bertemu dengan saudara seiman yang lain dan mereka melaporkan kepada Paulus dan Barnabas bagaimana ribu-ribu orang asing berpaling kepada Tuhan. Berita ini membawa sukacita dan dorongan kepada semua yang berkumpul di situ.

6.7 Persidangan di Yerusalem (Kisah Para Rasul 15:2-6)

Susana tegang apabila Paulus dan Barnabas masuk. Para tua-tua Yerusalem bersama-sama dengan Petrus dan Yakobus, saudara Tuhan Yesus, duduk di tengah-tengah sekumpulan tua-tua. Orang dari kumpulan Farisi serta pemerhati yang lain duduk di luar bulatan. Ramai dari



Gereja St Peter di Antiokhia Siria atau Antakya Turki moden. Sumber: Wikimedia Commons

Konfrontasi di Antiokhia dan Persidangan di Yerusalem

para tua-tua mengenal Barnabas dan menyambutnya dengan gembira. Akan tetapi terdapat banyak reaksi yang dilihat apabila Paulus masuk di ruangan itu. Beberapa orang menyapanya. Yang lain pula berpaling darinya.

Yakobus yang mengetuai persidangan itu meminta mereka untuk bermula. Selepas kata alu-aluan diucapkan, Paulus dan Barnabas dijemput untuk melaporkan pekerjaan mereka di Antiokhia. Laporan yang diberikan amat memberangsangkan. Pada masa itu, jemaah di Antiokhia, Siria sudah mencecah beberapa ribu orang.

Mereka mengadakan pertemuan di rumah-rumah, dalam dewan, di lapangan terbuka, dalam gua dan di mana sahaja tempat yang sesuai dan berdekatan. Pertumbuhan itu jauh melebihi

jangkaan rasul-rasul sebelum ini. Kini jemaah-jemaah muda bertumbuh di Asia Kecil; Antiokhia di Pisidia, Ikonium, Listra, Derbe, Pamfilia dan Atalia di mana mereka telah melantik para tua-tua untuk membimbing orang percaya baru.



Persidangan Yerusalem
Sumber: Wikimedia Commons

Ketika Yakobus dan para tua-tua sedang berbincang tentang pencapaian oleh dua orang mubaligh itu, seseorang dari kumpulan Farisi bersuara, “orang asing harus disunat dan disuruh untuk mentaati Taurat Musa.” Kemudian kekecohan berlaku di ruangan itu. Ramai orang bercakap dalam masa yang sama. Tidak semua dari mereka setuju dengan pernyataan orang Farisi itu. Ada beberapa dari mereka yang sedar bahawa Tuhan sedang melakukan pekerjaan baru dalam kalangan bangsa asing dan mereka harus menerimanya. Akan tetapi

ramai yang menentang pemikiran seperti itu. Bagaimana perkara seperti ini terjadi? Jemaah bangsa asing harus setuju untuk disunat dan mengikut adat resam orang Yahudi sebelum diterima dalam jemaah.

Akhirnya Petrus berdiri lalu memulakan ucapannya. Semua orang diam kerana mahu mendengar pendapatnya tentang hal tersebut. Mereka mahu mendengar kata-katanya. Paulus dan Barnabas yakin bahawa apa yang telah dilakukan oleh mereka sejajar dengan Kitab Suci dan atas bimbingan Roh Kudus. Tetapi apa yang akan dikatakan oleh Petrus itu penting kerana mereka mahu sehati dengan jemaah Yerusalem. Jadi semua mereka mendengar apa yang bakal dikatakan oleh Petrus dengan teliti. Kita diberkati kerana Lukas telah merekodkan ucapan serta keputusan itu dengan terperinci. Kita rujuk kepada Kisah Para Rasul 15 untuk melihat rekod yang dicatat oleh Dr. Lukas.

Kisah Para Rasul 15: 7 Setelah perkara itu banyak dibincangkan, Petrus berdiri lalu berkata, “Saudara-saudara semuanya tahu bahawa Allah telah memilihku sejak dahulukala daripada kalangan kita semua untuk menyampaikan firman-Nya tentang perkhbaraan Injil kepada bangsa asing, lalu



Lukisan St Petrus dan St Paulus oleh El Greco s. 1590. Muzium Hermitage di St Petersburg melalui Wikimedia Commons

mereka percaya. ⁸Allah yang mengetahui hati manusia telah bersaksi akan mereka itu dengan memberi mereka Roh Kudus sebagaimana diberi-Nya kepada kita.

⁹Allah tidak membezakan mereka dengan kita sedikit pun. Dia menyucikan hati mereka kerana iman mereka. ¹⁰Sekarang ini mengapa saudara-saudara menduga Allah dengan meletakkan pada leher murid-murid suatu beban yang tidak dapat ditanggung oleh nenek moyang kita, malah oleh kita ini juga? ¹¹Kami percaya hanya dengan kasih kurnia Tuhan Yesus dapat kita berharap untuk diselamatkan, samalah seperti orang bangsa asing itu.”

¹²Orang ramai pun diam lalu mendengar Barnabas dan Paulus menceritakan segala tanda dan mukjizat yang dilakukan Allah dalam kalangan bangsa asing melalui mereka berdua. ¹³Setelah mereka habis bercerita, Yakobus pula berkata, “Saudara-saudara, dengarlah. ¹⁴Simon telah menceritakan bagaimana Allah pada mulanya menunjukkan kasih-Nya kepada orang bangsa asing dan memilih

daripada kalangan mereka suatu kaum untuk menjadi umat bagi nama-Nya.

¹⁵Hal ini selaras dengan nubuat nabi-nabi yang tersurat:

¹⁶ ‘Setelah itu, Aku akan kembali dan membina semula khemah Daud yang roboh; dan segala keruntuhannya akan Kubangunkan, lalu Kutegakkan semula,

¹⁷supaya semua bangsa yang lain akan mencari Tuhan, bangsa asing yang Kupanggil menjadi umat-Ku.’

¹⁸Demikianlah firman Tuhan yang telah melakukan semua ini dan yang telah menyatakannya sejak dahulukala.

¹⁹”Oleh itu, pada fikiranku janganlah kita menyusahkan orang bangsa asing yang telah mempercayai Allah;

²⁰Gtetapi hendaklah kita berkirin surat kepada mereka dan menasihati mereka supaya menjauhkan diri daripada makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala, daripada perbuatan cabul, daripada daging binatang yang mati dicekik dan daripada darah. ²¹Sejak dahulukala di setiap negeri ada orang yang menyebarkan berita tentang Musa dan membaca Tauratnya di saumaah pada hari Sabat.”



Petrus sedang berucap dalam Persidangan Yerusalem. Sumber: Life of Apostle Paul © Pristine World

6.8 Surat kepada Jemaah bukan Yahudi

Para rasul menyedari bahawa keputusan itu harus ditulis, ditandatangani oleh rasul-rasul serta para tua-tua dan dihantar oleh dua orang pemimpin yang dihormati dari jemaah Yerusalem



St James the Just, lukisan Ikon Neo Byzantine Yakobus saudara Tuhan Yesus. Sumber: Wikimedia Commons

yang akan menyertai Paulus dan Barnabas apabila mereka kembali ke Antiokhia di Siria. Sekali lagi kita merujuk kepada Lukas untuk rekod terperinci tentang peristiwa yang terjadi dalam Kisah Para Rasul.

Kisah Para Rasul 15:22 Selepas itu, para rasul dan tua-tua serta seluruh Jemaah bersetuju memilih beberapa orang di antara mereka untuk ke Antiokhia Bersama Paulus dan Barnabas. Orang yang dipilih itu ialah Yudas yang bergelar Barsabas, dan juga Silas, yang mengetuai saudara-saudara itu.²³Mereka diamanahkan membawa sepucuk surat yang berbunyi:

“Salam daripada para rasul, tua-tua jemaah dan saudara-saudaramu kepada saudara-saudara bangsa asing yang tinggal di Antiokhia, Siria dan Kilikia.

²⁴Kami telah mendengar khabar bahawa ada beberapa orang daripada bangsa kami telah mengganggu saudara-saudara dengan kata-kata yang bukan daripada kami.

²⁵Oleh itu, kami bermuafakat hendak memilih orang untuk pergi bertemu dengan saudara-saudara bersama Barnabas dan Paulus yang kami kasihi, ²⁶iaitu orang yang telah mempertaruhkan nyawa kerana nama Tuhan kita Yesus Kristus. ²⁷Kami telah memilih Yudas dan Silas untuk pergi menyampaikan kepada saudara-saudara

²⁸pesan daripada Roh Kudus dan daripada kami: iaitu janganlah diletakkan ke atas saudara-saudara beban yang lebih berat daripada yang perlu. ²⁹Cuma, jauhkanlah diri daripada makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala, daripada daging binatang yang mati dicekik, daripada darah dan daripada perbuatan cabul. Jika saudara-saudara memelihara diri daripada segala ini, saudara-saudara melakukan hal yang betul. Sekian, selamat sejahtera.”

³⁰Mereka yang diutus itu bertolak ke Antiokhia. Di sana mereka menghimpunkan jemaah dan menyampaikan surat. ³¹Apabila jemaah membaca surat itu, mereka bersukacita kerana surat itu memberi perangsang kepada mereka. ³²Yudas dan Silas itu kedua-duanya nabi. Mereka menasihati dan menetapkan hati saudara-saudara seiman di situ. ³³Setelah Yudas dan Silas tinggal di situ beberapa waktu, jemaah melepaskan mereka untuk pulang dengan kesejahteraan kepada orang yang mengutus mereka.

6.9 Para Rasul kembali ke Antiokhia berserta dengan sepucuk surat

Apabila Paulus dan Barnabas tiba di Antiokhia, Siria bersama-sama dengan keputusan yang dibuat dalam persidangan Yerusalem, semua jemaah bersukacita. Jemaah orang bukan Yahudi

kini diiktiraf oleh Jemaah Yerusalem sebagai anggota tubuh Kristus yang setaraf. Hanya beberapa syarat yang diberikan kepada orang bukan Yahudi untuk tujuan menjaga keharmonian dengan saudara seiman Yahudi.

6.10 Ringkasan dari Persidangan di Yerusalem

Persoalan sekiranya orang asing bukan Yahudi boleh diterima dalam jemaah tanpa disunat atau tidak sudah dijawab setakat ini. Paulus dan Barnabas menyatakan bahawa pengorbanan Kristus di atas kayu salib sudah memadai untuk keselamatan setelah pertaubatan. Tidak payah lagi menambah hukum-hukum lain. Oleh itu, tua-tua jemaah yang diketuai oleh Yakobus, saudara Tuhan Yesus serta Simon Petrus telah membuat keputusan untuk menerima jemaah bukan Yahudi dengan empat syarat yang ditulis dalam surat mereka:

- a. Jangan makan makanan yang dipersembahkan kepada berhala
- b. Jangan makan darah
- c. Jangan makan haiwan yang telah mati dicekik
- d. Jangan melakukan perbuatan cabul

Memahami persekitaran orang pagan di kota-kota bangsa asing, 3 larangan yang pertama dibuat supaya orang Kristian Yahudi dan bukan Yahudi boleh membuat persekutuan makanan bersama-sama. Larangan melakukan perbuatan cabul dinyatakan kerana ramai orang Kristian bukan Yahudi ersam dari latar belakang pagan di mana perbuatan ersama dengan pelacur kuil itu satu perkara biasa. Ia merupakan kod moral yang ditulis dalam Sepuluh Perintah dan ditekankan semula oleh Yesus.

Paulus dan Barnabas berusaha keras untuk memastikan supaya jemaah yang didominasi oleh orang asing yang bakal mereka tubuhkan diterima oleh jemaah pusat di Yerusalem. Kemudian, Antiokhia dan jemaah-jemaah yang lain seperti Korintus dan Efesus akan menghantar mubaligh di sekitar wilayah sendiri. Selepas tahun 73 TM, Yerusalem ditawan dan Bait Suci dimusnahkan oleh orang Romawi, kita tidak lagi pernah mendengar tentang jemaah Yerusalem dalam sejarah sehinggalah zaman Kaisar Constantine.

6.11 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

- a. Pada pendapat anda, mengapakah persoalan membenarkan orang asing menyertai jemaah tanpa disunat atau menjadi orang Yahudi terlebih dahulu menjadi isu penting pada masa itu? Apakah tujuan utama orang-orang yang menentang Paulus?
- b. Mengapakah Paulus dan Barnabas tidak mahu memaksa orang bukan asing untuk menjadi orang Yahudi terlebih dahulu sebelum menyertai jemaah? Apakah yang akan dikatakan tentang pengorbanan Yesus?
- c. Bagaimanakah Persidangan Yerusalem menjadi contoh dalam cara menyelesaikan persoalan teologi yang sukar pada sejarah seterusnya dan hari ini?

Seksyen 3

PAULUS DUTA KRISTUS HINGGA KE HUJUNG BUMI

Seksyen 3. Paulus: Duta Kristus hingga ke hujung Bumi

Bab 7. Perjalanan Misi Kedua

- 7.1 Paulus ingin melawat jemaah-jemaah di Galatia dan Asia Kecil
- 7.2 Paulus dan Barnabas mengambil haluan berbeza
- 7.3 Paulus pergi ke Derbe dan Listra
- 7.4 Satu Perubahan arah Tuju Misi yang tidak dijangka tetapi strategik
- 7.5 Perjalanan ke Filipi
- 7.6 Mencari Lelaki Makedonia dan Menemui Seorang Wanita
- 7.7 Disebat dan Dipenjarakan di Filipi
- 7.8 Nyanyian pujian yang Menyebabkan Gempa bumi
- 7.9 Warganegara Roma
- 7.10 “Keluirlah dan pergilah... “Tidak, Minta Maaf Dahulu”, kata orang tahanan
- 7.11 Berjalan ke Tesalonika
- 7.12 Kekacauan di Tesalonika
- 7.13 Orang Beria yang Berkedudukan Tinggi
- 7.14 Paulus Tiba di Atena
- 7.15 Khotbah Paulus di Areopagus
- 7.16 Ejekan dan Penolakan di Atena
- 7.17 Korintus
- 7.18 Ketibaan Paulus di Korintus
- 7.19 Paulus Didorong Oleh Rakan-rakan
- 7.20 Kepada Orang Yahudi dahulu kemudian Orang Bukan Yahudi
- 7.21 Surat Kepada Jemaah di Tesalonika
- 7.22 Lucius Galio
- 7.23 Ke Efesus dan Kembali ke Antiokhia
- 7.24 Ringkasan dari Perjalanan Misi Kedua
- 7.25 Perkara-perkara untuk Dibincangkan

Section 3

Bab 8. Perjalanan Misi Ketiga

- 8.1 Perjalanan Misi ketiga Bermula
- 8.2 Paulus dan murid-muridnya
- 8.3 Berkhotbah dalam Saumaah di Efesus
- 8.4 Jemaah Efesus Bertumbuh
- 8.5 Anak Lelaki Skewa
- 8.6 Masalah dalam Jemaah di Korintus
- 8.7 Paulus Memindahkan Jemaah di Roma
- 8.8 Rusuhan di Efesus
- 8.9 Kemenangan dan Keputusan-asaan
- 8.10 Dari Efesus ke Makedonia
- 8.11 Respons Orang Korintus kepada Paulus
- 8.12 Paulus Melawat Jemaah Korintus Sekali Lagi
- 8.13 Paulus Menulis Surat Kepada Orang Kristian di Roma
- 8.14 Komplot, Bahaya dan Perubahan Rancangan
- 8.15 Kejadian di Troas
- 8.16 Dari Troas ke Miletus dan Kata-kata Terakhir untuk Pemimpin di Efesus
- 8.17 Dari Miletus ke Tirus
- 8.18 Dari Tirus ke Yerusalem
- 8.19 Ringkasan dari Perjalanan Misi Ketiga Paulus
- 8.20 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

Bab 9. Dari Yerusalem ke Roma – Perbicaraan dan Kapal Terkandas

- 9.1 Paulus di Yerusalem
- 9.2 Masalah dan Penangkapan di Bait Suci
- 9.3 Paulus di Hadapan Majlis Agama
- 9.4 Pakatan untuk Membunuh Paulus
- 9.5 Perbicaraan di Hadapan Feliks
- 9.6 Paulus Membuat Rayuan Kepada Kaisar
- 9.7 Berdiri di Hadapan Raja dan Gabenor
- 9.8 Perjalanan ke Roma Bermula
- 9.9 Pelayaran Ditunda dan Menjadi Bahaya
- 9.10 Ribut di Tengah Laut
- 9.11 Kapal Terkandas
- 9.12 Paulus di Pulau Malta
- 9.13 Dari Malta ke Roma
- 9.14 Orang Kristian Roma Menyambut Paulus
- 9.15 Paulus Berkhotbah di Roma di Bawah Jagaan Askar
- 9.16 Penahanan Pertama Paulus di Roma – Babak Terakhir dari Kitab Kisah Para Rasul
- 9.17 Surat-surat Paulus dari Roma
- 9.18 Yakobus, Saudara Yesus Mati Dianiaya
- 9.19 Ringkasan Perjalanan Paulus dari Yerusalem Ke Roma
- 9.20 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

Bab 10. Epilog dan Legasi Rasul Paulus

- 10.1 Paulus dibebaskan Selepas Penahanannya yang Pertama
- 10.2 Ke manakah Paulus Pergi Setelah Dia Dibebaskan?
- 10.3 Penahanan Kedua Paulus di Roma
- 10.4 Legasi Paulus – Jemaah-jemaah yang Diasaskannya
- 10.5 Legasi Paulus – Surat-suratnya
- 10.6 Legasi Paulus – Pandangan Hidup Paulus
- 10.7 Legasi Paulus – Pandangan Kendiri Orang Kristian
- 10.8 Legasi Paulus – Misinya
- 10.9 Apakah Injil atau Berita Baik yang diajar oleh Paulus ini?
- 10.10 Penutup

Bab 7

Perjalanan Misi Kedua

“Kamu mengikut teladan kami dan teladan Tuhan. Walaupun kamu banyak menanggung kesengsaraan, namun kamu menyambut khabar itu dengan sukacita yang datang daripada Roh Kudus.” 1 Tesalonika 1:6

Perjalanan Misi Kedua Paulus (Kisah Para Rasul 15:36-18:22)

Ahli Kumpulan: Paulus, Silas, Timotius, Lukas, Priskila dan Akwila

Tempoh Masa: TM s. 50-53

Jarak Perjalanan: Kira-kira 4500 km

Laluan Utama: Siria, Kilikia, Galatia, Asia Kecil, Makedonia, Akhaya, Asia Kecil, Yudea, Siria

Jemaah Baru: Filipi, Tesalonika, Beria, Korintus



Jarak perjalanan misi kedua Paulus ialah kira-kira 4500 km dan mengambil masa 3 tahun. Laluan utamanya akan merangkumi Kilikia, Galatia, Asia Kecil, Makedonia, Yunani dan Yudea.

7.1 Paulus ingin melawat jemaah-jemaah di Galatia dan Asia Kecil


Kini Paulus ingin melawat jemaah-jemaah yang diasaskannya bersama dengan Barnabas semasa dalam perjalanan misi pertama. Dia tidak tenang dan ingin melihat bagaimana keadaan mereka selepas kejadian dengan pelawat Yahudi yang tidak bertauliah dan selepas Paulus menulis surat yang berapi-api seperti yang tertulis dalam surat Galatia.

7.2 Paulus dan Barnabas mengambil haluan berbeza (Kisah Para Rasul 15:37-41)

Barnabas ingin memberi Yohanes Markus peluang kedua dan membawanya bersama sekali lagi. Akan tetapi, Paulus berkeras untuk tidak membenarkan Yohanes Markus menyertai mereka. Dia merasakan bahawa Markus tidak dapat menerima tekanan kesukaran dalam perjalanan dan dia tidak mahu Markus menjadi beban. Satu perselisihan sengit terjadi dan akhirnya mereka setuju untuk berpisah. Paulus mengambil masa selama beberapa tahun untuk berbaik semula dengan Markus dan dia sedar bahawa Markus sangat membantu pekerjaannya.

Barnabas pergi melawat Siprus, tempat asalnya. Dia merasakan bahawa dalam perjalanan sebelumnya, mereka terlalu cepat meninggalkan tempat itu. Masa tidak mencukupi untuk membentuk jemaah di sana. Dia ingin meluangkan lebih banyak masa di sana untuk menubuhkan jemaah dan turut memberikan Markus peluang kedua.

Paulus ingin pergi ke Kilikia, iaitu tempat asalnya. Dia mungkin sudah menubuhkan jemaah di sana sebelum Barnabas mencarinya untuk menyertai jemaah Antiokhia. Paling penting sekali, dia ingin melawat jemaah Galatia semula untuk melihat keadaan mereka selepas kekacuan yang disebabkan oleh orang Yahudi dari Yerusalem serta melihat bagaimana respon mereka terhadap suratnya. Dia memilih Silas sebagai teman seperjalannya kali ini.



Rasul Silas

Sumber: Wikimedia Commons

Terdapat beberapa kelebihan apabila membawa Silas bersamanya. Silas merupakan salah seorang dari jemaah Yerusalem. Oleh itu dia boleh menjadi saksi tentang apa yang dikatakan oleh para rasul dalam Persidangan Yerusalem di mana mereka menerima orang-orang bukan Yahudi yang percaya kepada Yesus meskipun tidak disunat. Silas juga merupakan warganegara Roma. Kedua-dua mereka mengembara di empayar Roma yang merupakan negara orang asing. Jadi kewarganegaraan Roma ini memberikan mereka perlindungan tertentu.

7.2A Perspektif Sejarah – Yohanes Markus



Lukisan empat Penginjil atau penulis Injil dari kiri: Matius, Markus, Lukas dan Yohanes, orang kedua termuda oleh Jacob Jordaens s. 1625. Ini merupakan sekadar lukisan gambaran senario kerana agak mustahil untuk semua penginjil berkumpul bersama.

Sumber: Muzium The Lourve melalui Wikimedia Commons

Katedral St Mark di dataran St Mark, Venice dipercayai menyimpan tulang Yohanes Markus. Pada zaman pertengahan, para pemerintah akan menyebarkan khabar angin seperti ini untuk menaikan martabat sesebuah kota, jadi kita tidak pasti kesahihannya. Pelukis tidak dikenali dari Wikimedia Commons.



7.2B Perspektif Sejarah – Yohanes Markus

Yohanes Markus seterusnya memainkan peranan penting dalam pembentukan jemaah awal. Dia mengikut Petrus apabila Petrus berjalan dan memberitakan Injil di luar Yudea. Petrus ialah nelayan dari Galilea tetapi dia merupakan saksi mata dan telah dipilih oleh Yesus sebagai ketua 12 rasul. Markus menterjemahkan kata-kata Petrus apabila dia berdiri di hadapan orang Yunani. Sebelum kematian Petrus, dia menceritakan banyak peristiwa yang terjadi semasa Yesus masih hidup di bumi dan Markus mencatat semuanya. Injil Markus dipercayai Injil yang paling awal ditulis dan kemungkinan menjadi rujukan kepada Injil-injil lain yang ditulis kemudiannya. Di dalam Katedral St Mark di Venice. Gambar oleh: Penulis



7.3 Paulus pergi ke Derbe dan Listra (Kisah Para Rasul 16:1-5)

Lawatan ke Derbe berjalan dengan lancar. Derbe merupakan pekan yang aman kerana penduduknya mungkin tidak mengacau orang Kristian di sana. Di Listra, seorang pemuda bernama Timotius kemungkinan berusia sekitar awal dua puluh yang telah menyaksikan Paulus dan Barnabas direjam ketika mereka diusir dari kota ini dua tahun lalu.

Nenek Timotius, Lois dan ibunya, Eunike merupakan orang Yahudi yang alim dan telah memeluk agama Kristian semasa dalam perjalanan misi pertama Paulus. Timotius dipandang tinggi oleh jemaah di Listra sehingga ia memberikan tanggapan yang baik kepada Paulus lalu Paulus mengajaknya untuk menyertai kumpulan misi mereka. Jemaah Listra membenarkan Timotius untuk menyertai Paulus.

Walau bagaimanapun, Paulus meminta Timotius untuk disunat terlebih dahulu sebelum mereka bertolak. Hal ini agak pelik memandangkan dia telah bersusah payah supaya orang bukan Yahudi tidak perlu mengamalkan adat resam Yahudi. Ayah Timotius merupakan orang Yunani tetapi ibunya orang Yahudi. Bagi orang Yahudi, itu sudah memadai untuk menjadikannya sebagai orang Yahudi dan dia harus disunat. Paulus tidak mahu hal ini menjadi penghalang kepada pelayannya kerana para rasul harus boleh berkhotbah di saumaah dan juga pasar-pasar.



Timotius telah menyaksikan apa yang terjadi semasa Paulus dan Barnabas melawat Listra pada pertama kalinya. Lukisan dia atas dewangga oleh Raphael s. 1515. Sumber: Wikimedia Commons

7.4 Satu Perubahan arah Tuju Misi yang tidak dijangka tetapi strategik (Kisah Para Rasul 16:6-10)

Paulus masih menjadi orang yang tidak dialu-alukan di Listra sejak dia diusir jadi dia mungkin tidak tinggal lama di sana. Masalah yang dihadapinya di Galatia mungkin telah membantunya untuk membuat strategi dua-kali-lipat: Menangkan jiwa untuk Kristus bila ada kesempatan dan membentuk jemaah-jemaah yang akan bertahan tanpanya, bahkan menghantar mubaligh-mubaligh untuk mengulang proses ini. Dia ingin mencari satu kota yang boleh menjadi pusat aktiviti misi dan di mana dia boleh tinggal lebih lama untuk mengajar dan membangun pemimpin-pemimpin.

Apabila mereka tiba di Misia, mereka cuba untuk masuk ke Bitinia tetapi Roh Kudus melarang mereka. Kemudian mereka pergi ke kota pelabuhan Troas. Pada suatu malam, Paulus mendapat suatu penglihatan. Seorang lelaki Makedonia dengan nada memohon berkata “marilah ke

Makedonia menolong” mereka. Paulus melihat hal ini sebagai tanda bahawa Tuhan memanggil mereka untuk mengubah arah. Mereka tidak meneruskan perjalanan di Asia Kecil. Sebaliknya, mereka akan berlayar ke Eropah untuk memberitakan Injil.

Ini merupakan perubahan yang strategik dalam penyebaran mesej Injil. Buat pertama kalinya, berita Injil akan dibawa ke benua Eropah.



Alexandria Troas. Gambar dari Google Earth.

7.5 Perjalanan ke Filipi (Kisah Para Rasul 16:11-12)

Lukas, ‘dokter yang disayangi’ menyertai kumpulan misi apabila mereka berlayar dari Troas. Rekod dalam Kisah Para Rasul kini menggunakan kata nama ‘kami’ yang menunjukkan penglibatan penulisnya iaitu Lukas. Mereka berlayar dari Troas dan bermalam di pulau Samotrake, kira-kira sehari pelayaran jauhnya. Pada keesokan harinya, mereka berlayar ke Filipi yang merupakan koloni Roma dan kota terbesar di daerah Makedonia. Di sini, mereka berlabuh di pekan pelabuhan Neapolis yang dikenai sebagai Kavala pada hari ini. Dari sini mereka mendaki banjar Pangea melalui Via Egetia, salah satu jalan raya utama ke Roma. Di puncak laluan, mereka melihat kota Filipi.



*Neapolis, atau Kavala pada hari ini di Greece.
Gambar oleh: Pr Chris Choo*

7.5A Perspektif Sejarah – Filipi

Filipi dinamakan sempena Phillip dari Meladonia, ayah kepada Alexander Agung. Tetapi apa yang membuatnya terkenal pada zaman Paulus ialah di satu dataran yang terletak di luar kota, pertempuran perang yang sengit telah berlaku pada tahun 42 SM.

Pasukan tentera 22 legion yang dipimpin oleh Mark Anthony dan Octavisan telah berarak ke timur sepanjang Via Egnatia ke arah Filipi di mana mereka mengalahkan pasukan tentera 19 legion yang diketuai oleh Brutus dan Cassius, pembunuh Kaisar Julius pada tahun 44 SM. Ramai askar veteran Roma serta bangsawan Roma diberikan kawasan tanah lalu menetap di Filipi. Warganegara Roma dilayan dengan baik.



*Brutus dan Cassius mati dalam Pertempuran Filipi pada tahun 42 TM. Lukisan minyak oleh Pauwels Casteels s. 1649.
Sumber: Wikimedia Commons*

Neapolis kuno yang dikenali sebagai Kavala pada hari ini, sebuah kota pelabuhan di bahagian selatan Greece.

7.6 Mencari Lelaki Makedonia dan Menemui Seorang Wanita (Kisah Para Rasul 16:13-15)

Filipi merupakan sebuah kota utama di Makedonia dan mempunyai jumlah penduduk kira-kira 30,000 orang. Mereka bangga dengan warisan budaya Roma mereka. Ia merupakan kota yang merdeka dan penduduknya ingin ia kekal seperti itu. Jika ada masalah yang timbul di kota, Roma dengan mudah akan menarik balik



hak keistimewaan mereka dan akan menghantar seorang Gabenor atau Pengawas.

Apabila Paulus dan rakan-rakannya tiba, mereka mula mencari saumaah tetapi tidak menjumpainya. Mereka harus mengubah strategi asal iaitu berkhotbah di saumaah terlebih dahulu. Tidak ada orang Yahudi yang kelihatan, sudah tentu sukar memenuhi syarat 10 orang Ibrani untuk membentuk satu saumaah. Paulus berfikir bahawa mungkin dia akan berjumpa dengan orang yang serupa dengan lelaki yang muncul dalm penglihatannya yang memohon “datang ke Meladonia membantu”. Akan tetapi, tidak seorang pun yang serupa dengan lelaki tersebut.

Pada hari Sabat, Paulus dan rakannya pergi ke luar gerbang kota untuk mencari tempat yang tenang. Adalah lebih baik jika ia berdekatan dengan sungai atau anak sungai, di mana orang Yahudi mungkin berkumpul untuk beribadah. Di tebing Sungai Gangites, mereka terjumpa sekumpulan wanita yang sedang bersekutu. Nama ketua kumpulan wanita itu Lidia, seorang yang berkedudukan tinggi. Wanita-wanita itu bukan orang Yahudi. Mereka merupakan Penyembah Tuhan, orang bukan Yahudi yang percaya kepada Tuhan orang Israel tetapi belum menerima dan mengamalkan semua upacara-upacara Yahudi.

Lidia merupakan orang bukan Yahudi yang kaya. Dia menghasilkan dan menjual kain ungu.



Apabila Paulus mula bercerita tentang Injil dengan kumpulan ini serta menerangkan bagaimana nubuatan-nubuatan Perjanjian Lama dipenuhi oleh Kristus, Tuhan membuka hati Lidia dan dia menjadi orang Kristian pertama dalam perjalanan misi Paulus di Eropah. Kemudian, dia dan ahli keluarganya dibaptis dan di menjemput Paulus dan rakan-rakan untuk tinggal di rumahnya. Ramai sahabat Lidia turut percaya dan dibaptis. Satu jemaah kini dibentuk di Filipi.

Paulus melihat seorang lelaki Makedonia dalam penglihatannya yang meminta pertolongan. Tetapi apabila dia sampai di Makedonia, dia

*Lidia dari Thyatira
oleh: Harold
Copping
Sumber: Wikimedia
Commons*



Gereja St Lydia di kampung Lidia, kawasan perbandaran Kavala, Greece. Sumber: Wikimedia Commons

menemui seorang wanita yang salih dan berjaya bernama Lidia yang akan memainkan peranan penting dalam penubuhan jemaah di Filipi.

7.6A Perspektif Sejarah – Lidia dari Thyatira

Kota Thyatira, iaitu kota asal Lidia terkenal dengan industri warna celup serta persatuan pedagangnya. Ia terkenal dengan celupan kain berkualiti tinggi berwarna ungu yang diambil dari kerang atau akar tumbuhan. Thyatira mempunyai lebih banyak persatuan pedagang berbanding mana-mana kota Roma di Asia Kecil. Ungu merupakan warna diraja dan mereka yang berniaga kain ungu diraja biasanya mempunyai hubungan tertentu dengan orang penting.

Saumaah biasanya menjadi tempat di mana orang Yahudi berkumpul untuk berdoa dan beribadah. Adat Yahudi memerlukan sekurang-kurangnya sepuluh orang Yahudi dewasa untuk membentuk saumaah. Jika tiada saumaah seperti di Filipi, orang Yahudi akan berkumpul di tempat terbuka di luar kota untuk berdoa. Tempat-tempat seperti itu dipanggil ‘proseuches’ dalam bahasa Yunani dan biasanya terletak berdekatan dengan sungai atau tepi pantai di mana terdapat sumber air untuk mencuci tangan sebelum berdoa.



Tempat beribadah di luar di mana Lidia dibaptis. Gambar oleh: Pr Chris Choo



Seni Kaca Berwarna dalam Ruang Ibadah St Lydia. Gambar oleh: Pr Chris Choo

7.7 Disebat dan Dipenjarakan di Filipi (Kisah Para Rasul 16:16-24)

Paulus biasanya tidak suka untuk menginap secara percuma di rumah orang tetapi Lidia seorang yang pandai memujuk. Dengan menerima pelawaan Lidia, Paulus dan rakannya boleh menumpukan perhatian kepada pemberitaan Injil. Mereka menjadikan Filipi sebagai pusat operasi dan tinggal di sana selama beberapa waktu untuk mengukuhkan jemaah. Mungkin beberapa bulan berlalu dengan tenang sehingga suatu hari ketika mereka sedang berjalan di

tebing sungai di Filipi untuk beribadah, mereka bertemu dengan seorang budak perempuan yang dirasuk oleh roh penilik. Roh itu membolehkan dia meramal nasib dan dia membawa keuntungan besar kepada tuan-tuannya dengan menggunakan kebolehannya itu. Budak perempuan itu mengikut Paulus dan rakannya selama beberapa hari, berteriak mengatakan bahawa Paulus dan rakannya merupakan hamba Tuhan Yang Maha Tinggi, memberitahu orang bagaimana mendapat keselamatan. Pada suatu hari, Paulus yang gusar dengan gangguan lisan perempuan itu berpaling lalu memerintahkan roh itu untuk keluar daripadanya. Roh itu keluar dengan serta merta. Perempuan itu menjadi diam kerana sudah kehilangan kuasa tilikannya.



Paulus dan Silas dibelenggu dalam penjara setepas disebut © Pristine World

Majikan-majikannya menyedari bahawa mereka telah kehilangan sumber keuntungan lalu menjadi marah. Mereka menangkap Paulus dan Silas lalu mengheret mereka ke hadapan pihak berkuasa di medan kota. Mereka menuduh Paulus dan Silas sebagai orang Yahudi yang merbahaya kerana menyebarkan ajaran yang tidak patut diterima dan membuat kacau di kota. Orang ramai menjadi marah. Melihat orang ramai yang marah itu, pihak berkuasa yang ingin

menunjukkan bahawa mereka mengikut undang-undang Roma dengan ketat dan tidak akan membiarkan sesiapa pun untuk menyebarkan ajaran yang tidak diterima atau mengganggu keamanan memerintahkan supaya Paulus dan Silas disebut dengan teruk. Mereka dimasukkan ke dalam penjara yang paling dalam dan pegawai penjara diarahkan untuk membelenggu kaki mereka dengan pasung.

7.8 Nyanyian pujian yang Menyebabkan Gempa Bumi

Dari rumah Lidia yang selesa pada pagi hari, kemudian tiba-tiba disebut dan dimasukkan ke dalam penjara yang dikawal ketat merupakan satu kejutan hebat buat Paulus dan Silas. Walaupun mereka kesakitan dengan luka-luka yang berdarah, ia tidak menghalang mereka untuk berdoa dan menyanyikan pujian kepada Tuhan dari dalam penjara.

Kemudian satu kejadian hebat berlaku. Sama seperti trumpet Yohua dan teriakan orang Israel yang merobohkan tembok Yeriko, sesuatu yang luar biasa terjadi dalam penjara Filipi apabila dua orang rasul mengangkat suara untuk memuji Tuhan.

Rekod yang ditulis oleh Lukas membawa kita kepada kejadian yang berlaku itu:

Kisah Para Rasul 16: 26 **Tiba-tiba berlaku gempa bumi yang besar, sehingga bergoncang asas penjara itu. Serta-merta semua pintu penjara terbuka dan belenggu semua orang yang terpenjara itu**

terlucut. ²⁷Apabila ketua penjara terjaga daripada tidur dan melihat semua pintu penjara itu terbuka, dia menghunus pedang hendak membunuh diri, kerana sangkanya semua orang yang terpenjara telah lepas lari. ²⁸Akan tetapi Paulus berseru dengan lantang, “Jangan apa-apakan dirimu, kami semua ada di sini.”

²⁹Ketua penjara meminta pelita lalu berlari masuk serta sujud dengan gemetar di hadapan Paulus dan Silas. ³⁰Kemudian dia membawa mereka keluar lalu berkata, “Tuan-tuan, apakah yang patut aku lakukan supaya diselamatkan?” ³¹Mereka menjawab, “Percayalah kepada Tuhan Yesus, dan kamu akan diselamatkan, kamu dan seisi rumahmu.” ³²Mereka pun menyampaikan firman Tuhan kepadanya dan seisi rumahnya. ³³Pada malam itu juga ketua penjara membasuhkan luka-luka Paulus dan Silas. Dia dan seisi rumahnya dibaptiskan. ³⁴Selepas itu, dia membawa Paulus dan Silas naik ke rumahnya serta menghidangkan makanan untuk mereka dengan amat sukacita kerana dia sekeluarga telah percaya kepada Allah.

7.9 Warganegara Roma

Pada malam itu, ketua penjara sedang membersihkan luka-luka Paulus, dia pasti melihat satu tali pintal kulit di leher Paulus. Tali pintal kulit tersebut merupakan bukti kepada kewarganegaraan Roma Paulus.

“Adakah kamu warganegara Roma?” tanyanya.

“Ya, benar. Kami berdua ialah warganegara Roma.” Jawab Paulus.

“Pihak berkuasa telah menyebat seorang warga Roma di Filipi?”

“Sebenarnya, dua orang” balas Silas.

7.9A Perspektif Sejarah

Bukti Warganegara Roma

Untuk membuktikan seseorang sebagai warga Roma di luar negeri, orang Roma boleh menunjukkan bukti kewarganegaraan atau surat beranak mereka, kedua-duanya ada pada tali pintal kulit yang dinyatakan sebelum ini. Ia agak kecil dan senang dibawa oleh warga Roma jika mereka berada di luar kawasan. Jika masih terdapat keraguan terhadap orang yang mengaku warga Roma atau ragu terhadap dokumen tersebut itu sendiri, saksi boleh dipanggil. Paulus mempunyai kenalan di kota. Dia mempunyai saudara mara yang boleh membuat dakwaan terhadap pihak berkuasa kota.



Pada pagi esoknya, pegawai penjara menghantar seseorang untuk memberitahu pihak berkuasa bahawa mereka telah menyebat dan memenjarakan dua orang warga Roma tanpa penghakiman dan pengadilan. Ketika pembantu tiba di pejabat pihak berkuasa, seorang wanita yang berkedudukan tinggi di kota itu sudah berada di sana. Lidia memberitahu pihak berkuasa

itu bahawa mereka telah menyebat dua orang warga Roma di hadapan orang ramai tanpa disiasat dan jika mereka tidak dilepaskan dengan segera, mereka akan menerima akibatnya. Roma sedang mencari kesempatan untuk membawa kembali gabenor-gabenor dan pemimpin tentera mereka. Pembantu pegawai penjara tiba dan mengesahkan apa yang telah dikatakan oleh Lidia itu. Kini pihak berkuasa berasa bimbang. Bukan sahaja Roma akan mengambil tindakan, gempa bumi yang berlaku semalam menunjukkan yang Tuhan juga tidak senang, fikir mereka.

7.10 “Keluirlah dan pergilah... “Tidak, Minta Maaf Dahulu”, kata orang tahanan (Kisah Para Rasul 16:35-40)

Pegawai kerajaan segera menghantar anggota penguasa ke penjara. “Keluirlah dan pergilah dengan sejahtera” kata anggota penguasa tersebut. “Mereka telah menyebat kami di hadapan orang ramai tanpa menyiasat, sungguhpun kami orang Romawi. Mereka telah memasukkan kami ke dalam penjara. Sekarang mereka hendak membebaskan kami senyap-senyap? Tidak boleh begitu! Hendaklah mereka sendiri datang membawa kami keluar.” Menurut Lex Valeria, Lex Porcia dan yang terkini iaitu Lex Julia, warga Romawi tidak boleh disebat kecuali mereka ingkar terhadap perintah pegawai kerajaan secara langsung, itupun hanya selepas siasatan penuh dan dengan tuduhan yang sah. Dengan menyebat Paulus dan Silas di khalayak ramai tanpa siasatan, mereka akan diadukan kepada Roma dan merisikokan autonomi Filipi. (sumber: John Polloch ms.134)

Di medan kota tempat Paulus dan Silas disebat, orang ramai mungkin berfikir bahawa agama Kristian yang disebarkan oleh Paulus ini merupakan sesuatu yang menyalahi undang-undang dan harus dicemuh. Paulus harus mendapatkan kembali maruah demi jemaah dan secara tidak langsung memberi amaran kepada sesiapa sahaja yang ingin mencemuh saudara seiman di Filipi. Dia mahu saudara seiman di Filipi dihormati, dan seboleh-bolehnya dilindungi oleh pegawai kerajaan. Untuk maklumat terperinci tentang apa yang berlaku apabila warga Romawi ditahan atau disebat tanpa sebab yang sah pergi ke Pegawai kerajaan tiba dengan tercupang-cupang lalu meminta maaf kepada rasul.

Mereka mengiringi Paulus dan Silas keluar dari penjara dan meminta mereka untuk meninggalkan kota. Tetapi Lidia berkeras meminta mereka pulang ke rumahnya selama beberapa hari untuk memulihkan diri sebelum meninggalkan kota itu. Paulus dan rakannya mengambil kesempatan ini untuk berjumpa dengan orang-orang percaya sekerap yang mungkin di rumah Lidia dan memberikan mereka kata-kata dorongan serta arahan tentang bagaimana mereka boleh mengatur jemaah.

Setelah luka-luka mereka pulih dan sudah mengambil masa untuk memberi tunjuk ajar jemaah baru tentang pengajaran Injil, mereka pun mengucapkan selamat tinggal. Paulus berkata bahawa dia akan kembali atau menulis surat kepada mereka. Satu jemaah kini wujud di Filipi, sebuah kota utama di Makedonia. Lukas tinggal di sana untuk membantu jemaah muda tersebut.

7.11 Berjalan ke Tesalonika (Kisah Para Rasul 17:1-4)



Paulus dan rakan-rakannya kini berjalan menuju ke arah barat melalui jalan Via Egnatia. Mereka melalui Ampifolis dan Apollonia dan tiba di Tesalonika di mana terdapat penduduk Yahudi minoriti. Paulus pergi ke saumaah dan selama tiga hari Sabat berturut-turut, dia berkhotbah di sana. Dia menerangkan bagaimana Yesus menggenapi nubuatan-nubuatan dalam Perjanjian Lama tentang Mesias. Beberapa orang Yahudi percaya, tetapi lebih ramai orang bukan Yahudi; wanita berkedudukan tinggi dan Penyembah Tuhan yang berada di saumaah turut percaya.



Tesalonika, kini dipanggil sebagai Thessaloniki s. 1917

Sumber: Wikimedia Commons

Satu jemaah ditubuhkan di Tesalonika dan mereka berkumpul di rumah seorang Yahudi Kristian yang bernama Yason. Paulus meluangkan masanya di Tesalonika dan kembali menjadi tukang khemah untuk menyara hidup. Dia ingin memberikan teladan kepada orang Krstian di sana untuk bekerja sambil menyembah dan menanti kedatangan Kristus yang kedua kali. Dia amat berasa dikuatkan oleh jemaah Filipi yang sering menghantar pemberian kewangan untuk membantu pelayanannya.

7.11A Sejarah Tesalonika

Kota Thessaloniki dibina pada tahun 315 SM oleh Cassander dari Makedon dan diberi nama sempena nama isterinya iaitu Thessalonike. Dia merupakan puteri kepada Phillip II dari Makedon dan saudara perempuan Alexander Agung.

Tesalonika terletak di pertemuan dua laluan utama Roma, satu laluan dari utara Itali (Via Egnatia) dan satu lagi dari Danube ke Aegean. Tesalonika makmur kerana lokasinya yang strategik dan kemudiannya menjadi ibu kota dan pusat pelabuhan utama di seluruh wilayah Makedonia, Roma (146 SM). Pada tahun 42 SM, selepas pertempuran di Filipi, Mark Anthony menjadikan Tesalonika sebagai sebuah kota yang merdeka. Di bawah pemerintahan Kaisar Augustus, Tesalonika menjadi pusat ketenteran yang paling penting di Makedonia.

Ia merupakan sebuah pelabuhan yang besar dan penting ketika zaman Paulus tetapi para penduduknya, terutamanya orang Yahudi menentang para rasul. Kota ini dilawat oleh peribadi-peribadi yang terkenal seperti Alexander Agung, Cleopatra, Cicero, Pompey dan Sulaiman I Agung. Mustaf Kemal, bapa kepada Turki moden dilahirkan di kota ini. Tetapi tiada penduduk atau pelawat yang mempunyai pengaruh lebih besar ke atas kota ini berbanding seorang mubaligh yang tidak terkenal pada abad pertama TM, Paulus dari Tarsus. Pada hari ini, Thessaloniki merupakan kota kedua terbesar di Greece dengan jumlah penduduk lebih dari satu juta.



Tembok kuno Thessaloniki – Gambar diambil pada tahun 2012. Sumber: Wikimedia Commons

7.12 Kekacauan di Tesalonika (Kisah Para Rasul 17:5-9)

Apabila jemaah semakin bertambah bilangannya, orang Yahudi mula berasa dengki. Berikut adalah rekod dari Kisah Para Rasul bab 17.

Kisah Para Rasul 17: 5 Tetapi orang Yahudi berasa dengki lalu mengumpulkan orang jahat dan memulakan huru-hara di kota itu; mereka menyerang rumah Yason untuk membawa keluar rasul-rasul itu menghadap orang ramai. 6Apabila mereka tidak menemui Paulus dan Silas, mereka menyeret Yason dan beberapa orang lagi murid Yesus ke hadapan pegawai-pegawai yang berkuasa sambil berseru, “Orang ini telah menimbulkan kekacauan di dunia dan sekarang mereka datang pula ke sini 7lalu dialu-alukan oleh Yason ke rumahnya. Mereka ini melanggar undang-undang Kaisar Roma dengan mengatakan ada orang lain yang menjadi raja, bernama Yesus.”

⁸Apabila orang ramai dan pegawai kerajaan mendengar kata-kata itu, mereka pun gempar.

⁹Mereka menerima ikat jamin untuk Yason dan yang lain lalu membenarkan mereka pergi.

Orang Yahudi di Tesalonika menuduh Paulus dan rakannya menyebarkan berita tentang raja lain yang buka Maharaja dan melanggar undang-undang. Tetapi mereka tidak menjumpai Paulus lalu menjadikan Yason sebagai penggantinya. Pada malam itu, orang-orang percaya menghantar Paulus dan Silas ke Beria.



*Agoria kuno di Thessaloniki
Sumber: Wikimedia Commons*

*Agoria kuno di Thessaloniki dari sudut pandang berbeza
Sumber: Wikimedia Commons*



7.13 Orang Beria yang Berkedudukan Tinggi (Kisah Para Rasul 17: 10-15)

Beria terletak di kawasan gunung dan berada kira-kira 97 km jauhnya dari Tesalonika. Dengan udara yang dingin dan kota yang kelihatan seperti sebuah tempat peranginan, ia juga merupakan pusat perdagangan dan tempat tinggal kepada ramai pedagang Yahudi. Seperti kebiasaannya, Paulus dan Silas akan berkhotbah di Saumaah pada hari Sabat. Mereka mendapati bahawa orang Beria lebih berfikiran terbuka berbanding dengan orang Tesalonika. Mereka mendengarkan

Paulus dan meneliti sendiri Kitab Suci untuk melihat jika kata-kata Paulus benar atau tidak.

Timotius tiba di Beria membawa khabar gembira. Jemaah di Tesalonika tetap berdiri teguh walaupun menghadapi penganiayaan. Para rasul dikuatkan apabila mendengar berita baik itu. Ramai orang Yahudi dan Penyembah Tuhan percaya setelah mendengar khotbah Paulus. Ramai orang Yunani yang berkedudukan tinggi juga percaya dan tidak lama kemudian satu perkumpulan orang-orang percaya terbentuk. Akan tetapi, apabila orang Yahudi dari Tesalonika mengetahui bahawa Paulus dan Silas membawa berita baik ke Beria, mereka datang lalu mencetuskan rusuhan di Beria.

Orang percaya tahu bahawa Paulus dan rakan-rakannya kini berada dalam bahaya. Dengan segera mereka menghantar Paulus ke Atena manakala Silas dan Timotius tetap tinggal di Beria untuk membantu membangun jemaah di sana. Sebelum orang Beria meninggalkan Paulus di Atena, Paulus meminta mereka untuk memberitahu Silas dan Timotius supaya mengikut jejaknya secepat mungkin.

7.14 Paulus Tiba di Atena (Kisah Para Rasul 17:16-34)

Atena kuno merupakan sebuah pusat pendidikan, seni dan budaya dunia Barat. Ia juga merupakan pusat bagi beberapa kuil dan patung dewa-dewi yang tercantik. Orang Atena terbuka kepada semua jenis falsafah dan agama. Lukas menjelaskan mereka sebagai: Kisah Para Rasul 17:21 Semua orang Atena dan orang asing di situ asyik sekali membincangkan atau mendengar tentang perkara-perkara terbaru.

Paulus berada di kota ini sendirian. Silas dan Timotius masih berada di Beria, manakala Lukas mungkin masih berada di Filipi. Ketika Paulus berjalan-jalan di kota itu dia melihat banyak dewa-dewi dan falsafah yang dijadikan nilai pegangan di medan-medan kota Atena. Dia menjumpai sebuah saumaah lalu menyampaikan Injil kepada orang Yahudi dan Penyembah Tuhan. Tidak lama kemudian, penduduk di sana mula bercerita tentang 'agama baru' tersebut. Di medan kota, beberapa orang yang berpegang kepada ajaran Epikuros dan Stoa mula berdebat dengan Paulus. Mereka menggelarnya sebagai orang yang menunjuk-nunjuk.

Mereka menjemput Paulus untuk bercerita tentang Injilnya di hadapan majlis kota, Areopagus. Mereka ingin tahu lebih lanjut tentang ajaran Paulus. Paulus sedar bahawa pendengar-pendengar yang hadir ialah orang Yunani yang tidak mempunyai pengetahuan tentang kitab Perjanjian Lama. Oleh itu, di mengubah pendekatannya dan berkata-kata menggunakan karya tulisan yang diketahui oleh mereka dengan memetik dari falsafah kuno mereka.

7.15 Khotbah Paulus di Areopagus!

Lukas telah merekodkan ucapan Paulus tentang Injil di Areopagus untuk kita.

Kisah Para Rasul 17:22 Paulus berdiri di tengah-tengah Areopagus itu lalu berkata, "Saudara-saudara orang

Atena, aku lihat dalam semua hal saudara-saudara sentiasa ingat menyembah tuhan. ²³Sedang aku berjalan-jalan sambil memerhatikan apa yang saudara-saudara sembah, di suatu tempat aku dapati suatu tempat korban yang ditulis begini: 'Kepada Tuhan yang tidak diketahui.' Tuhan yang saudara-saudara sembah tanpa mengetahui-Nya itulah yang hendak aku nyatakan kepada saudara-saudara. ²⁴Allah yang menjadikan dunia dengan segala isinya ialah Tuhan langit dan bumi tidak tinggal di tempat sembahyang buatan manusia, ²⁵dan tidak dilayani oleh manusia kerana Dia tidak kekurangan apa-apa. Malah Dialah yang memberi manusia hidup dan nafas serta segala-galanya.

²⁶Daripada seorang manusia Dia menjadikan semua bangsa manusia yang menduduki seluruh muka bumi; Dia juga menetapkan masa dan daerah tempat mereka hidup. ²⁷Masing-masing diharap mencari Allah, mudah-mudahan mereka menemui-Nya. Dia tidaklah jauh daripada kita. ²⁸'Kerana-Nya kita hidup, bergerak serta ada di dunia ini.' Sebagaimana



Gambaran Arkeologi 3-D Akropolis kuno di Atena. Parthenon berada di puncak sebelah kanan. Di hadapan ialah Areopagus iaitu tempat dimana Paulus menyampaikan khotbahnya dalam Kisah Para Rasul 17.

kata penyair bangsamu, 'Kita ialah anak-Nya.' ²⁹Oleh sebab kita keturunan Allah, tidak patut kita sangka keilahan-Nya seperti patung yang serupa dengan emas, perak atau batu yang diukir dengan kepandaian dan akal manusia. ³⁰Allah membiarkan manusia melalui zaman kejahilan itu; tetapi sekarang Dia menyuruh manusia di seluruh dunia ini bertaubat; ³¹kerana Dia telah menetapkan bahawa pada suatu hari seisi dunia ini akan dihakimkan dengan adil oleh seorang yang ditentukan-Nya. Allah bersaksi akan hal ini kepada semua manusia dengan membangkitkan-Nya daripada kematian."

Sumber: John Googdinson dan Dimitris Tsalkanis melalui Free Bible Images

³²Apabila mendengar "membangkitkan-Nya daripada kematian", ada yang mengejek-ejek; tetapi ada yang berkata, "Kami mahu mendengar lagi kamu bercakap tentang perkara itu." ³³Selepas itu, Paulus keluar daripada perhimpunan itu. ³⁴Namun demikian, ada beberapa orang yang menjadi pengikut Paulus dan percaya akan kata-katanya; di antaranya ialah Dionisius anggota Areopagus, dan seorang wanita bernama Damaris, serta beberapa orang lagi.

Parthenon di Atena s. 1978
Sumber: Wikimedia Commons



7.15A Perspektif Sejarah

Paulus Memetik Falsafah Yunani

Khotbah Paulus di Areopagus disampaikan dengan bijaksana dan sesuai. Cara ini sama seperti ayat-ayat dalam Eumenides oleh Aeschylus di mana Athene memberitahu bagaimana Sidang Areopagus dimulakan. Kemudian di memetik Plato dalam Buku Republik Kesepuluh, tentang Arkitek Alam Semesta yang ‘membuat semua tumbuh dari tanah dan menggerakkan semua benda hidup,’ merujuk kepada Tuhan Pencipta. Dia juga menggunakan petikan langsung dari Epimenides, penyajak Kreta dan Aratus orang Kilikia. Dia berucap secara ‘sopan tetapi tetapi tidak cuba mengampu’ seperti yang dijelaskan oleh J. Pollock. Sumber: The Apostle oleh J. Pollock ms. 150.



Kehidupan harian Atena kuno: berdebat tentang falsafah. Sumber: Greek Reporter

7.15B Atena – Perspektif Sejarah

Atena merupakan sebuah kota yang agak kecil yang mempunyai penduduk kira-kira 20, 000 sehingga 25, 000 orang. Ia merupakan pusat pengetahuan dan budaya yang penting, meskipun digambarkan oleh seorang penyajak Romawi pada tahun 46 SM sebagai kota yang ‘kosong’. Mengapa Paulus tidak menjadikannya sebagai pusat misi seperti Korintus dan Efesus? Tiada rekod surat Paulus dihantar ke Atena dan kita tidak mendengar sebarang perkumpulan orang percaya atau jemaah sehingga beberapa waktu akan datang. Terdapat dua sebab kemungkinan Paulus tidak memulakan jemaah di Atena: (1) Orang-orang Atena terlalu taksub dengan falsafah-falsafah dan mereka menganggap diri lebih pandai. Mereka mempunyai banyak falsafah yang berpusat

kepada atau berasal daripada dua gaya pemikiran utama iaitu Epikuros dan Stoa. (2) Paulus tergesa-gesa untuk pergi ke Korintus atas pimpinan Roh Kudus.

Surat Paulus yang pertama kepada jemaah Korintus sepertinya memberikan petunjuk kepada sebab tindakannya. Dalam surat itu dia menjelaskan bagaimana ketika di baru tiba di Korintus setelah meninggalkan Atena, di mengambil keputusan untuk

tidak berkata-kata menggunakan kebijaksanaan dunia tetapi menceritakan Injil seadanya. "Saudara-saudaraku! Ketika aku datang kepadamu untuk menyampaikan rahsia Allah, aku tidak datang dengan kata-kata indah atau kebijaksanaan. Sebabnya sewaktu aku bersamamu, aku telah bertekad untuk menyampaikan berita tentang Yesus Kristus semata-mata, khususnya tentang kematian-Nya di kayu salib...perkhabaran serta pengajaranku tidak disampaikan dengan kata-kata hikmah yang meyakinkan. Sebaliknya aku menyampaikannya secara menunjukkan kuasa Roh." (1 Korintus 2:1-4)

Walaupun begitu, lawatan Paulus ke Atena tidak sia-sia. Antara orang yang percaya setelah mendengar Paulus ialah Dionisius, seorang anggota Aeropagus dan seorang wanita penting yang bernama Damaris. Terdapat spekulasi yang mengatakan bahawa Damaris ialah isteri kepada Dionosius dan mereka dan kedua-dua mereka terus mengikut Paulus, belajar darinya dan kemudiannya menjadi uskup sebuah jemaah baru di Atena. Damaris diberi penghormatan sebagai santo dalam mahzab Katolik dan gereja-gereja Ortodoks Timur.



The School of Athens, sebuah fresco terkenal oleh Raphael iaitu seorang pelukis Zaman Pertengahan, di mana Plato dan Aristotle menjadi tumpuan utama dalam gambar. Sumber: Wikimedia Commons

7.16 Ejekan dan Penolakan di Atena (Kisah Para Rasul 17:32-34)


Walaupun ada beberap orang yang percaya dan menjemput Paulus untuk tinggal dan mengajar mereka, kebanyakan orang mengejak dan mentertawakan mesej Paulus. Mereka tidak boleh menerima konsep kebangkitan dan tidak yakin jika Tuhan akan melakukan hal seperti itu. Tiada rekod yang menunjukkan jemaah terbentuk dan tidak lama kemudian, Paulus pergi meninggalkan Atena seorang diri. Dia tidak melakukan perkara yang biasa dilakukannya iaitu tinggal lebih



lama di satu kota untuk menubuhkan jemaah. Dia mungkin telah mengirimkan khabar kepada Silas dan Timotius supaya tidak mencarinya di Atena tetapi terus pergi ke Korintus iaitu tempat tujuannya yang berikut.

Khotbah Paulus di Areopagus
Sumber: Wikimedia Commons

7.17 Korintus



Paulus pergi ke Korintus seorang diri. Korintus merupakan ibu kota Akhaya, sebuah kota perniagaan yang besar dan strategik kerana ia menguasai segenting dan pelabuhan Kengkrea. Ia mengenakan bayaran bagi kargo dan kapal kecil yang boleh ditarik ke darat melalui segenting seluas 6 km yang memisahkan Laut Aegia dan Laut Ionia, memendekkan jarak pelayaran sejauh 300 km di laut yang dipenuhi dengan lanun.

7.18 Ketibaan Paulus di Korintus (Kisah Para Rasul 18:1-3)

Mesej Paulus tidak diterima dengan baik di Atena dan dia bimbang tentang jemaah di Makedonia. Tetapi ketika dia menunggu rakan yang lain untuk menyertainya, Paulus berkhotbah seorang diri di kota. Kita boleh mengetahui bagaimana perasaannya ketika ini apabila kita membaca surat yang ditulisnya kepada jemaah Korintus beberapa tahun kemudian:

¹Korintus 2:1 **Saudara-saudaraku! Ketika aku datang kepadamu untuk menyampaikan rahsia Allah, aku tidak datang dengan kata-kata indah atau kebijaksanaan.** ²Sebabnya sewaktu aku bersamamu, aku telah bertekad untuk menyampaikan berita



*Korintus di kawasan segenting
Sumber: Corinthian Matters*

tentang Yesus Kristus semata-mata, khususnya tentang kematian-Nya di kayu salib. ³AOleh itu, ketika aku mendekatimu, aku daif dan gemetar ketakutan. ⁴Dan perkhabaran serta pengajaranku tidak disampaikan dengan kata-kata hikmah yang meyakinkan. Sebaliknya aku menyampaikannya secara menunjukkan kuasa Roh. ⁵Dengan demikian, imanmu bukanlah berasaskan kebijaksanaan manusia, tetapi berasaskan kuasa Allah.

7.19 Paulus Didorong Oleh Rakan-rakan (Kisah Para Rasul 18:4-11)

Kemudian, Paulus berkawan dengan Akwila, seorang Yahudi serta isterinya, Priskila. Pasangan ini datang dari Roma apabila Kaisar Klaudius memerintahkan semua orang Yahudi untuk keluar dari Roma dan tinggal di Korintus. Akwila mungkin berusia lebih muda dari Paulus dan telah menjadi orang percaya lebih awal apabila iman Kristian sampai di Roma tanpa sebab yang diketahui. Berdasarkan nama isteri Akwila, dia mungkin orang Latin dan mempunyai taraf yang lebih tinggi dari suaminya. Mereka menjadi rakan yang baik dan Paulus turut melakukan mata pencarian mereka iaitu bertukang dengan bahan kulit dan khemah. Paulus melakukan perniagaan ini semasa di tinggal di Korintus dan juga berkhotbah setiap kali dia mempunyai kesempatan.

Tidak lama kemudian, Silas dan Timotius tiba dari Makedonia membawa khabar baik. Jemaah di Makedonia tetap teguh walaupun berhadapan dengan penganiayaan. Tambahan pula, mereka turut membawa sumbangan dana daripada jemaah Filipi untuk Paulus. Paulus kini boleh menumpukan masa sepenuhnya untuk memberitakan Injil.

7.20 Kepada Orang Yahudi dahulu kemudian Orang Bukan Yahudi

Paulus berkhotbah memberitakan Injil di saumaah-saumaah kepada orang Yahudi dan Yunani, bersaksi kepada mereka mengapa Yesus ialah Mesias. Tetapi orang Yahudi mula menentangnya dan mencela dia. Selepas beberapa ketika, Paulus mengambil keputusan untuk tidak berkhotbah di saumaah lagi. Dia memberitahu orang Yahudi "Darahmu tertumpah ke atas kepalamu sendiri, aku tidak bertanggungjawab; aku bersih. Dari sekarang aku hendak pergi kepada orang bangsa asing."Kemudian dia mengebaskan debu dari pakaiannya dan tinggal dengan seorang Penyembah Tuhan, Titus Yustus yang tinggal bersebelahan dengan saumaah. Dia merupakan orang percaya baru.

Krispus, ketua saumaah serta seisi keluarganya percaya dan dibaptis bersama dengan ramai orang di kota Korintus. Oleh itu, satu jemaah baru terbentuk di Korintus. Dia sangat terdorong apabila dia menerima berita dari Timotius bahawa jemaah Tesalonika tetap teguh. Dia menulis surat pertamanya kepada jemaah Tesalonika untuk mengajar mereka cara hidup kudus dan mendorong mereka untuk tetap kuat walaupun berada dalam pencubaan.

Kisah Para Rasul 18:9 *Pada suatu malam Tuhan berfirman kepada Paulus dalam satu penglihatan, “Jangan takut, berkata-katalah terus dan jangan berhenti, ¹⁰kerana Aku menyertaimu. Tiada seorang pun akan dapat mencederakanmu, kerana ramai orang di kota ini umat-Ku.” ¹¹Paulus tinggal di situ setahun setengah sambil menyebarkan firman Allah kepada orang di situ.*

7.20A Perspektif Sejarah Korintus

Korintus merupakan ibu kota Akhaya atau Greece Selatan. Ia adalah sebuah kota yang besar dan makmur dan sehingga hari ini masih menjadi kota kedua terpenting di Greece. Pada zaman Paulus, ia mempunyai populasi sebanyak kira-kira 80, 000 sehingga 100, 000 orang, satu pertiga daripadanya ialah hamba abdi. Ia merupakan pusat perdagangan untuk barang-barang dan hamba abdi dihantar ke barat dari timur. Ia adalah kota Roma yang mempunyai banyak budaya Yunani. Dalam keagamaan, kota itu mempunyai banyak dewa di mana Aphrodite dan Apollo merupakan dewa–dewi yang paling terkenal serta ajaran kultus yang menyembah raja-raja. Ia mempunyai komuniti Yahudi yang kecil namun agak terkenal. Ramai dari mereka yang datang dari Roma selepas Kaisar Klaudius memerintahkan semua orang Yahudi untuk keluar dari Roma. Pelacuran di kuil-kuil juga perkara biasa dan menjadi peniagaan yang menguntungkan kerana Korintus mempunyai pelabuhan yang sibuk dan penuh dengan pengembara, anak kapal dan pedagang.

Kuil Aphrodite, kultus yang didedikasikan untuk mengagungkan perbuatan cabul terletak di puncak gunung Acrocorinth yang menyerupai gunung berapi setinggi 1,900 kaki.

Sumber: The Untold Story of the New Testament Church oleh Frank Viola dan The Apostle oleh J. Pollock.

7.21 Surat Kepada Jemaah di Tesalonika

Silas dan Timotius menyertai Paulus di Korintus. Mereka membawa pemberian kewangan dari jemaah Filipi. Wang yang diberikan kepada Paulus membolehkannya untuk menumpukan masa kepada usaha menyampaikan firman Tuhan dan mengajar (1 Korintus 11:9 dan Filipi 4:14-16). Berita dari Tesalonika baik. Walaupun jemaah mengalami penganiayaan, ia tetap berdiri teguh. Walau bagaimanapun, akibat tekanan dari luar, beberapa orang dari jemaah berpaling kembali kepada cara hidup lama mereka iaitu menyembah berhala dan melakukan perbuatan cabul.

Seorang jemaah telah meninggal dan orang-orang percaya bersedih dengan kehilangan itu serta bertanya apa yang akan terjadi kepada orang Kristian setelah mereka meninggal dunia. Paulus menulis surat untuk mendorong dan menenangkan hati jemaah setelah kehilangan seorang dari mereka. Dia juga menjangkakan kunjungan dari penganut agama Yahudi dan cuba untuk menyiapkan mereka. Surat ini telah dijadikan sebagai kitab 1 Tesalonika dalam Perjanjian Baru kita, dan ia dihantar oleh Timotius dan Silas sekitar hujung tahun 51 TM.

Paulus tinggal di Korintus selama 18 bulan dan jemaah semakin bertambah. Injil juga tersebar di kawasan sekitarnya.

Pada awal tahun 52 TM, Paulus menerima khabar dari jemaah Tesalonika bahawa beberapa orang percaya salah faham terhadap apa yang telah ditulisnya tentang kedatangan Tuhan Yesus untuk kedua kali dalam surat pertamanya. Ada beberapa ahli jemaah yang berfikir bahawa kedatangan Yesus yang kedua kali akan berlaku tidak lama lagi, lalu tidak mahu bekerja dan hidup menumpang hasil susah payah jemaah yang lain. Jemaah Tesalonika hanya setahun jagung. Paulus kemudiannya menulis surat yang kedua untuk memperbetulkan beberapa salah faham mereka. Surat ini dijadikan kitab 2 Tesalonika.

(Sumber: The Untold Story of the New Testament oleh Frank Viola)

7.22 Lucius Galio (Kisah Para Rasul 18:12-17) Musim panas tahun 53 TM

Pada suatu hari, semasa Lucius Junius Gallio (Galio) menjadi pemerintah Akhaya, orang Yahudi bangkit dengan sehati melawan Paulus lalu membawanya ke muka pengadilan. Mereka menuduh Paulus untuk cuba mempengaruhi orang ramai supaya menyembah Tuhan dengan cara yang bercanggah dengan hukum Taurat.

Ketika Paulus bersedia untuk membela diri, Galio menghentikan percakapan itu dan mengarahkan semua orang untuk keluar dari tempat pengadilan itu. Dia mengatakan kepada orang Yahudi bahawa mereka hanya menghabiskan masanya. “Jika perkara ini tentang kesalahan atau jenayah, patutlah aku bersabar



Temple of Apollo, Corinth. Source: Wikimedia Commons

mendengarnya tetapi jika pertikaianmu tentang perkataan, nama dan hukummu hendaklah kamu menyelesaikannya sendiri; aku tidak mahu mengadili perkara yang demikian!” kata Galio. Kemudian mengusir mereka keluar dari ruangan itu. Orang Yahudi marah lalu memukul Sostenes, ketua baru saumaah mereka tetapi Galio tidak menghiraukannya. Oleh itu, Paulus tinggal di Korintus dan dilindungi oleh undang-undang.


Lukas merekodkan bahawa Paulus telah dibawa ke mahkamah pengadilan di Korintus; perkataan Yunani yang digunakan ialah ‘bema’, yang bererti kerusi pengadilan. Bema merupakan satu pentas yang tinggi di mana pegawai-pegawai kota akan berucap kepada orang ramai. Bema pada masa Korintus kuno dijumpai di pasar semasa kerja-kerja galian dilakukan pada awal abad ke-20. Ia dikenal pasti sebagai bema berdasarkan inskripsi Latin berdekatan yang menulis, “... dia melapis rostra [bahasa Latin yang sama maksud dengan bema] dan membayar sendiri kos pembuatan semua batu marmarnya.”⁵ Pentas itu mempunyai ketinggian 2.3 m (7.5 kaki) dari lantai di pasar dan besar kemungkinan di sinilah Galio mengadili tuduhan yang dilemparkan kepada Paulus. Sumber: Bible Archeology Report

7.22A Perspektif Sejarah – Lucius Galio

Lucius Junius Gallio (Galio) dilantik sebagai Prokonsul di Akhaya pada 1 Julai 51. Tempoh pemerintahannya selama dua tahun telah direkodkan pada ukiran-ukiran batu di Delfi. Galio merupakan saudara Seneca, seorang ahli falsafah terkemuka yang disukai oleh Kaisar Klaudius. Keputusan yang dibuat oleh Galio telah memberikan kesan kepada pelayanan Paulus. Sekiranya dia memutuskan bahawa ajaran Paulus melanggar hukum, Paulus tidak akan diterima di Akhaya dan juga Greece. Oleh kerana Galio mengatakan bahawa ini hal dalaman orang Yahudi, Paulus bebas berkhutbah di luar saumaah memandangkan dia sudah menarik diri dari terlibat di saumaah. Walaupun begitu, Sostenes yang mungkin sudah percaya Yesus tetapi masih bertugas di saumaah dihukum kerana dia terbabit dalam hal-hal orang Yahudi. Galio melihat perbuatan mereka itu tetapi tidak menghiraukannya.

Sumber: The Apostle J. Pollock ms. 172

Menurut Kisah Para Rasul, semasa Galio bertugas sebagai prokonsul di Akhaya, dia tidak mengendahkan tuduhan orang Yahudi terhadap Paulus (Kisah Para Rasul 18:12-17). Pemerintahan Galio boleh dilihat dengan agak tepat antara tahun 51-52 TM. Oleh itu, kejadian dalam Kisah Para Rasul 18 mungkin terjadi pada tahun tersebut. Perkara ini sangat penting kerana ia menunjukkan tempoh masa yang paling tepat dalam hidup Paulus.



7.23 Ke Efesus dan Kembali ke Antiokhia (Kisah Para Rasul 18:18-22)

Apabila Paulus merasakan bahasa jemaah di Korintus sudah semakin kukuh, dia meninggalkan Korintus bersama-sama dengan Silas dan Timotius. Dia turut membawa Akwila dan Priskila bersama. Dalam perjalanan, mereka singgah di Kengkrea, pelabuhan Korintus. Semasa hari-hari terakhirnya di Korintus, Paulus telah bernazar dan membiarkan rambutnya tumbuh panjang. Di Kengkrea, dia mencukur rambutnya sebagai menunaikan nazarnya.

Untuk melengkapkan nazarnya, dia harus melawat Bait Suci Yerusalem. Jadi mereka berlayar merentas Laut Aegia ke kota Efesus. Mereka tinggal hanya sebentar di sana kerana Paulus tergesa-gesa untuk pergi ke Yerusalem untuk menunaikan nazarnya. Walau bagaimanapun, dia meninggalkan Akwila dan Priskila di sana untuk meneruskan pelayanan dan berjanji bahawa dia sendiri akan kembali satu ketika nanti.

Kemudian Paulus dan Silas berlayar ke Kaisarea Maritima dan dari sana mereka pergi ke Yerusalem supaya Paulus boleh mengakhiri nazarnya. Setelah melawat orang Kristian di Yerusalem, Paulus dan rakannya kembali ke Antiokhia. Maka lengkaplah perjalanan misi keduanya.

7.24 Ringkasan dari Perjalanan Misi Kedua

Perkara Penting dalam Perjalanan Misi kedua

Perkara Penting dalam Perjalanan Misi Kedua Paulus

Tahun: 50 TM sehingga 53 TM

Tempoh Masa: 3 tahun

Jarak Perjalanan: 4,500 kilometer

Jemaah Baru: Empat: Filipi, Tesalonika, Beria dan Korintus

Masa yang diambil untuk menubuhkan jemaah baru:

Filipi	- 2-3 bulan
Tesalonika	- 2-3 bulan
Beria	- 1 bulan
Korintus	- 18 bulan
termasuk penginjilan di wilayah Akhaya	

Sumber: Frank Viola

Perkara Penting dalam Perjalanan Misi kedua termasuk:

- Dia dan Barnabas berpisah haluan: Barnabas dan Markus pergi ke Siprus; Paulus dan Silas pergi ke Asia Kecil dan Eropah
- Lukas menyertai Paulus di Troas dan Timotius ikut serta di Listra. Priskila dan Akwila diperkenalkan sebagai rakan sekerja Paulus
- Paulus dan rakan-rakannya dipimpin oleh Roh Kudus untuk pergi dari Troas ke Makedonia. Injil telah diberitakan di Eropah dan Lidia merupakan orang percaya yang pertama. Satu jemaah ditubuhkan di Filipi. Ia merupakan jemaah pertama di Eropah.

- Paulus menjadikan Tesalonika dan Korintus sebagai pusat penginjilan. Dia menubuhkan jemaah di kota-kota penting, membangun para jemaah dan menggunakan orang-orang percaya untuk membawa orang lain dari kawasan sekeliling.
- Tradisi mubaligh sepenuh masa bermula di sini, di mana pengajar Kitab Suci diberikan pemberian supaya mereka tidak perlu melakukan pekerjaan lain untuk menyara hidup. Jemaah Makedonia memberikan Paulus pemberian kewangan melalui Silas dan Timotius supaya dia boleh menumpukan masa dan usaha untuk menyampaikan berita Injil semasa dia berada di Korintus.
- Lukas merekodkan pengadilan oleh Lucius Galio di Korintus membuktikan bahawa undang-undang Roma mendapati ajaran Paulus tidak bertentangan dengan hukum. Keputusan Galio ini ditekankan semula oleh Festus, gabenor Yudea apabila Paulus daibawa ke muka pengadilan sekali lagi.

7.25 Perkara-perkara untuk Dibincangkan

- a. Pada pendapat anda, apakah kesan kepada pelayanan apabila Paulus dan Barnabas berpisah pada perjalanan misi kali ini?
- b. Apakah cara-cara yang dipakai oleh Tuhan untuk memimpin Paulus dan rakan-rakannya dalam perjerjalanan misi yang di luar kebijaksanaan dan ketekadan manusia?
- c. Pada pendapat anda, mengapakah majoriti orang Yahudi menolak Paulus dan ajarannya?
- d. Apakah pandangan anda tentang pemberian wang kepada pemimpin/pengajar rohani?
- e. Pada pendapat anda, mengapakah Lukas merekodkan pengadilan Paulus oleh Roma dan kemudiannya oleh orang Yahudi secara terperinci?

Bab 8

Perjalanan Misi Ketiga

8.1 Perjalanan Misi Ketiga Bermula (Kisah Para Rasul 18:23)



Teater Roma di Efesus. Gambar oleh: Dr Lim Kar Yong

Setelah menghabiskan masa berehat selama musim panas di Antiokhia, Paulus berasa dia perlu melawat jemaah-jemaah yang telah ditubuhkannya. Dia juga ingat akan janjinya untuka melawat Efesus. Kira-kira pada musim luruh tahun 53 TM, Paulus memulakan perjalanan misi ketiganya. Dia pergi ke kota-kota tempat dia menubuhkan jemaah di selatan Galatia, melalui Derbe, Listra, Ikonium, Antiokhia di Pisidia untuk menguatkan orang-orang percaya dan melancarkan pungutan pemberian yang dirancangnya untuk orang-orang miskin di Yerusalem. Berpandukan perkara ini, Paulus

memulakan perjalanan misi yang ketiga.

“Kamu semua tahu cara hidupku sejak aku bersamamu, dari hari pertama aku datang ke Asia. Aku telah memperhambakan diri kepada Tuhan dengan sehabis-habis rendah hati dan dengan air mata. Sudah beberapa cubaan menimpa diriku akibat pakatan orang Yahudi. 20Aku tidak pernah menyembunyikan daripadamu sesuatu yang berfaedah kepadamu. Aku menyatakan segalanya kepadamu dan mengajarmu baik di khalayak ramai mahupun di rumah masing-masing.”

Kisah Para Rasul 20:18-20

Perjalanan Misi Ketiga Paulus (Kisah Para Rasul 18:23-21:16)

Ahli Kumpulan: Paulus, Timotius, Lukas dan lain-lain

Tempoh masa: TM s. 53-57

Jarak Perjalanan: Kira-kira 4400 km

Laluan Utama: Siria, Galatia, Frigia, Asia Kecil, Makedinoa, Akhaya, Makedonia, Asia Kecil, Likia, Fenisia, Yudea

Jemaah Baru: Efesus

8.1.2 Rasul-rasul lain melawat Korintus dan bermulanya pembahagian dalam jemaah

Sebelum Paulus memulakan perjalanan misi ketiganya dan selepas Apolo berangkat pergi, Barnabas melawat Korintus untuk mengukuhkan jemaah di sana. Kemudian, Petrus dan isterinya juga melawat Korintus (1 Korintus 9:5-6). Petrus terkenal kerana melakukan banyak mukjizat dan keajaiban. Ramai orang Yahudi dalam jemaah Korintus menyatakan bahawa mereka pengikut Petrus. Ada jemaah Yahudi keturunan Yunani yang sangat kagum dengan cara Apolos berucap pula mengatakan mereka pengikut Apolo. Jemaah yang lain mendakwa mereka pengikut Kristus. Ada juga yang mengatakan mereka mengikut Paulus memandangkan dia merupakan rasaul pertama yang membawa Injil ke Korintus (1 Korintus 1:12). Paulus harus berhadapan dengan masalah pembahagian ini kelak.

8.2 Paulus dan murid-muridnya

Pada masa ini, Paulus sudah berusia dalam pertengahan lima puluhan. Bagi abad pertama TM, ini merupakan usia orang tua. Kini dia sentiasa mencari orang untuk meneruskan pekerjaannya. Dia telah memuridkan Timotius, Titus, Lukas dan Silas sama seperti bagaimana dia dimuridkan oleh Barnabas pada tahun-tahun awalnya di Antiokhia. Apabila Paulus tiba di Efesus, dia berjumpa dengan beberapa orang murid. Lukas menceritakan kepada kita apa yang berlaku:

² Timotius 2: ²Segala yang telah kaudengar daripadaku di hadapan saksi yang ramai, sampaikan kepada orang setia yang dapat mengajarkannya kepada orang lain pula.

8.2.1 Paulus dan 12 orang murid di Efesus (Kisah Para Rasul 19:1-7)

Ketika Paulus tiba di Efesus, dia bertemu dengan beberapa orang murid. Lukas memberi kita kisah tentang apa yang berlaku:

Kisah Para Rasul 19: ¹Sementara Apolos berada di Korintus, Paulus menjelajahi kawasan pedalaman lalu sampai di Efesus. Di situ dia bertemu dengan beberapa orang murid ²lalu berkata, “Adakah kamu menerima Roh Kudus pada waktu kamu percaya kepada Yesus?”

Mereka menjawab, “Kami belum pernah mendengar pun tentang adanya Roh Kudus.”

³Paulus bertanya, “Kalau begitu, dalam baptisan apakah kamu dibaptiskan?”

Kata mereka, “Dalam baptisan Yohanes.”

⁴Paulus berkata, “Yohanes telah membaptiskan orang dengan pembaptisan taubat dan berkata kepada mereka bahawa mereka hendaklah mempercayai Dia yang akan datang selepasnya, iaitu Yesus.”

⁵Setelah mereka mendengar penerangan itu, mereka dibaptiskan dengan nama Tuhan Yesus.

⁶Paulus meletakkan tangan di atas mereka lalu datanglah Roh Kudus menguasai mereka dan mereka semuanya bercakap dalam berbagai-bagai bahasa serta bernubuat. ⁷Semuanya ada kira-kira dua belas orang.

8.2.2 Murid-murid Paulus yang lain

Selain daripada 12 murid yang dinyatakan sebelumnya, Paulus turut melatih beberapa orang

murid yang akan mengambil alih pelayanannya di kemudian hari.

- Kita tahu tentang Titus dari Antiokhia. Paulus menyebutnya dalam Galatia. Walau bagaimanapun, Lukas tidak menyebutnya dalam Kisah Para Rasul. Beberapa orang sarjana percaya bahawa Lukas dan Titus ialah adik-beradik. Kedua-dua mereka berasal dari Antiokhia di Siria.
- Timotius dari Listra. Anak lelaki Eunike dan cucu kepada Lois. Dia melihat sendiri penderitaan Paulus ketika dia datang ke Listra pada pertama kalinya dan Timotius amat disarankan oleh jemaah di sana untuk menjadi pembantu Paulus pada lawatannya yang kedua kali di Listra.
- Gayus dari Derbe
- Sopater dari Beria
- Aristarkhus dari Tesalonika
- Sekundus dari Tesalonika

(Sumber: Frank Viola ms. 114)

8.2A Perspektif Sejarah dan Kepentingan Alkitabiah Kota Efesus



Gambaran kemungkinan Kuil berhala Artemis pada tahun 560 SM yang diimejkan semula.



Puing-puing tinggalan Kuil Berhala Artemis hari ini di Turki

Sumber: Wikimedia Commons



Pandangan 360 darjah tapak Kuil Efesus pada hari ini

Sumber: Ronan Reinart melalui Wikimedia Commons

Puing-piung tinggalan Efesus terletak di kawasan awam kota moden Selçuk, berdekatan dengan persisiran Laut Aegea dan sedikit ke arah utara pulau Samos. Pada zaman Paulus, ia merupakan kota pelabuhan yang besar di pesisir Aegea. Setelah bertahun-tahun lamanya, mendapan alluvium dari Sungai Caystar yang mengalir berdekatan

dengan kota menimbusi pelabuhan tersebut. Akibatnya, tapak kota itu pada hari ini terletak kira-kira 8 km di darat dari pantai. Efesus juga merupakan tempat permulaan laluan utama yang menyelusur dari pesisir Aegea hingga ke bahagian timur Anatolia. Dengan tambahan pelabuhan di sana, laluan ini membuatnya menjadi tempat perdagangan serta pusat pengangkutan yang penting.

Menurut ahli sejarah/falsafah kuno Strabo, penduduk terawal Efesus merupakan orang yang dipanggil sebagai Legeles dan Carian. Walau bagaimanapun, sekitar tahun 1100 SM satu kumpulan Yunani dari Ionia yang diketuai oleh putera dari Atena iaitu Androclus menubuhkan satu penempatan Yunani di kaki Gunung Pion. Orang tempatan di situ menyembah dewi Cybele. Orang koloni Yunani menyemai keparcayaan tempatan ini dengan menganggap dewi Cybele sebagai dewi Yunani iaitu Artemis, Pemburu Dara yang dipanggil oleh orang Romawi sebagai Diana. Di bawah pemerintahan Roma, Efesus dijadikan sebagai ibu kota kepada wilayah timur Asia Kecil. Efesus telah ditakluk oleh orang Parsi dan kemudian dirampas semula oleh Yunani di bawah pemerintahan Alexander Agung.

Kuil Berhala Artemis yang turut dikenali sebagai Artemisian dimusnahkan oleh api pada tahun 356 SM. Alexander Agung menawarkan untuk membiayai pembina semula kuil tersebut tetapi ditolak kerana "adalah tidak sesuai untuk seorang tuhan membuat dedikasi kepada tuhan lain". Kuil yang dibina semula merupakan kuil yang dilihat oleh Paulus apabila dia melawat Efesus. Ia juga menjadi salah satu daripada tujuh keajaiban dunia pada zaman kuno. Enam keajaiban dunia yang lain ialah: Piramid Agung Giza, Rumah Api Iskandariah, Berhala Zeus di Olympia, Patung Raksasa Rhodes, Makam Maussollos di Halicarnassus dan Taman Tergantung Babylon.

Selain dari lokasi strategik di persimpangan pelabuhan Aegia dan laluan utama, salah satu sebab kota ini makmur ialah Kuil Berhala Artemis. Ini kerana ia menarik pelawat dari semua tempat pada zaman kuno malah ia berfungsi sebagai sebuah bank, memberi pekerjaan kepada ramai orang. Pada tahun 262 SM, orang-orang Gotik menyerang dan menjarah Efesus. Mereka menjarah kuil itu lalu membakarnya. Apabila Kristian menjadi agama rasmi di Empayar pada abad keempat TM, Kuil Berhala Artemis diabaikan dan kemudiannya dijadikan sebagai kuari batu. Efesus tidak pernah kembali kepada zaman kegemilangannya kerana ia telah kehilangan kuilnya yang terkenal serta pelabuhannya yang disebabkan oleh mendapan sungai.

Efesus dalam Alkitab

Pada zaman Paulus iaitu abad pertama TM, Efesus merupakan kota yang penting. Ia merupakan kota yang keempat terbesar dalam Empayar, selepas Roma, Aleksandria dan

Antiokhia di Siria. Ia mempunyai penduduk kira-kira 225, 000 hingga 250, 000 orang. Efesus disebut sebagai 'Perhiasan Asia' dan bangga dengan gelaran yang diberikan padanya iaitu 'Penjaga Kuil Artemis'. Ia juga pusat kepada amalan sihir dan ajaran sesat. Paulus melawat Efesus sebanyak dua kali iaitu semasa perjalanan misinya yang kedua dan ketiga. Dalam perjalanan misi yang kedua, dia membawa Akwila dan Priskila bersamanya. Dalam perjalanan misi yang ketiga, dia tinggal di sana selama tiga tahun (Kisah Para Rasul 19:8-10 dan 20:31). Paulus kini sedar bahawa membina jemaah di tempat yang strategik mempunyai banyak kelebihan. Dia boleh meminta orang-orang percaya tempatan untuk pergi dan menginjil penduduk di pedalaman (Kisah Para Rasul 19:10). Dengan menjadikan Efesus sebagai pusat operasi, dia mempunyai ramai orang percaya di wilayah Asia.

Semasa dia tinggal di Efesus, ramai orang percaya dan ini membangkitkan amarah golongan tukang perak. Perniagaan mereka yang lumayan dengan balai-balai berhala Artemis terjejas teruk dan mereka ingin menghalau Paulus. Rusuhan yang hampir berlaku akhirnya ditenangkan di panggung Efesus. Panggung Efesus merupakan tapak kegemaran pelawat Kristian di Turki pada hari ini. Dalam suratnya kepada Timotius, dia menggesa rakan sekerjanya yang muda ini supaya tetap tinggal di Efesus untuk membantu orang-orang Kristian di sana, terutamanya untuk menguruskan ajaran – ajaran salah yang muncul (1 Tim 1:3).

Ahli sejarah Kristian awal turut mengaitkan Efesus dengan Rasul Yohanes, bahawa dia telah berpindah ke Efesus setelah di meninggalkan Yerusalem. Di sana dia berkhotbah dan mengajar sehingga dia mendapat tentangan dari pihak berkuasa setempat dan kemudiannya dibuang ke pulau Patmos. Setelah itu, dia dibenarkan kembali dari pembuangan dan tinggal di Efesus seumur hidupnya. Adalah dipercayai bahawa dia menulis Injil Yohanes di Efesus dan tiga surat-surat Yohanes. Ketika dia berada di Patmos, di menulis Injil Wahyu. Sumber: A Guide to Biblical Sites in Greece and Turkey oleh Clyde Fant dan Mitchell Reddish ms. 177-183 serta The Life of Apostle Paul oleh Goh Kim Guat ms. 72.

8.3 Berkhotbah dalam Saumaah di Efesus (Kisah Para Rasul 19:8-9)

Paulus berkhotbah dengan penuh semangat di saumaah-saumaah pada setiap hari Sabat selama tiga bulan. Dia cuba untuk meyakinkan orang Yahudi tentang Kerajaan Tuhan. Pada mulanya mereka mendengar dan ramai Penyembah Tuhan ikut serta. Setelah beberapa lama kemudian, orang Yahudi mula menentang Paulus dan memburuk-burukkan berita Injil. Jadi Paulus meninggalkan mereka dan membawa semua orang percaya bersama dengannya.

Dia mengadakan perbincangan di dewan syarahan Tiranus setiap hari. Hal ini berterusan selama dua tahun. Ramai orang di kawasan sekitar datang mendengar Paulus dan ramai dari mereka yang percaya. Jemaah Efesus kini semakin bertambah kukuh. Ramai murid-murid dilahirkan di bawah bimbingan Akwila dan Priskila serta 12 orang murid yang telah dibaptis dan dijajah oleh tangan Paulus.

8.4 Jemaah Efesus Bertumbuh (Kisah Para Rasul 19:10-12)

Tempoh tiga tahun Paulus di Efesus amat produktif. Dalam tempoh ini, firman Tuhan terus tersebar. Ramai orang dari kawasan Asia Kecil sama ada orang Yahudi atau Yunani akan mengambil kesempatan untuk melawat Efesus supaya mereka boleh mendengar Paulus berkhotbah. Jemaah di Efesus menjadi pusat yang penting di mana mereka menghantar mubaligh-mubaligh ke wilayah Asia Kecil yang lain. Kesannya, banyak jemaah baru yang muncul seperti Kolose, Laodikia dan Filadelfia.

8.5 Anak Lelaki Skewa (Kisah Para Rasul 19:13-22)

Jika Korintus taasub dengan perbuatan cabul dengan pelacur-pelacur kuil yang mengagungkan kenikmatan dan kesucian cinta bebas, Efesus pula dipenuhi dengan ahli sihir dan kuasa kegelapan. Ahli-ahli sihir dan skrol mereka yang penuh dengan jampi-jampi serta formula untuk menyembuhkan sakit-penyakit dijual di medan kota di Efesus. Mantera untuk perlindungan dari kuasa jahat dan penyakit boleh dibeli dan dikalungkan di leher. Cebisan kertas papyrus yang mempunyai tulisan jampi juga agak terkenal. “Sebabnya perkara-perkara yang dilakukan oleh mereka secara rahsia itu, jika disebut pun adalah memalukan,” kata Paulus kepada orang-orang percaya.

Walau bagaimanapun, apabila ramai orang datang kepada Rasul Paulus untuk disembuhkan, ahli-ahli sihir menjadi dengki. Jadi beberapa orang daripada mereka cuba meniru Paulus dan menyembuhkan orang menggunakan nama Yesus tanpa pengetahuan dan iman dalam Yesus. Pada suatu hari, sekumpulan ahli sihir orang Yahudi cuba untuk meniru perbuatan Paulus.

Kisah ini diceritakan oleh Lukas dan ditulis dalam Kisah Para Rasul 19: ¹¹Allah melakukan mukjizat yang luar biasa melalui Paulus. ¹²Sesetengah mereka membawa pulang sapu tangan atau kain yang pernah dipakai Paulus kepada orang yang sakit lalu mereka sembuh dan roh-roh iblis yang merasuk mereka keluar dari tubuh mereka. ¹³Beberapa orang Yahudi yang mengamalkan ilmu sihir turut serta menyebut nama Tuhan Yesus untuk mengubat orang yang dirasuk roh-roh iblis, dengan berkata, “Aku menyumpahi kamu demi Yesus yang dihabarkan oleh Paulus.” ¹⁴Ada tujuh orang anak Skewa, imam besar orang Yahudi, yang berbuat demikian. ¹⁵Akan tetapi, roh jahat itu menjawab, “Aku kenal akan Yesus, dan tahu akan Paulus, tetapi kamu ini siapa?”

¹⁶Lalu orang yang dirasuk roh jahat itu menerkam dan mengerjakan mereka. Mereka pun lari dari dalam rumah itu dalam keadaan telanjang dan luka. ¹⁷Berita itu tersebar baik dalam

kalangan orang Yahudi mahupun orang Yunani di Efesus; mereka ketakutan lalu nama Tuhan Yesus semakin dimuliakan. ¹⁸Ramai orang yang mempercayai Yesus datang sambil mengakui segala perbuatan jahat mereka yang lalu. ¹⁹Beberapa orang yang mengamalkan ilmu sihir mengumpulkan semua buku sihir mereka dan membakarnya di hadapan orang ramai. Semua buku sihir itu dianggap nilainya kira-kira lima puluh ribu keping wang perak. ²⁰Demikianlah, firman Tuhan tersebar luas dan semakin berkuasa.

Kejadian ini menjadi satu kesaksian tentang kuasa Tuhan dan Injil terus tersebar.



Khotbah St Paulus di Efesus. Lukisan oleh: Eustache Le Sueur s. 1649. Sumber: Muzium Lourve melalui Wikimedia Commons

*St Paulus dan Pembakaran Buku-buku Pagan di Efesus, Lukisan oleh: Lucio Massari s. 1612
Sumber: Wikimedia Commons*



8.6 Masalah dalam Jemaah di Korintus s. 55 TM

Ketika Paulus masih berada di Efesus, dia mendapat khabar berita dari jemaah di Korintus. Beberapa orang dari jemaah berbalik kepada cara hidup pagan mereka iaitu gaya hidup yang tidak bermoral dan kelakuan yang tidak kudus. Paulus menulis sepucuk surat kepada jemaah Korintus. Sarjana Alkitab merujuk kepada surat ini sebagai Korintus A. Surat ini telah hilang. Dia menerima balasan surat dari jemaah tertentu yang meminta nasihatnya dalam pelbagai isu dan masalah yang berlaku dalam jemaah di sana. Pada masa yang sama, beberapa pelawat dari Korintus membawa berita tentang pembahagian yang membimbangkan dalam kalangan jemaah Korintus dan wujud satu kumpulan yang menentang kewibawaan Paulus. (Rujuk kepada 8.1.2)

Untuk menyelesaikan masalah ini, Paulus menulis satu lagi surat yang dirujuk oleh para sarjana sebagai Korintus B, kepada jemaah Korintus yang kita kenali sebagai 1 Korintus. Surat ini merupakan surat nasihat yang ditulis dalam nada yang tegas dengan tujuan membantu mereka menyelesaikan isu-isu serius yang sedang mereka hadapi.

Apabila Paulus menghantar surat ini, dia menjangka untuk melawat secara peribadi sebagai tindakan susulan. Oleh itu dia bimbang kerana ia mungkin akan kelihatan seperti konfrontasi dan kurang menyenangkan. Dia menghantar Timotius terlebih dahulu ke Korintus. Dia mendapat berita yang menyatakan bahawa lebih ramai yang menentang kewibawaan serta doktrin ajarannya. Paulus kemudiannya mengambil keputusan untuk melawat jemaat Korintus dengan segera. Seperti yang dibimbangkannya, lawatan tersebut menjadi sesuatu pengalaman pahit baginya.

Setelah dia kembali ke Efesus, Paulus bergumul tentang apa yang terjadi di Korintus. Apakah kesalahan yang telah dilakukan? Jemaah yang ditinggalkannya dahulu sepertinya teguh dan bertumbuh. Tetapi kini ia kelihatan seperti cuba menghancurkan diri sendiri dan menolak bapa rohani mereka. Salah seorang jemaah telah menyerang Paulus secara peribadi dan mempersoalkan wibawa kerasulannya. Orang itu mencemuh Paulus dengan mengatakan bahawa dia seorang penurut dan tidak memberikan tanggapan yang hebat apabila bertemu dengan mereka. Dia bersikap berani hanya semasa menulis surat-suratnya.

8.7 Paulus Memindahkan Jemaah di Roma

Pada tahun 55 TM, Maharaja Nero menghapuskan pengharaman orang Yahuid dan membenarkan mereka untuk kembali ke Roma. Terdapat orang-orang Kristian di Roma dan Paulus ingin menghantar pemimpin yang berkebolehan kepada mereka. Dia menghantar Priskila dan Akwila kembali ke Roma. Beberapa orang sarjana juga percaya bahawa Paulus turut menghantar pemimpin kepada jemaah bukan Yahudi dan dia mahu melakukan hal ini sebelum penganut agama Yahudi mula kembali ke Roma. Orang Kristian Yahudi ini mungkin akan menimbulkan masalah dengan memaksa orang Kristian bukan Yahudi untuk disunat dan mengikut adat resam orang Yahudi terlebih dahulu. Bukti yang menyokong hal ini datang dari surat Paulus ke Roma di mana dia menamakan 26 orang individu dan menghantar mereka ucapan secara peribadi (Roma 16). Beberapa dari mereka ialah:

- *Priskila dari Efesus*
- *Akwila dari Efesus*
- *Epenetus dari Efesus*
- *Febe dari Kengkrea*
- *Rufus dari Antiokhia di Siria*
- *Andronikus dari Yerusalem*
- *Yunias dari Yerusalem*
- *Urbanus dari Makedonia*
- *Apeles dari Asia Kecil*

(sumber: Frank Viola, ms. 121)

8.8 Rusuhan di Efesus (Kisah Para Rasul 19:23-41)

Ketika Paulus sedang menanti respons dari jemaah Korintus, masalah sedang memuncak di Efesus. Oleh kerana semakin ramai orang percaya dan menyertai jemaah, penyembah Artemis




Jalan utama Efesus Kuno. Gambar oleh: Dr Lim Kar Yong

dan kumpulan pengukir balai berhala menyedari bahawa perniagaan mereka terjejas dengan teruk semenjak Paulus datang ke kota itu. Jadi mereka mengambil keputusan untuk melakukan sesuatu. Kisah ini diceritakan dalam Kisah Para Rasul 19:

Kisah Para Rasul 19: ²⁴Seorang tukang perak bernama Demetrius membuat balai-balai berhala Dewi Artemis daripada perak. Pekerjaan ini membawa hasil lumayan kepada pekerja-pekerjanya. ²⁵Dia menghimpunkan para pekerja serta tukang-tukang yang sama mata pencariannya lalu berkata, “Saudara-saudara sekalian tahu bahawa daripada pekerjaan inilah kita mendapat keuntungan. ²⁶Saudara-saudara juga melihat dan mendengar bahawa di Efesus ini malah hampir di seluruh Asia, Paulus itu telah mempengaruhi ramai orang dengan berkata bahawa barang yang diperbuat oleh manusia bukannya tuhan. ²⁷Dengan demikian, apa yang dikhuatiri

bukan sahaja mata pencarian kita ini dihina, bahkan rumah Artemis, dewi yang besar itu pun tidak akan diendahkan lagi, lalu hilanglah kebesaran dewi yang disembah orang di seluruh Asia malah di serata dunia.”

²⁸Setelah mendengar kata-kata itu, semua yang hadir naik berang dan berseru, “Maha besar Artemis, dewi orang Efesus!” ²⁹Dengan demikian orang ramai merusuh di kota itu. Mereka menangkap Gayus dan Aristarkhus, orang



Makedonia yang menemani Paulus dalam perjalanannya, lalu menyeret mereka ke panggung kota itu. ³⁰Paulus hendak pergi bercakap kepada orang ramai tetapi para murid Yesus tidak membenarkannya. ³¹Beberapa orang pegawai kerajaan yang bersahabat dengan Paulus berpesan kepadanya supaya jangan masuk ke panggung itu.

³²Orang yang berkumpul di situ berseru-seru, sesetengah berkata begini dan sesetengah begitu; kerana semuanya dalam keadaan kelam-kabut dan sebilangan besar daripada mereka tidak tahu mengapa mereka berhimpun. ³³Orang Yahudi menolak Aleksander ke hadapan untuk menghadapi orang ramai. Aleksander memberikan isyarat dengan tangannya kerana dia hendak menjelaskan segalanya kepada mereka. ³⁴Akan tetapi apabila mereka mengenalinya sebagai orang Yahudi, semuanya berseru serentak selama kira-kira dua jam, “Maha besar Artemis, dewi orang Efesus!”



Puing-puing tinggalan Amfiteater di Efesus di mana pertandingan serta perhimpunan awam diadakan. Gambar oleh: Dr Lim Kar Yong

³⁵Ketika itu jurutulis kota menyuruh mereka diam lalu berkata, “Hai orang Efesus, siapa yang tidak tahu bahawa orang kota Efesuslah yang memelihara kuil dewi besar Artemis dan patung sucinya yang turun dari langit? ³⁶Ini tidak dapat dinafikan. Oleh itu, kamu patut bertenang dan jangan bertindak gopoh-gapah. ³⁷Kedua-dua orang ini tidak merampas harta tempat berhala dan tidak pula menghina dewi kita, tetapi kamu membawa mereka ke mari.

³⁸Jika Demetrius dan tukang-tukang yang menyertainya itu ada sesuatu yang hendak diadakan tentang sesiapa, kita mempunyai mahkamah percikaraan dan hakim; hendaklah mereka mendakwa orang berkenaan di mahkamah. ³⁹Jika kamu menuntut perkara lain, hendaklah diselesaikan dalam perhimpunan yang berpatutan. ⁴⁰Oleh sebab apa yang berlaku hari ini, kita akan didakwa menimbulkan huru-hara tanpa sebab; dan kita tidak dapat memberikan alasan yang wajar untuk membenarkan perhimpunan ini.” ⁴¹Selepas itu, jurutulis kota menyuruh perhimpunan itu bersurai.



*Kuil Berhala Artemis di Efesus
Untuk video selama tiga minit yang memberikan ringkasan kepada Temple of Artemis of the Ephesians, pergi ke:*

8.8A Perspektif Sejarah

Pungutan Cukai di rumah ibadah Menurun

Orang Yahudi mendapat perlindungan diraja dari Agustus dan kaisar lain selepasnya dengan syarat mereka harus menurut perintah untuk menghantar hasil pungutan cukai di rumah-rumah ibadah ke Yerusalem. Semua orang Yahudi diaspora membayar cukai secara sukarela untuk membiayai penyelenggaraan Bait Suci Yerusalem. Seperti yang kita boleh lihat dalam bukti terkini, Efesus merupakan pusat penghantaran cukai yang dipungut dari saumaah-saumaah di seluruh wilayah Asia Kecil yang makmur. Pelayanan Paulus diberkati dan berjaya. Menjelang tahun 53 TM, bendahari di Efesus menyedari penurunan jumlah pungutan wang dan tidak lama kemudian mereka mendapat tahu puncunya. Ramai orang Yahudi di Efesus, Kolose, Smirna, Pergamus dan kota-kota terdekat lain memberikan sumbangan mereka kepada pungutan yang Paulus lakukan untuk 'orang salih yang miskin di Yerusalem.' Paulus tidak meminta orang-orang percaya untuk berhenti memberi sumbangan kepada saumaah-saumaah, tetapi ramai orang Yahudi Kristian yang telah dipaksa keluar dari saumaah berhenti membayar cukai mereka. Ramai Penyembah Tuhan yang mungkin telah menyumbang cukai rumah ibadah telah menjadi orang Kristian dan kini telah menghentikan sumbangan mereka.

Sumber: The Apostle oleh J. Pollock ms. 188

8.9 Kemenangan dan Keputus-asaan

Paulus dan rakan-rakannya sekali lagi terlepas dari kejadian yang merbahaya iaitu serangan kepada kesahihan pekerjaan mereka. Sekiranya keputusan jurutulis kota tidak berpihak kepada mereka, ia akan lebih menyukarkan keadaan jemaah. Masa yang dihabiskan oleh Paulus di Efesus sangat berhasil. Dia bukan sekadar menubuhkan jemaah dan meneguhkannya, malah jemaah tersebut turut menghantar para jemaahnya untuk memberitakan Injil dan menubuhkan banyak jemaah di kawasan sekitar.

Walau bagaimanapun, dia juga mengalami banyak rintangan, keputus-asaan dan bahaya dalam tempoh tersebut. Dia sentiasa bimbang dengan jemaah di Makedonia. Satu jemaah tertentu membuatnya rusing sepanjang tempoh waktu ini iaitu jemaah di Korintus.

8.10 Dari Efesus ke Makedonia

Selepas huru-hara di Efesus ditenangkan, Paulus memutuskan bahawa sudah tiba masanya dia meninggalkan Efesus. Dia memanggil semua orang percaya dan pemimpin-pemimpin jemaah lalu memberikan mereka aturan tentang bagaimana meneruskan ibadah mereka. Akhirnya, dengan kata-kata dorongan, dia mengucapkan selamat tinggal. Dia meninggalkan tempat itu dan pergi ke Makedonia. Ketika dia berkhotbah dan berehat di Makedonia, fikirannya dipenuhi dengan kerisauan tentang jemaah di Korintus.

8.11 Respons Orang Korintus kepada Paulus

Tuhan sangat baik terhadap Paulus. Pada masa yang tepat, Titus datang membawa berita baik dari Korintus. Surat Paulus yang bernada keras diterima dengan baik. Para jemaah telah bertaubat dan menerima nasihat Paulus. Paulus berasa amat lega dan meredakan seperti sebuah beban dilepaskan darinya. Dia sangat terdorong dan penuh dengan sukacita sehingga dia menulis sepucuk lagi surat kepada jemaah Korintus iaitu surat D, yang telah dipelihara dengan baik dan dikenali sebagai kitab 2 Korintus pada hari ini. Kali ini, Paulus menghantar Titus bersama-sama dengan dua orang wakil dari jemaah Makedonia untuk menghantar surat tersebut kepada jemaah di Korintus.

Dia turut mengingatkan mereka untuk memungut sumbangan bagi orang miskin di Yerusalem. Dia telah mengarahkan semua jemaah bukan Yahudi di Galatia, Asia, Makedonia dan Akhaya untuk mengumpul sumbangan yang akan dihantarnya sendiri ke Yerusalem berserta dengan wakil-wakil lain. Dengan menolong orang miskin, Paulus berharap supaya kebajikan yang dilakukan oleh orang Kristian bukan Yahudi ini akan membantu memgeratkan lagi kesatuan antara jemaah Yahudi dan bukan Yahudi.


8.12 Paulus Melawat Jemaah Korintus Sekali Lagi

Ketika Paulus berada di Makedonia, dia melawat semua jemaah yang telah diasaskannya dan memberikan kata-kata dorongan buat mereka. Dia memastikan supaya jemaah-jemaah dipimpin oleh orang yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, jemaah-jemaah tidak mempunyai Kitab Suci lain selain daripada Perjanjian Lama pada masa itu. Mereka mungkin mendengar kesaksian mulut tentang kehidupan Yesus serta Injil tetapi kitab Perjanjian Baru masih belum wujud ketika itu. Paulus menulis banyak surat kepada jemaah untuk memberikan mereka arahan pastoral dan juga jawapan kepada masalah tertentu atau apa sahaja pertanyaan mereka. Arahan yang diberikan oleh Paulus biasanya mengandungi prinsip yang meliputi semua perkara dan relevan sepanjang zaman. Dia mendapatnya dari apa yang telah diilhamkan oleh Tuhan kepadanya melalui Kitab Suci Ibrani dan apa yang telah Roh Kudus tunjukkan kepadanya tentang Injil.

Setelah meluangkan beberapa waktu di Makedonia, Paulus pergi ke Korintus dan dia tinggal di rumah Gayus selama tiga bulan. Dia bersukacita apabila mendengar bahawa jemaah Korintus telah menerima suratnya yang terakhir dan telah mengumpul kesemuanya.

8.13 Paulus Menulis Surat Kepada Orang Kristian di Roma

Pada tahun 57 TM ketika Paulus masih berada di Korintus, dia menerima berita dari Roma. Berita baik itu menyatakan bahawa terdapat satu jemaah di Roma dan ia sedang bertumbuh. Roma merupakan kota yang sibuk dan ramai pengembara yang telah menerima Kristus datang di sana lalu menyampaikan iman mereka di Roma. Jemaah di Roma bukan dimulakan oleh Paulus.



Surat Paulus kepada jemaah di Roma, bab 1 ayat 1 hingga 7, salinan s. abad ke-4 TM. Sumber: Wikimedia Commons

Walaupun begitu, Paulus sedar bahawa jemaah baru ini terletak di tempat yang strategik kerana Roma merupakan ibu kota empayar tersebut. Para sarjana percaya bahawa apabila Paulus mendengar tentang kewujudan jemaah di Roma, dia menghantar Akwila dan Priskila kembali ke Roma seurus selepas perintah pengharaman orang Yahudi dimansuhkan untuk membimbing mereka.

8.13A Perspektif Sejarah

Surat Paulus kepada Orang Kristian di Roma

Tarikh penulisan: TM 57

Tempat penulisan: Korintus

Tujuan menulis: Untuk menyiapkan jalan baginya sebelum melawat Roma dalam perjalanan misinya ke Sepanyol dan untuk menjelaskan pelan asas penyelamatan Tuhan, atau Injil, kepada jemaah yang belum pernah diajar oleh rasul sebelum ini.

Tema: Penyelamatan dan Kekudusan Tuhan

Paulus ingin melawat jemaah di Roma tetapi dia harus melakukan satu perkara penting iaitu menghantar wang yang telah dikumpulkannya dari jemaah bukan Yahudi ke Yerusalem. Oleh kerana dia tidak dapat pergi ke Roma, dia menulis sepucuk surat kepada jemaah di Roma. Surat tersebut kekal sehingga hari ini dan menjadi kitab kelima dalam Perjanjian Baru.

Para sarjana mempercayai bahawa seseorang dari Roma mungkin telah menghantar surat kepada Paulus yang mengandungi banyak persoalan. Mereka mahu mendengar pendapat Paulus. Paulus kemudiannya menulis suratnya yang paling terkenal iaitu kitab Roma yang telah disimpan sehingga hari ini dan menjadi kitab keenam dalam Perjanjian Baru. Ia merupakan surat



Paulus menulis Surat Rom dari Efesus. © Pristine World



*Laut Aegia oleh Frederic Edwin Church, s. 1877.
Sumber: Muzium Seni Metropolitan, NY melalui
Wikimedia Commons*

Paulus yang paling panjang dan dalam surat tersebut dia meringkaskan serta menjelaskan Injil. Di sepanjang zaman, banyak jiwa telah disentuh dan diubah oleh Injil dan oleh surat kepada jemaah Roma ini.

8.14 Plots, Danger and Change of Plans (Acts 20:1-6)

Paulus bercadang untuk berlayar ke Yudea pada musim bunga TM 57 apabila Laut Aegia dibuka untuk berlayar. Dia akan membawa sumbangan kewangan yang telah dikumpulnya diiringi oleh wakil-wakil

dari jemaah bukan Yahudi yang telah memberikan sumbangan. Ini termasuk Sopater orang Beria, Aristarkhus dan Sekundus orang Tesalonika, Gayus orang Derbe, Timotius dari Listra serta Tikhikus dan Trifomus orang Asia. Ketika Paulus hampir berangkat, dia mendengar tentang satu rancangan untuk membunuhnya, lalu dia mengubah rancangannya itu. Paulus menghantar yang lain untuk mendahuluinya ke Troas, manakala dia dan Lukas berjalan melalui darat ke Filipi. Di Filipi, Paulus meraikan Perayaan Roti Tidak Beragi bersama-sama dengan orang Kristian sebelum mereka belayar ke Troas. Dia berharap dapat menyambut Perayaan Pentakosta di Yerusalem yang akan berlangsung 50 hari kemudian.

8.15 Kejadian di Troas (Kisah Para Rasul 20: 7-16)

Di Troas, Paulus berjumpa dengan rakan-rakan yang lain dan tinggal di sana selama tujuh hari untuk mendorong orang Kristian di tempat itu. Pada hari Ahad sebelum keberangkatannya, Paulus berjumpa dengan mereka untuk kali terakhir. Terlalu banyak perkara yang ingin disampaikan oleh Paulus kerana ia hari terakhir dia berada di sana. Dia berkata-kata sehingga lewat malam dan ruang tersebut menjadi panas. Seorang pemuda bernama Eutikhus duduk di jendela. Dia tertidur lalu terjatuh dari tingkat tiga sehingga ke bawah. Orang di situ mengangkatnya dan mendapatinya sudah mati. Tetapi apabila Paulus turun, dia merebahkan diri ke atas pemuda itu lalu memeluknya. "Jangan bimbang," kata Paulus, "kerana masih ada nyawanya". Setelah itu mereka naik kembali dan membahagikan roti dan mengucap



*Lukisan St Paulus membangkitkan
Eutikhus oleh Jacques Francois
Courtin s. 1707.
Sumber: Wikimedia Commons*

syukur. Setelah berbual sepanjang malam, Paulus dan rakannya berangkat pergi keesokan harinya. Komuniti Kristian di tempat itu terhibur kerana Eutikhus masih hidup.

8.16 Dari Troas ke Miletus dan Kata-kata Terakhir untuk Pemimpin di Efesus (Kisah Para Rasul 20:17-38)

Lukas dan dua lagi rakannya berlayar ke Asos di mana mereka bertemu dengan Paulus yang telah melalui jalan darat. Paulus menyertai mereka di Asos dan mereka bersama-sama berlayar ke Metilene. Dari sana mereka berlayar ke Khios dan Samos. Mereka tiba di Miletus pada keesokan harinya. Paulus tergesa-gesa untuk sampai ke Yerusalem menjelang Perayaan Pentakosta jadi dia mengambil keputusan untuk melalui Efesus. Tetapi dia bercadang untuk berjumpa dengan tua-tua jemaah Efesus. Jadi Paulus mengirinkan khabar kepada mereka untuk memberitahu supaya bertemu dengannya di Miletus.

Apabila tua-tua jemaah Efesus tiba, Paulus menyambut mereka dengan senang hati dan mengucapkan nasihat terakhirnya kepada mereka. Dia menggesa mereka untuk menjaga orang-orang Kristian dan melindungi mereka dari ajaran palsu. Setelah dia mencurahkan isi hatinya kepada mereka, dia berlutut lalu berdoa. Mereka mengucapkan selamat tinggal dengan penuh dukacita sebelum Paulus dan rakan-rakannya kembali ke kapal.



Kisah Para Rasul 21:1-16 Puing-puing tinggalan Teater Roma di Miletus, Turki moden. Sumber: Wikimedia Commons

8.17 Dari Miletus ke Tirus (Kisah Para Rasul 21:1-3)

Setelah mereka meninggalkan Miletus, mereka berlayar ke Kos dan esoknya ke Rodos dan dari sana ke Patara. Lukas ada bersama-sama dengan Paulus dalam pelayaran ini. Mereka belayar di selatan Siprus dan tiba di Tirus, Siria. Mereka bertemu dengan orang-orang percaya di Tirus dan tinggal selama seminggu di sana untuk memberikan dorongan kepada mereka. Mereka yang dipimpin oleh Roh Kudus menggesa Paulus untuk jangan pergi ke Yerusalem. Semua murid Yesus bersama anak isteri menghantarkan mereka sampai ke luar kota. Mereka berlutut di pantai lalu berdoa dan bersalam-salaman dan melihat Paulus dan rakannya naik ke kapal.

8.18 Dari Tirus ke Yerusalem (Kisah Para Rasul 21:4-15)

Dari Tirus, mereka meneruskan pelayaran ke Ptolemais. Di situ mereka memberi tinggal dengan saudara seiman selama sehari dan esoknya berangkat ke Kaisarea. Di Kaisarea, mereka masuk ke rumah Filipus, pemberita Injil yang menjadi seorang daripada tujuh pembantu para rasul, lalu tinggal dengannya. Ketika mereka berada di situ, seorang nabi bernama Agabus datang dari Yudea yang bernubuat bahawa jika Paulus pergi ke Yerusalem, dia akan diikat dan diserahkan ke tangan orang bangsa asing. Apabila mendengar kata-kata itu, mereka dan penduduk kota itu meminta Paulus supaya jangan pergi ke Yerusalem. Tetapi Paulus tidak mengendulkannya. Dia merasa bahawa misinya terlalu penting untuk diabaikan begitu sahaja. “Mengapa kamu menangis dan menyedihkan hatiku? Aku bersedia bukan sahaja untuk diikat, malah untuk mati di Yerusalem demi nama Tuhan Yesus,” kata Paulus. Rakan-rakannya tahu bahawa Paulus tidak akan mendengar kata-kata mereka yang melarangnya untuk pergi ke Yerusalem. Selepas meluangkan beberapa waktu di situ, mereka pergi ke Yerusalem. Beberapa orang murid Yesus dari Kaisarea menyertai mereka lalu membawa mereka berjumpa Menason, orang Siprus, yang sudah lama percaya akan Yesus. Mereka menumpang di rumahnya.

Nabi Agabus memberi amaran kepada Paulus bahawa jika dia pergi ke Yerusalem, kaki dan tangannya akan diikat. Lukisan oleh: Louis Cheron s. 1687. Sumber: Muzium Lourve melalui Wikimedia Commons



8.19 Ringkasan dari Perjalanan Misi Ketiga Paulus

Perkara Penting dalam Perjalanan Misi Ketiga Paulus

Tahun: TM 53-57

Tempoh Masa: 4 tahun

Jarak Perjalanan: 2,200 kilometer

Jemaah Baru: lebih dari 11. Epafras memulakan jemaah di Laodikia, Kolose dan Hierapolis. Rakan-rakan misi Paulus yang lain menubuhkan jemaah di serata Asia Kecil. Paulus memulakan jemaah di Troas dan Ilirikum.

(Sumber: Frank Viola, ms. 111)

Perkara Penting dalam Perjalanan Misi ketiga termasuk:

- Mendirikan jemaah di Efesus dan menjadikannya sebagai pusat operasi untuk menginjil kawasan sekitar (Kisah Para Rasul 19:10)
- Menyelesaikan konflik dan pembahagian dalam kalangan jemaah Korintus
- Beberapa surat ditulis seperti dua surat kepada jemaah Korintus dan surat kepada jemaah di Roma. Surat-surat ini mengandungi doktrin-doktrin dan ajaran moral yang menjadi berkat walaupun setelah dua ribu tahun berlalu.
- Melatih dan membimbing murid-murid yang akan meneruskan pekerjaannya.
- Mendorong dan melantik pemimpin di semua jemaah yang telah ditubuhkan di seluruh Asia dan Eropah.
- Mendorong jemaah bukan Yahudi untuk memberikan sumbangan kewangan untuk membantu orang miskin di Yerusalem. Paulus menggunakan perkara ini untuk menyatukan orang Kristian Yahudi di Yudea dan orang Kristian di Asia dan Eropah.

8.20 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

- a. Apakah persediaan yang dilakukan oleh Paulus untuk menyerahkan kerja-kerja membangun jemaah kepada pewaris-pewarisnya?
- b. Bagaimakah anda melihat Pekerjaan Tuhan di Efesus?
- c. Berdasarkan info sejarah dan maklumat yang anda pelajari sebelumnya tentang Paulus dan jemaah di Korintus, bagaimanakah ia membantu anda untuk lebih memahami kitab Korintus yang pertama dan kedua?
- d. Apakah yang boleh kita pelajari tentang ketekadan Paulus untuk menyebarkan Injil dan membantu jemaah Yerusalem?
- e. Berdasarkan pembacaan anda setakat ini, bolehkah anda menjelaskan apa itu Injil secara ringkas?

Bab 9

Dari Yerusalem ke Roma – Perbicaraan dan Kapal Terkandas

“Aku ingin memberitahumu, saudara-saudaraku, bahawa segala yang telah berlaku kepadaku sebenarnya semakin memajukan penyebaran Injil. Dengan demikian, nyatalah dalam kalangan seluruh pengawal istana dan orang ramai bahawa aku dipenjarakan kerana Kristus. Juga, kebanyakan saudara kita dalam Tuhan menjadi yakin kerana aku dipenjarakan, mereka semakin berani menyebarkan firman Allah tanpa ketakutan. ...Hal itu, bagiku tidak penting. Walau dengan apa cara sekalipun, baik berpura-pura mahupun ikhlas, Kristus sedang diberitakan. Dan kerana ini aku bersukacita dan akan terus bersukacita.” Filipi 1:12-14, 18

Perjalanan Paulus ke Roma (Kisah Para Rasul 27-28)

Masa: TM 59-62

Jarak Perjalanan: 3700 km

Rakan-rakan: Lukas dan Aristarkhus

Laluan Utama Laut: Yudea, Fenisia, Likia, Kreta, Malta, Sicilia, Itali
Laluan Darat di Itali: Putioli, Pasar Apius, Rumah Penginapan Tiga, Roma



9.1 Paulus di Yerusalem (Kisah Para Rasul 21:16-26) s. 59 TM

Apabila Paulus dan rakannya tiba di Yerusalem, dia menumpang di rumah Menason, bukan di rumah orang Yahudi yang lain. Ini mungkin kerana orang Yahudi akan berasa kurang selesa dengan rakan-rakan Paulus dari Eropah yang belum disunat. Akan tetapi Paulus tidak mahu membuang masa. Pada keesokan harinya, dia pergi melawat Yakobus dan ketua-ketua Yahudi dan membawa bersama sumbangan dari jemaah-jemaah diaspora. Semua ketua-ketua jemaah hadir. Cerita yang direkodkan oleh Lukas ini dipetik dari Kisah Para Rasul 21.



*Bait Suci Yerusalem yang Kedua
Sumber: Wikimedia Commons*

Kisah Para Rasul 21: 18¹⁸Pada esoknya Paulus bersama kami masuk berjumpa dengan Yakobus; ketua-ketua yang lain pun ada di situ. 19¹⁹Setelah memberi salam kepada mereka, Paulus menceritakan segala yang telah dilakukan Allah secara terperinci dalam kalangan bangsa asing melalui pelayanannya.

20²⁰Apabila mendengar kisah itu mereka memuji Allah dan berkata kepada Paulus, “Saudara, sebagaimana kamu lihat, ada berpuluh ribu orang Yahudi yang sudah percaya akan Yesus dan mereka itu berpegang teguh pada Taurat. 21²¹Ada orang memberitahu

mereka bahawa kamu mengajar orang Yahudi yang tinggal dalam kalangan orang bangsa asing supaya berpaling daripada Musa, jangan menyunatkan anak-anak dan jangan menurut adat orang Yahudi. 22²²Sekarang bagaimana? Mereka tentu mendengar berita kedatanganmu ke sini.

Perkataannya bersulam dengan nada amaran. Yakobus kemudiannya mencadangkan kompromi.

23²³Oleh itu, ikutlah seperti kata kami. Antara kami ada empat orang yang telah bernazar.

24²⁴Bawalah mereka bersamamu dan sucikan dirimu bersama mereka serta tanggung belanja mencukur kepala mereka. Dengan demikian semua orang akan tahu bahawa apa yang dikatakan tentangmu itu tidak benar, sebaliknya kamu mengikut Taurat.

25²⁵DNamun demikian, tentang orang bangsa asing yang percaya akan Yesus, kami telah berkir-



*Batu Yerusalem di Tembok Barat.
Sumber: Wikimedia Commons*

surat memberikan hukum bahawa mereka hendaklah menjauhkan diri daripada makanan yang dipersembahkan kepada berhala, daripada darah, daging binatang yang mati dicekik dan daripada perbuatan cabul.”²⁶Paulus pun membawa empat orang itu bersamanya dan pada esoknya dia menyucikan diri bersama mereka. Kemudian dia masuk ke Bait Suci dan memberitahu orang di situ bilangan harinya upacara penyucian itu akan selesai dan korban akan dipersembahkan bagi setiap mereka.

9.2 Masalah dan Penangkapan di Bait Suci (Kisah Para Rasul 21: 27-22:30)

Ketika upacara penyucian yang berlangsung selama tujuh hari berakhir, beberapa orang Yahudi dari Asia Kecil melihat Paulus di Bait Suci. Mereka menangkap Paulus dan menjerit, “Inilah dia orang yang menyebarkan di merata-rata ajaran yang menghina kaum kita, Taurat dan Bait Suci. Dia juga telah membawa orang Yunani ke dalam Bait Suci, menajiskan tempat suci ini.” Mereka berkata demikian kerana menyangka Paulus telah membawa Trofimus orang Efesus ke dalam Bait Suci, iaitu tempat di mana orang asing tidak dibenarkan masuk.




*Model Bait Suci Herodes
Sumber: Wikimedia Commons*

Hal tersebut tidak benar kerana Paulus tahu ‘dinding’ yang memisahkan orang Yahudi dari yang lain dalam Bait Suci tersebut. (Dia menulis tentang hal ini dalam Efesus 2:13-14). Akan tetapi orang ramai tidak dapat melihat perbezaan fakta dan tuduhan semata-mata. Mereka mula memukul Paulus. Seorang ketua askar Romawi melihat kejadian itu lalu membawa askar-askar ke tempat orang ramai merusuh. Orang ramai berhenti memukul Paulus dan askar-askar itu menariknya dari kerumunan orang. Paulus meminta izin untuk menyatakan sesuatu kepada orang ramai. Ketua askar tersebut mengizinkannya. Paulus memberikan kesaksian yang tulus tentang

bagaimana hidupnya diubah oleh Tuhan Yesus tetapi orang-orang Yahudi berseru dengan lantang, “Hapuskan orang begini dari muka bumi, tidak patut dia dibenarkan hidup!” Askar-askar terpaksa membawa Paulus ke kubu yang terletak bersebelahan dengan Bait Suci, tempat di mana Paulus dipenjarakan.

9.3 Paulus di Hadapan Majlis Agama (Kisah Para Rasul 23:1-11)

Seorang pegawai Romawi yang bernama Klaudius mahu memahami tuduhan yang dilemparkan oleh orang Yahudi kepada Paulus. Oleh itu, dia mengarahkan imam besar dan semua ahli Majlis Agama untuk berkumpul dan membawa Paulus di hadapan mereka. Apabila Imam Besar menyuruh orang untuk menampar Paulus kerana bercakap tentang perkara yang menyinggung perasaan, Paulus menegurnya. Paulus tahu bahawa Majlis Agama dianggotai oleh orang Saduki dan Farisi yang mempunyai pendapat berbeza tentang isu kebangkitan. Paulus menggunakan



perkara tersebut untuk memecah-belahkan mereka. Dia memberitahu majlis tersebut bahawa dia merupakan orang Farisi dan anak orang Farisi yang kini didakwa kerana berharap kepada kebangkitan daripada kematian. Sejurus sahaja dia mengatakan hal itu, orang Saduki dan Farisi mula berbahas. Beberapa orang Farisi mengatakan bahawa Paulus tidak melakukan sebarang kesalahan dan mungkin malaikat telah berkata-kata kepadanya.

*Persidangan Majlis Agama sedang berlangsung. s. 1883
Sumber: Sebuah Ensiklopedia tahun 1883 melalui Wikimedia Commons*

*Penghakiman Majlis Agama – Dia Bersalah (Kristus). Lukisan oleh: Nicolai Ge s. 1892
Sumber: Galeri Tretyakov, Moscow melalui Wikimedia Commons*

Perkelahian itu menjadi semakin sengit sehingga Klaudius bimbang sekiranya Paulus akan diserang. Dia menyuruh askar-askar untuk segera mengambil Paulus dan membawanya ke kubu.



9.4 Pakatan untuk Membunuh Paulus

Pada keesokan harinya, orang Yahudi membuat pakatan untuk membunuh Paulus. Anak kepada saudara perempuan Paulus mendengar tentang pakatan itu lalu memberitahunya. Apabila Klaudius Lisias, ketua pasukan tentera di Yerusalem mendengar pakatan itu, dia bertindak dengan segera. Dia mengarahkan dua orang ketua tentera untuk membawa Paulus kepada Gabenor Feliks. Paulus diiringi oleh dua ratus askar, tujuh puluh orang askar berkuda dan dua ratus askar bertombak. Mereka membawa Paulus sehingga ke Antipatris kemudian kembali ke Yerusalem. Askar berkuda mengiring Paulus untuk baki perjalanan seterusnya yang berjarak 43 km ke Kaisarea. Mereka membawa surat yang ditulis oleh Klaudius yang ditujukan kepada Feliks. Apabila Feliks mengetahui bahawa Paulus berasal dari Kilikia, dia berkata, "Aku akan mengadili perkara ini setelah pendakwa-pendakwa kamu sampai". Kemudian dia mengarahkan supaya Paulus ditahan di dalam bangunan gabenor.

Tindakan ketua pasukan tentera tersebut menunjukkan bahawa dia melihat sesuatu yang istimewa tentang Paulus; sama ada dia mempunyai keluarga yang kaya atau merupakan golongan bagsawan, atau kedua-duanya sekali.

9.5 Perbicaraan di Hadapan Feliks (Kisah Para Rasul 24)

Feliks memanggil pendakwa-pendakwa Paulus ke istananya di Kaisarea untuk membentangkan tuduhan mereka terhadapnya. Setelah lima hari kemudian, Imam Besar yang sudah lanjut usia, datang bersama-sama dengan rombongannya berserta dengan seorang peguam yang bernama Tertulus. Feliks membawa Paulus di tempat pengadilan dan mengarahkan supaya perbicaraan dimulakan. Feliks sudah memerintah Yudea selama 5 tahun dan banyak pertumpahan darah berlaku kerana perbuatannya. Feliks juga terkenal kerana sifat tamak serta kejahatannya. Tertulus yang mengetahui reputasi buruk Feliks memulakan perbicaraannya dengan memuji-muji Feliks dan mungkin kedengaran sangat ironik. Lukas yang merekodkan kejadian tersebut mungkin turut berasa lucu:

Kisah Para Rasul 24: “Feliks yang mulia, dengan limpah kurnia dan kebijaksanaanmu, kami hidup sejahtera dan menikmati perubahan yang baik di negeri ini. ³Kami amat berterima kasih atas segala yang telah kamu lakukan.

Kemudian Tertulus menuduh Paulus menimbulkan huru-hara di seluruh empayar Roma dan juga melanggar adat Yahudi yang berkenaan dengan Bait Suci. Dakwaan-dakwaan ini dibuat supaya gabenor akan melihat bahawa Paulus telah melanggar hukum Taurat dan membenarkan orang Yahudi untuk membawa Paulus kembali ke Yerusalem supaya dia diadili di sana. Semua orang Yahudi dalam rombongan imam besar bersetuju dengan peguam tersebut. Gabenor memberi isyarat kepada Paulus untuk bercakap. Paulus membela dirinya dengan meyakinkan orang-orang di tempat itu bahawa walaupun dia pengikut Jalan Tuhan, dia merupakan orang Yahudi dan percaya kepada semua yang tertulis dalam Taurat Musa serta kitab nabi-nabi yang lain. Dia sentiasa melakukan perkara menurut hati nuraninya dan tidak pernah melanggar peraturan Bait Suci. Malah, jika mereka menuduh dia membawa orang asing ke ruangan yang dikhaskan untuk orang Yahudi di mana orang bukan Yahudi tidak dibenarkan masuk, mereka harus membawa saksi mata yang melihatnya. “Di manakah orang-orang yang mendakwa telah melihat aku dan orang bukan Yahudi melakukan huru-hara di Bait Suci? Bawalah mereka sendiri ke sini untuk menuduh aku,” Kata Paulus.

Pendakwa-pendakwa berdiam diri. Feliks tahu tentang ajaran Jalan Tuhan. Dia mungkin telah mendengar tentang Gayus di Efesus. Walau bagaimanapun, seperti selalunya dia akan sentiasa mencari jalan untuk mendapat pengaruh politik. Dia juga mungkin mahu orang Yahudi terhutang budi kepadanya supaya pemimpin Yahudi boleh membalas budi apabila diperlukan. Dia menanggukkan perbicaraan itu dan menyuruh orang ramai bersurai dengan alasan dia mahu menunggu ketibaan Kaludius Lisis. Manakala Paulus ditahan di Kaisarea secara longgar dan sahabat-sahabatnya dibenarkan untuk menyediakan keperluannya.

Feliks dan isterinya, Drusila yang merupakan orang Yahudi berbual dengan Paulus tentang iman terhadap Yesus Kristus. Apabila Paulus bercakap tentang perbenaran, tentang penguasaan diri,

dan tentang hukuman yang akan datang pada hari kemudian, Feliks ketakutan lalu menghentikan perbualan tersebut. Dalam pada itu dia berharap Paulus akan memberikan wang kepadanya. Dua tahun berlalu dan Perkius Festus menggantikan Feliks sebagai gabenor. Dia boleh mengarahkan supaya Paulus dibebaskan tetapi dia tidak berbuat demikian kerana ingin mengambil hati orang Yahudi.

Perspektif Sejarah

Feliks, Gabenor Yudea

Feliks telah dilantik menjadi gabenor Yudea pada tahun 52 TM. Sejak dari itu, Yudea telah mengalami keganasan yang berleluasa hasil dari pemberontakan akibat provokasinya serta peningkatan dalam kes-kes pembunuhan yang bersifat politik selepas dia mengatur supaya bekas imam besar Yonatan dibunuh di dalam Bait Suci. Feliks juga terkenal kerana sifatnya yang tamak akan wang. Dia dilahirkan sebagai seorang hamba abdi tetapi berjaya memegang kuasa dengan menumpang di bahu saudara lelakinya, Pallas yang merupakan orang merdeka. Pallas merupakan orang yang disenangi oleh Klaudius. Pakar sejarah Roma iaitu Tacitus menggambarkan Feliks seperti berikut: "Dia menggunakan kuasa seorang raja dengan fikiran seorang hamba." Lukas yang hadir di tempat pengadilan itu tentu melihat bagaimana lucu dan ironiknya peguam imam besar yang memuji-muji gabenor secara melebihi-lebih.

Sumber: Life of the Apostle oleh J. Pollock

Paulus sedang dibicarakan di hadapan Feliks karya Wm. Hogarth s. 1752



9.6 Paulus Membuat Rayuan Kepada Kaisar (Kisah Para Rasul 25:1-12) s. 60 TM

Apabila Festus mengambil alih jawatan gabenor, pemimpin Yahudi sekali lagi membawa tuduhan mereka terhadap Paulus. Mereka merayu kepada gabenor supaya menghantar Paulus ke Yerusalem untuk dibicarakan di sana. Sekiranya Festus bersetuju, mereka akan membunuh Paulus di tengah perjalanan. Apabila Festus bertanya kepada Paulus jika dia rela pergi ke Yerusalem untuk berhadapan dengan tuduhan terhadapnya.

Paulus sedar bahawa orang Yahudi tidak akan berputus asa selagi mereka tidak membunuhnya, dan gabenor Roma ingin menyenangkan hati mereka dengan tidak membebaskannya. Oleh itu Paulus berkata bahawa dia akan menggunakan haknya untuk meminta kes itu dibicarakan di Roma. Selepas berbincang dengan penasihatnya, Festus bersetuju dengan permintaan Paulus tersebut. Dia akan menghantar Paulus ke Roma untuk diadili di hadapan Kaisar.

Perspektif Sejarah

Perkius Festus

Perkius Festus merupakan seseorang yang lebih berprinsip berbanding dengan orang yang digantikannya iaitu Feliks. Dia menggantikan Feliks pada bulan Julai 59 dan mencuba sehabis baik untuk memerintah Yudea yang bermasalah dengan adil tetapi kesihatannya tidak mengizinkan. Dia meninggal dunia semasa masih berkhidmat 2 tahun kemudian.

Sumber: Life of the Apostle oleh J. Pollock ms. 257



Prutah gangsa, peringkat nilai duit siling kecil yang dihasilkan semasa pemerintahan Perkius Festus. Hadapan: Huruf Yunani NEP WNO C (Nero) pada lingkaran bunga yang diikat dibawah bersama dengan huruf X. Belakang: Huruf Yunani KAICAPOC (Kaisar) dan tarikh LE (tahun 5= 58/59 TM), daun palma

Sumber: Domain Awam

9.7 Berdiri di Hadapan Raja dan Gabenor (Kisah Para Rasul 25:13-27, 26:1-30)

Ketika Paulus menunggu untuk dihantar ke Roma, Raja Agripa II dan saudara perempuannya Bernike pergi ke Kaisarea untuk meraikan kedatangan Festus di Yudea. Festus menjemput raja serta saudara perempuannya untuk mendengar perbincangan Paulus. Dia mahu Raja Agripa untuk membantunya memahami isu terbabit yang membuatkan orang Yahudi begitu marah terhadap Paulus. Paulus tidak melanggar mana-mana peraturan negeri Roma. Dia cuma berkeras bahawa dia merupakan pengikut Jalan Tuhan dan hal itu membuatkan orang Yahudi tidak senang dengannya. Agripa pernah mendengar tentang Paulus dan khotbahnya. Jadi dia berkata kepada Festus, "Aku pun ingin mendengar orang itu". Festus menjawab, "Esok dapatlah kamu mendengarnya".

Kini Paulus mempunyai peluang untuk memberitakan Injil kepada raja dan saudara perempuannya. Mereka dua bersaudara ini dikhabarkan melakukan perbuatan sumbang muhrim. Ini menunaikan nubuatan yang menyatakan bahawa Paulus akan berkhotbah di hadapan raja-raja dan pemimpin-pemimpin. Paulus berkhotbah di hadapan Raja Agripa, Bernike dan Gabenor Festus. Dia menceritakan kehidupannya sejak kecil sebagai orang Farisi, bagaimana dia menganiaya pengikut Yesus, bagaimana dia bertemu dengan Yesus dalam perjalanan ke Damsyik dan menjadi orang yang percaya Yesus. Dia menjelaskan bahawa Kitab Suci Ibrani telah menubuatkan kedatangan seorang Mesias dan Yesus telah memenuhi semua nubuatan tersebut dengan kematian-Nya di atas kayu salib dan dibangkitkan dari kematian. Setelah beberapa waktu Festus tidak tahan lagi lalu berkata dengan suara nyaring, "Kamu gila Paulus; ilmu yang terlalu banyak menjadikan kamu gila!"

Paulus membela dirinya dengan berkata, “Aku bukannya gila, Festus yang mulia. Aku mengatakan perkara yang benar dan bijaksana.” Kemudian dia memandang Raja Agripa dan bertanya jika dia percaya kepada nabi-nabi. Raja Agripa terkejut. Dia berkata kepada Paulus, “Dengan sepatah dua katamu, kau sangka dapat menjadikanku orang Kristian?”

“Sepatah dua atau banyak,” Paulus berkata, “aku berdoa kepada Allah, mudah-mudahan kamu dan sekalian yang mendengar kata-kataku hari ini akan menjadi sama sepertiku, cuma tidak diikat dengan rantai.” Setelah menghantar Paulus kembali ke penjara, raja, saudara perempuannya Bernike serta gabenor berdiri dan ketika mereka berjalan keluar dari mahkamah, mereka berkata kepada sesama, “Orang itu tidak melakukan apa-apa yang menyebabkan dia patut dibunuh atau dipenjarakan.” Agripa berkata kepada Festus, “Orang ini boleh dibebaskan, kalau tidak kerana dia hendak mengadakan halnya kepada Kaisar.”



Paulus berdiri di hadapan Gabenor Feliks dan Raja Agripa II serta Bernike. Lukisan oleh: Nikolai Bodarevsky s. 1875 Sumber: Domain Awam

Jadi Paulus ditinggalkan di Kaisarea untuk menunggu penghantarannya ke Roma. Raja Agripa memerintah sehingga Pemberontakan orang Yahudi pada tahun 66 TM. Bernike menjadi gundik Kaisar Titus yang merupakan jeneral yang mengalahkan orang Yahudi, menakluk Yerusalem dan memusnahkan Bait Suci. Menurut Josephus, lebih dari seratus ribu orang Yahudi dibunuh oleh orang Romawi dia hari-hari terakhir Yerusalem.

9.8 Perjalanan ke Roma Bermula (Kisah Para Rasul 27) s. 60 TM

Kira-kira pada minggu terakhir bulan Ogos tahun 59 TM, mereka memulakan perjalanan. Paulus diserahkan kepada seorang ketua askar bernama Yulius dari Rejimen Kaisar. Para pegawai dan askar ini berjalan di seluruh kawasan empayar untuk menjalankan tugas penghantaran atau mengiringi seseorang. Yulius mengetuai sekumpulan kira-kira dua belas orang askar. Paulus merupakan orang tahanan yang paling penting dan dia dibenarkan untuk membawa bersama dua orang pembantu untuk menolongnya sepanjang perjalanan. Salah seorang pembantunya ialah Aristarkhus, orang Makedonia yang berasal dari Tesalonika dan seorang lagi ialah Lukas seorang doktor yang turut memberikan kita rekod kejadian perjalanan mereka dalam Kisah Para Rasul bab 27.

Mereka berlayar dari Kaisarea dan tiba pada esok harinya di Sidon. Yulius melayan Paulus dengan baik dan mengizinkannya untuk melawat sahabat-sahabatnya. Kemudian dari Sidon, mereka berlayar ke arah barat laut di bahagian Siprus yang terlindung dan melalui Kilikia dan Pamfilia lalu tiba di Mira.

Ketika mereka berlayar melepasi Pamfilia, Paulus boleh melihat gunung Taurus dan sudah tentu ia menggamit kenangan tentang perjalanan misi pertamanya bersama-sama dengan Barnabas dan Yohanes Markus. Kali ini mereka akan melalui perjalanan yang lebih jauh.

*Kapal pedagang orang Aleksandria
Keratan rentas dengan kargo bijian
Pelukis: Yap E-Lene © Pristine World*



Dari Mira di Tanah Likia, mereka menumpang sebuah kapal dari Aleksandria yang berlayar menuju ke Itali.

Peta Perjalanan Paulus ke Roma pada tahun 59-60 TM. Sumber: Free Bible Images



*Gunung Taurus di selatan Turki
memisahkan kawasan persisiran pantai
Laut Tengah dari kawasan tengah
Dataran Tinggi Antolia. Sumber:
Google Earth*

9.9 Pelayaran Ditunda dan Menjadi Bahaya

Kapal yang mereka naiki bergerak dengan lambat kerana melawan tiupan angin yang. Akhirnya, mereka tiba di sebuah kota bernama Knidus. Oleh sebab angin itu, mereka tidak boleh berlayar terus ke Itali. Oleh itu mereka berlayar ke selatan Kreta di bahagian yang terlindung, melalui Salmone.

Mereka menyelusuri pulau Kreta dengan susah-payah, lalu sampai di tempat yang bernama Lindungan Indah, berdekatan dengan Lasea. Mereka berada di sana selama beberapa hari dan tidak lama kemudian, keadaan kian berbahaya untuk meneruskan pelayaran kerana musim dingin hampir tiba. Hari Puasa orang Yahudi sudah berlalu dan ini bermakna musim luruh akan segera berakhir. Mereka kehilangan banyak masa kerana keadaan angin yang tidak baik dan kini musim dingin semakin hampir. Paulus mengingatkan mereka untuk tidak berlayar kerana bahaya yang akan dihadapi semasa musim dingin tetapi ketua tentera lebih mempercayai kata-kata pengemudi dan pemilik kapal itu.

Oleh kerana Lindungan Indah merupakan pelabuhan yang terdedah, ini bermakna ia bukan tempat yang sesuai untuk menghabiskan masa musim dingin. Kebanyakan mereka mahu



Lindungan Indah, Kreta. Sumber: Bible Maps

Tidak lama kemudian, cuaca berubah dengan sekelip mata. Angin ribut yang bergelar Timur Laut mabadai dari arah pulau itu lalu meniup kapal menjauhi persisiran pantai. Angin ribut sangat kuat sehingga mereka terpaksa membiarkan kapal hanyut.

Mereka menaikkan sekoci itu ke kapal dan mengikat tali untuk memperkukuh kapal itu. Kemudian mereka menjatuhkan sauh untuk mengelak dari dihanyutkan terlalu jauh ke arah selatan sehingga terdampar di tebing Sirtis di Persisiran pantai Afrika. Pada hari yang berikutnya, angin ribut masih memukul kapal itu. Anak-anak kapal mula membuang muatan kapal ke laut. Keesokan harinya, mereka membuang sebahagian dari peralatan kapal yang berat. Mereka tidak melihat matahari dan bintang serta dipukul ribut yang dahsyat; akhirnya putuslah harapan mereka untuk diselamatkan.

Pada waktu ini, Tuhan memberikan penglihatan kepada Paulus. Jadi dia bercakap dengan para pelayar," *Kisah Para Rasul 27: 21* Sekian lama orang di dalam kapal itu tidak makan, lalu Paulus berdiri dan berkata, "Saudara-saudara, sepatutnya dahulu saudara-saudara menurut kataku, jangan

meneruskan pelayaran ke Feniks. Mereka mengambil keputusan untuk mengambil risiko lalu berlayar ke arah Feniks dengan harapan mereka tinggal sepanjang musim dingin di sana. Feniks merupakan pelabuhan yang baik di sebelah barat Kreta yang terdedah di di bahagian barat daya dan barat laut.

9.10 Ribut di Tengah Laut

Pada mulanya angin bertiup sepoi-sepoi bahasa dari arah selatan. Mereka menyangka hasrat mereka sudah tercapai. Mereka membongkar sauh lalu berlayar menyusur persisiran pantai Pulau Kreta.

belayar meninggalkan Kreta, nanti ditimpa bencana dan kerugian demikian. ²²Sekarang aku berkata kepada saudara-saudara, tabahkanlah hati masing-masing, kerana seorang pun tidak akan kehilangan hidup, hanya kapal ini tidak dapat diselamatkan. ²³Malam tadi, di sisi aku terdiri malaikat daripada Allah yang memiliki seluruh diriku dan yang aku sembah. ²⁴Malaikat itu berkata, 'Paulus, jangan takut. Engkau pasti akan berdiri di hadapan Kaisar. Semua yang belayar bersamamu akan diselamatkan juga sebagai kurnia Allah kepadamu.' ²⁵Oleh itu, saudara-saudara, tabahkanlah hati masing-masing. Aku percaya akan Allah dan janji-Nya yang disampaikan kepadaku itu. ²⁶Tetapi tidak dapat dielakkan, kita akan terdampar di sebuah pulau."

9.11 Kapal Terkandas

Kira-kira pada tengah malam hari ke empat belas, anak kapal merasakan mereka berada di sekitar Laut Adria dan menghampiri darat. Mereka membuang batu duga untuk mengukur kedalaman laut dan mendapati air sedalam 40 meter. Mereka menduga kedalaman air sekali lagi dan ia menjadi semakin cetek.

Mereka takut kalau-kalau terdampar pada batu karang lalu menurunkan empat buah sauh dari buritan kapal untuk memperlahkannya serta berdoa untuk tibanya hari siang. Anak kapal ingin meninggalkan kapal secara diam-diam tetapi diketahui oleh Paulus. Paulus memberitahu ketua tentera lalu dia menghalang anak kapal. Tanpa anak kapal, mereka tidak akan tahu bagaimana mengemudi kapal ke darat.

Sebelum hari siang tiba, Paulus meminta semua orang makan. Mereka sudah beberapa hari tidak makan dan kini memerlukan tenaga untuk melakukan tindakan seterusnya. Paulus mengambil roti lalu mengucap syukur kepada Tuhan di hadapan semua lalu mereka makan.



Paulus di kapal yang terkandas. © Pristine World

Masing-masing mula bersemangat kembali lalu mereka makan bersama-sama. Setelah mereka kenyang, mereka membuang muatan kapal ke laut untuk meringankannya.

9.11A Kapal Terkandas Haluan Lalu Pecah



The Day After the Storm (Hari Selepas Ribut)
Lukisan oleh: Paul Jean Clays s. 1853
Sumber: Muzium Seni Halus Ghen, Belgium
melalui Wikimedia Commons

Apabila siang hari tiba, mereka melihat teluk yang berpantai rata lalu bercadang untuk mengandaskan kapal di situ. Jadi mereka memotong tali sauh dan membiarkannya tenggelam di laut. Selepas itu mereka melucutkan tali kemudi lalu menaikkan layar di haluan supaya angin meniup kapal itu ke pantai. Kapal itu terlanggar busung pasir lalu terkandas haluannya. Kapal itu tidak dapat bergerak manakala buritannya dipukul ombak dari dua arah iaitu barat daya dan barat laut. Ombak yang memukul buritan kapal itu sangat kuat sehingga kapal itu mula pecah.

Askar-askar mula berura-ura untuk membunuh semua orang tahanan tetapi ketua tentera itu ingin menyelamatkan Paulus lalu menghalang askar-

askarnya berbuat demikian. Dia menyuruh mereka yang tahu berenang terjun dahulu dan berenang ke darat. Tuhan telah memenuhi janjinya kepada Paulus.

9.12 Paulus di Pulau Malta (Kisah Para Rasul 28) s. 60-61 TM

Setelah mendarat dengan selamat, barulah mereka mendapat tahu bahawa pulau itu bernama Malta. Penduduk pulau itu sangat baik hati. Mereka menyalakan api dan menyambut semua mereka untuk masuk dan berlindung daripada hujan dan kesejukan. Paulus ingin membantu lalu dia memungut ranting dan meletakkannya di atas api.

Ketika dia meletakkan ranting-ranting itu di atas api, seekor ular kapak keluar untuk menjauhan diri dari kepanasan itu lalu memagut tangan Paulus. Apabila penduduk pulau itu melihat ular di tangan Paulus, mereka berkata sesama sendiri, "Tentu dia ini seorang pembunuh sungguhpun di selamat dari bahaya laut, tetapi Dewi Keadilan tidak membiarkan dia hidup." Tetapi Paulus mengebaskan ular itu ke dalam api tanpa mengalami sebarang kecederaan. Semuanya menanti-nanti kalau-kalau dia naik bengkak atau rebah mati. Setelah lama menanti, mereka tidak juga melihat apa-apa bencana menimpanya. Lalu mereka mengubah sangkaan dan mengatakan Paulus itu seorang dewa.

Mereka mendarat di tempat yang berdekatan dengan rumah Publius, penguasa pulau itu. Dia menyambut dan melayani mereka selama tiga hari dengan budi bahasa yang baik. Ketika itu bapa Publius terlantar menghidap demam dan mengalami cirit-birit. Paulus mendoakannya sambil meletakkan tangan ke atasnya dan meyembuhkannya. Khabar tentang penyembuhan



Kapal St Paulus yang terkandas di Malta.
Lukisan oleh: Laurent de la Hyre s. 1630.
Sumber: Wikimedia Commons



Malta, sebuah pulau di selatan Sicilia dan barat daya Itali.

itu tersebar di seluruh pulau. Ramai orang yang menghidap penyakit datang berjuma Paulus lalu dia menyembuhkan mereka. Oleh sebab hal itu, mereka menunjukkan penghargaan yang tinggi kepada Paulus dan sahabatnya. Apabila mereka hendak belayar, penduduk pulau memberikan banyak barang berguna sebagai bekalan.

9.13 Dari Malta ke Roma

Tiga bulan kemudian, mereka belayar ke Roma di atas kapal dari Aleksandria yang berlabuh di pulau Malta sepanjang musim dingin. Kapal tersebut mempunyai lambang Dewa Kembar Roma iaitu Castor dan Pollux. Dari Malta, mereka belayar ke Sirakusa dan singgah tiga hari di sana.

Dari Sirakusa, mereka belayar ke Regium dan lusanya sampai di persisiran pantai Putioli, Teluk Napoli. Paulus mungkin telah melihat Gunung Vesuvius dan kota Pompei yang berdekatan. Tanpa mereka ketahui, Gunung Vesuvius akan meletus sembilan belas tahun akan datang dan memusnahkan kota Pompei. Di Putioli, mereka bertemu dengan beberapa orang Kristian yang menjemput mereka untuk tinggal bersama selama seminggu.

9.13A Rumah Penginapan Tiga di Laluan Apius ke Roma

Rumah Panginapan Tiga di Laluan Apius yang menuju ke Roma



Orang Kristian di Roma mendengar tentang kedatangan mereka. Mereka keluar untuk menyambut rombongan Paulus di Forum yang terletak di Laluan Apius, 70 km jauhnya dari Roma. Ramai murid Yesus di Roma datang ke Rumah Penginapan Tiga, 57 km jauhnya dari Roma untuk menyambut dan bertemu dengan mereka. Apabila Paulus melihat mereka, dia mengucapkan syukur kepada Tuhan dan menjadi tabah.

9.14 Paulus Berkhotbah di Roma di Bawah Jagaan Askar (Kisah Para Rasul 28)

Paulus dibenarkan tinggal seorang diri di rumah penginapan tetapi dijaga oleh seorang askar. Dia dibenarkan untuk menerima pelawat. Pada hari ketiga dia di situ, dia menjemput para pemimpin masyarakat Yahudi untuk bertemu dengannya.

Setelah mereka sampai, Paulus menerangkan secara ringkas kejadian yang membawanya ke Roma. Para pemimpin masyarakat Yahudi menyatakan bahawa mereka tidak mendengar sebarang laporan tentang Paulus dari Yudea tetapi mereka tertarik untuk mendengar iman baru yang diajar oleh Paulus. Mereka menetapkan hari untuk bertemu dan ramai orang Yahudi datang ke tempat tinggal Paulus untuk mendengar khotbahnya tentang Kerajaan Tuhan.

Dengan menggunakan Taurat Musa dan kitab nabi-nabi, Paulus berucap dari pagi sehingga malam tentang bagaimana Yesus ialah Mesias yang dijanjikan. Ada yang percaya dengan katanya itu tetapi ramai yang tidak. Mereka bercanggah sesama sendiri dan akhirnya Paulus mengambil keputusan untuk meluangkan masanya untuk berkhotbah kepada orang asing kerana mereka lebih terbuka untuk menerima Injil.



Bahagian hadapan Basilika St Paulus di luar tembok – Roma, Itali.

9.15 Penahanan Pertama Paulus di Roma – Babak Terakhir dari Kitab Kisah Para Rasul

Paulus tinggal selama dua tahun di rumah sewanya sendiri. Rumah serta hatinya menyambut semua orang yang datang mengunjunginya. Dia menyampaikan ajaran tentang Kerajaan Tuhan dan Injil Yesus Kristus dengan berani. Walaupun dia seorang tahanan, dia bebas untuk mengajar semua orang yang datang, termasuklah para askar yang menjaganya.

9.16 Surat-surat Paulus dari Roma s. 61-62 TM

Beberapa sahabat lama mengunjungi Paulus, menyertai Aristarkhus dan Lukas. Yohanes Markus yang meninggalkan mereka di Pamfilia dahulu kini sudah berdamai dengan Paulus Timotius orang Listra dan Tikhikus orang Efesus dan Demas orang Tesalonika turut kembali bersama dengan Paulus. Timotius menjadi juru tulis Paulus semasa dia berada di Roma.

Walaupun Paulus yang kini berada di Roma mengajar Injil kepada sesiapa sahaja yang bertanya tentang kepercayaannya serta sebab mengapa dia berada di Roma, hatinya masih tertuju kepada jemaah-jemaah di Asia kecil dan Yunani.

Masalah terjadi di jemaah Kolose. Ada di antara orang percaya yang bertengkar dan berselisih sesama sendiri. Guru-guru palsu telah datang kepada jemaah di situ dan mengajar Injil yang salah. Mereka memperkenalkan peraturan-peraturan adat Yahudi yang baru dan mencampurkannya dengan hal kerohanian palsu. Ajaran salah tersebut tersebar sehingga ke jemaah Laodikia. Epafras, (5) orang yang menubuhkan jemaah Kolose dan Laodikia bimbang dan mengambil keputusan untuk berlayar ke Roma untuk mendapatkan nasihat dari Paulus. Sementara itu, Onesimus, hamba abdi Filemon telah melarikan diri bersama sejumlah wang yang dicurinya. Epafras mengajak Onesimus untuk menyertainya kerana dia berfikir bahawa Onesimus berguna dan Paulus boleh membantunya.

Di pertengahan jalan, Epafras singgah di Filipi untuk mendorong mereka. Mereka memberikan sejumlah wang pemberian untuk dibawa kepada Paulus di Roma. Apabila Epafras tiba di Roma, dia menyerahkan pemberian wang tersebut kepada Paulus dan melaporkan hal yang sedang berlaku di Kolose, Laodikia dan Filipi. Paulus membimbing Onesimus kepada Kristus. Onesimus menjadi hamba yang sangat membantu dan Paulus tersentuh pengikut Yesus baru ini. Selain berusaha dalam doa untuk jemaah-jemaah yang terlibat, Paulus memutuskan untuk menulis surat kepada mereka atas bantuan Timotius, juru tulisnya.

Surat Paulus yang diketahui telah ditulis semasa penahanan pertamanya di Roma ialah:

1. Surat kepada jemaat Kolose pada tahun 61 TM. Surat yang ditulis untuk semua jemaah Kolose.
2. Surat kepada Filemon pada tahun 61 TM. Surat yang bersifat peribadi kepada Filemon yang memintanya untuk menerima bekas hamba abadinya kembali iaitu Onesimus.
3. Surat kepada jemaah Efesus pada tahun 61 TM. Surat kepada jemaah-jemaah di Asia Kecil. Surat ini harus disalin dan diedarkan kepada jemaah di sekitar Efesus.
4. Surat kepada jemaah Filipi pada tahun 62 TM. Surat yang ditulis khusus untuk jemaah Filipi.

Tiga surat ini dihantar oleh Tikhikus (6) sendiri. Paulus mengarahkan Tikhikus untuk mendorong jemaah-jemaah dan memberi mereka laporan tentang status penahanannya. (5) Epafros dan Epafroditus: Beberapa sarjana Alkitab percaya bahawa kedua-dua nama ini merujuk kepada orang yang sama. Kedua-dua Epafroditus (Filipi 2:25, 4:18) dan Epafras (Filemon 23; Kolose 1:7; 4:12) disebut sebagai rakan sekerja Paulus dan mereka ada bersama Paulus semasa dia ditahan

(1) Yohanes Markus: Filemon 24, Kolose 4:10

(2) Timotius: Filipi 1:1, 2:19

(3) Tikhikus: Efesus 6:21, Kolose 4:7

(4) Demas: Filemon 2:4, Kolose 4:14

di Roma. Epafras menubuhkan beberapa jemaah dan Paulus menyebut Epafroditus sebagai seorang Apostolos (Filipi 2:25). Ini menunjukkan yang mereka merupakan orang yang sama. Rujuk kepada Commentary on the Whole Bible: Introduction to the Epistle to the Colossians oleh Matthew Henry). Sumber: Viola, ms. 154 (6) Kolose 4:7 dan Efesus 6:21

Setelah beberapa waktu berlalu, masalah timbul di jemaah Filipi. Terdapat satu perselisihan dalaman dan penganiayaan oleh orang-orang pagan di sekeliling mereka. Sekali lagi mubaligh orang Yahudi datang untuk membuat kekacauan dengan meminta mereka untuk disunat dan mengikut Taurat Musa. Paulus menghantar Epafras ke Filipi bersama dengan sepucuk surat yang kita kenali pada hari ini sebagai kitab Filipi.

9.17.1 Petikan daripada beberapa surat Paulus



Kepada orang Efesus dan semua jemaahnya dia mengatakan: *“¹⁸Semoga Allah menerangkan mata hatimu untuk mengetahui harapan daripada panggilan-Nya, limpah kemuliaan warisan-Nya dalam orang yang salih, ¹⁹dan betapa besar kuasa-Nya bagi kita yang beriman. Demikianlah pelaksanaan kuasa-Nya yang agung itu.”* (Efesus 1:18-18)

*St Paulus menulis suratnya oleh Valentin de Boulogne atau Nicolas Tournier (s. abad ke-16)
Sumber: Blaffer Foundation Collection, Houston, USA melalui Wikimedia Commons*

Dia memulakan suratnya kepada jemaah Filipi dengan: *“³Aku bersyukur kepada Allah setiap kali aku teringat akan kamu ⁴dan aku sentiasa mendoakanmu dengan sukacita dalam setiap permohonanku, ⁵kerana persahabatanmu dalam Injil dari mulanya hingga sekarang. ⁶Aku yakin bahawa Allah yang telah memulakan suatu pekerjaan yang baik dalam dirimu akan menyudahkannya hingga hari Yesus Kristus.”* (Filipi 1:3-6)

Surat Paulus disalin dan dibaca oleh semua jemaah-jemaah yang ditubuhkannya. Hari ini, 13 dari surat-suratnya menjadi bahagian penting dalam kitab Perjanjian Baru bersama dengan kitab-kitab Injil dan surat dari rasul yang lain.

Codex Sinaiticus – Kitab Lengkap Perjanjian Baru yang tertua s. abad ke-4 TM telah ditemui di Biara St Catherine berdekatan dengan Gunung Sinai. Sumber: Domain Awam



9.18 Yakobus, Saudara Yesus Mati Dianiaya s. 62 TM

Ini bukan Yakobus saudara lelaki kepada Yohanes. Dia telah dihukum bunuh oleh Herodes Agripa I pada tahun 44 TM. Ini adalah Yakobus saudara Tuhan Yesus. Festus, gabenor Yudea yang mengadili Paulus dalam perjalanannya ke Roma mati mengejut semasa pemerintahannya. Albinus telah dilantik sebagai pengganti Festus tetapi ia mengambil masa 5 minggu untuk berita tersebut tiba di Yudea dan 5 minggu lagi sebelum ia sampai ke Yerusalem. Semasa ketiadaan gabenor baru, Yakobus, saudara Tuhan Yesus dan salah seorang dari pemimpin utama jemaah Yerusalem telah dituduh menghujat Taurat Musa oleh Imam Besar Ananus. Dia dengan segera membuat persidangan Majlis Agama. Yakobus dibawa ke atas bumbung Bait Suci lalu ditolak kebawah kemudian dipukul dan direjam sehingga mati. Oleh kerana Yakobus dihormati oleh ramai orang Yahudi, apabila Albinus tiba untuk menyandang jawatan, dia dipecat kerana memanggil Majlis Agama yang mengadili dan menghukum Yakobus secara tidak sah.

(sumber: Josephus, ahli sejarah Yahudi dan Eusebius, ahli sejarah gereja awal)

9.20 Ringkasan Perjalanan Paulus dari Yerusalem Ke Roma

- a. Paulus diberi amaran oleh seorang nabi bahawa dia akan ditangkap di Yerusalem tetapi hal itu tidak menghentikannya.
- b. Paulus cuba untuk mengambil hati orang Kristian Yahudi dengan membiayai beberapa orang dari mereka yang sedang melunaskan nazar dan upacara penyucian di Bait Suci tetapi ditangkap.
- c. Paulus diselamatkan di Yerusalem tetapi ditahan di Kaisarea selama dua tahun dan diadili oleh 2 orang gabenor Roma dan Raja Agripa II.
- d. Paulus membuat rayuan untuk membela diri di hadapan Kaisar dan menjadi orang tahanan dalam perjalanan ke Roma. Kapal terkandas dalam ribut tetapi semua orang dalam kapal berjaya diselamatkan.
- e. Kisah Para Rasul berakhir dengan Paulus menjadi tahanan di rumahnya sendiri di Roma, bebas untuk menulis surat-suratnya serta menerima pengunjung.

9.20 Perkara-perkara Untuk Dibincangkan

- Jelaskan kompromi yang diminta oleh Yakobus dari Paulus dan mengapa Paulus bersetuju? Adakah dia melakukan perkara yang benar? Adakah dia mempunyai cara yang lain?
- Pada pendapat anda, bagaimanakah Tuhan bekerja dalam penahanan Paulus selama dua tahun di Kaisarea?
- Pada pendapat anda, mengapakah Lukas menggambarkan perjalanan Paulus ke Roma secara terperinci sehingga dia menulis seluruh bab 27 sehingga 16 ayat pertama dalam bab 28?
- Bagaimanakah nubuatan Ananias tentang Paulus dalam Kisah Para Rasul 9:15 – 16 dipenuhi dalam cerita ini?

Bab 10

Epilog dan Legasi Rasul Paulus

10.1 Paulus dibebaskan Selepas Penahanannya yang Pertama

Pada waktu ini, kira-kira tahun 60-61 TM, Nero mewakili perbicaraan yang diketuai oleh seorang Preator bernama Burrus Si Penggertak atau Tigellinus Yang Dibenci, yang juga merupakan penggantinya. Kejatuhan Kaisar Nero dalam dunia keborosan dan nafsu berahi berlaku dengan pantas. Paulus dibebaskan setelah perbicaraan tamat. Hal ini penting kerana ia menyokong keputusan yang dibuat oleh Galio sebelumnya: Ajaran Kristian bukan ajaran yang sesat dan tidak melanggar undang-undang. Injil boleh disebarikan sehingga masa akan datang.

10.1A Kaisar Nero dan Api di Roma

Pada bulan Julai 64 TM, satu kebakaran yang berpunca dari kawasan perumahan sesak di Roma telah berlanjutan selama beberap hari dan memusnahkan dua pertiga dari kota tersebut. Lagenda mengatakan bahawa ketika Roma sedang terbakar, Nero sedang asyik bermain biola. Akan tetapi tidak ada bukti kukuh yang menunjukkan bahawa kejadian ini benar-benar berlaku kerana biola belum dicipta pada masa itu. Menurut para sejarahwan, Nero menyalahkan orang Kristian sebagai penyebab kebakaran itu dan menggunakannya untuk menindas mereka kerana pengaruh mereka yang semakin berkembang di kota. Dia menangkap, menyiksa dan membunuh beratus-ratus orang Kristian dengan alasan mereka telah memulakan kebakaran tersebut.



*Nero melihat Roma yang sedang terbakar.
Lukisan oleh: Carl Theodor von Piloty s. 1861
Sumber: Wikimedia Commons*



*Obor (manusia) Nero. Lukisan ole: Henryl Siemiradzki
s. 1876. Sumber: Wikimedia Commons*

10.2 Ke manakah Paulus Pergi Setelah Dia Dibebaskan? S. 63-65 TM

Sudah tentu Paulus dan sahabat-sahabatnya mengalami perjumpaan semula yang penuh emosi dan sukacita ketika dia melawat mereka di jemaah-jemaah yang ditubuhkannya. Kita hanya ada petunjuk yang samar-samar tentang ke mana Paulus mungkin telah pergi selepas dia dibebaskan pada tahun 62 TM. Dalam suratnya kepada jemaah Roma, Paulus menyatakan bahawa dia akan menjadikan Roma sebagai pusat untuk menyebarkan Injil lebih jauh ke arah barat. Dia mempunyai objektif untuk sampai ke Sepanyol.

Clement orang Roma, seorang ahli sejarah Kristian awal telah menulis tiga puluh tahun kemudian menyatakan bahawa Paulus telah “sampai ke penghujung bahagian Barat”. Hal ini tidak dinyatakan dalam Kisah Para Rasul kerana penulisan Lukas berakhir di Roma sekitar tahun 62 TM. Walau bagaimanapun, sekiranya Paulus telah sampai ke Sepanyol, dia mungkin tidak meluangkan banyak masa di sana kerana tidak ada sebarang rekod yang menunjukkan dia telah mengasaskan jemaah di tempat itu.

Surat kedua terakhirnya yang ditulis sekitar tahun 63 TM merupakan surat yang ditujukan kepada Titus. Titus mengetuai jemaah di Kreta. Adalah dipercayai bahawa dia menghabiskan masa selama dua tahun dengan mengembara dan berkhotbah di penghujung bahagian empayar Roma termasuklah Sepanyol. Kemudian di kembali bersama dengan Titus di Kreta.

10.3 Penahanan Kedua Paulus di Roma s. 66/67 TM

Selepas kejadian kebakaran di Roma pada tahun 64 AD, Empayar Roma menganiaya orang-orang Kristian. Paulus ditahan semula, kemungkinan di Troas. Kita boleh membuat kesimpulan berikut melalui surat terakhirnya kepada Timotius yang meminta Yohanes Markus untuk membawa alat-alat yang spesifik yang telah ditinggalkannya di Troas. Dia dibawa semula ke Roma dalam keadaan dibelenggu pada kali ini, untuk berhadapan dengan tempat pengadilan yang lebih tekad dan ganas.

Paulus dilihat sebagai pemimpin Kristian yang telah mengasaskan jemaah di seluruh empayar dan harus dihentikan. Walaupun begitu, oleh kerana dia warga Romawi dia harus dibawa kembali, dihadapkan ke muka pengadilan walaupun ia hanya tidakan berpura-pura kemudian dibunuh.

Dalam penahanannya yang kedua, Paulus tidak lagi tinggal di rumah sewa tetapi ditahan di penjara bawah tanah Mamertine di mana dia dilayan dengan lebih kasar. Tidak ada lagi penahanan di rumah yang dijaga oleh askar dan bebas menerima tetamu. Kali ini dia dipenjarakan di bawah tanah, dengan kaki dirantai dalam keadaan gelap dan kotor. Di dalam penjara bawah tanah inilah dia menulis surat terakhirnya yang direkodkan dalam Alkitab iaitu 2 Timotius.

Surat ini bersifat pastoral dan ditujukan kepada murid dan sahabatnya Timotius yang kini menjadi pemimpin jemaah Efesus. Kita dapat melihat sekilas tentang keadaan yang dihadapi dan apa yang difikirkan oleh Paulus pada hari-hari terakhir hidupnya apabila kita membaca 2 Timotius. Sahabat-sahabat terdekat tidak bersama-sama dengannya. Ramai antara mereka seperti Timotius dan Titus mempunyai peranan penting dalam memimpin di seluruh empayar, manakala yang lain telah meninggalkannya malah mungkin juga tidak percaya lagi. Hanya Lukas yang ada bersamanya dan mungkin telah membantu menulis surat terakhirnya (1).

Baca 2 Timotius untuk melihat arahan terakhir Paulus yang ditujukan kepada murid kepercayaannya Timotius dan juga untuk mengetahui buah fikiran Paulus. Pembelaan dirinya yang pertama tidak berjalan lancar dan kini sedang menunggu untuk perbicaraan yang terakhir (2 Timotius 4:16). Dia menjangka bahawa dia akan didapati bersalah. Oleh itu Paulus percaya bahawa dia akan berhadapan dengan hukuman mati (2 Timotius 4:6-7) yang mungkin dilakukan sekitar tahun 67 atau 68 TM.

10.3A Petikan dari Surat Paulus yang Kedua kepada Timotius

² Timotius 3:16 *Seluruh Kitab Suci diilhamkan oleh Allahⁱⁱ, dan berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah kebenaran.ⁱⁱⁱ ¹⁷Dengan demikian, tiap-tiap orang yang mengabdikan diri kepada Allah akan dilengkapi sepenuhnya untuk melakukan segala kerja yang baik.*

² Timotius 4: ⁹*Berusalahlah untuk mengunjungiku dengan segera.* ¹⁰*Demas telah meninggalkanku kerana dia mencintai dunia ini, dia telah bertolak ke Tesalonika. Kreskes pula telah pergi ke Galatia dan Titus ke Dalmatia ⁽²⁾.* ¹¹*Hanya Lukas ada bersamaku. Dapatkan Markus dan bawa dia denganmu, kerana dia dapat membantuku dalam tugasku ⁽³⁾.* ¹²*Eku telah mengutus Tikhikus ke Efesus.* ¹³*Apabila kamu datang kelak, bawa baju jubah yang kutinggalkan dengan Karpus di Troas dan juga kitab-kitabku, terutamanya gulungan kulit ⁽⁴⁾.*

(1) Paulus sudah berusia kira-kira 65 tahun pada waktu ini dan tanpa kaca mata untuk membaca yang belum wujud pada abad pertama TM, dia tentu memerlukan pertolongan dari seseorang yang lebih muda untuk membaca dan menulis kecuali di beberapa surat di mana dia sendiri akan menulis ayat seperti, 'Lihatlah betapa besarnya huruf-huruf yang kutulis kepadamu dengan tanganku sendiri.'

(2) Dalmatia – Croatia moden. Ini bermakna pelayanan Paulus sudah tersebar sehingga ke negara Balkan.

(3) Ini membuktikan bahawa Paulus sudah berbaik-baik dengan Markus dan mendapatinya sebagai seseorang yang sangat membantu.

(4) Para sarjana Alkitab percaya bahawa ini menunjukkan Paulus telah ditahan secara tiba-tiba ketika dia berada di Troas.

Kata-kata terakhir Paulus yang direkodkan: ² Timotius 4: ¹⁹JSampaikan salamku kepada Priskila dan Akwila, serta keluarga Onesiforus. ²⁰Lerastus tinggal di Korintus, tetapi Trofimus kutinggalkan di Miletus kerana dia sakit. ²¹Cubalah sedaya upayamu untuk datang sebelum musim dingin. Ebulus berkirim salam kepadamu, demikian juga Pudens, Linus, Klaudia dan semua saudara seiman yang lain. ²²Semoga Tuhan bersama rohmu.



Penjara Mamertine di Roma. Untuk menjelajah tapak dengan lebih lanjut dalam Google Earth, sila klik:

Anda boleh melihat Penjara Mamertine dalam Google Earth dan klik pada gambar untuk melihat bahagian dalam penjara tersebut.

10.3B Basilika St Paulus

Basilika St Paulus dibina oleh Kaisar Constantine di tapak perkuburan Rasul Paulus dan ditahbiskan pada tahun 324 TM. Ia dibina semula beberapa kali dan kali terakhir ialah pada tahun 1854. Ia diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 1980. Basilica tersebut berada di Roma, di luar Kota Vatikan tetapi ia merupakan hak milik sah Paus.

10.4 Legasi Paulus – Jemaah-jemaah yang Diasaskannya

Paulus bermula sebagai orang Yahudi yang alim dan bertekad untuk menghentikan penyebaran agama Kristian. Setelah dia percaya kepada Yesus, dia menjadi mubaligh Kristian yang paling bersemangat. Tulisan-tulisannya menjadi legasi sepanjang zaman sehingga abad ini, menyentuh dan mengubah ramai orang.

Mesej utamanya ialah mengisytiharkan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan sesiapa yang percaya kepada Dia boleh hidup bersama-Nya. *“Aku tidak teragak-agak menyebarkan Injil, kerana Injil adalah kuasa daripada Allah untuk menyelamatkan setiap orang yang beriman, mula-mula kepada orang Yahudi kemudian kepada orang Yunani”* ^{Roma 1:16} merupakan laungan semangatnya di medan penginjilan.

Walaupun orang lain telah membawa Injil ke beberapa bahagian Asia Kecil dan Eropah sebelumnya, Paulus merupakan mubaligh yang telah menubuhkan jemaah-jemaah menggunakan kaedah tertentu tanpa berhenti-henti di kota-kota strategik di seluruh Asia Kecil dan Eropah. Kemudian dia menggunakan orang-orang percaya baru di kota-kota ini untuk menginjil di kawasan sekitar mereka.

10.5 Legasi Paulus – Surat-suratnya

Paulus telah menulis banyak surat kepada jemaah-jemaahnya. Dia menggunakan pengetahuannya dalam Perjanjian Lama berserta dengan ilmu budaya Yunani untuk menyampaikan Injil Yesus Kristus kepada orang asing dengan cara yang difahami mereka. Ajaran-ajaran ini termasuk: erti dosa, siapakah Tuhan dan apa yang Dia inginkan daripada kita, bagaimana kita boleh berbalik kepada Dia, erti pertaubatan dan penyucian, kurnia dan buah-buah Roh Kudus. Beberapa dari suratnya telah hilang tetapi 13 daripadanya masih kekal dan kini menjadi sebahagian dari 27 kitab dalam Perjanjian Baru. Kata-kata dalam surat Paulus masih memberi kesan kepada orang-orang percaya pada hari ini.

Dan jika Roh Dia yang telah membangkitkan Yesus daripada kematian hidup dalam dirimu, maka Dia yang telah membangkitkan Kristus Yesus daripada kematian akan juga memberikan kehidupan kepada tubuhmu yang fana melalui Roh-Nya, yang hidup dalam dirimu. Roma 8:11
Sesiapa yang ada dalam Kristus adalah ciptaan baru. Hal-hal lama telah lenyap dan segala-galanya baru. 2 Korintus 5:17

10.5A Surat kepada jemaah Roma memberikan kesan yang besar ke atas orang Kristian di sepanjang zaman



Salah seorang daripadanya ialah Augustine of Hippo – seorang ahli teologi (354 – 430 TM)

Agustine bergelumung dalam hidup yang mengamalkan perbuatan cabul secara rambang sebelum dia mengenal Kristus. Setelah berperang dengan hati nuraninya dia mendapat ilham untuk membaca Alkitab. Dia membaca ayat dari Roma 13:13-14, “Ikutlah tingkah laku yang wajar.. Jangan berpesta liar dan mabuk, jauhi noda dan pencabulan, singkirkan pergaduhan dan iri hati. Kenakan Tuhan Yesus Kristus sebagai kelengkapan senjata dan jangan hidup mengikut sifat tabii untuk memuaskan hawa nafsu.

Hatinya dipenuhi dengan ketenangan dan dia percaya kepada Yesus. Augustine dibaptis ketika berusia 33 tahun dan menjadi uskup Hippo Regus di Algeria moden. Tulisan-tulisannya telah mempengaruhi ramai orang Kristian selama berabad-abad.

10.5B Terdapat satu lagi orang terkenal yang hidupnya telah disentuh oleh surat kepada jemaah Roma iaitu Martin Luther – satu sosok penting dalam Gerakan Reformasi



Martin Luther – seorang penggerak Reformasi (1483-1546). Lukisan oleh Lucas Cranach the Elder s. 1529
Sumber: Gereja St Anne, Augsburg, Jerman melalui Wikimedia Commons

Reformasi

Martin Luther merupakan seorang biarawan yang meletakkan standard tinggi bagi dirinya sendiri. Dia menyedari bahawa dia tidak akan pernah mencapai kekudusan yang dikehendaki oleh Tuhan darinya. Setiap kali dia membaca frasa “kekudusan Tuhan” dalam Kitab Suci, hatinya berasa seperti disambar ‘kilat’. Luther mengalami penembusan apabila dia terpegun membaca kata-kata di akhir ayat Roma 1:17, “Orang benar akan hidup dengan iman”. Ketika dia merenung ayat tersebut, dia menyedari bahawa imannya dalam Kristus telah membenarkannya di hadapan Tuhan. Dalam tulisannya, dia selalu menyatakan bahawa ini merupakan detik Reformasi bermula. Luther telah menulis banyak buku tetapi buku yang paling penting dan mendalam ialah komentari ke atas surat yang telah mengubah hidupnya – surat Paulus kepada jemaah Roma.

10.5C John Wesley, pengasas Gerakan Metodis (1703-1791)



Potret John Wesley oleh William Hamilton s. 1788
Sumber: National Portrait Gallery, London melalui Wikimedia Commons

John Wesley merupakan paderi Anglikan yang gagal dalam misinya ke koloni Amerika. Dia dipaksa oleh beberapa orang Kristian Moravia untuk menanya diri sendiri, “Adakah anda tahu sekiranya anda sudah diselamatkan?”. Dia berlawan dengan perasaan dalam mencari jawapan itu. Setelah dia bergumul dengan perasaan sendiri, dia menghadiri satu ibadah penyembahan di mana komentari Surat kepada jemaah Roma yang ditulis oleh Martin Luther sedang dibacakan. Wesley menulis pengalaman yang dirasainya: “Ketika dia menggambarkan perubahan yang dilakukan oleh Tuhan dalam hatinya melalui imannya dalam Kristus, aku merasakan kehangatan dalam hatiku. Aku merasakan bahawa aku memang percaya kepada Kristus, hanya Kristus untuk keselamatan; dan aku mendapat jaminan bahawa Dia telah mengambil semua dosaku”. Gerakan Metodis dikatakan bermula di sini. Gerakan Metodis membawa pemulihan nasional kepada England. Beberapa ahli sejarah percaya bahawa pemulihan dari Gerakan Metodis membantu England untuk mengelak dari revolusi ganas yang berlaku kepada Perancis pada masa yang sama.

10.6 Legasi Paulus – Pandangan Hidup Paulus

Pandangan hidup Paulus berubah apabila dia bertemu dengan Yesus dalam perjalanan ke Damsyik. Paulus melihat hubungan dunia dan manusia dengan Tuhan dalam dari sudut yang berbeza selepas dia percaya kepada Yesus.

Kita mendapat idea tentang pandangan hidup Paulus melalui surat-suratnya. Selain daripada kepercayaannya bahawa Yesus ialah satu-satunya jalan kembali kepada Tuhan, dia turut menyatakan pandangannya tentang bagaimana orang Kristian harus hidup bersama.

Berbeza dengan budaya pada zamannya, Paulus tidak memandang perbezaan taraf, jantina atau bangsa. Dia menulis, “Dan semua antara kamu yang telah dibaptiskan dalam Kristus telah meliputi dirimu dengan Kristus. Tiadalah lagi orang Yahudi atau orang Yunani, hamba atau orang merdeka, lelaki atau perempuan, kamu semua menjadi satu dalam Kristus Yesus.” Galatia 3:27-28

Dalam hal berpesta dan kegiatan tidak bermoral, dia berkata demikian: “Dan janganlah mabuk air anggur, yang berupa maksiat. Sebaliknya, penuhi diri dengan Roh. Berkata-katalah sesama sendiri dengan mazmur, lagu pujian serta nyanyian rohani, menyanyi dan berlagu untuk Tuhan dalam hatimu. Sentiasalah bersyukur atas segala-galanya kepada Allah Bapa dengan nama Tuhan kita Yesus Kristus.” Efesus 5:18-20



Lukisan Paulus dari jarak dekat oleh Rembrandt. Sumber: Wikimedia Commons

10.7 Legasi Paulus – Pandangan Kendiri Orang Kristian

Paulus hidup dua ribu tahun dahulu. Jadi apakah yang mungkin akan dikatakannya tentang pengambilan dadah atau perlakuan yang tidak dapat dibayangkan pada zaman itu? Untuk hal itu, dia telah memberikan kita prinsip panduan: “Kamu tentu tahu bahawa tubuhmu itu tempat kediaman Roh Kudus yang telah dikurniakan Allah kepadamu. Tubuhmu bukanlah milikmu, tetapi milik Allah. Allah telah membelimu dengan harga yang sudah dibayar sepenuhnya. Oleh itu, gunakanlah tubuhmu untuk memuliakan Allah.” 1 Korintus 6:19-20

10.8 Legasi Paulus – Misinya

“Aku tidak teragak-agak menyebarkan Injil, kerana Injil adalah kuasa daripada Allah untuk menyelamatkan setiap orang yang beriman, mula-mula kepada orang Yahudi kemudian kepada orang Yunani.”

Roma 1:16

10.9 Apakah Injil atau Berita Baik yang diajar oleh Paulus ini?

Dalam suratnya kepada jemaah Efesus bab 2, Paulus menulis:

Efesus 2:8 Kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya melalui iman – ini bukan daripada kamu sendiri tetapi adalah kurnia Allah – ⁹bukan kerana usaha amalmu supaya tiada seorang pun yang dapat bermegah. ¹⁰Kerana kita ini buatan-Nya, dicipta dalam Kristus Yesus untuk melakukan perbuatan baik, yang telah disediakan terdahulu oleh Allah untuk kita lakukan.

Dalam surat kepada jemaah Roma bab 3, Paulus menulis:

Roma 3: 22 Perbenaran Allah hanya melalui iman kepada Yesus Kristus bagi semua yang percaya. Hal ini berlaku kepada semua orang tanpa membezakan sesiapa pun. ²³Kerana semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah. ²⁴Namun demikian, dengan kasih kurnia Allah yang dikurniakan-Nya dengan rela, manusia dapat diperbenar melalui penebusan yang terdapat dalam Kristus Yesus.

Percaya kepada Yesus Kristus, menerima pengorbanan yang dilakukan-Nya di atas kayu salib bagi dosa kita dan membenarkan Dia untuk menjadi Tuhan dalam hidup kita merupakan inti pati mesej Injil yang disampaikan oleh Paulus. Dia pada dasarnya mengikut arahan Yesus apabila Dia berkata kepada murid-murid-Nya seperti yang direkodkan dalam Injil Matius bab 28:

Matius 28: 19 Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku. Baptislah mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Kudus. ²⁰Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara yang telah Kuperintahkan kepadamu. Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman.”

10.10 Penutup

Dalam hal penyembahan: “Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya mempersembahkan tubuh badanmu sebagai korban yang hidup, yang suci dan diterima oleh Allah; itulah ibadat yang wajar.” Roma 12:1

Akhir sekali, di penghujung hidupnya, dia memberitahu Timotius: “⁶...sudah hampir masanya aku pergi menghadap-Nya. ⁷Aku telah berjuang dalam perjuangan mulia ini, aku telah sampai ke garis akhir, aku telah setia dalam iman. ⁸Sekarang mahkota perbenarani telah disediakan untukku. Tuhan, Hakim yang adil itu, akan mengurniakkannya kepadaku pada Hari itu, bukan kepadaku sahaja, tetapi kepada semua orang yang merindu kedatangan-Nya.” ² Timotius 4:6-8

Seksyen 4

LAMPIRAN

² Timotius 2: 2 Segala yang telah kau dengar daripadaku di hadapan saksi yang ramai, sampaikan kepada orang setia yang dapat mengajarkannya kepada orang lain pula.

Nama	Rujukan Alkitab	Ulasan
<p>Barnabas Juga dikenali sebagai Yusuf orang Lewi</p>	<p>Disebut sebanyak 31 kali dalam Perjanjian Baru kebanyakannya dalam Kisah Para Rasul tetapi juga dalam 1 Kor 9:6; Gal 2:1; Kol 4:10</p>	<p>Dia merupakan orang Yahudi dari Siprus. Dinamakan sebagai rasul dalam Kis 14:4. Dia menjual tanah dan memberikan wang kepada para rasul untuk diagihkan kepada orang miskin. Dia membawa Saul untuk berjumpa dengan Petrus dan Yakobus selepas Saul menerima Yesus apabila rasul yang lain keberatan untuk berjumpa dengannya. Dia mencari Saul di Tarsus dan membawanya untuk membantu mengajar dan membina jemaah di Antiokhia Siria. Dia menyertai Saul dalam perjalanan misi pertama. Saul menukar namanya kepada Paulus dalam perjalanan misi ini. Dia kemudiannya menyertai perjalanan misi kedua bersama dengan Yohanes Markus dan pergi ke Siprus. Walaupun tidak direkodkan dalam Alkitab, teks-teks Kristian kuno menyatakan bahawa Barnabas mati dianiaya di Salamis, Siprus pada tahun 61 TM. Dia dikenali sebagai pengasas Gereja Ortodoks Cypriot.</p>
<p>Lukas. Dia merupakan penulis Injil Lukas dan Kisah Para Rasul</p>	<p>Paulus menggelarnya sebagai ‘yang dikasihi’ dalam Kolose 4:10-11,14 dan menyebutnya dalam surat terakhir dalam 2 Timotius 4:11 sebagai salah seorang yang bersama dengannya sewaktu dia dipenjarakan di Roma.</p>	<p>Lukas merupakan seorang tabib Yunani, murid dan teman seperjalanan Paulus. Dia disebut banyak kali dalam surat Paulus. Dia berasal dari Antiokhia Siria tetapi mungkin tinggal di Troas apabila dia menyertai Paulus semasa perjalanan misinya yang kedua. Lukas mungkin satu-satunya penulis bukan orang Yahudi dalam Alkitab. Tulisannya menyumbang sebanyak 25% dalam Perjanjian Baru.</p>
<p>Markus juga dikenali sebagai Yohanes Markus sepupu Barnabas</p>	<p>Seorang pemuda Kristian Yahudi dari Yerusalem. Disebut pertama kali dalam Kis 12:12 apabila Petrus dibebaskan oleh malaikat dari penjara, dia pergi ke rumah Maria, ibu kepada Markus.</p>	<p>Dia menyertai Barnabas dan Paulus dalam perjalanan misi yang pertama tetapi meninggalkan kumpulan itu apabila tiba di Perga, Pamfilia. Paulus dan Barnabas berpisah haluan apabila Barnabas berkeras untuk membawa Markus tetapi Paulus menolak. Kita tahu di kemudian hari Paulus telah berdamai dengan Markus dan menggambarkannya sebagai seorang yang ‘membantu’ dalam 2 Timotius 4:11. Teks-teks Kristian kuno menyatakan Markus sebagai penulis Injil Markus. Dia menulis kandungannya melalui kesaksian peribadi Petrus.</p>
<p>Silas atau Silwanus</p>	<p>Disebut dalam Kisah Para Rasul dan</p>	<p>Silas disebut pertama kalinya dalam Kisah Para Rasul di mana dia dan Yudas Barsabas dihantar oleh Majlis Yerusalem untuk</p>

Nama	Rujukan Alkitab	Ulasan
	<p>beberapa surat yang lain. Silas dan Timotius disenaraikan sebagai penulis bersama Paulus dalam dua surat kepada jemaah Tesalonika. Turut disebut dalam 2 Korintus 1:19 sebagai pengkhotbah bersama dan dalam 1 Petrus 5:12 sebagai 'saudara yang setia'</p>	<p>membawa surat kepada jemaah bukan Yahudi dalam Kisah Para Rasul 15. Dia kemudiannya dipilih oleh Paulus untuk menyertainya dalam perjalanan misi yang kedua. Silas juga merupakan warga Romawi.</p>
<p>Timotius</p>	<p>Dia merupakan kacukan orang Yahudi dari kota di Likonia iaitu Listra. Ibunya bernama Eunike dan neneknya bernama Lois. Bapanya merupakan orang Yunani (Kisah Para Rasul 16:1-3). Dia disebut dalam banyak surat Paulus dan dua daripada surat-surat tersebut ditujukan khas kepada Timotius iaitu 1 dan 2 Timotius.</p>	<p>Dia menjadi orang Kristian melalui Paulus dan menjadi muridnya. Dia menyertai Paulus dalam perjalanan misi kedua dan seterusnya. Dalam 1 Korintus 16:10, dia dibayangkan sebagai seorang yang diam dan pemalu. Dia juga mungkin mengalami masalah kesihatan kerana Paulus memberitahunya untuk 'meminum sedikit anggur' demi perutnya (1 Timotius 5:23). Dengan membaca surat Paulus kepada Timotius, khususnya surat terakhirnya, kita boleh menyimpulkan bahawa Paulus sangat mengasihi Timotius serta rapat dengannya. Menurut teks Kristian kuno, Timotius menjadi uskup di Efesus dan meninggal dunia sekitar tahun 97 TM.</p>
<p>Apolos</p>	<p>Orang Yahudi dari Aleksandria yang digambarkan sebagai seorang yang petah bercakap dan mempunyai pengetahuan tentang Kitab Suci. Disebut dalam Kisah Para Rasul 18:24-28, 1 Kor 1:12; 3:4-6,22 ; 4:6; 16:12</p>	<p>Dia menjadi seorang mubaligh Kristian. Pada mulanya dia hanya tahu tentang baptisan Yohanes, tetapi apabila dia bertemu dengan Akwila dan Priskila, mereka memperbaharui pengetahuannya itu.</p>
<p>Akwila dan Priskila</p>	<p>Priskila dan Akwila merupakan pasangan yang bekerja bersama dengan Paulus untuk membuat khemah serta menginjil. Mereka disebut sebanyak 6 kali, selalunya sebagai pasangan dan tidak pernah disebut seorang diri dalam Perjanjian baru.</p>	<p>Dalam 6 kali mereka disebut dalam Alkitab, Akwila disebut dahulu sebanyak 3 kali dan Priskila juga demikian. Kita mengenal mereka buat pertama kali apabila Paulus tiba di Korintus semasa dalam perjalanan misi kedua (s. 51 TM) di mana dia menyertai pasangan ini dalam perniagaan membuat khemah. Akwila berasal dari Pontus tetapi telah berhijrah ke Korintus bersama isterinya Priskila apabila Kaisar Klaudius memerintahkan semua orang Yahudi untuk meninggalkan Roma (Kisah Para Rasul 18:2). Pengusiran orang Yahudi dari Roma berlaku sekitar tahun 49 TM. Paulus membawa pasangan ini bersamanya ke Efesus di mana mereka membantu Paulus mengasaskan perkumpulan jemaah</p>

Name	Bible References	Comments
		<p>serta membantunya untuk bertumbuh. Apabila Kaisar Klaudius mati dan Nero menarik balik perintah pengusiran itu sekitar tahun 54 TM, Akwila dan Priskila kembali ke Roma. Paulus menyebut mereka dalam suratnya kepada jemaah Roma sekitar tahun 57 TM dan menggambarkan mereka sebagai ‘rakan seperjuangan’ bahkan ‘seluruh jemaah dari bangsa asing terhutang budi’ kepada mereka (Roma 16:3-4). Walau bagaimanapun, dalam surat Paulus yang terakhir kepada Timotius sekitar tahun 67 TM, dia menyebut Priskila dan Akwila. Ini bermaksud mereka telah pergi ke Efesus mungkin untuk membantu Timotius untuk menjaga jemaah di sana. Teks kuno Kristian melaporkan bahawa Akwila dan Priskila telah mati dianiaya bersama-sama.</p>
<p>Aristarkhus atau Aristarkh</p>	<p>Dalam Kisah Para Rasul 27:2, dia digambarkan sebagai orang Yunani Makedonia di Tesalonika.</p>	<p>Dia menemani Paulus dalam perjalanannya ke Roma. Dia dan Gayus, seorang lagi warga Makedonia ditangkap oleh orang merusuh lalu diseret ke panggung kota (Kisah Para Rasul 19:29). Dia disebut lagi dalam Kisah Para Rasul 20:4 dan 27:2 sebagai teman perjalanan Paulus; serta dalam Kolose 4:10 sebagai ‘teman dalam penjara’ dan Filemon 24 sebagai ‘rakan seperjuangan’.</p>
<p>Karpus</p>	<p>2 Timotius 4:13</p>	<p>Paulus mungkin telah tinggal bersamanya semasa dia berada di Troas, tidak lama selepas penangkapannya. Paulus menyuruh Timotius untuk mengambil kitab-kitab serta gulungan kulit daripadanya.</p>
<p>Epafras dan/ atau Epafroditus Sarjana Alkitab percaya bahawa kedua-dua nama ini merujuk kepada orang yang sama</p>	<p>Epafras – Kolose 1:7, 4:12; Filemon 23 Epafroditus – Filipi 2:25-30; 4:15-18</p>	<p>Orang asal Kolose yang percaya kepada Yesus melalui Paulus dan menjadi muridnya, kemungkinan ketika Paulus berada di Efesus. Dia juga dipercayai telah membawa Injil kepada orang Kolose dan mengasaskan jemaah di sana. Menghantar pemberian kasih kepada Paulus semasa dia dipenjarakan. Dia dikatakan jatuh sakit tetapi telah sembuh. Epafras membawa hamba abdi yang melarikan diri iaitu Onesimus, kepada Paulus. Paulus kemudiannya menghantarnya kembali sebagai seorang penganut Kristian baru kepada majikannya berserta sepusuk surat sokongan yang kini menjadi kitab Filemon.</p>
<p>Eutikhus</p>	<p>Kisah Para Rasul 20:7-12</p>	<p>Seorang pemuda di Troas yang tertidur ketika mendengar ucapan Paulus ketika lewat malam. Di jatuh dari tingkat tiga. Dia dikatakan sudah mati tetapi Paulus membangkitkannya kembali.</p>

Nama	Rujukan Alkitab	Ulasan
Gayus orang Makedonia	Kisah Para Rasul 17:5-9, Roma 16:21	Orang Kristian dari Makedonia yang menjadi teman perjalanan Paulus dalam Kisah Para Rasul 20:4. Gayus dikatakan menetap di Korintus. Merupakan salah seorang daripada beberapa yang telah dibaptis oleh Paulus bersama dengan Krispus dan keluarga Stefanus.
Yason orang Tesalonika	Kisah Para Rasul 17:5-9; mungkin sama dengan orang yang disebut dalam Roma 16:21, mungkin juga tidak.	Seorang Yahudi Kristian yang menumpangkan Paulus dan Silas semasa mereka berada di Tesalonika. Dia ditangkap apabila orang-orang yang merusuh tidak menjumpai Paulus. Menurut teks jemaah kuno, Yason kemudiannya dilantik sebagai uskup di Tarsus oleh Rasul Paulus.
Lukius	Roma 16:21	Paulus mengirim salam kepada orang Romawi “Lukius, Yason dan Sosipater, kawan-kawan sebangsa” dalam Roma 16:21.
Lidia orang Tiatira	Kisah Para Rasul 16:11-15,40	Seorang penjual kain ungu. Dia berasal dari Tiatira; dia menyembah Tuhan. Ini bermakna dia mungkin seorang Penganut Baru atau Penyembah Tuhan. Dia merupakan orang pertama yang menerima Yesus melalui Paulus di Filipi, mungkin juga di seluruh Eropah semasa perjalanan misi yang kedua.
Menason	Kisah Para Rasul 21:16	Orang Kristian dari Siprus yang memberikan Paulus serta rakan-rakannya tempat menginap apabila Paulus tiba di Yerusalem bersama-sama dengan kutipan sumbangan untuk orang miskin. Ini merupakan lawatan Paulus yang terakhir di Yerusalem.
Nimfa	Kolose 4:15	Orang Kristian yang menjadi tuan rumah kepada komuniti orang percaya di Kolose.
Onesimus	Filemon 10-15; Kolose 4:9	Seorang hamba abdi yang melarikan diri dari tuannya, Filemon malah telah mencuri sejumlah wang. Dia dibawa kepada Paulus dan dia menjadi orang Kristian. Paulus mendapatinya sangat membantu. Paulus mengambil keputusan untuk menghantarnya kembali kepada Filemon. Kita harus berterima kasih kepadanya kerana Injil Filemon.
Onesiforus	2 Timotius 1:16; 4:19	Seorang penyumbang yang setia kepada Paulus. Paulus mengirim salam kepada keluarganya di Efesus.
Filemon	Filemon	Orang Kolose yang percaya kepada Yesus dan juga rakan sekerja Paulus. Paulus menulis surat kepadanya untuk meminta dia melepaskan hamba abadinya, Onesimus.

Nama	Rujukan Alkitab	Ulasan
Febe	Roma 16:1-2	Pemimpin jemaah di Kengkrea yang telah menghantar surat Paulus kepada jemaah Roma.
Sopater atau Sosipater	Kisah Para Rasul 20:4; Roma 16:21	Paulus merujuk kepada Yason, Lukius dan Sosipater sebagai kawan “sebangsa”. Ini mungkin bermaksud mereka semua berasal dari Tarsus atau lebih tepat lagi mereka merupakan sesama orang Yahudi.
Sostenes	Kisah Para Rasul 18:17; 1 Korintus 1:1	Seorang pemimpin saumaah Yahudi di Korintus yang percaya Yesus melalui Paulus. Dalam 1 Korintus 1:1, Paulus memanggilnya sebagai “saudara kita”.
Trofimus	Kisah Para Rasul 20:4	Trofimus merupakan orang Kristian dari Efesus yang mungkin menjadi Kristian melalui Paulus. Dia menemani Paulus semasa perjalanan misinya yang ketiga. Dia hadir bersama dengan Paulus di Yerusalem dan orang Yahudi di Bait Suci menyangka bahawa Paulus telah membawanya masuk ke dalam ruang Bait Suci yang tidak boleh dijejaki oleh orang bukan Yahudi. Ini menyebabkan huru-hara yang menyebabkan Paulus ditangkap.
Tikhikus	Kisah Para Rasul 20:4; Efesus 6:21; Kolose 4:7; Titus 3:12; Timotius 4:12	Tikhikus berasal dari Efesus, salah satu wilayah Roma di Asia. Dalam Efesus 6:21, Paulus memanggil Tikhikus sebagai “saudara yang dikasihi dan hamba yang beriman kepada Tuhan” manakala dalam Kolose, dia digambarkan sebagai seorang “saudara yang dikasihi, hamba yang beriman dan teman sekerja dalam pekerjaan Tuhan”.
Titus	Disebut sebanyak 13 kali dalam surat-surat Paulus.	Orang bukan Yahudi yang menjadi Kristian. Dia menemani Barnabas dan Paulus ke Persidangan Yerusalem. Titus kemudiannya menjadi utusan Paulus kepada komuniti orang Kristian di Makedonia dan Akhaya dan Korintus (2 Korintus 7:5-8:24, 12:18). Dia turut berkhotbah di Dalmatia, Albania moden dan juga sebahagian besar dari Bosnia dan Herzegovina. Paulus meninggalkan Titus di Pulau Kreta untuk menyelaras serta melantik pemimpin bagi jemaah-jemaah di sana (Titus 1:4-5).

Sumber:

<https://www.christian-pilgrimage-journeys.com/biblical-sources/apostle-paul-life-teaching-theology/companions-of-paul/>

https://catholic-resources.org/Bible/Pauline_Associates.htm

Rujukan Alkitab	Nama Kuno Kota	Nama Moden	Ulasan
Kisah Para Rasul 11:25 dsb	Tarsus	Hanya tinggalan puing-puing pada hari ini, berdekatan dengan kota Mersin	Tarsus kuno tidak wujud lagi tetapi puing-puing peninggalannya boleh dijumpai berdekatan dengan kota Mersin moden di tenggara Turki masa kini. https://bibleatlas.org/tarsus.htm
Kisah Para Rasul 11:19 dsb	Antiokhia di Siria	Antakya	Antiokhia di Orentes pada hari ini dipanggil sebagai Antakya, Turki. Ia terletak 18 km di barat laut sempadan Siria. https://bibleatlas.org/syrian_antioch.htm
Kisah Para Rasul 13:4	Seleukia, pelabuhan Antiokhia	Samandag, Turki	Seleukia kuno merupakan pusat pelabuhan bagi kota Antiokhia di Siria. Ia terletak 6 km di utara muara Sungai Orentes. Pada hari ini, puing-puing tinggalannya berada dekat dengan kota Samandag di Turki. https://bibleatlas.org/seleucia.htm
Kisah Para Rasul 13:5	Salamis, Siprus	Hanya puing-puing tinggalan pada hari ini, berdekatan dengan Famagusta, Republik Cyprus	Puing-puing tinggalan boleh ditemui di Famagusta moden, sebuah kota di persisiran pantai. Pada tahun 480 SM dalam Pertempuran Salamis, orang Yunani berjaya mengusir penakluk dari Parsi yang lebih ramai dan akhirnya mencapai kemerdekaan bagi kawasan sekitar mereka. https://bibleatlas.org/salamis.htm
Kisah Para Rasul 13:6	Pafos	Kouklia, Cyprus	Paulus membawa gabenor Sergius Paulus kepada Yesus. https://bibleatlas.org/paphos.htm
Kisah Para Rasul 13:13	Pamfilia	Satu lingkungan kawasan di Wilayah Antalya, Turki	Satu kawasan pesisir pantai yang diapit oleh banjaran Taurus dan Laut Tengah. https://bibleatlas.org/pamphylia.htm
Kisah Para Rasul 13:13	Perga di Pamfilia	Murtina atau Murtana	Yohanes Markus berpisah dengan kumpulan mubaligh dalam misi pertama di sini. https://bibleatlas.org/perga.htm
Kisah Para Rasul 13:14	Antiokhia di Pisidia	Yalvac, sebuah kota moden di Wilayah Isparta	Paulus menyampaikan khotbahnya yang paling panjang di sini dan ramai orang memberi respons. Orang Yahudi mengusir mereka dari situ. Para rasul menumpukan pelayanan mereka dalam kalangan orang asing.

Rujukan Alkitab	Nama Kuno Kota	Nama Moden	Ulasan
Kisah Para Rasul 13:15	Ikonium di selatan Galatia	Konya di Turki tengah	Ancaman komplot untuk membunuh memaksa para rasul untuk pergi dari situ. https://bibleatlas.org/iconium.htm
Kisah Para Rasul 14:6	Listra	Puing-puing tinggalan berada di utara sebuah pekan yang bernama Akoren di Turki. Artifak Listra berada di muzium yang terletak di desa Hatunsaray.	Paulus menyembuhkan orang lumpuh. Penduduk tempatan di situ salah sangka bahawa Paulus dan Barnabas ialah dewa Hermes dan Zeus. Orang Yahudi dari Antiokhia di Pisidia menimbulkan kekacauan. Paulus direjam dan dibiarkan untuk mati. Timotius berasal dari pekan ini. https://bibleatlas.org/lystra.htm
Kisah Para Rasul 14:6	Derbe Troas atau Aleksandria	Kerti Huyuk	Pada tahun 1956, satu inskripsi ditemui di tapak Kerti Huyuk, 30 batu di timur Gudelisin, tapak yang diterima sebagai tapak asal. Namun penemuan ini membuktikan bahawa Kerti Huyuk merupakan Derbe yang sebenar. Rujuk kepada: https://www.bibleplaces.com/derbelystra/ untuk sejarah dan https://bibleatlas.org/derbe.htm untuk melihat lokasi peta.
Kisah Para Rasul 16:8	Troas	Puing-puing tinggalan berada sedikit ke arah selatan Bozcaada, di tenggara Dalyan moden di timur laut Turki	Roh Kudus memimpin kumpulan misi kedua untuk membuat perubahan arah yang strategik di kota ini. Mereka tidak meneruskan perjalanan ke pedalaman Asia Kecil, sebaliknya, mereka dipimpin untuk merentasi Laut Agea dan pergi ke Eropah. https://bibleatlas.org/troas.htm
Kisah Para Rasul 16:1	Neapolis	Kavala	https://bibleatlas.org/neapolis.htm
Kisah Para Rasul 16:12	Filipi	Puing-puing tinggalan berada berdekatan dengan kawasan perbandaran Filippoi	https://bibleatlas.org/philippi.htm

Rujukan Alkitab	Nama Kuno Kota	Nama Moden	Ulasan
Kisah Para Rasul 17:1	Tesalonika	Thessaloniki	Sebuah kota pelabuhan penting di Greece https://bibleatlas.org/thessalonica.htm
Kisah Para Rasul 17:10	Berea	Veria	Kawasan tanah tinggi sejuk yang dihuni oleh orang bangsawan yang mengkaji Kitab Suci sendiri. https://bibleatlas.org/berea.htm
Kisah Para Rasul 17:15	Atena	Athens	Atena bertahan sehingga zaman moden. https://bibleatlas.org/athens.htm
Kisah Para Rasul 18:1	Korintus	Korinthos	Terusan segenting Korintus ke Kengkrea menjadi penting kerana kedua-dua pelabuhan menghubungkan Laut Agea kepada Laut Ionia. https://bibleatlas.org/corinth.htm
Kisah Para Rasul 18:19	Efesus	Puing-puing tinggalan berdekatan Izmir, Turki	Efesus terletak berdekatan dengan persisiran pantai barat di Turki moden, dimana Laut Agea bertemu dengan bekas muara Sungai Kaystros, kira-kira 80 kilometer di selatan Izmir, Turki Greece/Ephesus#:~:teks=Ephesus%20was%20an%20ancient%20port,hands%20many%times%20between%20conquerors. https://bibleatlas.org/ephesus.htm
Kisah Para Rasul 20:15	Miletus	Puing-puing tinggalan tidak ajuh dari Soke, Turki	Miletus merupakan kota kuno Yunani yang berada di perairan barat Anatolia, berdekatan dengan muara Sungai Maeander di Caria kuno. Puing-puing tinggalannya terletak berdekatan dengan sebuah desa moden iaitu Balat di selatan Soke, Wilayah Aydan, Turki. https://bibleatlas.org/miletus.htm
Kisah Para Rasul 21:1	Kos	Kos	Ia merupakan salah satu daripada rangkaian kepulauan Yunani iaitu Dodecanese yang berada di tenggara Laut Agea. Kos merupakan pulau ketiga terbesar dalam Dodeacnese selepas Rodos dan Karpathos. Kos ditadbir sebagai sebuah kota tertakluk kepada pulau Kos yang menjadi sebahagian daripada kawasan Selatan Agea. Pekan utama pulau ini serta kerusi perbandaran berada di Pekan Kos. https://bibleatlas.org/cos.htm

Rujukan Alkitab	Nama Kuno Kota	Nama Moden	Ulasan
Kisah Para Rasul 21:1	Rodos	Rhodes	Rhodes yang mempunyai keluasan 14,000 km ² merupakan pulau terbesar dalam rangkaian Dedocanese Yunani yang terletak di tenggara Laut Agea. https://bibleatlas.org/rhodes.htm
Kisah Para Rasul 21:1	Patara	Puing-puing tinggalan berdekatan dengan Gelemis di Antalya, Turki	Reruntuhan pada hari ini berada dekat dengan Gelemis. Patara kini menjadi pusat peranginan yang terkenal di Turki. https://bibleatlas.org/patara.htm
Kisah Para Rasul 21:3,7	Tirus di Siria	Sur atau Tyre, kota keempat terbesar di Lubnan selepas Beirut, Tripoli dan Sidon	Salah satu kota paling tua di dunia yang dihuni secara berterusan, diasaskan oleh orang Fenisia kuno. https://bibleatlas.org/tyre.htm
Kisah Para Rasul 21:7	Ptolemais	Acre, juga dikenali sebagai Akko dalam bahasa Ibrani, sebuah kota di utara Israel	Kota ini terletak pada kedudukan yang penting, kerana berada di pelabuhan semulajadi di Teluk Haifa di persisiran Laut Levantine, Mediterranean. Selain menjalani perdagangan di persisiran, ia juga merupakan laluan penting di jalan persisiran dan laluan ini juga turut merentas sepanjang Lembah Jezreel. https://bibleatlas.org/ptolemais.htm
Kisah Para Rasul 21:8-16	Kaisarea	Kaisarea, Israel	Pada hari ini, ia merupakan pekan subbandar dengan penduduknya yang berulang-alik ke Tel Aviv atau Haifa untuk bekerja. Ia turut menjadi persinggahan penting bagi pelancong yang datang melawat Israel. https://bibleatlas.org/caesarea.htm
Kisah Para Raul 21:17	Yerusalem	Yerusalem, Israel	Google Yerusalem. https://bibleatlas.org/jerusalem.htm

Surat	Ditujukan kepada	Anggaran Tarikh	Tempat Menulis
Galatia	Jemaah Galatia	49 TM	Antiokhia
1 Tesalonika	Jemaah Tesalonika	51	Korintus
2 Tesalonika	Jemaah Tesalonika	51	Korintus
1 Korintus	Jemaah Korintus	55-56	Efesus
2 Korintus	Jemaah Korintus	55-56	Makedonia
Roma	Jemaah Roma	57	Korintus
Efesus	Jemaah Efesus	60/61	Roma
Kolose	Jemaah Kolose	60/61	Roma
Filemon	Filemon, Rakan di Kolose	60/61	Roma
Filipi	Jemaah Filipi	61	Roma
1 Timotius	Timotius, pemimpin jemaah di Efesus	62/63	Makedonia
Titus	Titus, pemimpin jemaah di Kreta	63-65	Makedonia
2 Timotius	Timotius, pemimpin jemaah di Efesus	67	Surat terakhir Paulus, mungkin di Roma

1. The Apostle – A life of Paul, ditulis oleh John Pollock.
Diterbitkan oleh David C. Cook
2. The Untold Story of the New Testament oleh Frank Viola.
Diterbitkan oleh Shippensburg: Destiny Image, 2004
3. The Life of the Apostle Paul, ditulis oleh Goh Kim Guat.
Diterbitkan oleh Pristine World
4. A Guide to the Biblical Sites in Greece and Turkey oleh Clyde E Fant dan Mitchell G Reddish. Diterbitkan oleh Oxford University Press
5. Evidence of Paul's Journey, ditulis oleh Jefferson White.
Diterbitkan oleh Parsagard Press
6. The Life of the Apostle Paul -200 Key Facts at a Glance.
Diterbitkan oleh Rose Publishing
7. First Century Diaries series, ditulis oleh Gene Edwards.
Diterbitkan oleh Tyndale House Publishers
 - The Silas Diary
 - The Titus Diary
 - The Timothy Diary
 - The Priscilla Diary
 - The Gaius Diary
8. Revolution – The Story of the First 17 years, oleh Gene Edwards. Diterbitkan oleh Seedsowers Publishing House
9. The Lost Shipwreck of Paul oleh Robert Cornuke.
Diterbitkan oleh Global Publishing Service, 2003
10. The Birth of Christianity – The First 20 years oleh Paul Barnett. Diterbitkan oleh Wm.B. Erdmans Publishing Co.
11. A Man of Grace and Grit – Paul oleh Charles Swindoll.
Diterbitkan oleh Thomas Nelson, 2002

